



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

Laporan Tahunan

2017

Pernyataan Misi

Untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivatif yang adil, cekap, terjamin dan telus, serta untuk memudahcaraikan pembangunan teratur bagi pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing.



Kandungan

4 Perutusan Pengerusi

Bahagian 1



Pasaran yang Inklusif dan Mampan

- 13 Pengenalan
- 16 Meningkatkan Saluran Pembiayaan Pasaran Modal
- 21 Memudah Cara Penyertaan Lebih Ramai Pelabur
- 31 Memacu Pelaburan Mampan
- 34 Memperkuuh Kedudukan Kepimpinan Malaysia dalam Pasaran Modal Islam
- 37 Memudah Cara Peningkatan Kerjasama Rentas Sempadan dan Pemprofilan Antarabangsa

Rencana

- Pusat Pertukaran Maklumat Bon+Sukuk Menyediakan Kesamarataan
- Rangka Kerja Kawal Selia Untuk Memudah Cara Pengurusan Pelaburan Digital
- Persidangan Kewangan Digital SCxSC 2017

Bahagian 2



Memperkuuh Integriti Pasaran

- 43 Pengenalan
- 46 Memupuk Penerapan Tadbir Urus Korporat
- 50 Mewujudkan Pasaran yang Adil dan Teratur Melalui Pemantauan
- 53 Memperkuuh Tatalaku Baik Dalam Kalangan Institusi dan Pengantara
- 57 Memastikan Daya Tahan Sistemik dan Keselamatan Siber
- 61 Memperkasa Pelabur
- 68 Mencapai Pencegahan Andal Melalui Penguatkuasaan

Rencana

- Pemakaian Keperluan Pelaporan Kewangan Baharu
- Keselamatan Siber
- SC Menubuhkan Unit Analisis Tingkah Laku bagi Merangsang Perubahan Tingkah Laku Pelabur
- Pencapaian Penting Penguatkuasaan Terhadap Dagangan Orang Dalam

Bahagian 3



Mengoptimumkan Prestasi dalam Organisasi yang dinamik

- 75 Pengenalan
76 Pembangunan dan Kebajikan Modal Insan
81 Tadbir Urus Institusi
81 Infrastruktur Organisasi
83 Tanggungjawab Kami Sebagai Warga Korporat

Rencana

- Memupuk Kakitangan Berinovatif

Bahagian 4



Tinjauan dan Prospek Pasaran Modal

- 87 Pengenalan
88 Persekutuan Pasaran Pada 2017
90 Pasaran Saham Global
92 Pasaran Bon Global
93 Pasaran Modal Malaysia
94 Pasaran Saham Malaysia
96 Pasaran Bon Malaysia
98 Prospek 2018

Bahagian 5



Penyata, Statistik dan Aktiviti

- 104 Ahli-ahli Lembaga
114 Pasukan Eksekutif
116 Struktur Organisasi
118 Pernyataan Tadbir Urus
125 Laporan Jawatankuasa Audit
127 Penyata Kewangan
157 Cadangan Korporat
162 Pengurusan Pelaburan
168 Pasaran Modal Islam
174 Modal Teroka dan Ekuiti Swasta
178 Pendanaan Ekuiti Ramai dan Pembiayaan Antara Rakan Setara
181 Pemberian Kebenaran dan Pelesenan
186 Penguatkuasaan
213 Inisiatif Pendidikan Pelabur
219 Aduan dan Pertanyaan
220 Penerbitan
222 2017 Sekilas Pandang
226 Akronim dan Singkatan



Saya dengan sukacita membentangkan laporan tahunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang menyediakan maklumat mengenai inisiatif dan prestasi organisasi kami sepanjang tahun 2017.

– Tan Sri Dato' Seri
Ranjit Ajit Singh

Perutusan Pengerusi

Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh
Pengerusi

Ketika SC terus mengorak langkah sebagai sebuah institusi yang berkembang, kami telah mengemudi peralihan yang berterusan dalam landskap pasaran yang sentiasa berubah-ubah. Dalam berbuat demikian, SC tetap teguh berpegang kepada objektif kawal selia yang memberi tumpuan kepada perlindungan pelabur dan pasaran modal yang berfungsi dengan teratur, bagi membolehkannya menjadi saluran yang cekap dan berkesan bagi menggerakkan tabungan untuk membiayai ekonomi.

Pengukur utama kejayaan mana-mana pasaran adalah pada tahap mana ia mampu membuka dan memudahcarakan peluang untuk pewujudankekayaan dan pembentukan modal. Sehubungan ini, keutamaan menyeluruh SC ditumpukan kepada usaha untuk mengukuhkan peranan pasaran modal dalam menyokong perkembangan ekonomi dan memudahcarakan pertumbuhan pasaran yang mampar, terangkum dan inovatif.

Prestasi pasaran yang kukuh

Pasaran modal di peringkat global secara umumnya menyaksikan kenaikan harga-harga aset pada 2017, didorong oleh pertumbuhan global yang semakin baik dan dasar monetari yang akomodatif. Disokong oleh prospek pertumbuhan yang lebih baik, dagangan yang bingkas dan kestabilan harga komoditi, pasaran pesat membangun khususnya memperoleh manfaat daripada aliran masuk modal bersih yang kukuh.

Perutusan

Pengerusi

Berlatarbelakangkan suasana ini, pasaran modal Malaysia menyaksikan antara prestasi terbaik sejak beberapa tahun yang lalu, dengan pertumbuhan dua digit dicatatkan dalam semua segmen pasaran.

Secara keseluruhan, pasaran modal meningkat 12.6%, mencapai saiz RM3.2 trillion. Sebanyak 2.4 kali ganda saiz ekonomi domestik, pasaran modal Malaysia berada di tempat kelima terbesar di Asia berdasarkan KDNK terlaras. Pertumbuhan pada 2017 didorong oleh pasaran ekuiti yang berkembang sebanyak 14.4% kepada RM1.9 trillion serta pasaran bon dan sukuk yang mana jumlah nilai belum tebus meningkat sebanyak 10.1% kepada RM1.3 trillion.

Pasaran modal Islam meningkat sebanyak 11.9% kepada RM1.9 trillion. Segmen ini merangkumi hampir 60% daripada keseluruhan pasaran modal. Pasaran modal Islam mengekalkan kedudukan peneraju di peringkat global dengan penerbitan sebanyak 38% daripada sukuk global.

Pada 2017, pengumpulan dana adalah berjumlah RM146.6 bilion, melepassi purata 5 tahun sebanyak RM116 bilion. Angka ini menyerlahkan keupayaan berterusan pasaran modal dalam menyediakan kaedah yang mudah dan berkesan bagi pembentukan modal. Momentum menaik yang kukuh dalam aktiviti perniagaan dipamerkan dalam penerbitan bon korporat dan sukuk, iaitu bernilai RM124.9 bilion melepassi paras RM100 bilion buat kali pertama sejak 2012. Dengan penambahbaikan atas pasaran dan penilaian, pengumpulan dana menerusi pasaran ekuiti adalah berjumlah RM21.7 bilion berbanding RM12.8 bilion pada tahun sebelumnya.

Industri pengurusan dana terus memainkan peranan utama dalam pengantaraan tabungan. Jumlah aset bawah pengurusan (AUM) meningkat dengan stabil sebanyak 11.5% daripada RM696.3 bilion pada 2016 kepada RM776.2 bilion pada 2017. Jumlah ini sebahagian besarnya disokong oleh pertumbuhan industri unit amanah yang menyaksikan jualan bersih sebanyak RM45.2 bilion, menunjukkan sentimen positif para pelabur dengan jumlah lebih dua kali ganda yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Pasaran modal Malaysia menarik minat pelabur asing dengan aliran masuk dagangan bersih keseluruhan berjumlah RM17.6 bilion bagi ekuiti dan bon bagi tahun berkenaan.

Memelihara kepercayaan dan keyakinan pasaran

Keupayaan pasaran modal Malaysia untuk mencatat pertumbuhan keseluruhan yang positif terus bergantung kepada elemen penting iaitu kepercayaan dan keyakinan. Pemeliharaan kepercayaan dan keyakinan ini merupakan fokus utama SC. Kami berusaha giat untuk mencapai keseimbangan antara melindungi pelabur, mengekalkan tatalaku yang adil dan teratur dalam kalangan peserta pasaran dan pada masa yang sama memudahkan proses menetapkan falsafah pengawalseliaan kami. SC menerapkan prinsip-prinsip pragmatisme, pembezaan dan keberkadaran.

Ini mendasari rasional di sebalik agenda tadbir urus korporat SC dan secara khusus ditunjukkan melalui penerbitan *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* (MCCG) yang terkini pada 2017 yang bertujuan untuk meningkatkan budaya ketelusan dan kebertanggungjawaban. Berliah daripada amalan pematuhan semata-mata, kod baharu tersebut menggalakkan syarikat tersenarai untuk memberi lebih perhatian dan pertimbangan apabila menggunakan dan melaporkan amalan tadbir urus korporat.

Seterusnya, SC meningkatkan keutamaan tadbir urus korporat yang lain dalam keseluruhan ekosistem, yang disasarkan untuk meningkatkan keberkesan dan kepimpinan lembaga pengarah. Kami mengetuai perubahan Institut Pengarah Korporat Malaysia yang baharu untuk meningkatkan kualiti, standard dan tahap profesionalisme dalam kalangan pengarah korporat dalam melaksanakan tugas fidusia mereka. Kami juga memulakan usaha untuk menggalakkan kepelbagai yang lebih besar dalam lembaga pengarah serta menggalakkan penyertaan aktif pemegang saham.

Struktur penguatkuasaan yang mantap berdasarkan kepada prinsip pencegahan yang berkesan dan boleh dipercayai adalah penting bagi integriti pasaran. Pelaku kesalahan yang berpotensi mesti mengetahui bahawa tatalaku yang melanggar dan mengingkari undang-undang dan peraturan akan dikenakan tindakan sewajarnya. Untuk memastikan hasil yang berkesan diperolehi dengan cepat dan berkesan, kami mengambil pendekatan strategik yang merangkumi pelbagai instrumen dan pilihan penguatkuasaan.

Sepanjang tahun ini, kami memberi tumpuan kepada usaha-usaha menangani kepincangan tadbir urus yang serius, termasuk penyalahgunaan maklumat material bukan awam dan penzahiran maklumat yang palsu dan mengelirukan kepada pelabur awam. Kami memperoleh sokongan melalui hukuman penjara yang dijatuhi oleh mahkamah kita, yang memperakui keseriusan kes pelanggaran undang-undang sekuriti.

Seiring dengan usaha memupuk tatalaku dan kelakuan yang baik, SC memberi keutamaan terhadap pemerkasaan pelabur untuk membuat keputusan kewangan dan pelaburan termaklum dengan meningkatkan tahap celik kewangan. Kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif mendekati pelabur di sepanjang tahun di bawah inisiatif BijakLabur®, memberi perhatian khusus terhadap skim pelaburan haram dengan kerjasama rakan-rakan kawal selia kami. Inisiatif pemerkasaan pelabur kami juga telah berkembang untuk menyediakan orang awam khususnya generasi pelabur akan datang dengan maklumat yang berharga, disediakan dalam format yang lebih mudah dengan menggunakan teknologi dan platform multimedia.

Melindungi kebingkasan pasaran

Fokus pengawalseliaan kami bertujuan untuk menilai keberkesanannya aturan tadbir urus dan amalan dalaman firma dan menilai implikasi yang berpotensi terhadap integriti pasaran. Kami mahu profesional pasaran lebih bertanggungjawab atas tatalaku mereka, yang disandarkan kepada budaya profesionalisme dan etika yang mantap. Usaha

kami merangkumi penggalakan amalan terbaik hingga kepada pematuhan keseluruhan yang lebih efisien, disokong oleh keperluan yang kurang membebankan.

Pada 2017, penilaian kami tertumpu kepada tatalaku penganalisis dan amalan ujian tekanan pengantara. Kami juga sentiasa berwaspada terhadap kualiti penzahiran dan pelaporan kewangan syarikat awam tersenarai, dan dengan itu, mempergiat fungsi pemantauan kami dalam bidang ini. Kami terus meningkatkan keupayaan dan memanfaatkan teknologi dan data besar untuk menambah baik keberkesanannya tugas pemantauan kami melalui analisis tingkah laku dagangan.

Pengawasan SC terhadap pasaran modal juga termasuk memastikan kestabilan sistemik. Dalam persekitaran pasaran yang sentiasa berubah-ubah, kompleks dan saling berkaitan, kami menyedari akan kepentingan untuk membuat penilaian yang lebih luas dan menyeluruh terhadap bidang-bidang risiko. Oleh itu, SC menggunakan pakai pendekatan kolaboratif dan pelbagai disiplin untuk memastikan keterangkuman pengawasan risiko kami.

Dari pelbagai bidang risiko meningkat yang telah kami kenal pasti, tidak dinafikan bahawa risiko siber telah menjadi semakin ketara. Tindak balas terhadap jenayah siber setakat ini hanyalah pada tahap mengambil tindakan reaksi, dan langkah pengesanan, tindak balas dan pemulihan yang lebih proaktif di seluruh pasaran modal perlu diberi penekanan untuk mengurangkan impak. Adalah penting bagi semua peserta pasaran untuk memahami keseriusan risiko ini, dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperkuuh kebingkasan siber dalam pasaran modal.

Mengembangkan segmen pasaran

Pada 2017, teras usaha pembangunan kami bertumpu kepada pengembangan dan peningkatan kedudukan segmen pasaran sedia ada, meluaskan penyertaan dalam pasaran modal dan memacu perwujudan kekayaan yang saksama. Kami bekerjasama rapat dengan pihak industri untuk

Perutusan

Pengerusi

meneroka kaedah bagi meningkatkan pertumbuhan, skala dan akses dalam segmen-segmen terpilih. Kami telah menubuhkan empat pasukan petugas bersama industri pada 2017 untuk menilai dan melaksanakan apa yang perlu dilakukan.

Salah satu bidang tersebut ialah pasaran bon dan sukuk, yang merupakan ketiga terbesar di Asia berdasarkan KDNK dan pasaran sukuk terbesar di dunia. Bagi membolehkan lebih ketelusan dan mewujudkan poin akses tunggal kepada maklumat bon, kami menambah baik infrastruktur maklumat pasaran dengan memperkenalkan Pusat Pertukaran Maklumat Bon+Sukuk. Dengan tujuan untuk membuka peluang tambahan dalam segmen ini, kami memulakan inisiatif untuk melonggarkan keperluan kawal selia bagi penerbitan utama dan memperkenalkan rangka kerja keterbukaan bagi membolehkan akses peruncitan kepada bon korporat dan sukuk yang sedia ada. Ia akan dilaksanakan pada awal 2018.

Melalui kerjasama dengan peserta industri, SC terus mengenal pasti dan membangunkan bidang-bidang dengan keupayaan tambahan untuk berkembang. Khususnya, usaha ditumpukan untuk meningkatkan profil syarikat tersenarai dengan permodalan sederhana dan kecil bagi memperoleh pengiktirafan nilai yang lebih baik melalui langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran pelabur dan kecairan dengan meningkatkan peruntukan dana ke dalam segmen kelas aset ekuiti tersenarai ini.

Pada masa yang sama, SC menyedari bahawa industri Modal Teroka dan Ekuiti Swasta (VC/ PE) membentuk satu komponen modal risiko yang semakin besar bagi syarikat-syarikat peringkat awal dan pertumbuhan. Bersandarkan rangka kerja kawal selia yang kondusif, kami menumpukan usaha untuk mempercepat pertumbuhan industri ini melalui inisiatif-inisiatif baharu untuk penyaluran dana modal teroka dan pengembangan insentif cukai.

Dalam menekankan penyediaan lebih banyak saluran bagi kepelbagai pelaburan, SC berusaha untuk meningkatkan ekosistem dan memacu lebih banyak pertumbuhan industri ETF di Malaysia. Sebagai tambahan kepada liberalisasi rangka kerja kawal selia

bagi meningkatkan kecekapan, satu siri langkah-langkah telah dilaksanakan untuk memudahcara penerbitan dan pelaburan, membolehkan inovasi produk dan melipatgandakan pembabitan bersama pelabur.

Memupuk keterangkuman pasaran

Dengan kewujudan teknologi yang menggalakkan era pendigitalan yang pesat, pasaran modal dapat memanfaatkan keupayaan baharu untuk menyediakan akses dan kemudahan yang lebih baik kepada penerbit dan pelabur.

Untuk tujuan ini, Strategi Pasaran Digital SC yang menyeluruh bertumpu untuk memudahcarakan penyelesaian berdasarkan pasaran yang inovatif dan membangunkan ekosistem kewangan digital yang kondusif. Fasa pertama strategi ini membantu merapatkan jurang pembiayaan bagi perniagaan mikro, kecil dan sederhana menerusi pengenalan rangka kerja kawal selia untuk pendanaan ekuiti ramai dan pembiayaan P2P. Pada 2017, kami telah membangunkan satu rangka kerja untuk membuka jalan bagi penawaran perkhidmatan pelaburan digital yang menyediakan pelabur saluran yang mudah dan efektif kos untuk menambah kekayaan mereka. Seajar dengan itu, struktur pelesenan kami telah dilonggarkan untuk memperkenalkan broker ekuiti digital sahaja yang pertama di Malaysia.

Menggalakkan pelaburan bertanggungjawab

Pasaran modal Islam Malaysia diiktiraf sebagai perintis di peringkat global. Dengan AUM Islam berjumlah RM172.6 bilion, Malaysia memegang 36.5% bahagian dana Islam global. Untuk mengukuhkan kedudukan negara dalam segmen ini, SC melancarkan *Islamic Fund and Wealth Management Blueprint* (Rangka Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam) untuk tempoh lima tahun. Rangka tindakan ini bertujuan untuk memacu pertumbuhan industri pengurusan dana dan kekayaan Islam melalui keupayaan dan keberkaitan rentas sempadan yang dipertingkat, di

samping menggalakkan lebih banyak inovasi dalam segmen ini.

Dengan memanfaatkan kekuatan kami dalam pasaran modal Islam, kami meneruskan inisiatif untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat serantau bagi Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI). Pembangunan mampan kekal teratas dalam agenda SC, dan sehubungan ini, kami mengutamakan ekosistem pasaran yang membolehkan pewujudan nilai dalam ekonomi serta impak sosial dan alam sekitar yang positif. Pada 2014, SC melancarkan Rangka Kerja Sukuk SRI, yang membawa kepada penerbitan sukuk hijau pertama di dunia di Malaysia, dan ia diiktiraf di peringkat antarabangsa. Ini telah dilengkapkan oleh perumusan *Guidelines on SRI Funds* yang dikeluarkan pada Disember 2017, yang menyediakan ekosistem SRI domestik dengan rangkaian produk dan perkhidmatan yang lebih komprehensif. SC, menerusi Forum Pasaran Modal ASEAN, juga mengetuai pembangunan *Piawaian Bon Hijau ASEAN*.

Menerajui kerjasama pengawalseliaan

Penglibatan kami dalam kepimpinan pengawalseliaan di peringkat global telah memberi peluang kepada kami untuk memperoleh kefahaman yang mendalam mengenai isu-isu dan risiko utama yang mempengaruhi pasaran modal. Ini penting bukan sahaja untuk memaklumkan usaha kami di Malaysia, tetapi juga telah membolehkan kami untuk membangunkan hubungan rentas sempadan yang kukuh dengan rakan-rakan kawal selia yang lain, terutamanya dalam bidang pengawasan dan penguatkuasaan. Kerjasama serupa juga berlaku di pelbagai peringkat lain, termasuk ASEAN, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan, Bank Dunia dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam.

Sebagai mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh SC, Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO) telah menujuhkan di Malaysia hab serantau yang pertama di luar ibu pejabatnya Madrid. Hab Asia-Pasifik tersebut merupakan platform untuk memudahkan kerjasama kawal selia dan

pembinaan keupayaan merentas sempadan untuk terus memacu pembangunan pasaran modal di rantau ini.

Meningkatkan keupayaan SC

Semangat untuk berkhidmat kepada pihak awam diterapkan sepenuhnya dalam kalangan tenaga kerja kami, dan kami berusaha untuk menjadi sebuah institusi yang kolaboratif dan bersedia menghadapi masa hadapan. Meneruskan pelaksanaan pembangunan organisasi, kami menyemak semula dengan teliti dan mula mentransformasi proses kerja dan mengadakan pembabitan bersama pihak berkepentingan yang lebih luas untuk memaksimumkan potensi kolektif kami. Kami melaksanakan beberapa langkah untuk menjadikan struktur organisasi kami lebih bingkas, penetapan keutamaan kami lebih berkesan dan penyampaian perkhidmatan kami lebih cekap.

Kami juga telah mulakan budaya berhemah dalam institusi kami yang menerapkan amalan kemampunan dan pada masa yang sama aktif dan bertanggungjawab terhadap masyarakat yang lebih luas.

Melangkah ke masa hadapan

Pengembangan ekonomi global yang berterusan dijangka mempunyai pengaruh positif terhadap pasaran modal pada 2018. Dasar monetari yang diperketatkan oleh bank-bank pusat utama, serta risiko penurunan daripada perkembangan geopolitik dan perlindungan perdagangan bagaimanapun akan dipantau rapi. Di tengah-tengah rekod penilaian tertinggi dan ketidaktentuan paling rendah, penumpuan risiko-risiko tersebut boleh menyebabkan beberapa ketidaktentuan dalam pasaran di seluruh dunia.

Meskipun ada kemungkinan berlaku ketidaktentuan daripada risiko penghujung, sentimen terhadap pasaran pesat membangun dijangka terus optimis. Keseluruhannya, pasaran pesat membangun merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan global dan perbelanjaan pengguna.

Perutusan

Pengerusi

Oleh itu, komitmen dan pembaharuan yang dilakukan ke arah trajektori pembangunan yang lebih mampan, terutamanya dalam kalangan ekonomi pesat membangun yang utama adalah sesuatu yang membanggakan.

Ekonomi Malaysia dijangka terus berada di landasan pertumbuhan yang mantap, didorong oleh permintaan domestik yang bingkas dan sektor luaran yang menggalakkan. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan bajet fiskal yang bertanggungjawab. Bersandarkan asas ekonomi yang kukuh dan jangkaan perolehan yang lebih tinggi, tinjauan keseluruhan pasaran modal Malaysia adalah positif. Melalui pengembangan perbelanjaan pelaburan dan infrastruktur yang dijangkakan, pengumpulan dana berdasarkan pasaran dianggarkan kekal kukuh sebanyak kira-kira RM120 bilion.

Jika dimanfaatkan dengan betul, pasaran adalah salah satu saluran paling penting untuk mencapai kemajuan ekonomi jangka panjang serta menjana kesan luaran yang positif untuk masyarakat secara menyeluruh. Oleh itu, SC akan menekankan ekosistem yang menggalakkan peralihan daripada kewangan tradisional kepada kewangan mampan – yang mempertimbangkan pewujudan nilai jangka panjang. Ini akan membolehkan pertumbuhan yang bukan sahaja lebih terangkum, tetapi juga menerapkan rasa tanggungjawab bersama terhadap masyarakat dan alam sekitar.

Teras utama kami pada tahun ini adalah untuk mengukuhkan dan memperoleh daya tarikan terhadap beberapa inisiatif utama yang bertitik tolak daripada kerja-kerja yang kami lakukan pada 2017.

Kami akan mempertingkatkan usaha untuk merangsang kerancakan pasaran ekuiti dan meneroka peluang baharu untuk keberkaitan serantau. Usaha untuk mewujudkan keberkaitan yang lebih erat menguatkan komitmen kami terhadap pembentukan pasaran terbuka serta Komuniti Ekonomi ASEAN yang lebih bersepada.

Kerancakan dan integriti pasaran adalah saling berkait rapat. Kami akan terus mencari jalan untuk meliberalisasikan pasaran dengan tujuan untuk meningkatkan lagi kerancakan dan kecekapannya. Pada masa yang sama, kami akan terus berwaspada dan kekal fokus untuk membangunkan keupayaan kami dalam memantau dan secara preemptif mengurus risiko yang boleh memberi impak kepada integriti dan kelancaran operasi pasaran modal serta kesejahteraan pelabur.

Akhir kata, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada semua rakan sekerja saya di SC atas sumbangan, komitmen dan profesionalisme mereka. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan sekalung penghargaan kepada Ahli-ahli Lembaga atas peranan bernilai yang mereka mainkan serta nasihat yang mereka berikan, ahli-ahli Majlis Penasihat Syariah atas nasihat yang diberikan serta pasukan pengurusan saya atas sokongan mereka.

SC akan menyambut ulang tahunnya yang ke-25 pada 2018. Kami telah melangkah jauh, sebagai pengawal selia pasaran modal dan anggota kerangka institusi Malaysia yang lebih meluas. Kami berbangga dengan organisasi kami serta peranan kami dalam pembinaan negara. Agenda pengawalseliaan dan pembangunan SC telah memperoleh banyak manfaat daripada jalinan kerjasama dengan rakan-rakan kawal selia di dalam dan di luar negara, kementerian dan agensi kerajaan serta peserta industri. Saya amat berterima kasih atas sokongan mereka dan amat teruja untuk menyaksikan pencapaian pada tahun ini, dan untuk meraikan kemajuan dan keberhasilan bersama kami.



Ranjit Ajit Singh

Bahagian 1

Pasaran yang Inklusif dan Mampan



Meningkatkan Saluran Pembentukan Pasaran Modal



Memudah Cara Penyertaan Lebih Ramai Pelabur



Memacu Pelaburan Mampan



Memperkuuh Kedudukan Kepimpinan Malaysia dalam Pasaran Modal Islam



Memudah Cara Peningkatan Kerjasama Rentas Sempadan dan Pemprofilan Antarabangsa

- Untuk menjadikan pasaran modal Malaysia lebih terangkum bagi semua segmen penerbit, usaha ditumpukan kepada penyediaan pelbagai saluran alternatif bagi pembiayaan berdasarkan pasaran, menghubungkan saluran pembiayaan antara pasaran swasta dan awam serta menangani jurang dalam pembentukan modal peringkat awal.
- Menggalakkan penyertaan yang lebih besar, usaha ditumpukan untuk menyediakan lebih banyak peluang pelaburan dan memperluas saluran penyampaian bagi akses yang lebih mudah. Pengenalan rangka kerja Pengurusan Pelaburan Digital untuk menawarkan kaedah pelaburan yang lebih mudah, senang diperoleh dan pada kos yang berpatutan.
- Bersandarkan pendekatan 5*i* SRI kami, 2017 menyaksikan beberapa siri pengumuman, termasuk sukuk SRI hijau pertama di dunia, Piawaian Bon Hijau (GBS) ASEAN, sukuk hijau pertama yang menepati Rangka Kerja Sukuk SRI dan GBS ASEAN, serta garis panduan dana SRI untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pasaran SRI terbesar di Asia tidak termasuk Jepun.
- Manfaatkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju industri dana Islam. *Rangka Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam* telah dibangunkan dan dilancarkan untuk memacu pertumbuhan pasaran modal Islam ke fasa seterusnya.
- Untuk mengekalkan kedudukan peneraju dalam usaha pembangunan pasaran modal, SC memegang jawatan kepimpinan tertinggi dalam IOSCO dan Forum Pasaran Modal ASEAN.
- 2017 menyaksikan satu pencapaian penting apabila Hab Asia Pasifik IOSCO di Kuala Lumpur dilancarkan dan penubuhan jalinan Fintech dengan rakan-rakan sekerja dalam pasaran kewangan utama.

Pengenalan

Pasaran modal Malaysia bernilai RM3.2 trilion dan merupakan pasaran sukuk terbesar di dunia, pasaran bon ketiga terbesar berbanding KDNK di Asia¹, dan pasaran ekuiti yang mempunyai bilangan syarikat tersenarai terbanyak di ASEAN. Pasaran modal Malaysia turut mengendalikan industri pengurusan dana Islam dengan jumlah dana terbesar di seluruh dunia.

Dalam membangunkan pasaran modal, kami terus menumpukan usaha untuk memastikan ia kekal terangkum dan memberi sepenuh manfaat kepada pelbagai penerbit dan pelabur dalam jangka panjang. Ia penting memandangkan ekonomi negara terus berkembang, dan dengan kepelbagaian penerbit dan pelabur yang mempunyai keperluan yang berbeza-beza.

Agenda keterangkuman kami berperanan untuk mendemokrasikan pasaran modal dengan memudahcarakan kaedah pengumpulan dana yang berkesan yang membolehkan pertumbuhan

¹ Berbanding KDNK.

Pasaran yang Inklusif dan Mampan

pelbagai perniagaan, serta lebih banyak produk pelaburan bagi memenuhi keperluan dan penilaian risiko pelbagai pelabur, yang disampaikan melalui saluran inovatif.

SC secara konsisten menyokong pewujudan nilai jangka panjang. Di peringkat global, usaha memupuk nilai ke dalam pelaburan semakin diberi perhatian, membawa kepada peningkatan dalam segmen Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI), yang merangkumi matlamat pembangunan sosial. Tema-tema ini bersinergi dengan baik dengan prinsip-prinsip Islam, dan mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam pasaran modal Islam (ICM) dan SRI. Kami memacu agenda kemampanan dengan menyediakan kepimpinan pemikiran dan mengadakan dialog di peringkat global, mewujudkan rangka kerja kawal selia yang memudah cara, dan membina ekosistem yang menyokong SRI. Untuk memacu agenda keterangkuman dan kemampanan, usaha pembangunan kami pada 2017 bertumpu kepada lima teras utama.

1. Meningkatkan Saluran Pembiayaan Pasaran Modal

Untuk menjadikan pasaran modal Malaysia lebih terangkum bagi semua segmen penerbit, usaha ditumpukan kepada penyediaan pelbagai saluran pembiayaan alternatif yang berdasarkan pasaran bagi memenuhi pelbagai keperluan pembiayaan. Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) khususnya merupakan pemacu pertumbuhan utama bagi pembangunan negara tetapi kini menghadapi cabaran dalam mendapatkan pembiayaan. Perniagaan dan usahawan inovatif di peringkat permulaan turut mengalami cabaran yang sama untuk mendapatkan dana bagi mengkomersial dan mengembangkan perniagaan mereka.

Untuk menghubungkan saluran pembiayaan antara pasaran swasta dan awam, SC telah membangunkan inisiatif untuk memperluas pembiayaan sektor swasta bagi modal peringkat semai dan pembiayaan pertumbuhan menerusi sektor modal teroka (VC) dan ekuiti swasta (PE). Ini

telah menghasilkan pelbagai cadangan dan insentif yang diumumkan dalam Bajet 2018.

Kami terus menangani kekurangan dalam modal peringkat awal melalui ekuiti pendanaan ramai (ECF) dan keperluan modal kerja melalui platform pembiayaan antara rakan setara (P2P). Usaha-usaha ini telah dilengkapkan apabila Bursa Malaysia melancarkan pasaran Leading Entrepreneur Accelerator Platform (LEAP).

Bon dan sukuk terus memainkan peranan penting dalam pengumpulan dana korporat. Untuk merangsang pertumbuhan dan menjadikan pasaran bon dan sukuk lebih telus, SC dengan kerjasama industri telah mewujudkan Bond+Sukuk Information Exchange, atau BIX. BIX disasarkan untuk menjadi platform sehenti bagi semua maklumat yang berkaitan dengan bon dan sukuk di Malaysia, dilengkapi dengan instrumen inovatif untuk membantu pelabur melayari pasaran bon dan sukuk kami yang bernilai RM1.3 trilion.

2. Memudahkan Penyertaan Lebih Ramai Pelabur

Pada tahun ini, SC menumpukan usaha untuk menyediakan pelabur peluang pelaburan yang lebih luas dan menambah saluran untuk mempermudah akses kepada pelaburan. Kami terus melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan daya tarikan pasaran ekuiti kepada para pelabur. Susulan pengumuman Bajet 2017, Skim Penyelidikan Syarikat Permodalan Kecil dan Sederhana (MidS) telah dimulakan untuk meningkatkan kesedaran pelabur dan mewujudkan pengiktirafan nilai yang lebih baik terhadap syarikat-syarikat tersenarai awam (PLC) dengan permodalan kecil dan sederhana. Skim ini juga disokong dengan komitmen dari Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) untuk melabur dalam kategori saham ini.

Oleh kerana struktur pasaran dan ciri-cirinya adalah penentu penting bagi kebingkasan pasaran, SC juga telah meluluskan pindaan terhadap peraturan Bursa

Malaysia yang berkaitan dengan peminjaman dan pinjaman sekuriti untuk meningkatkan kecekapan dan kecairan pasaran.

Untuk merancakkan pasaran dana dagangan bursa (ETF), beberapa langkah telah diumumkan untuk menggalakkan lagi pertumbuhannya. Tahun ini juga menyaksikan pelancaran ETF Gold patuh Syariah yang pertama di Malaysia.

Kaji selidik pelabur Skim Persaraan Swasta (PRS) yang pertama telah dijalankan untuk mendalami faktor yang mempengaruhi keputusan dan pilihan pelabur. Kaji selidik ini menonjolkan bidang yang kurang diketahui oleh ahli-ahli dan membolehkan Pentadbir Pencen Swasta Malaysia (PPA) menjalankan lebih banyak kempen kesedaran dan pemasaran yang disasarkan. Garis Panduan PRS telah dipinda untuk memudahkan komunikasi digital dengan ahli, meningkatkan pilihan pengeluaran pra-persaraan dan memudahkan keperluan dokumentasi apabila menambah caruman.

SC meneruskan agenda digitalnya untuk menawarkan kaedah pelaburan yang lebih mudah, senang diperoleh dan pada kos yang berpatutan kepada pelabur. Tahun ini menyaksikan pengenalan broker ekuiti hanya digital yang pertama di pasaran serta pengenalan rangka kerja Pengurusan Pelaburan Digital (DIM), membuka jalan bagi perkhidmatan pengurusan portfolio budi bicara automatik untuk ditawarkan di Malaysia.

3. Memacu Pelaburan Mampan

Pada 2014, SC memperkenalkan pendekatan holistik untuk membangunkan ekosistem SRI menerusi strategi 5i, yang merangkumi pelabur (*investor*), penerbit (*issuer*), *instrumen*, budaya dalaman (*internal*) dan tadbir urus, dan *infrastruktur maklumat*.

Berikutnya pengenalan Rangka Kerja Sukuk SRI, beberapa siri pengumuman telah dibuat pada tahun ini, yang menetapkan kadar pertumbuhan bagi pembiayaan hijau. *Piawaian Bon Hijau (GBS) ASEAN* dilancarkan tahun ini, diikuti dengan pengumuman *Guidelines on Sustainable and Responsible Investment Funds Malaysia*. Tadau Energy mengeluarkan sukuk SRI hijau pertama di dunia di Malaysia, dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) juga mengeluarkan sukuk hijau pertama yang memenuhi kriteria Rangka Kerja Sukuk SRI dan GBS ASEAN.

Malaysia merupakan pasaran dana SRI terbesar di Asia tidak termasuk Jepun, dengan 30% saham di rantau ini. Kedudukan negara yang kukuh dalam ICM global, ditambah pula dengan persamaan antara prinsip kewangan Islam dan SRI, meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang baik untuk membuka peluang pertumbuhan baharu SRI.

4. Memperkuatkan Kedudukan Kepimpinan Malaysia dalam Pasaran Modal Islam

Industri dana Islam Malaysia terus menerajui aset Islam bawah pengurusan (AUM) di peringkat global, dengan sebanyak 36.5%² bahagian daripada dana Islam global. Pada tahun ini, SC melancarkan *Islamic Fund and Wealth Management Blueprint (Rangka Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam)* untuk memangkinkan pertumbuhan ICM bagi fasa seterusnya. Kami telah mencapai kejayaan awal dalam melaksanakan rangka tindakan tersebut. Tahun ini menyaksikan tawaran awam pertama saham wakaf Larkin Sentral, terbitan sukuk hijau, serta peserta baharu dalam perniagaan pentadbiran dana dan pengurusan dana di Malaysia.

Untuk meningkatkan kecairan pasaran, pengurusan risiko dan keupayaan lindung nilai, rangka kerja Transaksi Rundingan Jualan dan Belian Sekuriti Islam (iSSB-NT) diperkenalkan. SC juga meneruskan usaha

² Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia.

Pasaran yang Inklusif dan Mampan

meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para profesional ICM, dan menyertai forum global untuk membangunkan ICM.

5. Memudah cara Peningkatan Kerjasama Rentas Sempadan dan Pemprofilan Antarabangsa

Penyertaan dalam perjumpaan di peringkat global dan peranan kepimpinan adalah faktor penting untuk memastikan SC kekal sebagai peneraju dalam perbincangan dasar antarabangsa.

SC terus memainkan peranan kepimpinan dalam Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO) dan Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF). Pengerusi SC memegang jawatan Naib Pengerusi Lembaga pentadbir IOSCO dan merupakan anggota Pasukan Pengurusan IOSCO sejak 2014. Beliau juga mempengerusikan Jawatankuasa Pertumbuhan dan Pasaran Pesat Membangun (GEM) IOSCO, yang merupakan jawatankuasa terbesar IOSCO.

Satu pencapaian penting dicatatkan apabila Hab Asia Pasifik IOSCO di Kuala Lumpur dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Pemilihan Malaysia sebagai hos bagi hab serantau yang pertama yang mengukuhkan usaha negara untuk membangunkan pasaran modal yang berkualiti tinggi dan dikawal selia dengan baik. Hab yang akan menyokong keupayaan kawal selia di rantau ini, dan telah menganjurkan bengkel sulungnya mengenai Ekonomi Tingkah laku untuk Pendidikan dan Perlindungan Pelabur, bersempena Minggu Pelabur Dunia IOSCO 2017.

Pada 2017, kami juga menandatangani satu siri perjanjian kerjasama inovasi dengan rakan-rakan sekerja kami di pasaran kewangan utama. Jalinan Fintech ini menyediakan rangka kerja bagi perkongsian maklumat dan meningkatkan penyebaran menyeluruh konsep konsep kewangan digital antara SC dan rakan sekerja kami.

Di peringkat ASEAN, Pengerusi SC sehingga kini mempengerusikan ACMF selama empat tahun berturut-turut. Pada 2017 ACMF melancarkan *Standard Bon Hijau ASEAN* pada Persidangan Pasaran Modal ASEAN pertama, yang telah diadakan di Malaysia.

Institut Penyelidikan Pasaran Modal (ICMR) juga telah ditubuhkan dan akan bekerjasama dengan rakan strategik dari kalangan ahli akademik dan pakar global untuk menjalankan penyelidikan mendalam bagi menyokong pembangunan pasaran modal. Sebagai permulaan, ICMR telah mengenal pasti Alternative Investments Initiative, Wharton School US, Nomura Institute of Capital Markets Research, Jepun, dan Jeffrey Sachs Centre on Sustainable Development, Sunway University sebagai rakan kerjasama penyelidikan pertama.

MENINGKATKAN SALURAN PEMBIAYAAN PASARAN MODAL

Menghubungkan saluran antara pasaran swasta dan awam

Sepanjang beberapa tahun ini, di peringkat global, modal teroka dan ekuiti swasta (VC/PE) telah menjadi semakin penting dalam ekonomi sebenar dan juga dalam komuniti pelaburan. Dari perspektif syarikat penerima pelaburan, modal teroka merupakan sumber pendanaan penting kepada syarikat peringkat permulaan untuk mencapai pertumbuhan dan mewujudkan nilai melalui inovasi yang seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi sebenar. Dari perspektif pelabur, persekitaran dengan kadar faedah rendah di peringkat global telah menyebabkan peningkatan minat terhadap kepelbagai produk dalam kalangan pelabur. Dalam usaha mereka untuk mendapatkan pulangan yang lebih tinggi selain kelas aset tradisional, VC/PE telah terbukti menjadi satu kelas aset yang membantu dalam meningkatkan pulangan portfolio mereka.

Rajah 1

Cadangan oleh pasukan petugas VC/PE yang diumumkan pada Bajet 2018

- | | |
|--|--|
| 1 Pelabur institusi utama memperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk pelaburan dalam modal teroka dalam sektor utama yang terpilih. | 2 Pengecualian cukai pendapatan diperluaskan untuk meliputi yuran pengurusan dan prestasi yang diterima oleh syarikat pengurusan modal teroka (VCMC), berkuat kuasa dari tahun taksiran (YA) 2018 hingga 2022. |
| 3 Pelaburan minimum yang diperlukan dalam syarikat teroka Malaysia yang terlibat dalam aktiviti yang digalakkan akan dikurangkan dari 70% hingga 50%, berkuat kuasa YA 2018 hingga 2022. | 4 Potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat teroka, terhad kepada maksimum RM20 juta setahun untuk syarikat atau individu yang melabur dalam syarikat modal teroka. |

Malaysia merupakan destinasi menarik untuk pelaburan VC/PE, salah satu tarikannya adalah kerana wujudnya sebilangan besar PKS dan perniagaan peringkat permulaan dengan idea-idea kreatif yang boleh dikembangkan. PKS dan perniagaan peringkat permulaan ini memerlukan pembiayaan untuk mengkomersialkan penyelesaian inovatif mereka tetapi menghadapi cabaran dalam memperoleh pembiayaan daripada institusi kewangan tradisional. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menarik lebih banyak syarikat modal teroka dan ekuiti swasta serta syarikat pengurusan untuk ditubuhkan di Malaysia bagi memenuhi keperluan PKS dan peringkat permulaan tempatan.

Di samping VC/PE konvensional, Malaysia juga telah mengukuhkan kedudukan dalam segmen VC/PE Islam. Memandangkan sifat dan struktur VC/PE selaras dengan konsep patuh Syariah iaitu perkongsian risiko dan penyertaan dalam aktiviti perniagaan sebenar, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menjadi pusat aktiviti VC/PE Islam.

Industri VC Malaysia ditubuhkan pada 1984 dengan penubuhan Malaysian Ventures Sdn Bhd. Antara tahun 2001 dan 2008, pelbagai garis panduan VC diperkenalkan untuk memudah cara pertumbuhan industri ini. Pada 2005, Majlis Pembangunan

Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia (MVCDC) ditubuhkan. Dipengerusikan oleh SC, majlis tersebut ditubuhkan untuk membincangkan isu-isu dan merumuskan cadangan mengenai ekosistem VC/PE. Keanggotaan majlis termasuk wakil sektor awam dan swasta, yang memudah cara pembangunan cadangan dasar yang menyeluruh.

Di bawah naungan MVCDC, Pasukan Petugas VC/PE yang dipimpin oleh industri ditubuhkan pada akhir 2016, dan SC bertindak sebagai sekretariatnya. Pasukan petugas tersebut meneroka pelbagai pendekatan untuk merangsang penggerakan tabungan negara dalam pembiayaan inovasi melalui pelaburan VC/PE. Saranan daripada pasukan petugas dan MVCDC yang diterima pakai oleh Majlis Ekonomi (EC) dan diumumkan dalam Bajet 2018 termasuk:

- i. Pelabur institusi utama memperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk pelaburan dalam modal teroka dalam sektor utama yang terpilih;
- ii. Pengecualian cukai pendapatan diperluaskan untuk meliputi yuran pengurusan dan prestasi yang diterima oleh syarikat pengurusan modal teroka (VCMC), berkuat kuasa dari tahun taksiran (YA) 2018 hingga 2022;

Pasaran yang Inklusif dan Mampan

- iii. Pelaburan minimum yang diperlukan dalam syarikat teroka Malaysia yang terlibat dalam aktiviti yang digalakkan akan dikurangkan daripada 70% hingga 50%, berkuat kuasa YA 2018 hingga 2022; dan
- iv. Potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan dalam syarikat teroka, terhad kepada maksimum RM20 juta setahun untuk syarikat atau individu yang melabur dalam syarikat modal teroka.

Melangkah ke hadapan, SC akan terus menerusi usaha memangkin pertumbuhan industri VC/PE, selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan inovasi.

Menangani jurang dalam pembentukan modal peringkat awal

SC telah memulakan usaha untuk membolehkan syarikat memperoleh manfaat daripada capaian yang lebih luas kepada saluran pembiayaan berasaskan pasaran bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka, serta penggunaan teknologi untuk membolehkan penyertaan lebih ramai pelabur. Kami mempunyai enam pengendali ECF berdaftar dan enam pengendali pembiayaan P2P yang kini beroperasi sepenuhnya.

Sejak pelancaran rangka kerja pembiayaan ECF dan P2P masing-masing pada Februari 2015 dan April 2016, kedua-dua saluran pembiayaan ini telah menunjukkan kemajuan yang baik dalam memenuhi keperluan pembiayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Sebanyak 37 kempen atas platform ECF telah berjaya dibiayai, menjana sebanyak RM32.74 juta. Bagi pelabur pula, enam platform tersebut juga telah mencatatkan lebih daripada 800 pelabur, dengan 40% daripada mereka berusia di bawah 35 tahun.

Bagi pembiayaan P2P pula, walaupun baru berada dalam pasaran dalam tempoh yang singkat, sebanyak 628 kempen telah berjaya diselesaikan dalam kalangan 120 penerbit, dengan dana yang dikumpulkan berjumlah RM37.15 juta. Sesetengah kempen telah dibiayai dalam tempoh satu jam selepas dilancarkan, menunjukkan respons yang positif.

Bagi SC pula, ini jelas menunjukkan bahawa pembiayaan ECF dan P2P berjaya menangani beberapa segmen di pasaran: mendapatkan modal peringkat awal atau modal untuk pertumbuhan bagi PMKS dan menarik penyertaan pelabur muda. Sasaran pendanaan kurang daripada RM500,000 untuk kebanyakan kempen ECF dan kurang daripada RM200,000 untuk kebanyakan kempen pembiayaan P2P mencerminkan ciri keterangkuman pembiayaan berdasarkan pasaran.

Meningkatkan profil awam dan kebolehlihatan PMKS

SC memudahkancairan pelaksanaan Pasaran Leap Entrepreneur Accelerator Platform (LEAP) melalui semakan dan kelulusan Keperluan Penyenaraian Pasaran LEAP dan pindaan kepada peraturan yang mentadbir rangka kerja dagangan, penjelasan dan depositori untuk Pasaran LEAP. Kami menjalankan penilaian terperinci dan menyeluruh ke atas peraturan tersebut dengan mengambil kira keperluan PMKS, impak terhadap landskap keseluruhan pengumpulan dana, perlindungan pelabur, kedudukan kompetitif dan potensi risiko baru muncul.

Pasaran LEAP yang diperkenalkan oleh Bursa Malaysia pada tahun ini, bertujuan untuk menyediakan platform alternatif bagi pengumpulan dana kepada PMKS. Pelaburan dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di Pasaran LEAP adalah terhad kepada pelabur yang layak³, memberi

³ Mereka yang tersenarai dalam Bahagian 1 Jadual 6 atau 7 CMSA.

mereka peluang untuk memperluas pilihan pelaburan mereka dalam PMKS melalui persekitaran yang telus dan dikawal selia.

Rangka kerja penyenaraian yang mentadbir Pasaran LEAP memudah cara pengumpulan dana untuk penyenaraian awal serta pengumpulan dana sekunder.

Bagi menyokong dan menggalakkan penyertaan dalam Pasaran LEAP, SC memperkenalkan aktiviti baharu yang dibenarkan untuk pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) yang dilesenkan untuk memberi khidmat nasihat mengenai kewangan korporat, menjalankan aktiviti penempatan dalam Pasaran LEAP tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam *Licensing Handbook*.

Meningkatkan pertumbuhan pasaran bon dan sukuk

Sejak beberapa tahun lalu, pasaran bon dan sukuk Malaysia telah terbukti sebagai sumber pembiayaan yang cekap dan berkesan bagi sektor awam dan swasta sambil menyediakan peluang pelaburan untuk pelbagai jenis pelabur. Dari sebuah pasaran baharu bernilai RM130 bilion pada 1997,

Rajah 2
Tiga Prinsip Strategik Meluas yang Memacu Usaha Utama Dalam Pasaran Bon



pasaran bon dan sukuk Malaysia telah mencapai pertumbuhan yang membanggakan sepanjang dua dekad yang lalu dengan mencatatkan saiz RM1.3 trilion. Hari ini, ia merupakan pasaran ketiga terbesar di Asia (berbanding KDNK) dan pasaran sukuk terbesar di dunia. Terbitan bon korporat dan sukuk adalah berjumlah sebanyak RM124.88 bilion pada 2017.

Oleh itu, usaha utama yang dilaksanakan dalam pasaran bon sepanjang tahun telah dibangunkan berdasarkan tiga prinsip strategik:

- (i) Mewujudkan peluang pelaburan tambahan;
- (ii) Meluaskan pangkalan pelabur; dan
- (iii) Meningkatkan akses dan kecekapan pasaran.

Bagi meningkatkan ketelusan pasaran, SC dengan kerjasama industri, telah mewujudkan satu platform maklumat bon dan sukuk berpusat, yang dikenali sebagai Pusat Pertukaran Maklumat Bon+Sukuk, atau BIX. Pada 2018, SC juga akan memudah cara pelabur runcit memasuki pasaran bon dan sukuk korporat. Rangka kerja pengawalseliaan yang berkaitan sedang dikaji untuk mewujudkan proses penerbitan pasaran utama dan keperluan penzahiran yang lebih cekap.

Sejajar dengan usaha kami untuk menambah baik kecairan pasaran sekunder dan meningkatkan pembangunan pasaran bon domestik, *Guidelines on Regulated Short-Selling of Corporate Bonds* yang baharu telah diperkenalkan. Di bawah Garis Panduan baharu ini, Peniaga Utama kini dibenarkan menjalankan jualan singkat bon korporat yang dikawal selia, memperluas rangkaian bon yang boleh dijual singkat. Untuk memastikan kestabilan pasaran, Garis Panduan tersebut juga menetapkan syarat-syarat kaedah jualan singkat yang dikawal selia dijalankan.

Pusat Pertukaran Maklumat Bon+Sukuk Menyediakan Kesamarataan

Landskap maklumat

Walaupun maklumat tentang bon dan sukuk secara umumnya boleh diperolehi di Malaysia, ia terbahagi kepada pelbagai saluran yang dikendalikan oleh entiti sektor awam dan swasta yang berlainan. Pembahagian ini menyebabkan peningkatan kos carian terutamanya bagi syarikat kecil dan sederhana serta pelabur runcit yang tidak biasa dengan bon dan sukuk, lalu menyebabkan segmen pasaran ini terus dikuasai oleh pelabur institusi yang besar.

Untuk meluaskan akses kepada segmen pasaran ini, sebuah platform berpusat diperlukan untuk menyediakan pelabur dengan maklumat daripada satu punca akses. Platform ini akan berupaya merapatkan jurang pengetahuan sedia ada mengenai bon dan sukuk.

Pusat Pertukaran Maklumat Bon+Sukuk

Pada 2017, SC telah memulakan inisiatif untuk menggabungkan semua maklumat bon dan sukuk yang diperlukan oleh pelabur untuk membuat keputusan pelaburan. Dinamakan sebagai Pusat Pertukaran Maklumat Bon+Sukuk atau 'BIX', platform maklumat awam dan bukan berdasarkan keuntungan ini dilancarkan pada November 2017.



BIX berfungsi sebagai sumber komprehensif platform maklumat bagi penerbit, risiko kredit dan harga yang akan mendemokrasikan pasaran bon dan sukuk Malaysia. Ketersediaan maklumat bon dan sukuk yang menyeluruh, dan akses mudah melalui BIX akan menyumbang ke arah ketelusan dalam pasaran utama dan sekunder. Ciri utama BIX adalah fungsi terkini carian dan tapisan maklumat yang membolehkan pengguna memilih dan melihat keseluruhan maklumat bon dan sukuk mengikut kadar hasil hingga matang, penarafan kredit, tempoh matang, penerbit atau gabungannya. Selain itu, BIX juga menawarkan alatan seperti pemilih bon dan sukuk, kalkulator dan membolehkan pengguna memuat turun pelbagai dokumen.

Pengguna BIX juga dapat memperoleh artikel dan video pendidikan untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai bon dan sukuk serta pasarannya.

MEMUDAH CARA PENYERTAAN LEBIH RAMAI PELABUR

Meningkatkan daya tarikan pasaran ekuiti kami kepada para pelabur

SC telah mengetuai inisiatif untuk mengendalikan Skim Penyelidikan MidS bagi mewujudkan pengiktirafan nilai yang lebih baik dan seterusnya merangsang kerancakan pertumbuhan segmen pasaran berpotensi tinggi ini. Pasukan petugas yang terdiri daripada SC, Bursa Malaysia dan wakil industri telah ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan Skim Penyelidikan MidS yang dilancarkan pada Mei 2017. Skim ini akan menyediakan pelabur dengan maklumat untuk meneroka peluang kepelbagaian dalam saham syarikat permodalan sederhana dan kecil melalui akses percuma kepada laporan penyelidikan, justeru, meningkatkan kebolehdagangan syarikat bermodal sederhana dan kecil.

Sejak pelancarannya, Skim ini telah merangkumi 86 PLC permodalan sederhana dan kecil dengan lebih daripada 300 laporan dikeluarkan oleh 20 firma penyelidikan. Jumlah ini dijangka meningkat kepada kira-kira 130 PLC yang layak pada akhir program tiga tahun. Setiap PLC terpilih, yang permodalan pasarannya adalah sekitar RM200 juta hingga kurang daripada RM2 bilion, akan menerima liputan

penganalisis bebas daripada dua buah syarikat penyelidikan berlesen bagi tempoh selama dua tahun. Panel semakan bebas yang terdiri daripada wakil industri akan bermesyuarat secara berkala untuk menyemak dan memastikan kualiti laporan penyelidikan (Rajah 3).

Untuk melengkapkan Skim Penyelidikan MidS, GLIC komited untuk menyalurkan sebahagian dana mereka kepada pengurus dana berlesen untuk melabur dalam saham-saham ini. Mereka telah berjanji untuk melabur sebanyak RM2 bilion dan dijangka terus berkembang pada masa akan datang apabila PLC permodalan sederhana dan kecil tersebut semakin dikenali. Penglibatan GLIC dan pengurus dana dalam memacu daya tarikan pelaburan awal akan meningkatkan minat daripada pelbagai peringkat pelabur.

Semakan menyeluruh ke atas *Prospectus Guidelines – Equity* juga telah dijalankan pada tahun ini untuk membimbing penerbit untuk menyediakan prospektus yang lebih mesra pembaca untuk membantu pemahaman pelabur. Perubahan yang dibuat kepada garis panduan tersebut termasuk menetapkan kandungan untuk Ringkasan Prospektus berstruktur. Pindaan lain dibuat untuk mencerminkan usaha berterusan SC untuk meningkatkan dan memperkemas penzahiran dalam prospektus, selaras dengan

Rajah 3

Inisiatif bagi pengoperasian Skim Penyelidikan MidS

	300 laporan dikeluarkan oleh 20 syarikat/firma penyelidikan
	Laporan meliputi 86 PLC permodalan sederhana dan kecil
	Liputan dijangka meningkat kepada 130 PLC yang layak
	PLC terpilih akan menerima liputan penganalisis bebas daripada 2 syarikat/firma penyelidikan berlesen selama 2 tahun
	Panel semakan bebas akan bermesyuarat secara berkala untuk menyemak dan memasikan kualiti laporan penyelidikan

Pasaran yang Inklusif dan Mampan

falsafah pengawalseliaan mengenai keberkadaran dan ketelusan. Ini termasuk memasukkan Panduan dalam bahagian yang berkaitan untuk menjelaskan jangkaan SC, dan menyemak semula keperluan tatacara bagi pendaftaran prospektus. Garis Panduan Prospektus yang telah disemak semula telah dimuktamadkan selepas perundingan meluas dilakukan dengan pihak berkepentingan utama termasuk penasihat utama, penasihat undang-undang, akauntan pelapor, penganalisis penyelidikan dan pelabur. Garis panduan tersebut akan berkuat kuasa pada 2018.

Menambah baik kecairan dan kecekapan pasaran sekuriti

Rangka kerja jualan singkat dan pinjam meminjam sekuriti telah disemak semula untuk memperluas dinamik dagangan dan meningkatkan kecairan, sambil memastikan dagangan yang adil dan teratur dalam pasaran sekuriti.

Pindaan *Peraturan Sekuriti Bursa Malaysia dan Peraturan Penjelasan Sekuriti Bursa Malaysia* telah diluluskan oleh SC bagi membenarkan peminjaman sekuriti di bawah Pinjam Meminjam Sekuriti – Transaksi yang Dirunding (SBL – NT) untuk digunakan sebagai penyelesaian dagangan yang gagal. Peraturan halangan dagangan (*up tick*) juga dipinda untuk menggalakkan kecairan dan mengelakkan penjual singkat daripada menurunkan harga sekuriti ketika pasaran yang semakin merosot.

Membentuk pembangunan jangka panjang industri dana dagangan bursa

Dana dagangan bursa (ETF) memberi pelabur pendedahan yang pelbagai, berkesan-kos dan boleh didagangkan seperti saham-saham di bursa. Untuk mengukuhkan ekosistem ETF dan menggalakkan penyertaan pelabur yang lebih ramai, satu pasukan petugas yang diterajui SC ditubuhkan untuk

mencari pemacu pertumbuhan yang baharu. Beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pasukan petugas untuk memudah cara penerbitan dan pelaburan, membolehkan inovasi produk dan menggalakkan penglibatan pelabur.

Cadangan pasukan petugas yang telah dilaksanakan oleh SC termasuk:

- i. Meliberalisasikan proses penerbitan untuk menambah baik struktur kos ETF domestik;
- ii. Memansuhkan keperluan pengemukaan oleh penasihat utama;
- iii. SC dan Bursa Malaysia memberi rebat yuran penjelasan 100% kepada penggerak pasaran; dan
- iv. Pengecualian duti setem bagi nota kontrak berkaitan dagangan ETF yang dilaksanakan antara 1 Januari 2018 dan 31 Disember 2020.

Untuk mengukuhkan lagi ekosistem ETF, Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDF) meluluskan pendanaan untuk beberapa inisiatif yang akan dilaksanakan pada 2018:

- i. Sistem perkongsian kos akan diperoleh bagi membolehkan pengurus ETF memberi harga masa nyata kepada pelabur;
- ii. Laporan kajian ke atas semua ETF disediakan secara percuma kepada semua pelabur runcit; dan
- iii. Kos sistem bagi penggerak pasaran akan dibiayai oleh Dana tersebut.


Inovasi produk juga telah menyaksikan Gold ETF patuh Syariah yang pertama di Malaysia dirangka dan dilancarkan oleh Affin Hwang Asset Management Bhd. ETF ini dilancarkan pada Disember 2017.

Memastikan infrastruktur tabungan persaraan swasta yang dinamik

Skim persaraan swasta (PRS) telah mencapai banyak kemajuan sejak penubuhannya lima tahun yang lalu. Skim ini terus memperbaiki pertumbuhan mampan dengan nilai aset bersih berjumlah RM2.2 bilion pada penghujung 2017 dan keahlian mencecah 301,000 (Carta 1).

PRS merupakan tonggak penting dalam rangka kerja pencen negara kita. Ia memperluas pilihan bagi rakyat Malaysia untuk memenuhi keperluan simpanan persaraan mereka. Pada masa yang sama, tenaga kerja Malaysia mengalami perubahan mengikut perkembangan proses pendigitalan dan perubahan demografi. Daripada mengambil pekerja sepenuh masa, syarikat kini mengambil langkah mengupah kontraktor dan pekerja bebas.

Carta 1
Pertumbuhan skim persaraan swasta



Pasaran yang Inklusif dan Mampan

Secara kolektif, pekerja-pekerja bebas dan segmen bekerja sendiri seperti pemilik perniagaan atau usahawan membentuk kira-kira 13.7 juta orang daripada 22 juta orang dewasa yang bekerja di Malaysia. PRS dapat memenuhi keperluan segmen yang semakin meningkat ini, yang kekurangan perlindungan rasmi di bawah skim persaraan mandatori.

Untuk memahami tingkah laku dan pilihan ahli dengan lebih mendalam, Pentadbir Pencen Swasta Malaysia (PPA) telah menjalankan kaji selidik yang pertama, melibatkan hampir 6,000 orang ahlinya. Kaji selidik itu bertumpu kepada bidang-bidang di mana para ahli kurang ilmu pengetahuan. Ia juga telah membolehkan PPA menjalankan lebih banyak kempen kesedaran dan pemasaran yang disasarkan, memaklumkan mengenai rangka kerja dasar-dasar SC. Pertemuan juga diadakan dengan semua Penyedia PRS untuk menggalakkan dialog dan mencapai keselarasan dalam pencapaian matlamat bersama.

Pada Ogos 2017, Garis Panduan PRS telah dipinda untuk:

- i. Memudah cara komunikasi secara digital dengan ahli;
- ii. Memperluas pilihan pengeluaran prapersaraan untuk meliputi hilang upaya kekal, penyakit kritikal dan kecacatan mental; dan
- iii. Memudahkan keperluan dokumentasi untuk para ahli apabila mereka menambah caruman kepada PRS.

Pelaksanaan kemudahan penamaan juga membolehkan para ahli menamakan individu yang akan menerima caruman PRS selepas kematian mereka, memudah cara pembayaran balik dana PRS dengan lebih cepat kepada benefisiari mereka. Sejumlah 14,128 ahli telah melengkapkan proses penamaan sehingga penghujung 2017.

Pendigitan pengalaman pelabur dan saluran pengagihan tradisional

Hari ini teknologi telah menjadi sebahagian daripada kehidupan sehari-hari kita. Aspek kemudahan, kebolehcapaian dan kemampuan mempengaruhi cara produk dan perkhidmatan digunakan. Membeli-belah dalam talian, tempahan e-filem, menggunakan khidmat kereta, malahan perkongsian pinjaman telah menjadi satu kebiasaan. Hasil daripada pengalaman digital yang mereka hadapi dalam kehidupan sehari-hari mereka, para pengguna mula menghendaki tahap pengalaman yang sama daripada penyedia perkhidmatan kewangan mereka, dalam bentuk penyelesaian pelaburan inovatif dengan akses yang lebih mudah, lebih telus dan kos yang lebih murah.

Revolusi digital telah mendorong institusi perkhidmatan kewangan tradisional untuk mempertimbangkan semula saluran pengagihan mereka agar kekal relevan. Pada April 2017, SC telah meluluskan broker ekuiti hanya digital yang pertama bagi pasaran Malaysia – Rakuten Trade. Sejak pelancarannya, Rakuten Trade menerima sambutan hangat daripada para pelabur di mana lebih daripada 8,000 akaun telah dibuka, dengan sebahagian besarnya pelabur baharu. Walaupun fenomena ini sangat ketara dalam pasaran ekuiti, kami menjangkakan ia turut akan memberi kesan terhadap kelas aset tradisional yang lain.

Menyemarakkan perkhidmatan pelaburan bagi era digital

Untuk menggalakkan keterangkuman yang lebih meluas, SC meneruskan usaha untuk memudaharkan pengenalan perkhidmatan pelaburan digital di Malaysia. Istilah ‘perkhidmatan pelaburan digital’ merangkumi rangkaian produk dan perkhidmatan pasaran modal yang muncul daripada inovasi digital, antaranya seperti pengurusan pelaburan digital (termasuk penasihat robo), pelaburan mikro, pembrokeran dalam talian dan dagangan sosial.

Pada Mei, SC merupakan pengawal selia pertama di rantau ini yang melancarkan rangka kerja kawal selia untuk Pengurusan Pelaburan Digital (DIM), membuka jalan bagi perkhidmatan pengurusan portfolio budi bicara automatik dengan harga berpatutan ditawarkan kepada pelabur Malaysia. Sejak pelancaran rangka kerja tersebut, kami berjaya menarik minat peserta pasaran modal sedia ada dan peringkat permulaan. Kami menjangka pengurus pelaburan digital yang pertama akan dilesenkan pada 2018.

Rangka kerja DIM akan menyediakan para pelabur saluran yang lebih mudah, murah dan boleh diakses untuk mengurus dan mengembangkan kekayaan mereka. Dalam melaksanakan rangka kerja ini, SC telah membuat pindaan kepada *Licensing Handbook* dan *Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies*, yang menetapkan keperluan pelesenan dan tatalaku bagi mereka yang berminat untuk menawarkan perkhidmatan pengurusan portfolio budi bicara secara automatik kepada para pelabur.

Memantau kemunculan mata wang kripto dan aset digital

Mata wang kripto dan aset digital memperoleh momentum sejak penghujung tahun 2016 hingga 2017, menunjukkan ia semakin diterima oleh para pelabur sebagai kelas aset alternatif.

Pengawal selia kewangan di seluruh dunia telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk membimbing pelabur tentang penggunaan dan risiko yang berkaitan dengan pelaburan sedemikian. SC mengeluarkan kenyataan media mengenai Tawaran Syiling Awal (ICO) untuk mengingatkan para pelabur mengenai kemunculan skim-skim ICO di Malaysia dan di tempat lain. Pendokong mata wang kripto menyatakan ia berpotensi untuk menjadi lebih selamat dan telus berbanding mata wang fiat tradisional, dan transaksi antara pengguna di seluruh pelosok dunia berlangsung dengan lebih pantas. Kemunculan ICO, di mana penerbit mewujudkan aset digital pada lejar teragih

dan menggunakan untuk mengumpul dana bagi sesuatu projek, dianggap gangguan kepada aktiviti VC/PE dan IPO tradisional. Walau bagaimanapun, realiti bahawa mata wang kripto dan aset digital tidak mempunyai nilai intrinsik, dan biasanya tidak disokong oleh sebarang aset tradisional, mahupun dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang diiktiraf, telah menyebabkan ia dikritik.

Dalam kenyataan kami mengenai ICO, kami memberi amaran kepada para pelabur bahawa skim ICO dalam bentuknya sekarang, berisiko tinggi kepada para pelabur, dan menggesa pelabur agar memahami sepenuhnya ciri-ciri skim ICO, dan mempertimbangkan risiko dengan teliti sebelum melabur. Para pelabur perlu memahami bahawa:

- i. Pengendali skim mungkin tidak berada di Malaysia. Oleh itu sukar untuk menentukan kesahihan skim tersebut dan perolehan semula wang pelaburan mungkin tertakluk kepada undang-undang atau peraturan asing.
- ii. Sesetengah skim ICO dan pihak-pihak yang terlibat beroperasi dalam talian dan berkemungkinan tidak dikawal, pelabur akan terdedah kepada risiko penipuan, pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.
- iii. Aset digital yang didagangkan di pasaran sekunder boleh meningkatkan risiko kecairan yang tidak mencukupi, ketidaktentuan yang tinggi dan penetapan harga yang kurang jelas.
- iv. Struktur skim ICO ini mungkin mengehadkan perlindungan undang-undang dan hak tuntutan pelabur terhadap pengendali skim.

SC juga mengkaji semula peraturan dan garis panduan yang berkaitan untuk memudah cara fungsi dan penggunaan berkesan kes-kes aset digital dalam pasaran modal. Untuk memastikan kepentingan pelabur dilindungi, kami bekerjasama dengan pengawal selia yang lain baik di dalam dan di luar negara dalam merumuskan kedudukan

Rangka Kerja Kawal Selia Untuk Memudah Cara Pengurusan Pelaburan Digital

Untuk memudah cara penawaran aktiviti pengurusan pelaburan digital di Malaysia, satu kategori lesen pengurusan portfolio yang baharu telah diperkenalkan. Pengurusan pelaburan digital ialah perkhidmatan dalam talian yang menggunakan kaedah soal selidik untuk mengetahui selera risiko pelanggan dan menilai keperluan mereka. Berdasarkan input pelanggan, portfolio pelaburan yang sesuai diberikan kepada pelabur dan pengurus pelaburan digital akan menjalankan pengimbangan dan pengagihan semula secara automatik sepanjang tempoh pengurusan.

Takrif Pengurusan Pelaburan Digital

Pengurusan Pelaburan Digital ialah perniagaan pengurusan dana yang menggabungkan teknologi inovatif ke dalam perkhidmatan pengurusan portfolio budi bicara automatik yang ditawarkan kepada pelanggan.

Aktiviti pengurusan dana utama			
Memahami keperluan pelanggan	Cadangan Penyelesaian	Cadangan Pelaksanaan	Memantau Keputusan dan Menyesuaikan Strategi
<ul style="list-style-type: none">• Mengumpul maklumat pelanggan• Memahami kehendak dan pilihan• Menilai toleransi risiko	<ul style="list-style-type: none">• Memilih peruntukan aset• Memilih sekuriti yang membentuk portfolio pelaburan• Memujuk tindakan• Membuat cadangan	<ul style="list-style-type: none">• Mempengaruhi tindakan• Membuka akaun• Memindahkan dana• Melaksana dan mengurus portfolio	<ul style="list-style-type: none">• Semakan prestasi berkala• Papan pemuka, amaran status• Pengimbangan semula portfolio

Syarikat pengurusan pelaburan digital bertujuan untuk menjalankan kebanyakan aktiviti yang dilaksanakan oleh pengurus dana tradisional melalui akses dalam talian

Memandangkan keunikan perniagaan pengurusan pelaburan digital, salah satu kriteria utama pelesenan adalah keperluan bagi pemohon untuk memenuhi cadangan nilai digital yang jelas, termasuk yang berikut:

- **Model perniagaan digital** – Model perniagaan hendaklah mempunyai cadangan nilai yang jelas menunjukkan cara inovasi digital dapat memberikan hasil yang positif kepada pelabur sasarannya.
- **Penyampaian terpusat pengguna** – Perkhidmatan kepada pelabur sasaran hendaklah meliputi antara muka dan pengalaman terpusat pengguna, pendidikan pelabur bersepada mengenai perkhidmatan yang ditawarkan untuk memperoleh keyakinan, kepercayaan dan penglibatan yang lebih baik serta struktur yuran yang telus.
- **Cadangan pelaburan berautomasi** – Cadangan berautomasi hendaklah melibatkan komponen teras perkhidmatan pengurusan portfolio termasuk pemprofilan risiko, penilaian kesesuaian, peruntukan aset dan pengimbangan semula. Pemohon tidak akan layak jika hanya sebahagian perkhidmatan pelaburan atau bahagian bukan teras perkhidmatan pelaburan sahaja yang diautomasi.

Seterusnya, pemohon juga dikehendaki mematuhi keperluan kemasukan dan kecekapan utama yang lain, termasuk pemerbadanan tempatan, keperluan kewangan minimum dan keupayaan teknologi yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan pengurusan pelaburan digital. Terdapat juga syarat-syarat untuk mematuhi perlindungan kawal selia yang sedia ada, termasuk *Guidelines on Management of Cyber Risk*, dan peruntukan perlindungan pelabur termasuk mengekalkan aturan kustodi, keahlian dengan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) dan sumbangan kepada Dana Pampasan Pasaran Modal (CMCF).

Bagi mengukuhkan perlindungan pelabur, beberapa keperluan tatalaku khusus dan mekanisme ganti rugi pelabur yang berkesan dikenakan ke atas pengurus pelaburan digital. Ia termasuk menghendaki lembaga pengarah bertanggung jawab terhadap tadbir urus perniagaan dengan memastikan bahawa:

- Keupayaan teknologi yang diperlukan telah disediakan, termasuk mengenal pasti individu yang cekap dalam syarikat dan mempunyai kefahaman yang mencukupi mengenai risiko dan peraturan algoritma yang digunakan;
- Hasil diperoleh daripada algoritma tersebut adalah konsisten dengan strategi pengurus pelaburan digital dan undang-undang sekuriti;
- Rangka kerja pengurusan risiko yang teguh untuk menghadapi risiko yang berkaitan dengan penawaran perkhidmatan pengurusan portfolio budi bicara berautomasi termasuk kebingkasan keselamatan siber; dan
- Pengawasan yang berkesan terhadap keseluruhan rangka kerja pematuhan termasuk menyemak keberkesanan program pematuhan dengan mengambil kira keunikan dan aspek khusus model perniagaan pengurusan pelaburan digital.

Berkaitan dengan reka bentuk dan pengawasan algoritma, SC menghendaki pengurus pelaburan digital memiliki dasar bertulis untuk memantau dan menguji algoritma secara berkala. Sebarang penggunaan teknologi dan algoritma pihak ketiga memerlukan pengurus pelaburan digital melaksanakan usaha wajar secara berterusan.

dasar dan peraturan kami. SC juga menganggotai Rangkaian Konsultasi ICO IOSCO global di mana pengawal selia yang terlibat membincangkan perkembangan terkini, termasuk berkongsi maklumat antara bidang kuasa mengenai usaha pengawasan dan pemantauan.

Membolehkan perkembangan industri perancangan kewangan yang berterusan

Menyedari peranan penting yang dimainkan oleh perancang kewangan dalam menyediakan khidmat nashit profesional kepada para pelabur,

kami meneruskan usaha untuk memudah cara perkembangan industri ini.

Pada 2017, industri ini menyaksikan pertumbuhan positif dan kebolehlihatan yang meningkat, serta kerjasama yang lebih erat antara SC dan pihak berkepentingan industri. Sebanyak 80% daripada cadangan dalam pelan tindakan tiga tahun, yang bermula pada 2015, telah berjaya dilaksanakan untuk memenuhi objektif keseluruhan memacu pertumbuhan industri (Rajah 4). Setakat penghujung 2017, terdapat 679 perancang kewangan berlesen, meningkat sebanyak 43% dari tahun 2015. Cadangan-cadangan yang selebihnya akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Rajah 4

Teras strategik	Saranan
 Mengukuhkan Piawaian Professional	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mengukuhkan kod tatalaku industri ✓ Melaksanakan piawaian minimum untuk <i>Kod Etika dan Amalan Terbaik</i> ✓ Persidangan tahunan yang dianjurkan bersama oleh persatuan FP ✓ Pengiktirafan bersama bagi program latihan • 'Beli belah misteri' anjuran bersama Persatuan untuk mengukur tahap profesionalisme FP
 Mencapai Keseimbangan Kawal Selia	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pelarasian keperluan pematuhan dan audit bersesuaian dengan model perniagaan FP yang pelbagai ✓ Liberalisasi terhadap keperluan Pegawai Pematuhan dan juruaudit luaran
 Memperkasa Pengguna	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Panduan pengguna untuk meningkatkan pengetahuan mengenai ciri dan manfaat perkhidmatan FP ✓ Kerjasama antara Persatuan FP dengan BijakLabur® untuk mempromosi industri FP • Rangka Kerja Pendidikan Kewangan Pengguna meningkatkan capaian dan pemahaman pelabur mengenai Perancang Kewangan dan perkhidmatan mereka

- ✓ Sudah dilaksanakan
- Sedang berjalan

Dalam usaha menggalakkan lebih akses kepada perancang kewangan dan meningkatkan keyakinan mereka terhadap profesion tersebut, SC telah mengadakan program #FinPlan4U dengan kerjasama Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia dan Persatuan Penasihat Kewangan ketika InvestSmart® Fest 2017. Ketika acara tersebut, penilaian permulaan percuma disediakan dalam sesi perorangan antara perancang kewangan dan pelabur. Program ini menyediakan peluang yang baik untuk para pelabur mengenali perkhidmatan yang ditawarkan oleh perancang kewangan, kepada lebih daripada 450 pelawat yang mengambil bahagian sepanjang pesta tersebut.

Pembabitan pihak berkepentingan dan promosi


Sepanjang tahun ini, SC terus mengadakan pembabitan bersama industri untuk membincangkan beberapa isu yang berkaitan dengan perkembangan pasaran, pematuhan dan risiko baru muncul. Kerjasama antara SC dan

industri telah membolehkan beberapa inisiatif utama dilaksanakan untuk pasaran modal yang memberi manfaat kepada industri secara menyeluruh. Dialog Industri Tahunan SC (SID) 2017 telah diadakan pada Ogos 2017.

Tema SID pada tahun ini ialah 'Memacu Pertumbuhan dan Kecekapan dalam Pasaran yang Berkembang'. Perbincangan pada tahun ini tertumpu kepada pertumbuhan berterusan di tengah-tengah dinamik pasaran yang berkembang dan peralihan landskap pengantaraan. Ketika berlangsungnya SID, SC menekankan inisiatif pertumbuhan strategik yang utama, termasuk pelaksanaan strategi pasaran digital yang memperkuuh kedudukan pasaran modal Islam, meningkatkan pembiayaan berasaskan pasaran dan mengembangkan segmen pasaran sedia ada. Perbincangan juga tertumpu kepada beberapa isu pematuhan dan keperluan untuk pengawasan berterusan bagi memastikan kepercayaan dan keyakinan terhadap pasaran dikekalkan.

Pada sesi penutupan SID, para pemimpin industri pasaran modal bersetuju untuk meneroka sama

Rajah 5 Makmal Inovasi



Lebih 100 orang peserta industri telah berdaftar dengan aFiNity dan kami telah mengadakan kira-kira 100 sesi pembabitan sejak pelancarannya pada 2015.

Pembabitan aFiNity termasuk:

1. Sesi perkongsian masyarakat untuk memberi panduan dan penerangan mengenai kawal selia, garis panduan dan inisiatif kewangan digital SC yang baru diperkenalkan.
2. Perbincangan kumpulan disasarkan untuk:
 - memperoleh maklum balas mengenai cadangan rangka kerja kawal selia SC
 - meneroka idea dan pendekatan baharu
3. Sesi pembabitan perorangan untuk:
 - membincangkan aspek utama cadangan perniagaan digital dan memahami cara ia akan dilaksanakan dalam pasaran modal
 - menyedia platform bagi interaksi berterusan untuk menyediakan mereka bagi memenuhi keperluan kesediaan

ada perkhidmatan perkongisan dan utiliti bersama boleh dibangunkan, mendorong kecekapan kos dan menangani cabaran dalam era digital.

Ini termasuk, antara lain, penubuhan pasukan petugas yang dipacu industri untuk mengendalikan inisiatif yang boleh digunakan di seluruh industri bagi meningkatkan keberkesanan ketekunan wajar terhadap pelanggan dan menangani masalah keselamatan siber.

'Persepakatan komuniti FinTech' atau aFiNity berfungsi sebagai program pembabitan SC bersama komuniti kewangan digital. Sejak pelancarannya pada 2015, program ini telah menarik lebih daripada 100 orang peserta industri untuk berdaftar dengan aFiNity dan kami telah mengadakan kira-kira 100 sesi pembabitan.

Selain daripada fungsi pembabitannya, aFiNity juga mengadakan 'Makmal Inovasi' untuk meneroka inovasi digital baharu. Aktiviti Makmal Inovasi ini meliputi perbincangan idea dan konsep perniagaan yang dijana secara digital, sehingga pembangunan

bukti konsep penyelesaian digital untuk memenuhi keperluan khusus industri (Rajah 5).

Dalam membangunkan rangka kerja kawal selia pembiayaan P2P dan pengurusan pelaburan digital, SC telah memperoleh maklum balas mengenai rangka kerja yang dicadangkan melalui perbincangan kumpulan tumpuan yang terpilih dan makmal penglibatan bersama peserta industri yang telah berdaftar dengan aFiNity. Komuniti aFiNity penting dalam merangsang rangkaian pihak berkepentingan untuk bersama-sama terbabit dalam inisiatif kewangan digital SC dan memperoleh maklum balas industri yang lebih meluas untuk perbincangan lanjut.

Pasaran Modal Malaysia (CMM) yang memulakan operasi pada 2012, menumpukan terhadap kempen kesedaran antarabangsa dan usaha pembangunan perniagaan yang disasarkan sejarah dengan keutamaan SC. Aktiviti CMM membantu memperkuuh kerancakan ekonomi Malaysia dan kemampanan perantara, pelabur dan penerbit. Tahun ini, usaha tertumpu kepada mempromosikan segmen ICM dan SRI, serta menyediakan saluran

Persidangan Kewangan Digital SCxSC 2017

Pada November 2017, SC telah menganjurkan Usahasama Sinergistik Persidangan Kewangan Digital SC (SCxSC) yang keempat, iaitu acara Fintech utama kami. Bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kemunculan inovasi Fintech baharu di seluruh dunia, acara tahunan ini juga memprofilkan mekanisme alternatif dan inovatif bagi PKS Malaysia untuk mengumpul modal menerusi ECF dan P2P.

Persidangan itu, yang membincangkan perkembangan global mengenai Fintech dan pasaran digital, dihadiri oleh pakar Fintech antarabangsa, pihak berkepentingan industri perkhidmatan kewangan, usahawan, pelabur sofistikated dan pihak awam di Malaysia.

Dalam ucapannya, Pengerusi SC Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh menggariskan kemajuan yang telah dicapai dalam pasaran digital sejak SC mengumumkan Strategi Pasaran Digitalnya, manakala Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menyampaikan ucap utama dan mengumumkan rancangan untuk menubuhkan sebuah Dana Pelaburan Bersama (CIF) bernilai RM50 juta, melabur bersama pelabur swasta dalam PKS menerusi platform ECF dan P2P. SC akan membantu menubuhkan dana dan menentukan kriteria pelaburan bersama bagi pembiayaan ekuiti dan berdasarkan hutang.

SCxSC menganjurkan beberapa sesi panel interaktif yang mengetengahkan pakar-pakar antarabangsa terkenal dalam bidang yang berkaitan dengan topik seperti perkhidmatan pelaburan digital, pendigitalan ekosistem perkhidmatan kewangan, pertumbuhan aset digital seperti mata wang kripto dan pelaburan teroka dalam industri Fintech. Rakuten Inc. (Japan) sebagai rakan inovasi SCxSC memaparkan jejak kemajuan Fintech mereka yang tersendiri, menampilkan penceramah pakar dari ekosistem Rakuten yang menyentuh mengenai pinjaman dalam talian, pembayaran dan mewujudkan interaksi yang lebih baik bersama gunguna.

Sebagai sebahagian daripada persidangan dua hari itu, pelbagai usahawan PKS dan usahawan peringkat permulaan yang ingin memperoleh modal menerusi platform ECF yang berdaftar dengan SC, diberi peluang untuk berhubung dengan bakal pelabur. Bengkel mengenai pembiayaan P2P turut dianjurkan oleh pengendali platform berdaftar. Para hadirin juga dapat memahami dengan lebih lanjut trend terkini dalam kewangan digital serta strategi pasaran digital SC untuk menyokong pertumbuhan ekosistem Fintech yang semakin berkembang di Malaysia.

Secara keseluruhannya, SCxSC telah berjaya dianjurkan dan menarik lebih daripada 1,500 orang peserta.



Pengerusi SC Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani ketika persidangan SCxSC



Hiroshi Takasawa berucap mengenai 'Ekosistem Rakuten'



(Dari kiri) Rejina Rahim (Nomura Asset Management), Yuji Kusunoki (Rakuten Securities), Shinichiro Kai (Folio Robo-syarikat khidmat nasihat Fintech) dan George Lucas (Acorns syarikat pelaburan mikro Fintech) berkumpul untuk sesi bergambar selepas sesi panel mengenai 'Ke Arah Mod Pelaburan Digital Sahaja'.

pembiayaan berdasarkan pasaran untuk PMKS. Sejak pelancaran Pelan Tindakan *Islamic Fund and Wealth Management Blueprint* (IFWM), CMM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mencapai objektif pelan tindakan tersebut, termasuk:

- i. Kempen kesedaran dalam media antarabangsa untuk mengetengahkan kepakaran dan pengalaman luas kami dalam ICM;
- ii. Bengkel teknikal mengenai pembiayaan projek hijau di rantau pesat membangun untuk meningkatkan kesedaran mengenai peningkatan permintaan terhadap produk SRI dalam pasaran modal global; dan
- iii. Menyokong modal insan antarabangsa, seperti penyedia khidmat pentadbiran dana antarabangsa dan firma VC global untuk menubuhkan cawangan tempatan bagi meningkatkan tenaga pakar yang menetap di Malaysia.

CMM juga melaksanakan program yang bersesuaian dengan keutamaan SC untuk meningkatkan jumlah penyertaan dalam SRI, pembiayaan berdasarkan pasaran, dan pasaran bon dan sukuk. Program-program ini bertujuan untuk–

- i. Meningkatkan kesedaran mengenai penyelesaian pembiayaan alternatif untuk PMKS, melalui platform "Pemandanan Perniagaan" yang membolehkan PMKS bertemu dengan pengendali platform pembiayaan ECF dan P2P yang berdaftar di Malaysia;
- ii. Memudahcara pertumbuhan SRI dalam skop yang lebih besar sejajar dengan pembentangan mengenai kewangan Islam dan pelaburan bertanggungjawab Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN PRI);

- iii. Memudahcara kesedaran mengenai SRI, melalui Forum Pelaburan Bertanggungjawab bersama UN PRI dan Bursa Malaysia. Acara ini berjaya menarik 200 orang kakitangan pengurusan kanan syarikat pengurusan dana, pelabur institusi dan penerbit bagi PLC dengan permodalan besar; dan
- iv. Meningkatkan kesedaran mengenai projek pembiayaan infrastruktur melalui pasaran bon dan sukuk Malaysia, dengan mengadakan dialog perniagaan antara sektor kerajaan dan swasta di Malaysia Timur. Dialog ini diadakan bersempena Forum Ekonomi Islam Dunia ke-13 di Kuching, Sarawak.

MEMACU PELABURAN MAMPAH

Trend global untuk memupuk nilai-nilai sosial ke dalam pelaburan – berbuat baik sambil mengecap kejayaan – telah membawa kepada percambahan SRI. Pertumbuhan SRI di Malaysia perlu disokong oleh satu ekosistem – ini telah digariskan dalam strategi 5i SC yang memerlukan perluasan rangkaian instrumen SRI, meningkatkan pangkalan pelabur (*investor*) SRI, membina pangkalan penerbit (*issuer*) SRI yang besar, menerapkan budaya dalaman (*internal culture*) dan tadbir urus yang kukuh serta merangka infrastruktur maklumat (*information architecture*) bagi ekosistem SRI. SC telah mengeluarkan Rangka Kerja Sukuk SRI pada 2014 untuk menggalakkan pelaburan yang mampan. Pada 2015, Khazanah Nasional Bhd telah menerbitkan tranche pertama sebanyak RM100 juta untuk membiayai pembangunan sekolah amanah melalui program sukuk SRI bernilai RM1 bilion. Pada 2017, Khazanah telah menerbitkan tranche kedua sebanyak RM100 juta, sebahagian daripadanya buat kali pertama diperuntukkan kepada pelabur runcit.

Rajah 6
Strategi 5i

Pengenalan Strategi 5i untuk membangunkan ekosistem SRI dalam pasaran modal



Rangka Kerja Sukuk SRI adalah setara dengan Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa (ICMA)⁴, Prinsip Bon Hijau (GBP)⁵ yang merupakan garis panduan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk terbitan bon hijau. Tahun ini juga menyaksikan peningkatan terbitan bertema hijau. Pada Julai, sukuk hijau SRI pertama di dunia diterbitkan di Malaysia oleh Tadau Energy untuk membiayai projek solar. Penerbitan ini merupakan terbitan pertama di dunia yang mengintegrasikan secara formal prinsip Syariah dan hijau, yang berjaya dilaksanakan di bawah Rangka Kerja SRI Sukuk SC. Seterusnya, dua lagi sukuk hijau SRI telah diterbitkan, yang yang menjadikan jumlah penerbitan sebanyak RM1.94 bilion pada tahun 2017. Malaysia telah memperoleh pengiktirafan Kumpulan Bank Dunia sebagai perintis dalam menghubungkan pasaran modal – khususnya kewangan Islam, untuk pelaburan yang mesra iklim.

Pendidikan dan kesedaran pihak berkepentingan penting untuk meluaskan pertumbuhan SRI. SC, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Bank

Dunia Malaysia meneruskan usaha bersama untuk memacu program kesedaran, pembabitan pihak berkepentingan dan bantuan teknikal untuk Sukuk Hijau SRI. Di samping itu, SC telah mewujudkan Skim Geran Sukuk Hijau SRI sebanyak RM6 juta untuk memberi insentif kepada para penerbit mendapatkan pensijilan hijau dengan mengimbangi kos semakan luaran. Skim ini akan mula beroperasi pada 2018.

Pelancaran Piawaian Bon Hijau ASEAN untuk menyokong pertumbuhan mampan di ASEAN

Di peringkat ASEAN, ACMF telah mengenal pasti pembangunan kelas asset hijau sebagai salah satu daripada inisiatif utama di rantau ini bagi menyokong keperluan infrastruktur ASEAN.

Pada Januari 2017, Kumpulan Kerja Kewangan Hijau ACMF, yang dipengerusikan bersama oleh SC dan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Filipina telah ditubuhkan. Pada November 2017,

⁴ Keahlian ICMA merangkumi penerbit, pengantara, pelabur dan penyedia infrastruktur pasaran modal. ICMA mempunyai 530 ahli dari 60 negara di seluruh dunia.

⁵ Prinsip Bon Hijau (GBP) merupakan proses garis panduan sukarela yang mencadangkan ketelusan dan pendedahan serta menggalakkan integriti dalam pembangunan pasaran modal bagi menjelaskan pendekatan penerbitan bon hijau.

Piawaian Bon Hijau ASEAN (GBS) telah diluluskan ketika Mesyuarat Pengerusi-Pengerusi ACMF dan dilancarkan di Persidangan Pasaran Modal ASEAN yang pertama.

GBS ASEAN tersebut, yang selari dengan GBP ICMA yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, bertujuan memberikan panduan khusus mengenai pemakaian GBP di seluruh ASEAN, dalam usaha menggalakkan ketelusan dan ketekalan dalam rangka kerja pasaran bon hijau ASEAN. Untuk memastikan bahawa Bon Hijau ASEAN memberi manfaat kepada rantau ini, penerbit Bon Hijau ASEAN yang layak dikehendaki mempunyai hubungan geografik atau ekonomi dengan rantau ASEAN, dan secara khusus tidak melibatkan projek berkaitan bahan api fosil.

Pada pelancaran GBS ASEAN, Permodalan Nasional Bhd (PNB), melalui anak syarikat milik penuhnya, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd, telah berikrar untuk menggunakan GBS ASEAN dalam penerbitan sukuknya untuk membiayai pembinaan Menara Warisan Merdeka; penerbit pertama di rantau ini yang berbuat demikian. Pada Disember 2017, PNB menerbitkan tranche pertama sebanyak RM690 juta daripada RM2 bilion dan program 15 tahun Sukuk SRI Hijau Merdeka. Ini merupakan

sukuk hijau pertama yang diiktiraf di bawah Rangka Kerja Sukuk SRI SC dan GBS ASEAN.

Pembinaan industri dana SRI yang unggul melalui Garis Panduan Dana SRI

Dana SRI telah meraih momentum yang besar di peringkat global, dengan anggaran aset dana sebanyak AS\$22.89 trilion di seluruh dunia yang kini diuruskan di bawah pelbagai strategi SRI⁶. Trend pertumbuhan ini menunjukkan peningkatan permintaan terhadap penyelesaian pelaburan yang bukan sahaja menawarkan pulangan yang kompetitif tetapi juga yang sejajar dengan keinginan pelabur dalam memastikan portfolio mereka diuruskan secara mampan. Malaysia diiktiraf sebagai pasaran terbesar bagi dana SRI di Asia tidak termasuk Jepun dengan anggaran 30% daripada aset⁷ dana di rantau ini bernilai AS\$52 bilion yang merangkumi dana Islam.

Bagi memperluas rangkaian produk SRI dalam pasaran modal Malaysia dan sejarah dengan strategi SC untuk membangunkan ekosistem SRI, SC telah mengeluarkan *Guidelines on Sustainable and Responsible Investment Funds* yang dikeluarkan pada Disember 2017.



Pelancaran Piawaian Bon Hijau ASEAN

(Dari kiri) I Made Bagus Tirtayatra, Timbalan Pengarah Pelesenan Pengurusan Pelaburan, Otoritas Jasa Keuangan; T.Y.T Sou Socheat, Ketua Pengarah, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Kemboja; Awang Mardini Haji Eddie, Pemangku Penolong Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam; Mushtaq Kapasi, Wakil Asia Pasifik ICMA; Khun Rapee Sucharitkul, Setiausaha Agung Suruhanjaya Sekuriti Thailand merangkap Naib Pengerusi ACMF; Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh, Pengerusi ACMF merangkap Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Peguam Teresita Herbosa, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Filipina.

⁶ Global Sustainable Investment Review 2016.

⁷ Ibid.

Pasaran yang Inklusif dan Mampan

Garis panduan tersebut menjelaskan keperluan penzahiran dan pelaporan tambahan yang bertujuan menggalakkan ketelusan mengenai aspek kemampunan dalam pengurusan dan pelaburan dana, dan memenuhi pelbagai pendekatan pelaburan. Ini termasuk dana yang menggabungkan faktor persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) atau norma-norma etika dalam kriteria pelaburan, serta dana tematik yang berfokuskan isu-isu sosial dan alam sekitar.

Penerbitan garis panduan ini akan menyokong visi SC bagi mewujudkan jenama yang unggul untuk dana SRI dalam pasaran modal Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat dana SRI patuh Syariah di rantau ini. Insentif untuk menggalakkan para pengurus dana mewujudkan dana SRI telah diperkenalkan dalam Belanjawan 2018 yang memberi pengecualian cukai ke atas pendapatan yuran pengurusan pengurus dana.

MEMPERKUKUH KEDUDUKAN KEPIMPINAN MALAYSIA DALAM PASARAN MODAL ISLAM

Pelaksanaan Rangka Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam

Aset bawah pengurusan Islam (AUM) di peringkat global telah mencapai AS\$56 bilion⁸ pada 2016. Malaysia diiktiraf sebagai peneraju industri dana Islam, dengan jumlah dana Islam yang terbesar. Ini telah membolehkan Malaysia berupaya memanfaatkan permintaan yang tidak mampu dipenuhi terhadap produk pelaburan patuh Syariah di seluruh dunia. Memandangkan wujudnya industri pengurusan dana Islam yang maju di Malaysia, firma-firma antarabangsa terkemuka berminat untuk menubuhkan operasi pasaran modal Islam mereka di negara ini bersama-sama firma tempatan.

Dengan adanya persamaan antara prinsip SRI dan kewangan Islam, Malaysia sebagai peneraju dalam ICM, berada dalam kedudukan baik untuk memacu pembangunan perkhidmatan pengurusan kekayaan Islam dan memudah cara peluang pertumbuhan baharu bagi SRI.

Menyedari akan perkara ini, SC telah melancarkan *Islamic Fund and Wealth Management Blueprint (Rangka Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam)* pada 2017. Rangka Tindakan tersebut menggariskan tiga teras strategik dengan visi untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat antarabangsa terkemuka dalam pengurusan dana dan kekayaan Islam; iaitu mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab global bagi dana Islam, menjadikan negara ini sebagai pusat SRI patuh Syariah di rantau ini, dan membangunkan Malaysia sebagai penyedia perkhidmatan pengurusan kekayaan Islam di peringkat antarabangsa (Rajah 7).

Pelaksanaan awal Rangka Tindakan itu menyaksikan tawaran awam yang pertama bagi saham wakaf (satu pembiayaan amal di bawah undang-undang Islam yang tidak boleh dipindah milik) oleh satu

Rajah 7 Tiga Teras Strategik Utama

Teras #1



Mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab global untuk dana Islam

Teras #2



Menjadikan Malaysia sebagai pusat Pelaburan Patuh Syariah yang Mampan dan bertanggungjawab di rantau ini.

Teras #3



Membangunkan Malaysia sebagai penyedia antarabangsa bagi perkhidmatan pengurusan kekayaan Islam.

⁸ IFSB Islamic Financial Services Industry Stability Report 2017.

entiti korporat. Ini diikuti oleh beberapa terbitan sukuk hijau dan kemunculan peserta baharu dalam pentadbiran dan pengurusan dana di Malaysia.

Pada 2017, Malaysia menyaksikan tawaran awam saham wakaf pertama di dunia oleh Larkin Sentral. Sebanyak 850 juta saham biasa baharu telah ditawarkan pada harga langganan RM0.10 sesaham (bernilai RM85 juta) kepada pelabur institusi dan individu. Saham wakaf tersebut telah distruktur di bawah model perusahaan sosial, memantapkan lagi usaha Malaysia dalam menggalakkan pembangunan ekonomi sosial. Hasil kutipan daripada langganan saham wakaf tersebut akan digunakan untuk membiaya kerja-kerja menaik taraf sebuah terminal pengangkutan dan kemudahannya. Di bawah skim ini, pelanggan-pelanggan saham akan menyerahkan sahamnya berserta semua hak dan kelayakan mereka kepada pemegang amanah, dan dividen dari saham wakaf itu, antara lain, digunakan untuk membantu ibu-ibu tunggal dan kumpulan berpendapatan rendah untuk membayar kadar sewa lot kedai yang minimum di terminal itu. Para pelanggan saham wakaf tersebut layak untuk mendapat pelepasan cukai.

Kehadiran pengantara terkemuka yang beroperasi di Malaysia akan menambah kepelbagaiannya, pengkhususan dan penawaran khidmat pengurusan dana dan kekayaan Islam di sini. Pada 2017, SC telah memberikan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal kepada pengurus dana serantau bagi melengkapkan asas kukuh syarikat pengurusan dana Islam di negara ini. SC juga memudah cara kemasukan pentadbir dana dan penyedia perkhidmatan antarabangsa, yang menubuhkan operasinya pada 2017.

Meningkatkan kecairan pasaran dan keupayaan pengurusan risiko

Bagi merancakkan pertumbuhan pasaran sekuriti patuh Syariah, khususnya ETF Islam, Bursa Malaysia telah memperkenalkan rangka kerja Transaksi Rundingan Jualan dan Belian Sekuriti Islam

(iSSB-NT). Rangka kerja ini adalah yang pertama seumpamanya untuk membolehkan pembangunan infrastruktur pasaran yang selanjutnya dan dijangka dapat meningkatkan kecairan serta memudah cara aktiviti lindung nilai dan pengurusan risiko oleh para pengurus dana dan kekayaan Islam.

Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran profesional ICM

Bagi menyokong perkembangan profesional ICM, beberapa program pembangunan keupayaan bagi pengamal industri serta graduan muda telah dianjurkan.

Bengkel Sukuk Hijau

Untuk melengkapi kemajuan Malaysia dalam sukuk hijau, beberapa bengkel telah dianjurkan untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai trend antarabangsa kewangan hijau dan rangka kerja semasa yang terdapat di Malaysia bagi inisiatif hijau. Bengkel-bengkel tersebut yang telah diadakan pada Julai dan September 2017 masing-masing dikhatuskan bagi bank pelaburan dan PLC.

Program Pasaran Islam, Program Profesional Syariah untuk ICM dan Skim Latihan Siswazah Pasaran Modal Islam

SC terus bekerjasama dengan Securities Industry Development Corporation (SIDC) untuk mengendalikan program-program pembangunan keupayaan tahunan seperti Program Pasaran Islam (IMP), Program Profesional Syariah bagi ICM (SPP) dan Skim Latihan Siswazah Pasaran Modal Islam (ICMGTS).

Pada 2017, IMP tertumpu kepada 'Menggalakkan Perusahaan Sosial dan Kewangan Bertanggungjawab: Satu Agenda Baharu untuk Pasaran Modal Islam'. Program ini menawarkan pelabur satu pendekatan alternatif kepada

Pasaran yang Inklusif dan Mampan

pengurusankekayaan di samping menangani masalah kekurangan sumber, perubahan iklim dan isu-isu degradasi alam sekitar. Ia merupakan satu peluang untuk menghubungkan pelabur yang bermotivasi sosial dengan perusahaan sosial. Bagi industri pula, ia menawarkan satu pendekatan berbeza dalam menjalankan perniagaan, iaitu dengan memanfaatkan bakat usahawan yang ingin membuat perubahan, dan membolehkan organisasi kemasyarakatan mencapai matlamat sosial mereka dengan kemampunan kewangan yang lebih besar. Sejak penubuhannya pada 2016, sejumlah 176 pengamal industri telah memperoleh manfaat daripada program tersebut, termasuklah 79 orang peserta pada 2017.

Buku teks Sukuk: Principles and Practices

Buku teks *Sukuk: Principles and Practices*, yang telah dilancarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sultan Perak, pada Oktober 2017, merupakan hasil kerjasama erat antara SC dan International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). Tertumpu kepada teori dan amalan yang mentadbir sukuk di pelbagai bidang kuasa di samping menggunakan pakai perspektif global, kerjasama kedua ini adalah lanjutan daripada kejayaan penerbitan bersama kami sebelum ini yang bertajuk *Islamic Capital Markets: Principles & Practices*, pada 2015. SC dan Khazanah Nasional Bhd merupakan penaja bersama kedua-dua penerbitan ini.

Penglibatan dalam forum global untuk membangunkan ICM

SC telah menganjurkan beberapa program kepimpinan pemikiran, dengan kerjasama organisasi antarabangsa. Program-program tersebut menyediakan platform bagi SC untuk memudahkan cara perbincangan, mengetengahkan dan bertukar-tukar pandangan dengan pengamal pasaran, pembuat dasar, pengawal selia, serta pihak berkepentingan lain mengenai penggunaan

perkhidmatan kewangan Islam dan kaitannya dengan keperluan masyarakat.

Persidangan mengenai Kewangan Islam dan Perkongsian Sektor Awam-Swasta bagi Pembangunan Infrastruktur anjuran SC dan Bank Dunia

SC dan Bank Dunia telah menganjurkan persidangan dan meja bulat pertama mereka mengenai kewangan Islam dan Perkongsian Sektor Awam-Swasta (PPP) bagi Pembangunan Infrastruktur, sebagai sebahagian daripada penglibatan berbilang tahun. Di persidangan tersebut, peranan PPP sebagai agen perubahan ekonomi dan kemasyarakatan yang berkesan, serta penggunaan kewangan Islam telah diiktiraf sebagai mekanisme yang berkesan dalam pertumbuhan ekonomi dan pewujudankekayaan sebenar. Secara khusus, pengalaman luas Malaysia menggunakan instrumen kewangan Islam untuk menyokong pembangunan infrastruktur telah membuktikan kerjasama seumpama ini mampu menawarkan penyelesaian bagi keperluan pembangunan infrastruktur global. Perbincangan tertumpu kepada ekosistem yang diperlukan untuk ICM, pembangunan PPP dan pengenalpastian dasar, undang-undang, campur tangan kawal selia dan institusi yang relevan bagi menarik dan mengembangkan pembiayaan Islam untuk pembangunan infrastruktur.

Susulan persidangan ini, SC dan Bank Dunia telah mengeluarkan satu laporan bertajuk, *Islamic Finance and Public-Private Partnership: Viability, Opportunities and Recommendations*. Laporan tersebut bermatlamat untuk merealisasikan intipati perbincangan ketika persidangan tersebut dan membuat cadangan utama yang difikirkan perlu.

Forum Dana Antarabangsa 2017

SC juga telah menganjurkan Forum Dana Antarabangsa (IFF) 2017, yang menampilkan pakar strategi pasaran dan wakil kanan dari firma dana

antarabangsa dan institusi kewangan terkemuka yang berkongsi pandangan mereka mengenai prospek ekonomi dan pasaran global, serta pembangunan industri dana Islam dan pengurusan kekayaan. Forum tersebut turut membincangkan prospek industri pengurusan pelaburan yang timbul daripada perubahan dalam trend kekayaan antarabangsa dan penekanan yang semakin meningkat terhadap SRI.

Sidang Meja Bulat SC-Pusat Pengajian Islam Oxford (OCIS)

Sidang Meja Bulat SC-OCIS kali ke-8 telah diadakan di Ditchley Park, Oxfordshire, United Kingdom pada Mac 2017. Bertemakan ‘Mewujudkan Nilai Bersama Melalui Perkongsian Risiko’, sidang Meja Bulat tahun ini membincangkan falsafah dan aspek ekonomi perkongsian risiko dan meneliti model, struktur atau platform yang berpotensi untuk mencapai pengaturan pembiayaan berkongsi risiko secara kolektif dan dengan itu mengurangkan kebergantungan hutang dalam kewangan Islam. Sidang Meja Bulat itu turut membincangkan keperluan untuk menggabungkan nilai-nilai bersama dalam perumusan perkongsian risiko dalam kewangan Islam. Platform-platform seperti perkongsian, perkongsian koperasi, perkongsian liabiliti terhad dan persatuan bersama bagi pengaturan perkongsian keuntungan dan kerugian untuk berkembang maju telah diteliti. Model bank keahlian telah dibincangkan, khususnya mengenai keupayaannya untuk mampan kendiri kerana ahli-ahlinya tertarik untuk berkongsi pulangan kos dengan ahli-ahli lain.

Program Sarjana Tamu

Program Sarjana Tamu (SIR) merupakan satu inisiatif usaha sama antara SC dan OCIS yang diperkenalkan pada 2012 untuk penyelidikan khusus ke atas isu-isu kontemporari dalam kewangan Islam. Cadangan dan hasil penyelidikan tersebut akan menyumbang kepada panduan pelaksanaan dasar

atau berfungsi sebagai penanda aras industri. Dr Salman Syed Ali, sarjana pelawat kelima bagi tahun akademik 2016/2017, telah menyempurnakan penyelidikannya bertajuk ‘Mempromosikan kewangan Islam Berasaskan Ekuiti: Pertimbangan Makro dan Mikro’. Dr Siti Raihana Hamzah, Pensyarah Kanan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah dipilih sebagai sarjana SIR keenam bagi tahun akademik 2017/2018, dengan kertas cadangan bertajuk, ‘Analisis Empirik Peralihan Risiko dan Perkongsian Risiko dalam Bon dan Sukuk: Pemakaian kepada Pendanaan Ekuiti Ramai’.

MEMUDAH CARA PENINGKATAN KERJASAMA RENTAS SEMPADAN DAN PEMPROFILAN ANTARABANGSA

Penyertaan dalam pembabitan global dan kepimpinan pemikiran

Penyertaan SC dalam pembabitan global dan peranan kepimpinan di peringkat antarabangsa adalah penting bagi memastikan kami kekal menerajui perbincangan dasar di peringkat antarabangsa.

SC terus terlibat secara aktif dalam Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO), penetap piawaian antarabangsa utama bagi pengawalseliaan sekuriti. Keanggotaan IOSCO mengawal selia lebih 95% pasaran modal dunia bernilai sekitar AS\$140 trilion, dalam hampir 120 bidang kuasa.

Pengerusi SC merupakan Naib Pengerusi Lembaga Pengelola IOSCO dan ahli pasukan pengurusan IOSCO selama lima tahun. Beliau terus mempengerusikan Jawatankuasa Pertumbuhan dan Pasaran Pesat Membangun (GEM) IOSCO, jawatankuasa terbesar IOSCO dengan 107 anggota yang mewakili 80% keanggotaan IOSCO. Beliau juga mewakili IOSCO dalam mesyuarat Lembaga Kestabilan Kewangan (FSB).

Keputusan IOSCO untuk menubuhkan Hab Asia Pasifik (Hab) di Kuala Lumpur menunjukkan

Pasaran yang Inklusif dan Mampan

pengiktirafan kepada kepimpinan SC dalam IOSCO dan komitmen kami untuk merangka perkembangan kawal selia global. Hab di Kuala Lumpur tersebut telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada Mac 2017 bagi meningkatkan kepesatan pembangunan pasaran modal dan mengukuhkan keupayaan kawal selia di rantau ini.

Bersempena Minggu Pelabur Dunia IOSCO 2017, Hab tersebut telah menganjurkan bengkel buat julung kalinya selama dua hari mengenai `Mengekalkan Ekonomi Tingkah Laku bagi Pendidikan dan Perlindungan Pelabur pada Oktober 2017. Bengkel tersebut mengkaji semula pendekatan kawal selia terhadap kajian mengenai tingkah laku untuk program dan inisiatif pelabur, dan memberilebih kefahaman kepada para peserta mengenai kajian tingkah laku dan faktor yang mempengaruhi keputusan para pelabur. Sejumlah 31 pengawal selia dari 18 negara menyertai bengkel tersebut.

Jawatankuasa GEM telah memberi lebih tumpuan kepada pembiayaan mampan pada tahun ini – dengan kajian semula yang diterajui oleh SC dan CNV Argentina, terhadap pembangunan dan pertumbuhan kelas aset hijau seperti bon hijau, dana dan indeks yang berkaitan, dan keperluan utama untuk memudah cara pembangunan kelas-kelas aset ini. Usaha ini akan mempertimbangkan isu-isu dan cabaran yang memberi impak kepada pembangunan pembiayaan mampan dalam pasaran modal, serta peranan pengawal selia sekuriti dalam bidang ini. Kemampanan juga merupakan agenda utama dalam Mesyuarat dan Persidangan Tahunan Jawatankuasa GEM yang berlangsung dari 20 hingga 21 September di Sri Lanka, di mana persidangan mengenai `Meningkatkan Pembiayaan Berasaskan Pasaran yang Mampan dan Inovatif' telah diadakan. Bidang-bidang lain yang dibincangkan termasuklah isu-isu berkaitan kecairan dalam pasaran modal pesat membangun, peranan Fintech dan keperluan untuk mengimbangi inovasi dan perlindungan pelabur, terutamanya dalam

bidang seperti mata wang kripto dan ICO. Acara tersebut telah menarik lebih 300 orang peserta dari hampir 50 negara.

Jawatankuasa GEM juga telah menganjurkan Bengkel Kawal Selia Siber yang turut menjalankan latihan simulasi siber. Bengkel tersebut yang dirangka dengan kerjasama pakar-pakar pasaran terkemuka, bertujuan untuk memperkuuh keupayaan dan tahap kesediaan kawal selia dalam menangani ancaman siber. Latihan simulasi tersebut mengetengahkan perkembangan dan risiko utama siber seperti serangan peniru baru muncul, teknologi dan kaedah baharu untuk menceroboh dan menjelaskan sistem maklumat dan kewangan.

Berikutnya penerbitan Laporan Jawatankuasa GEM, *Report on Corporate Governance in Emerging Markets* tahun lalu, Jawatankuasa GEM telah mengadakan Dialog Tadbir Urus Korporat dengan pelabur-pelabur institusi terkemuka pada Jun 2017 di London. Dialog tersebut membincangkan isu-isu tadbir urus utama yang memberi kesan kepada pasaran modal berkaitan dengan tadbir urus korporat - termasuk risiko salah laku, kemampanan dan hal-hal berkaitan ESG.

Pada 2017, Pengurus SC turut menjadi pengurus bersama Forum Global Salzburg 2017 mengenai Kewangan dalam Dunia yang Berubah-ubah, yang telah diadakan di Salzburg, Austria. Ia merupakan perjumpaan tahunan yang penting dan berpengaruh bagi para pembuat dasar, pengawal selia dan pengamal sektor kewangan peringkat atasan dalam untuk membincangkan perkembangan semasa pasaran global.

Perbincangan tersebut disertai oleh Perbendaharaan Persekutuan AS, Deutsche Bundesbank, Australian Securities and Investment Commission (ASIC) and the Dubai Financial Services Authority (DFSA). Ia bertumpu kepada risiko yang baru muncul dan penyelesaian yang berpotensi; halangan kepada usaha peringkat global bagi menangani pemecahan pasaran; perkembangan kawal selia dan langkah-langkah keutamaan untuk mengukuhkan sistem

“Matlamat ekonomi dan pembangunan masa hadapan hendaklah berdasarkan jangka masa panjang dan kemampunan. Hal ini penting ketika kita terus menangani sumber yang terhad dalam situasi dunia yang dipengaruhi iklim, dan proses globalisasi memberi impak kepada keterangkuman dan ketaksamarataan sosial.”

– Tan Sri Dato’ Seri Ranjit Ajit Singh,
Pengerusi, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

kewangan global. Acara tersebut telah dihadiri hampir 60 orang pemimpin kewangan dari 19 negara.

Menjalin Perjanjian Kerjasama Fintech dengan Pusat-Pusat Kewangan Utama

Pada 2017, SC telah mengadakan beberapa perjanjian kerjasama inovasi, atau ‘jalinan Fintech’ dengan beberapa pengawal selia pusat kewangan utama, untuk merangsang kerjasama yang lebih erat untuk memudah cara perkongsian maklumat mengenai trend baru muncul dan perkembangan kawal selia. Ia juga akan memudah cara rujukan bagi perniagaan inovatif yang ingin beroperasi antara bidang kuasa satu sama lain dan peluang untuk menjalankan projek inovasi secara bersama.

Jalinan Fintech telah diwujudkan dengan ASIC, Suruhanjaya Sekuriti dan Niaga Hadapan Hong Kong, Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Dubai, Pihak Berkuasa Monetari Singapura dan Pihak Berkuasa Kawal Selia Perkhidmatan Kewangan Global Abu Dhabi. Perjanjian kerjasama tersebut menyediakan rangka kerja penting bagi perkongsian maklumat antara SC

dan pasaran utama di Asia Pasifik dan Timur Tengah serta meningkatkan penyebaran silang konsep kewangan digital yang akan memberi manfaat kepada institusi kewangan, syarikat peringkat permulaan dan para pelabur.

Menerajui usaha dalam pasaran modal ASEAN

SC kekal sebagai pengurus ACMF untuk tahun keempat berturut-turut, setelah disokong sebulat suara oleh anggota ACMF dalam proses pemilihan semula.

Dalam mesyuarat pada Mac di Kuala Lumpur, ACMF telah meluluskan inisiatif-inisiatif utama yang akan dilaksanakan pada 2017 di bawah Pelan Tindakan ACMF 2016-2020 (Pelan Tindakan), ke arah mencapai Wawasan 2025 ACMF yang menyokong wawasan Komuniti Ekonomi ASEAN.

Menggalakkan pembiayaan mampan dan tadbir urus korporat

ACMF memperkuuh komitmennya untuk membangunkan kewangan hijau di rantau ini dan melancarkan *Piawaian Bon Hijau ASEAN* pada November 2017.

Untuk meningkatkan kualiti penilaian dan kefahaman terhadap amalan Tadbir Urus Korporat (CG), PLC ASEAN, ACMF telah menyemak semula Kad Skor CG ASEAN – inisiatif yang pertama kali diterajui oleh SC pada 2011. Kad skor yang telah disemak semula itu menggabungkan Prinsip G20/OECD yang baharu dan memperkenalkan pengesahan bebas untuk melengkapkan proses semakan setara yang sedia ada. Penilaian terhadap syarikat-syarikat awam tersenarai ASEAN menggunakan Kad Skor CG yang disemak semula telah bermula pada suku tahun kedua 2017, dan kedudukan mereka akan diumumkan pada Majlis Anugerah di Kuala Lumpur pada Mac 2018.

Memudah cara keberkaitan

Bagi menggalakkan mobiliti yang lebih baik dalam kalangan para profesional dan perkhidmatan pasaran modal di rantau ini, ACMF telah mula mengadakan penglibatan peserta pasaran di rantau ini melalui Panel Perundingan Industri ACMF (AICP) untuk mengumpul input. AICP akan meneruskan pembabitan bagi memperkenalkan peraturan kepada mobiliti profesional secara berperingkat, bermula dengan jururunding pelaburan, penganalisis penyelidikan dan entiti yang telah diberi lesen untuk menjalankan aktiviti pengurusan dana. Inisiatif ini akan membolehkan para profesional yang dilesenkan oleh anggota ACMF menyediakan perkhidmatan tertentu dalam bidang kuasa anggota lain dengan lancar.

ACMF juga telah membincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan keterhubungan bursa saham dan pengalaman pelabur dalam pelaburan serantau, termasuk maklum balas yang diterima daripada AICP dan cadangan yang dikemukakan oleh jururunding bebas yang dilantik oleh Bank Pembangunan Asia (ADB).

Bagi membolehkan pengurus dana dari negara-negara penandatangan menawarkan dana di bawah proses pemberian kebenaran yang diperkemas, usaha telah diambil oleh ACMF untuk meningkatkan Rangka Kerja Skim Pelaburan Kolektif ASEAN (CIS). Ini termasuk menyelaraskan piawaian penzahiran, meliberalisasikan sekatan pelaburan di samping memperluas rangkaian CIS ASEAN dengan memasukkan amanah pelaburan hartanah. Pada November 2017, ACMF telah meluluskan semakan kepada Memorandum Persefahaman (MoU) ASEAN mengenai CIS yang bertujuan memberi lebih kelonggaran kepada industri pengurusan dana. Di samping itu, pada November, SEC Filipina telah memberi komitmen untuk menandatangani MoU, menyertai langkah Singapura, Malaysia dan Thailand.

Di bawah Program Pembangunan Pasaran ACMF, fasa pertama program kawal selia dalam usaha membangunkan pasaran bon tempatan di Kemboja, Republik Lao, Myanmar dan Vietnam (CLMV) telah dilaksanakan dengan jayanya. Fasa kedua program yang disasarkan kepada peserta pasaran negara-negara CLMV akan diadakan pada suku tahun pertama 2018.

Pada 8 November, ACMF telah menganjurkan Persidangan Pasaran Modal ASEAN yang pertama di Kuala Lumpur. Dengan tema ‘Mengukuhkan Keberkaitan Pasaran Modal ASEAN’, persidangan tersebut mengetengahkan usaha-usaha ACMF ke arah kerjasama serantau bagi pasaran modal ASEAN yang saling berhubung, inklusif dan bingkas untuk pertumbuhan serantau yang mampan, seperti yang ditetapkan dalam Wawasan ACMF 2025. Persidangan tersebut dihadiri lebih 300 orang peserta dari dalam dan di luar rantau ini, yang terdiri daripada penerbit, pelabur, pengantara, pengawal selia dan pakar dari pelbagai institusi seperti ADB, Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (AIIB), Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa (ICMA) dan Bank Dunia. Sesi panel di persidangan tersebut membincangkan topik berkisar pertumbuhan dan peluang di rantau ini termasuk infrastruktur dan pembiayaan hijau, tadbir urus korporat dan perubahan dinamik pasaran dalam era digital.

ADB menyokong beberapa inisiatif ACMF termasuk usaha pembinaan kapasiti, Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN, Persidangan Pasaran Modal ASEAN dan proses permohonan IOSCO untuk anggota ACMF yang terpilih.

Menggalakkan persekitaran kolaboratif untuk penyelidikan produktif

Memandangkan peranan penting dan semakin berkembang oleh pasaran modal dalam memupuk pertumbuhan ekonomi, Institut Penyelidikan Pasaran Modal (ICMR) telah ditubuhkan bagi

menjalankan penyelidikan dalam pelbagai isu tematik yang berkaitan dengan pasaran modal.

Oleh kerana pasaran modal menjadi semakin rumit, usaha memangkin pertumbuhan dan menangani isu-isu struktur bagi pembangunan pasaran modal tempatan, hanya boleh dilaksanakan dalam konteks memahami trend global dan serantau yang lebih meluas. ICMR berfungsi untuk membangunkan platform penghubung bagi perkongsian pengetahuan dan membina jaringan bersama rakan strategik dari seluruh dunia untuk mengumpul pandangan

yang relevan dari perspektif global dan pelbagai disiplin. Sebagai permulaan, ICMR telah mengenal pasti Alternative Investments Initiatives, Wharton Business School US; Nomura Institute of Capital Markets Research, Jepun dan Jaffrey Sachs Centre on Sustainable Development, Sunway University sebagai rakan usaha sama penyelidikannya yang pertama.

Untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan institut tersebut serta membina jenama, profil dan kedudukannya, ICMR juga akan memperkenalkan program pelawat dan fele kanan.

Bahagian 2

Memperkuuh Integriti Pasaran



					
Memupuk Penerapan Tadbir Urus Korporat	Mewujudkan Pasaran yang Adil dan Teratur Melalui Pemantauan	Memperkuuh Tatalaku dan Amalan Baik Dalam Kalangan Institusi dan Pengantara	Memastikan Daya Tahan Sistemik dan Keselamatan Siber	Memperkasa Pelabur	Mencapai Pencegahan Andal Melalui Penguatkuasaan
<ul style="list-style-type: none"> Bagi memperkuuh rangka kerja kawal selia dan ekosistem tadbir urus korporat. <i>Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia</i> baharu telah dilancarkan dan pelan strategik 3 tahun telah diumumkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti pemantauan tertumpu kepada penyelewengan korporat dan penyalahgunaan pasaran. 	<ul style="list-style-type: none"> Bagi memastikan kebingkasan institusi pasaran, usaha tertumpu kepada pengukuhan struktur tadbir urus Bursa Malaysia dan infrastruktur pasaran kewangan. Aktiviti pengawasan tertumpu kepada menekankan tatalaku yang baik dalam kalangan pengantara. 	<ul style="list-style-type: none"> Bagi memastikan kestabilan sistemik, penilaian tertumpu kepada aliran modal, keairan, keterkaitan pasaran dan risiko penularan. Tumpuan juga dipergiat terhadap keselamatan siber di seluruh industri pasaran modal. 	<ul style="list-style-type: none"> Bagi meningkatkan impak terhadap pendidikan pelabur, usaha tertumpu kepada lebih banyak program mendekati orang ramai dan meningkatkan kefahaman terhadap tingkah laku pelabur. Pada 2017 khususnya, perhatian diberikan kepada peningkatan kesedaran mengenai skim penipuan. Skop SIDREC juga telah diperluas untuk menerima tuntutan yang lebih tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan penguatkuasaan bertindak sebagai kaedah bagi pencegahan yang andal. Pada 2017, lebih banyak pengiktirafan kehakiman berkaitan kesalahan pasaran modal, termasuk sabitan jenayah yang amat penting bagi dagangan orang dalam dan buat pertama kali penghakiman sivil Mahkamah Tinggi terhadap pengarah PLC kerana dagangan orang dalam.

Pengenalan

Integriti pasaran adalah penting dalam meningkatkan keyakinan pelabur dan memacu pertumbuhan mampan melalui pembentukan modal dan pelaburan. SC menegakkan integriti pasaran modal dengan memastikan ia beroperasi secara adil, teratur dan telus. Ini dicapai melalui kerja pemantauan dan penyeliaan proaktif untuk mengesan dan mencegah salah laku. Tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian diambil terhadap mana-mana pelanggaran undang-undang sekuriti untuk mencapai pencegahan yang andal. Upaya kawal selia SC dilengkapi dengan inisiatif memperkasa pelabur, ke arah menyediakan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk membuat keputusan pelaburan yang kukuh.

Bagi menyampaikan komitmen kami untuk mengukuhkan integriti pasaran, usaha kawal selia kami pada 2017 tertumpu kepada enam teras:

1. Memupuk Penerapan Tadbir Urus Korporat

Dalam bidang tadbir urus korporat, usaha kami yang bermula dengan memperkuuh rangka kerja kawal selia dalam tahun-tahun pembentukan, kini

Memperkuuh

Integriti Pasaran

telah berkembang untuk menerapkan tadbir urus yang baik dan menjadikan tadbir urus yang baik sebagai aspek penting dalam budaya korporat Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, kami membangunkan pelan tadbir urus korporat strategik bagi tahun 2017 hingga 2020, dengan hasil penyampaian pertama iaitu *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* yang baharu dikeluarkan pada tahun ini. Pelan strategik selama tiga tahun ini termasuk keutamaan yang merangkumi usaha memupuk penghargaan terhadap tadbir urus korporat pada awal kitaran hayat syarikat dalam mendidik para pemimpin masa depan mengenai kepentingan tadbir urus korporat yang baik dengan mengintegrasikan modul tadbir urus korporat dalam pendidikan tinggi. Di samping itu, keutamaan tersebut termasuk memanfaatkan teknologi untuk memantau pemakaian dan penzahiran tadbir urus korporat, dan mewujudkan sebuah institusi yang akan memacu tahap profesional pengarah korporat.

2. Mewujudkan Pasaran yang Adil dan Teratur Melalui Pemantauan

Aktiviti pemantauan korporat dan pasaran SC terus memastikan bahawa penyalahgunaan pasaran dan penyelewengan korporat segera dikesan dan ditangani secara efektif melalui langkah-langkah preemptif.

Aktiviti pemantauan korporat bermatlamat mencapai pengesanan awal terhadap transaksi korporat yang mencurigakan. Ini membawa kepada tindakan PLC terbabit membatalkan transaksi bernilai RM873.5 juta. Di samping itu, kemungkinan pelanggaran undang-undang sekuriti yang melibatkan transaksi bernilai sehingga RM823 juta telah dirujuk untuk siasatan lanjut. Terdapat 86 pembabitan yang dijalankan bersama pengarah, juruaudit dan pihak berkepentingan PLC yang berkaitan dalam usaha kami untuk menggalakkan kesedaran dan amalan tadbir urus yang baik. Kami juga menjalankan tinjauan untuk mengukur kesediaan pihak industri dalam pemakaian piawaian pelaporan kewangan baharu.

Pemantauan pasaran terus mengesan kes-kes salah guna pasaran seperti manipulasi pasaran saham dan dagangan orang dalam. Rujukan bagi siasatan lanjut dibuat terhadap kes yang melibatkan aktiviti-aktiviti ini.

3. Memperkuuh Tatalaku dan Amalan Baik Dalam Kalangan Institusi dan Pengantara

Pengawasan kawal selia yang berterusan terhadap struktur dan pengaturan tadbir urus Bursa Malaysia adalah penting bagi memastikan peranannya sebagai pengawal selia barisan hadapan kekal berkesan dan tertakluk kepada standard tadbir urus yang tinggi. Sehubungan ini, pembabitan yang kerap telah diadakan bagi mengukuhkan keupayaan Bursa Malaysia untuk menjalankan fungsi kawal selianya.

Untuk mewujudkan rangka kerja pengawasan bagi infrastruktur pasaran kewangan (FMI), kami mengeluarkan *Guidelines on FMs*, untuk memastikan bahawa perkhidmatan FMI yang utama seperti penjelasan, penyelesaian dan depositori pusat dilaksanakan secara selamat dan cekap selaras dengan *CPMI-IOSCO – Principles for Financial Market Infrastructures*.

Pengawasan pengantara SC bertumpu kepada pembentukan dan pengukuhan tatalaku yang baik melalui budaya dan tadbir urus. Tahap keamatan pengawasan kami bergantung kepada risiko dan impak sistemik yang berpotensi pengantara terhadap pasaran modal yang lebih luas. Sebagai tambahan kepada penilaian berjadual dan tematik, kami menjalankan penilaian yang tertumpu terhadap aduan atau rujukan terhadap pengantara, yang menyebabkan campur tangan pantas dan mengenal pasti jurang kawalan dan punca sebenar.

Pada 2017, kami melengkapkan penilaian tematik kepada isu-isu tadbir urus berkaitan dengan pengurusan risiko kecairan, pengurusan konflik dan pengendalian maklumat sulit.

4. Memastikan Ketahanan Sistemik dan Keselamatan Siber

SC terus memantau dan menilai risiko di seluruh pasaran, firma dan produk untuk mengenal pasti trend baru muncul yang mungkin mempunyai implikasi risiko sistemik terhadap pasaran modal. Penilaian risiko kami membolehkan kami memahami potensi ancaman dan kerentanan dalam pasaran modal dan mengatur keutamaan kepada sumber pengawalseliaan dan perhatian kepada bidang berisiko tinggi.

Sepanjang tahun ini, kami bekerjasama erat dengan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menangani isu-isu yang boleh menjelaskan keseluruhan kestabilan kewangan Malaysia, terutamanya berhubung dengan keberkaitan, kecairan dan kedudukan berhemat pengantara. Di tengah-tengah ketidakpastian ketara dalam pasaran global, kami terus memantau tahap tekanan pasaran dan aliran modal, daya tahan infrastruktur pasaran, serta kerentanan firma dan produk. Kami juga memperkuuh tahap kesediaan industri bagi menangani situasi krisis menerusi pelaksanaan berperingkat garis panduan keseluruhan industri mengenai pengurusan kesinambungan perniagaan.

Menguruskan risiko siber tetap menjadi keutamaan SC bagi memastikan bahawa transaksi pasaran dan kewangan tidak terjejas oleh serangan siber. SC terus memantau usaha-usaha entiti yang dikawal selia untuk meningkatkan langkah-langkah dan ketahanan keselamatan siber mereka seperti yang dikehendaki di bawah *Guidelines on Management of Cyber Risk*. Kami juga telah bekerjasama dengan agensi dan pakar yang berkaitan untuk bertukar maklumat berhubung dengan pengurusan ancaman siber yang tepat pada masanya.

Memandangkan meningkatnya penggunaan teknologi dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga dalam operasi pasaran, SC telah menjalankan penilaian kawal selia tematik terhadap Bursa Malaysia, yang memberi tumpuan kepada pengurusan risiko siber dan penyumberan luarnya.

5. Memperkasa Pelabur

Inisiatif pemerkasaan pelabur SC memainkan peranan penting dalam memacu perlindungan pelabur. Pada 2017, inisiatif SC ini melibatkan kira-kira 300,000 pelabur awam melalui acara-acara seperti SC in the Community, penglibatan bersemuka melalui seminar pada Hari BijakLabur®, Pesta BijakLabur® dan usaha sama dengan BFM Radio 89.9 serta agensi-agensi lain.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Tinjauan Tingkah Laku [Insight Behavioural (BI)] telah membantu pengawal selia merumus dasar pengguna yang lebih berdasarkan bukti dan berkesan. Bagi memastikan bahawa BI terus menyokong SC dalam membangunkan inisiatif pemerkasaan pelabur yang bermaklumat, program pendidikan dan dasar kawal selia, sebuah Unit Analisis Tingkah Laku khusus telah ditubuhkan di Pejabat Pengguna dan Pelabur.

Komponen utama rangka kerja perlindungan pelabur adalah ketersediaan sistem penyelesaian pertikaian alternatif yang efektif dan mekanisme tebus rugi. Pada 2017, Mahkamah Persekutuan menolak permohonan semakan kehakiman yang difailkan terhadap keputusan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC). Keputusan mahkamah ini menguatkan lagi hubungan principal-ejen antara ahli-ahli SIDREC dan wakil-wakil mereka, menjadikan ahli-ahli SIDREC bertanggungjawab terhadap wakil-wakil mereka.

Pada 2017, skop SIDREC telah diperluaskan bagi membolehkannya menerima tuntutan yang lebih tinggi di mana kedua-dua pihak bersetuju untuk mendapatkan perkhidmatannya. Skop yang dipertingkat tersebut juga memenuhi pertikaian yang melibatkan ahli-ahli SIDREC yang dirujuk oleh mahkamah untuk proses perantaraan, tanpa mengira jumlah tuntutan.

6. Mencapai Pencegahan Andal Melalui Penguatkuasaan

Kami terus menggunakan pelbagai instrumen penguatkuasaan kami untuk mencapai objektif penguatkuasaan dan hasil yang diingini. 2017 menyaksikan pengiktirafan kehakiman yang lebih besar terhadap kesalahan pasaran modal termasuk penyabitan jenayah utama bagi dagangan orang dalam selepas perbicaraan penuh. Di samping itu, hukuman penjara antara enam bulan hingga lima tahun dan denda sehingga RM5 juta telah dijatuhan kepada pengarah dan pegawai PLC susulan sabitan mereka terhadap pelbagai kesalahan di bawah undang-undang sekuriti.

Tindakan jenayah juga diambil terhadap 10 individu yang melakukan kesalahan pasaran modal yang serius. Tindakan sivil telah dimulakan terhadap 20 individu sementara penyelesaian kawal selia telah diadakan dengan tujuh individu lain. Sepanjang tahun ini, pengembalian semula kira-kira RM8.9 juta telah diperolehi daripada defendan melalui tindakan sivil dan penyelesaian kawal selia. Bagi pelanggaran undang-undang yang lain, 32 tindakan pentadbiran telah diambil sementara 81 Notis Pelanggaran telah dikeluarkan.

Hasil penguatkuasaan ini mengukuhkan komitmen kami dalam menegakkan integriti pasaran dan menggalakkan tadbir urus yang baik.

MEMUPUK PENERAPAN TADBIR URUS KORPORAT

Keutamaan Tadbir Urus Korporat


SC terus menetapkan keutamaan dalam usahanya yang berkaitan dengan tadbir urus korporat dan selama beberapa tahun kebelakangan ini, telah menjalankan pelbagai langkah untuk memperkuuh rangka kerja perundungan dan kawal selia, keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan, kualiti penzahiran serta pemakaian amalan-amalan terbaik oleh syarikat.

SC mengumumkan pelan strategik tadbir urus korporat tiga tahunnya pada April 2017 untuk mengukuhkan rangka kerja tadbir urus korporat di Malaysia dan memupuk tadbir urus yang baik, dengan mengambil kira perubahan dalam struktur pasaran dan keperluan syarikat dan pihak berkepentingan. Keutamaan strategik bagi tahun 2017 sehingga 2020 juga mengambil kira keperluan

Rajah 1
Keutamaan Strategik Tadbir Urus Korporat

Keutamaan 1

Memperkuuh rangka kerja kawal selia tadbir urus korporat



Keutamaan 5

Menerapkan budaya tadbir urus korporat di peringkat awal

Keutamaan 2

Memperkuuh ekosistem tadbir urus korporat

Keutamaan 3

Memanfaatkan teknologi

Keutamaan 4

Menggalakkan kepelbagaiannya jantina dalam lembaga pengarah PLC

yang semakin meningkat bagi syarikat dalam menangani kepentingannya sebagai warga korporat yang semakin tertumpu kepada kebimbangan sosial dan persekitaran.

Keutamaan strategik tadbir urus korporat kami bagi tahun 2017 sehingga 2020 adalah:

1. Memperkuuh rangka kerja kawal selia tadbir urus korporat

Pengenalan *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia*, garis panduan tadbir urus korporat bagi pengantara berlesen dan meningkatkan rangka kerja pemantauan dan penguatkuasaan untuk pelanggaran tadbir urus korporat yang serius.

2. Memperkuuh ekosistem tadbir urus korporat

Penubuhan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan keberkesanan pengarah korporat di Malaysia, dan Majlis Tadbir Urus Korporat untuk menyelaras inisiatif-inisiatif tadbir urus korporat.

Kerjasama dengan pihak berkepentingan tadbir urus korporat untuk menggalakkan aktivisme pemegang saham, pelaporan bersepdu dan kecemerlangan dalam tadbir urus korporat.

3. Manfaatkan teknologi

Penggunaan data besar dan keupayaan analisis lanjutan untuk memperkuuh pemantauan korporat dan keupayaan penguatkuasaan kami, termasuk mengawas dan memperoleh kefahaman mendalam mengenai amalan tadbir urus korporat. SC juga akan bekerjasama dengan komuniti Fintech dalam memudahcarakan proses pengundian elektronik dan penyertaan pemegang saham di mesyuarat pemegang saham dari luar.

4. Menggalakkan kepelbagai gender dalam lembaga pengarah PLC

Sasarannya adalah agar tiada lembaga pengarah yang kesemuanya kaum lelaki dalam 100 PLC teratas di Bursa Malaysia menjelang penghujung 2018, dan mencapai sasaran negara secara keseluruhan iaitu penyertaan sebanyak 30% kaum wanita dalam lembaga pengarah kesemua syarikat tersenarai menjelang 2020.

5. Menerapkan budaya tadbir urus korporat di peringkat awal

Pembangunan set panduan tadbir urus korporat bagi syarikat kecil dan sederhana (PKS) dan pengantara pasaran modal untuk menggalakkan dan memudahcarakan pemakaian amalan tadbir urus yang baik. Kerjasama dengan institusi pengajian tinggi untuk memperkenalkan tadbir urus korporat dalam kurikulum mereka untuk melahirkan pemimpin korporat masa depan dengan standard etika yang tinggi.

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia


Pada April 2017, *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* (MCCG) baharu telah dikeluarkan. Struktur dan pendekatan MCCG telah dipertingkatkan bagi membolehkan lebih penerapan budaya tadbir urus korporat dan penzahiran yang lebih bermakna untuk menyokong keyakinan pelabur dan keupayaan syarikat untuk memberi nilai jangka panjang.

Antara ciri utama MCCG baharu ialah pengenalan kepada pendekatan Fahami, Guna Pakai dan Lapor (CARE) dan peralihan daripada ‘mematuhi atau menerangkan’ kepada ‘guna pakai atau jelaskan alternatif’. Pendekatan ini bertujuan untuk menggalakkan PLC memberi lebih perhatian dan pertimbangan dalam mengguna pakai dan melaporkan amalan tadbir urus korporat mereka. Bagi menangani kebimbangan tadbir urus, amalan

Rajah 2

Ciri Utama MCCG

Bertumpu kepada pembudayaan tadbir urus korporat yang baik



dalam MCCG telah dipertingkatkan melalui langkah-langkah seperti pengenalan mekanisme undian dua peringkat bagi pelantikan semula pengarah bebas yang telah berkhidmat dalam lembaga pengarah yang sama selama 12 tahun atau lebih. Ini adalah sebagai respons kepada kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kesan negatif yang timbul ke atas kebebasan mereka apabila para pengarah berkhidmat dalam tempoh yang panjang, yang boleh menjelaskan objektiviti lembaga pengarah.

MCCG baharu tersebut juga mengguna pakai pendekatan berbeza dan berkadar dalam pemakaianya, dengan mengambil kira saiz dan kerumitan syarikat tersenarai yang berbeza-beza. Amalan tertentu dan jangkaan pelaporan yang diperkenalkan dalam MCCG baharu hanya terpakai kepada syarikat dalam Indeks 100 FTSE Bursa Malaysia dan syarikat yang mempunyai permodalan pasaran sebanyak RM2 bilion atau lebih (Syarikat Besar). Amalan yang dikenal pasti untuk Syarikat Besar termasuk mempunyai lembaga pengarah yang terdiri daripada majoriti pengarah bebas dan dianggotai oleh sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita. Syarikat-syarikat besar juga dijangka melibatkan pakar-pakar bebas secara berkala untuk memudahcarakan penilaian lembaga pengarah, dan

mengguna pakai pelaporan bersepada berdasarkan rangka kerja yang diiktiraf di peringkat global.

Satu lagi dimensi baru ialah pengenalan 'Amalan Yang Dipertingkatkan' ('Step Up') untuk menggalakkan syarikat-syarikat untuk terus berusaha dalam mencapai kecemerlangan tadbir urus korporat. Ini termasuk mempunyai dasar yang mengehadkan tempoh perkhidmatan pengarah bebas kepada sembilan tahun, menzahirkan secara terperinci mengikut turutan nama setiap ahli pengurusan kanan, mempunyai Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada hanya pengarah bebas dan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Pada Ogos 2017, MCCG diterjemahkan kepada Bahasa Malaysia dan Cina untuk memudahkan pemahaman dan penerimangunaan amalan terbaik dalam MCCG, dan diterima dengan baik oleh pihak berkepentingan.

Jerayawara MCCG

Sepanjang tahun ini, SC telah mengadakan 15 sesi perjumpaan bersama pelbagai pihak berkepentingan untuk memudahcarakan lebih

pemahaman mengenai penambahbaikan dalam MCCG sedia ada dan menggalakkan penerimanaan amalan terbaik tadbir urus korporat.

Sesi perjumpaan telah diadakan di Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama lain, dan menarik penyertaan sebahagian besar pihak berkepentingan termasuk para pengarah dan pengurusan kanan PLC, penasihat kewangan korporat, dan ahli-ahli badan profesional termasuk Persatuan Institut Setiausaha Berkanun dan Pentadbir Malaysia, Institut Akauntan Malaysia, Majlis Peguam, Jabatan Audit Negara dan wartawan. Sesi di Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching dan Johor Bahru dihadiri oleh 110 peserta, 75% daripadanya merupakan ahli-ahli lembaga pengarah, pengurusan kanan dan setiausaha syarikat.

Menggalakkan penyertaan wanita dalam lembaga pengarah PLC

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan wanita dalam lembaga pengarah, SC menganjurkan dan mengambil bahagian dalam empat Mesyuarat Meja Bulat 30% Club Business Leaders pada Jun, Ogos, Oktober dan Disember 2017. Usaha kolektif kami telah membawa kemajuan yang ketara dalam penyertaan wanita dalam lembaga pengarah. Penyertaan wanita dalam lembaga pengarah 100 syarikat tersenarai teratas adalah 20% pada penghujung Disember 2017, meningkat daripada 13.2% pada 2014. Bilangan 100 syarikat teratas dengan semua ahli lembaga pengarahan kaum lelaki juga berkurangan dengan ketara dalam tempoh beberapa bulan kepada tujuh syarikat, daripada 17 syarikat pada September 2017.

Meningkatkan profesionalisme dan keberkesanan para pengarah

Keberkesanan pengarah individu merupakan pengaruh utama dalam prestasi lembaga pengarah dan akhirnya menentukan kejayaan jangka panjang sesebuah syarikat. Penubuhan sebuah institut

pengarah adalah penting untuk menyokong usaha pembangunan profesional pengarah secara berterusan dan menggalakkan penerimaan amalan terbaik tadbir urus korporat ke atas lembaga dan syarikat.

Pada Julai 2017, SC menerajui penubuhan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan keberkesanan pengarah korporat di Malaysia. Institut yang serupa telahpun ditubuhkan di AS, UK, Hong Kong, Jerman, Australia, New Zealand, Singapura dan Thailand. ICDM merupakan satu-satunya institut pengarah di Malaysia yang diiktiraf oleh SC dan BNM.

ICDM diterajui oleh lembaga pengarahnya yang pertama yang berpengalaman dan berwibawa, iaitu Tan Sri Zarinah Anwar selaku Pengerusi dan ahli-ahli yang terdiri daripada Dato' Seri Johan Raslan, Dato' Aziz Bakar, Dato' Azmi Ali, Sarena Cheah dan Salleh Hassan. Lembaga pengarah tersebut akan mengawasi pelaksanaan objektif utama ICDM yang termasuk pengenalan kepada 'Laluan Pembangunan Profesional Pengarah', iaitu program menyeluruh bagi para pengarah yang berpengalaman dan beraspirasi tinggi. Ia juga akan menawarkan kepakaran untuk menjalankan penilaian lembaga dan menyediakan daftar yang boleh digunakan sebagai sumber bagi syarikat untuk mendapatkan calon-calon lembaga pengarah.

Sumbangan kepada perkembangan tadbir urus korporat di peringkat antarabangsa

SC terus mengambil bahagian dan menyumbang kepada forum dan perbincangan antarabangsa mengenai tadbir urus korporat. Di Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus OECD pada Mac 2017, SC membuat pembentangan mengenai penzahiran pemilikan benefisial dalam syarikat-syarikat tersenarai di Asia dan peranan bursa-bursa saham dalam tadbir urus korporat, yang dimulakan daripada perbincangan Mesyuarat Meja Bulat Meja Asia OECD 2016 di Korea Selatan.

Di Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus OECD pada November 2017, isu-isu keutamaan seperti penggunaan fleksibiliti dan keberkadaran dalam rangka kerja tadbir urus korporat dan trend semasa dan pemerhatian terhadap pasaran modal telah dibincangkan.

MEWUJUDKAN PASARAN YANG ADIL DAN TERATUR MELALUI PEMANTAUAN

Rangka kerja tadbir urus korporat yang mantap memupuk tingkah laku beretika, kebertanggungjawaban, kemampanan dan ketelusan dalam PLC. Syarikat-syarikat yang mengamalkan tadbir urus yang baik juga lebih cenderung untuk memaksimumkan pewujudan nilai kepada para pemegang saham. Kami terus memantau amalan tadbir urus, transaksi korporat dan penzahiran PLC secara aktif untuk mengesan dan mencegah salah laku dalam kalangan pengarah dan PLC.

Pemantauan syarikat-syarikat tersenarai

Pada 2017, urus niaga korporat yang mencurigakan dengan jumlah bernilai kira-kira RM823.0 juta telah dirujuk untuk siasatan lanjut mengenai kemungkinan pelanggaran undang-undang sekuriti.

Sekiranya tindakan pantas diperlukan untuk memelihara integriti pasaran dan mengurangkan kemudaratkan kepada pelabur, tindakan preemptif yang sesuai akan diambil. Sehubungan ini, SC telah berjaya mencegah dan mengelakkan kerugian bernilai hampir RM873.5 juta dalam transaksi korporat beberapa PLC yang memudaratkan kepentingan para pemegang saham.

SC terus giat menganjurkan dan menggalakkan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kami melalui sesi penglibatan bersama PLC, juruaudit dan pihak kepentingan yang berkaitan. Pada 2017, kami mengadakan sebanyak 86 penglibatan untuk menegaskan lagi kepentingan melaksanakan tugas fidusiari mereka dengan

berhati-hati dan memastikan penzahiran yang berkualiti.



86 Penglibatan

Menjalankan 86 penglibatan untuk menegaskan kepentingan melaksanakan tugas fidusiari dengan berhati-hati dan memastikan penzahiran berkualiti.



RM823 juta

Urus niaga korporat yang mencurigakan dengan jumlah bernilai kira-kira RM823 juta dikemukakan untuk siasatan lanjut mengenai kemungkinan pelanggaran undang-undang sekuriti.

Keupayaan analisis lanjutan

Dalam landskap ekonomi digital dan pasaran yang pesat berubah-ubah, memanfaatkan teknologi dan data besar adalah penting untuk mengekalkan keberkesanan tugas pemantauan korporat kami.

Susulan pemeteraian Memorandum Persefahaman bersama MIMOS Bhd pada Disember 2016, satu platform analisis yang membolehkan pemprosesan berautomasi dan analisis set data besar dibangunkan. Dijadualkan siap pada 2018, platform ini dijangka akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan aktiviti pemantauan dan penyeliaan kami.

Kerjasama rentas sempadan

Kepentingan kerjasama rentas sempadan dengan rakan sejawat kawal selia kami telah meningkatkan bilangan PLC yang beroperasi di pelbagai negara. Sehubungan ini, kami telah memohon bantuan kawal selia daripada China Securities Regulatory Commission (CSRC) berhubung usaha pemantauan korporat kami. Permohonan bantuan itu dibuat di bawah Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala IOSCO, yang mana SC dan CSRC merupakan pihak penandatangan. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan aktiviti pemantauan korporat dan capaian kawal selia, kami akan terus

Pemakaian Keperluan Pelaporan Kewangan Baharu

MFRS 9 *Financial Instruments* (MFRS 9) dan MFRS 15 *Revenue from Contracts with Customers* (MFRS 15) dijangka berkuat kuasa pada 2018.

Memandangkan tarikh kuat kuasa pelaksanaan MFRS 9 adalah pada Januari 2018, SC telah menjalankan tinjauan ke atas 220 PLC (institusi bukan kewangan) untuk mengukur tahap kesedaran dan kesediaan mereka terhadap piawaian baharu tersebut. Melalui tinjauan ini, kami telah menjelaskan bahawa pelaksanaan MFRS 9 bukan hanya akan memberi kesan kepada institusi kewangan, malah semua PLC.

Berdasarkan hasil tinjauan pada September 2017, kami mendapati bahawa responden umumnya menyedari keperluan pelaporan kewangan baharu tersebut tetapi masih belum cukup bersedia untuk pelaksanaan MFRS 9. Walau bagaimanapun, susulan tinjauan dan penglibatan bersama kami, wujud tahap kesedaran yang lebih tinggi mengenai keperluan ini dan PLC memahami usaha yang perlu mereka lakukan bagi memastikan kepatuhan terhadap piawaian itu. Mereka kini telah mempergiat persediaan mereka untuk pelaksanaannya.

Satu dialog bersama Jawatankuasa Audit 111 PLC telah diadakan pada November 2017 untuk menegaskan dan memperkuuh jangkaan SC terhadap peranan tadbir urus mereka terutamanya dengan hal-hal yang membabitkan pelaporan kewangan, termasuk keperluan dalam memastikan pelaksanaan piawaian perakaunan utama baharu yang tepat pada masanya dan berkesan. Bagi memastikan maklumat yang sama disampaikan kepada semua PLC, pada Disember 2017, kami telah memaklumkan jangkaan kami terhadap pelaksanaan MFRS 9 dan MFRS 15 serta penzahiran yang berkaitan.

memperkuuh hubungan kerja dengan rakan-rakan sekerja asing.

SC turut menjadi tuan rumah kepada bengkel Kumpulan Pemantauan Penyata Kewangan (FSSG) Keempat yang dihadiri oleh pengawal selia rakan-rakan sekerja dari Singapura, Thailand dan Hong Kong. Bengkel ini menyediakan platform aktif untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman kawal selia dalam bidang pelaporan kewangan korporat serta mengukuhkan kerjasama dan rangkaian kerja dalam kalangan pengawal selia.

Menggalakkan pelaporan kewangan berkualiti

Pelaporan kewangan berkualiti tinggi oleh PLC adalah penting bagi pelabur untuk membuat keputusan pelaburan bermaklumat. Pelanggaran piawaian perakaunan adalah dianggap serius kerana ia menjelaskan kebolehpercayaan dan kualiti penyata kewangan.

Sepanjang tahun ini, 45 surat pertanyaan telah dikeluarkan bagi mendapatkan penjelasan PLC mengenai pelbagai isu yang berkaitan dengan penyata kewangan mereka. Surat penyeliaan juga dikeluarkan kepada PLC kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan. Di samping itu, kami telah mengenakan celaan dan denda berjumlah RM2.6 juta terhadap pengarah PLC kerana gagal mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan yang menyebabkan pengemukaan maklumat palsu atau mengelirukan kepada SC.

Mengekalkan integriti pasaran melalui pemantauan proaktif aktiviti dagangan

SC menggunakan teknologi maju untuk menjalankan pemantauan proaktif dalam pengesanan awal sebarang penyalahgunaan dalam pasaran sekuriti dan derivatif. Langkah-langkah preemptif kami dilaksanakan dengan kerjasama pengawal selia barisan hadapan pasaran. Ini termasuk mengadakan sesi penglibatan bersama

Memperkuuh

Integriti Pasaran

peserta pasaran pada masa yang sesuainya dan mengeluarkan amaran pasaran bagi membendung penyimpangan dagangan yang berpotensi mengancam integriti pasaran kita. Jika perlu, pertanyaan berkaitan aktiviti pasaran luar biasa akan dikeluarkan kepada PLC untuk memastikan penyebaran maklumat material kepada orang ramai tepat pada masanya.

Pada 2017, 84 langkah-langkah preemptif telah diambil bagi menangani amalan dagangan yang tidak diingini yang menimbulkan risiko kepada pasaran yang adil dan teratur. Diperhatikan bahawa bilangan langkah preemptif tahun ini telah berkurangan dengan ketara 65% berbanding 2016 disokong oleh standard tadbir urus dan infrastruktur pematuhan yang dipertingkat dalam kalangan pengantara pasaran modal. Para pengantara semakin menyedari tanggungjawab tadbir urus mereka, yang seterusnya mendorong sebilangan mereka menubuhkan dan melaksanakan sistem pemantauan dagangan dalaman. Ini disokong oleh pengawasan seliaan SC terhadap pengantara yang bertujuan memperkuuh budaya dan tadbir urus industri.

Menangani risiko baru muncul untuk mengekalkan pasaran yang adil dan teratur

Bersandarkan pemantauan dan analisis aktiviti dagangan sekuriti dan derivatif, kami mengesan secara proaktif isu-isu yang memerlukan perhatian kawal selia. Kajian tematik dijalankan ke atas kebimbangan dagangan yang dikenal pasti atau risiko dalam pemerhatian untuk menyokong tindakan kawal selia dan perumusan dasar.

Berdasarkan kajian dan analisis terperinci terhadap aktiviti dalam pasaran waran berstruktur, kami mendapati bahawa algoritma penggalakan pasaran melibatkan pengeluaran pesanan yang besar, kerap dan cepat. Akibatnya, waran berstruktur cenderung mempunyai nisbah dagangan kepada pesanan yang sangat rendah dalam tempoh pesanan yang sangat singkat. Di samping itu, kami mendapati bahawa aktiviti lindung nilai penerbit mungkin berpotensi meningkatkan volatiliti harga saham pendasar dan

dalam beberapa keadaan, juga dapat mempengaruhi jumlah penyelesaian waran ketika tamat tempoh.

Kewaspadaan terhadap teknologi dan inovasi

Di tengah-tengah proses evolusi pasaran, terutamanya dari segi data besar, kami memanfaatkan teknologi untuk memudahkan cara pemantauan yang cekap dan mengesan aktiviti salah guna pasaran tepat pada masanya serta bidang berisiko tinggi yang memberi kesan kepada dagangan yang adil dan teratur dalam pasaran modal. Sehubungan ini, kami telah membangunkan instrumen analisis data di peringkat dalaman untuk melengkapkan sistem pemantauan kami yang sedia ada melalui, sebagai contoh, pengautomasian pengumpulan data, analisis dan visualisasi tingkah laku dagangan untuk pelaporan dan pembuatan keputusan yang lebih baik.

Pemantauan internet dan media sosial yang intensif

Penggunaan internet dan media sosial yang meluas berubah dengan ketara cara pelabur memperoleh maklumat untuk membuat keputusan pelaburan. Anonimiti dalam ruang siber memberikan peluang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab menjalankan aktiviti memanipulasi harga saham (*pump-and-dump*). Aktiviti ini melibatkan penyebaran maklumat palsu atau mengelirukan dengan cepat untuk menarik pelabur yang tidak curiga. Ini membolehkan pihak yang tidak bertanggungjawab untuk melupuskan pegangan saham mereka sendiri, dengan meninggalkan pelabur-pelabur lain dalam keadaan terbiar apabila harga saham tersebut menyusut.

Memandangkan kebimbangan terhadap perkara yang semakin meningkat ini, kami telah mempergiat pemantauan proaktif terhadap Internet dan media sosial dan turut menjalankan langkah balas untuk melindungi pelabur daripada menjadi mangsa skim *pump-and-dump*. Sebagai sebahagian daripada strategi berbilang aspek SC, pemerhatian pantauan

dikongsi melalui pelbagai saluran pendidikan dan komunikasi yang dicadangkan, termasuk kerjasama dengan pengawal selia pasaran barisan hadapan.

Kerjasama berkesan bersama rakan sekerja

Faktor kejayaan utama aktiviti pemantauan SC sebahagian besarnya terletak kepada perkongsian maklumat yang efektif dan secara bersama dengan badan kawal selia yang lain. Dengan kerjasama pengawal selia pasaran barisan hadapan, campur tangan SC membawa kepada penutupan akaun dagangan yang disyaki oleh pengantara dan pemberhentian aktiviti dagangan oleh entiti yang mencurigakan. Penyalaras bersama rakan sekerja kawal selia kami juga membolehkan pengesahan awal dan penghalangan yang efektif aktiviti dagangan oleh entiti yang berkaitan dengan skim pelaburan tidak sah yang disyaki.

MEMPERKUKUH TATALAKU BAIK DALAM KALANGAN INSTITUSI DAN PENGANTARA

Pengawasan Bursa Malaysia

Memperkuuh rangka kerja kawal selia bagi Bursa Malaysia

Dalam usaha berterusan SC untuk memastikan Bursa Malaysia melaksanakan fungsi kawal selianya dengan berkesan, kami telah mengambil pendekatan penyeliaan menyeluruh yang merangkumi penilaian kawal selia tahunan, keperluan pelaporan, dan pembabitan yang erat dan kerap bersama Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Tumpuan pada 2017 adalah untuk mengukuhkan tadbir urus dan kebebasan Bursa Malaysia sebagai pengawal selia barisan hadapan, serta pengurusan risiko khidmat operasi dan penyelesaiannya.

Sehubungan ini, SC mengawasi empat jenis FMI, iaitu pihak berpusat lain (CCP), sistem penyelesaian sekuriti, depositori sekuriti berpusat dan repositori dagangan, masing-masing diberi kuasa untuk

beroperasi di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA) dan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (SICDA).

FMI ini secara kolektif memainkan peranan penting dalam fungsi pasaran modal, terutamanya dalam memastikan semua urus niaga dijelaskan dan diselesaikan dengan jayanya, dan transaksi dan pemilikan aset dikendalikan dengan baik.

Pada Mac 2017, kami mengeluarkan *Guidelines on Financial Market Infrastructures* bagi memastikan FMI beroperasi secara selamat dan cekap serta mematuhi CPMI-IOSCO – *Principles for Financial Market Infrastructures*. Garis panduan ini juga menetapkan rangka kerja untuk kelulusan CCP dan keperluan pematuhan terhadap pengurusan risiko dan tadbir urus untuk meningkatkan kebingkasan FMI.

Susulan penilaian tematik kami terhadap amalan pengurusan risiko CCP pada 2016, SC meneruskan usaha seliaannya untuk memantau langkah-langkah yang diambil oleh Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd (BMSC) dan Bursa Malaysia Derivatives Clearing Bhd (BMDC) dalam meningkatkan rangka kerja dan amalan pengurusan risiko. Kedua-dua BMSC dan BMDC telah mencatatkan kemajuan dalam bidang ini, terutamanya dalam rangka kerja risiko, pengesahan model ujian tekanan, dasar cagaran dan pengawasan peserta.

Sebagai tambahan kepada pemantauan pelaporan maklumat kualitatif yang sedia ada kepada SC, rangka kerja pelaporan risiko kuantitatif CCP telah disediakan bagi membolehkan SC mengenal pasti potensi perkembangan dan penyebaran risiko dalam aspek penjelasan dan penyelesaian pasaran sekuriti dan derivatif.

Pengawasan Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia

Sebagai organisasi swaatur (SRO) yang diiktiraf oleh SC di bawah CMSA, Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) diberi mandat untuk mengawal selia pemasaran dan pengedaran serta

amalan jualan unit amanah dan ejen PRS. Tadbir urus dan kawalan yang mantap dalam FIMM adalah penting bagi memastikan ia dapat melaksanakan fungsi kawal selianya dengan berkesan.

Oleh kerana penguatkuasaan merupakan salah satu fungsi utama FIMM, SC menjalankan penilaian kawal selia terhadap keberkesanan dan kemantapan rangka kerja penguatkuasaan FIMM. Bidang penilaian utama termasuk tadbir urus dan kawalan dalam penguatkuasaannya dan proses pembuatan keputusannya, pematuhan terhadap dasar dan prosedur dalaman, dan peruntukan sumber kepada fungsi kawal selianya. Di samping itu, FIMM juga dinilai dari segi kecukupan aktiviti mendekati masyarakat dan pendidikannya untuk menggalakkan kesedaran orang ramai terhadap peranan kawal selianya dan untuk meningkatkan budaya tatalaku ejen jualan.

SC terus mengadakan penglibatan bersama FIMM untuk memastikan rangka kerja penyeliaan dan pemantauannya diselaraskan dengan lebih baik dengan jangkaan SC, dan mempelopori inisiatif untuk menggalakkan pembangunan teratur industri


unit amanah dan skim persaraan swasta (PRS).

Pengawasan Pentadbir Pencen Swasta

Sebagai pentadbir berpusat bagi PRS, Pentadbir Pencen Swasta Malaysia (PPA) menyediakan fungsi utiliti penting untuk ahli dan penyedia perkhidmatan. Oleh itu, pengawasan seliaan SC terhadap PPA tertumpu kepada memastikan fungsi pentadbiran berpusatnya beroperasi menurut rangka kerja pengoperasian yang memuaskan dan tadbir urus yang kukuh. SC juga memastikan bahawa PPA terus menambah nilai kepada fungsi pentadbiran berpusatnya dan memudahkancaarkan pertumbuhan industri PRS.

Pengenalan rangka kerja penamaan benefisiari membolehkan pemindahan aset PRS sekiranya berlaku kematian dan pengeluaran sekiranya berlaku hilang upaya kekal, penyakit serius dan ketidakupayaan mental. Ia juga menyediakan saluran penting bagi ahli PRS untuk mewariskan aset terkumpul kepada benefisiari yang dinamakan.

Rajah 3
Instrumen Penyeliaan



Sebagai sebahagian daripada kelulusan SC untuk pelaksanaan sistem Penambahan PRS Dalam Talian, PPA dikehendaki menjalankan penilaian kesediaan sistem secara bebas dan kajian pasca pelaksanaan. Pengenalan Sistem Penambahan PRS Dalam Talian sebagai utiliti tambahan dijangka akan memudahcarakan caruman ahli kepada tabungan persaraan mereka.

Pengawasan pengendali pendanaan ekuiti ramai dan pembiayaan antara rakan setara

Pengenalan rangka kerja kawal selia bagi pengendali pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P) telah menggalakkan pertumbuhan dalam PKS dan syarikat di peringkat permulaan, terutamanya segmen yang kurang menerima perkhidmatan dan ketinggalan, dengan menyediakan akses yang lebih besar kepada alternatif pembiayaan bagi memenuhi keperluan pembiayaan dan perniagaan mereka. Rangka kerja SC bagi pengendali ECF dan pembiayaan P2P menekankan kepentingan terhadap kecukupan penzahiran kepada para pelabur.

SC juga menghendaki pengendali melaksanakan inisiatif kesedaran pelabur untuk menggalakkan pemahaman tentang ECF dan pembiayaan P2P.

Sejak pendaftaran enam pengendali pembiayaan P2P pada November 2016, kesemua mereka kini telah beroperasi sepenuhnya. SC akan terus mengadakan penglibatan bersama pengendali tersebut untuk menyediakan panduan dan penjelasan mengenai isu-isu pematuhan menurut *Guidelines on Recognized Markets*.

Pengawasan pengantara pasaran modal

Pengawasan pengantara pasaran modal dijalankan berdasarkan rangka kerja berpandukan risiko yang menilai tadbir urus, operasi perniagaan, tatalaku dan kepatuhan pengantara terhadap undang-undang. Pengantara dipadankan dengan risiko dan

kawalan yang berkaitan serta kesan sistemik terhadap pasaran modal yang lebih luas.

Kami juga memantau secara proaktif trend dan risiko yang baru muncul dalam pasaran untuk mengesan, mencegah dan campur tangan dengan segera jika terdapat kelemahan dalam kawalan dan tatalaku pengantara. Pada 2017, kami menjalankan 135 penilaian ke atas pengantara, peningkatan sebanyak 31% dari tahun sebelumnya. Penilaian ini terdiri daripada 34 penilaian berjadual ke atas pengantara individu dan 63 penilaian tematik ke atas bidang risiko yang dikenal pasti yang melibatkan sebilangan pengantara.

Di samping itu, kami turut menjalankan 38 penilaian yang tertumpu kepada kelemahan tertentu dalam tatalaku pengantara berdasarkan aduan dan rujukan yang diterima. Penilaian ini telah membolehkan kami mengenal pasti dengan segera punca sebenar bagi kegagalan kawalan atau tatalaku.

Kami terus mengawasi pengantara kami secara teliti menerusi penilaian dan analisis di tempat operasi pengemukaan berkala dan *ad hoc* yang dikemukakan oleh pengantara dan laporan media. Kami mempunyai kumpulan penyelia yang berdedikasi bagi setiap pengantara untuk membolehkan komunikasi yang cekap, terutamanya apabila pemberitahuan segera diperlukan.

Penilaian tematik ke atas ujian tekanan bagi dana

Pengalaman dalam pasaran lain menunjukkan bahawa dalam tempoh tekanan pasaran yang teruk, wujud risiko kecairan atau kejutan penebusan. Aliran keluar tunai yang pantas yang disebabkan oleh ketidaktentuan pasaran juga mungkin menyebabkan dana menangguhkan proses penebusan.

Pada Januari 2017, Lembaga Kestabilan Kewangan (FSB) mengulangi keimbangan yang sama mengenai potensi ketidakpadanan kecairan dana terbuka. FSB mengesyorkan penggunaan ujian

Memperkuuh

Integriti Pasaran

tekanan dana yang kukuh sebagai salah satu langkah untuk mengukuhkan pengurusan risiko kecairan keseluruhan dana, dan kecairan dana yang tersedia ketika tempoh tekanan pasaran.

Sejajar dengan perkembangan ini, SC telah menjalankan penilaian tematik terhadap amalan ujian tekanan dana ke atas syarikat pengurusan dana terpilih. Kami mendapati bahawa walaupun terdapat amalan baik tertentu dalam penilaian ke atas kecairan di bawah tekanan bagi syarikat pengurusan dana, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dan peningkatan selanjutnya.

Dari perspektif tadbir urus, kami mendapati bahawa terdapat tahap pengawasan bebas oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan, dengan pemisahan fungsian antara peranan pelaburan dan pengurusan risiko. Walau bagaimanapun, penglibatan lebih proaktif dari lembaga pengarah dan pengurusan kanan perlu ada dalam ujian tekanan dana untuk mengukuhkan kawalan sedia ada. Perlu juga ada pendekatan bersepada di mana wujud pengurusan risiko kecairan yang berkesan dan pada masa yang sama, prosedur peningkatan apabila berlaku tekanan dana. Bidang-bidang untuk penambahbaikan termasuk perancangan luar jangka yang perlu bagi memastikan pengurusan dana yang teratur sekiranya risiko mudah tunai terjadi. Ini termasuk pertimbangan ke atas kemampuan operasi, kejelasan prosedur dan kebertanggungjawaban tindakan. Kami terus terlibat dengan pengantara pasaran bagi memastikan peningkatan ini ditangani tepat pada masanya.

Kajian tematik ke atas konflik yang dihadapi penganalisis penyelidikan

Penganalisis penyelidikan berkemungkinan menghadapi konflik yang timbul dalam syarikat kerana memiliki maklumat sensitif harga yang bukan awam dan juga potensi tugas yang bertentangan dengan penerbit korporat dan pelanggan yang melabur. Pada 2017, kami menangani pengurusan pengantara dalam menghadapi konflik ini dengan menjalankan semakan terhadap amalan pelbagai pengantara.

Pada Januari 2017, kami memaklumkan keperluan tatalaku bagi penganalisis pelaburan kepada lembaga pengarah pengantara berlesen. Para pengantara dikehendaki mengkaji semula dan memperkuuh dasar dan langkah kawalan dalam entiti masing-masing, yang meliputi bidang-bidang berikut:

- Struktur dan proses tadbir urus berhubung pengeluaran laporan penganalisis pelaburan; dan
- Dasar, prosedur dan latihan mengenai:
 - i. pengenalpastian dan pengendalian maklumat sensitif harga yang bukan awam, dan langkah-langkah untuk mengawasi komunikasi yang tidak sewajarnya berkenaan maklumat sedemikian; dan
 - ii. mengurus situasi konflik kepentingan termasuk penzahiran konflik kepentingan.

Semakan tematik kami menunjukkan bahawa dasar dan persekitaran kawalan yang dilaksanakan oleh pengantara berada pada tahap keberkesanan yang berbeza dengan peningkatan diperlukan dalam hal-hal seperti semakan berkala dan kemas kini ke atas dasar dan penyimpanan rekod.

Susulan kajian tematik tersebut, para pengantara telah mengambil langkah-langkah untuk menambah baik dan memperkuuh dasar dan prosedur dalaman, dan kawalan persekitaran operasi mereka.

Inisiatif pengawasan lain

Pada Julai 2017, SC mengadakan dialog pengawasan tahunannya bersama ketua-ketua pengawal eksekutif syarikat broker saham dan pengurusan dana, di mana kebimbangan utama yang timbul daripada penilaian selian dan pemerhatian SC telah dibincangkan. Antara kebimbangan diutarakan ialah kelemahan yang

diperhatikan dalam bidang tatalaku, konflik kepentingan, proses pencegahan pengubahan wang haram dan memerangi pembiayaan keganasan (AML/CFT) yang disertai dengan kajian kes. Pengantara juga diingatkan agar berhati-hati dan mengurangkan risiko siber yang berpotensi menjelaskan mana-mana fungsi firma.

Kami telah memperkuuh peruntukan berkait konflik kepentingan dengan menghendaki syarikat pengurusan dana menilai dan mengenal pasti situasi di mana konflik kepentingan mungkin timbul dan menguruskan situasi tersebut dengan mengambil langkah yang sesuai. Ini termasuk penzahiran bermakna dan yang tepat pada masanya mengenai konflik tersebut.

Pengawasan lembaga pengarah terhadap rangka kerja pematuhan juga telah dipertingkatkan. Lembaga pengarah dikehendaki lebih berdedikasi dalam peranan pengendali perjalanan firma untuk menggalakkan tadbir urus yang baik dalam syarikat dan memastikan bahawa fungsi pematuhan diberi kuasa sepenuhnya untuk menjalankan tugas mereka.

MEMASTIKAN DAYA TAHAN SISTEMIK DAN KESELAMATAN SIBER

Menilai risiko baru muncul dan sistemik dalam pasaran modal

Walaupun pasaran di seluruh dunia termasuk Malaysia terus meningkat, kami tetap memberi tumpuan kepada keperluan untuk terus memantau dan menilai risiko seluruh pasaran, firma dan produk. Ini adalah penting bagi memastikan trend baru muncul, risiko kerentenan dan penularan dikenal pasti awal, memandangkan peningkatan kesalinghubungan dan pendedahan pasaran di peringkat global. Pada 2017, di peringkat dalaman SC, kami memperkemas rangka kerja tadbir urus bagi usaha pemantauan dan pengurusan risiko di bawah Jawatankuasa Pemantauan Risiko Sistemik (SROC) dan Kumpulan Kerja Risiko Pasaran (MRWG). Ini terus

memberi kami gambaran menyeluruh mengenai kerentenan dan risiko yang memberi kesan kepada kestabilan sistemik bagi pelaksanaan campur tangan awal.

SROC terus bertindak sebagai jawatankuasa utama untuk membincangkan risiko dan perlindungan yang bersesuaian dalam memastikan kekuahan, integriti dan daya tahan sistemik pasaran modal. Pada 2017, perbincangan di peringkat SROC bertumpu kepada mekanisme interaksi dan penularan risiko antara pasaran ekuiti, bon dan mata wang. Di samping itu, pengurusan krisis institusi dan pengaturan pemulihan bencana telah dikaji semula dan dikemas kini.

SROC disokong oleh MRWG bagi perkongsian dan pertimbangan mengenai trend, perkembangan dan risiko baru muncul. Pada tahun ini, MRWG mengkaji semula dan menilai isu-isu risiko sektor yang dibangkitkan oleh pelbagai fungsi dalam SC untuk membentuk pandangan bersepudu mengenai kebimbangan risiko sistemik yang berkemungkinan. Di bawah pendekatan ini, risiko yang memerlukan tindak balas atau campur tangan yang diselaraskan akan diajukan untuk perbincangan dan keputusan oleh SROC.

Kami juga bekerjasama dengan BNM untuk mengukuhkan analisis kami mengenai kebimbangan yang timbul daripada kesalinghubungan antara pasaran. Ini membolehkan pemantauan, pengurangan dan pengurusan risiko sistemik secara berkesan dalam pasaran kewangan secara keseluruhan dan memudahcarakan campur tangan awal apabila diperlukan.

Menilai dan mengawasi risiko kestabilan sistemik

Dari perspektif makro, kami terus mengkaji semula tahap tekanan dan kerentenan dalam pasaran modal. Secara khususnya, kami menilai dan menganalisis pergerakan pasaran, aliran modal, aktiviti dagangan serta sentimen dan penyertaan para pelabur.

Memperkuuh Integriti Pasaran

Pada 2017, penilaian risiko kami tertumpu kepada impak berpotensi terhadap proses normalisasi dasar monetari oleh bank-bank pusat utama di pasaran maju. Sehubungan ini, satu bidang yang diberi perhatian adalah masa dan kadar normalisasi memandangkan impak meluas langkah ini ke atas pasaran dan ekonomi di seluruh dunia. Walaupun bank-bank pusat berkaitan memberi perhatian kepada penyediaan komunikasi yang tepat pada masanya, kerumitan dan pelbagai pemacu pasaran yang timbul daripada ketidaktentuan berterusan terhadap tindak balas pasaran. Memandangkan meningkatnya keterbukaan dan kesalinghubungan pasaran, skala normalisasi yang tidak dijangka dapat menyebabkan volatiliti dalam aliran modal global. Di samping itu, peralihan dalam sistem kadar faedah semasa ini adalah ketika harga aset tertinggi di kebanyakan bidang kuasa ketika tahap volatiliti kekal rendah.

Di samping itu, kami menjalankan penilaian ke atas potensi impak kepada pasaran modal Malaysia berikutan peristiwa geopolitik utama di Semenanjung Korea, Timur Tengah serta pilihan raya di Eropah. Perubahan dalam konstituen Morgan Stanley Capital International Index (MSCI) yang relevan, dengan tumpuan kepada peralihan wajaran Malaysia, juga dipantau.

Sepanjang tahun ini, pasaran modal Malaysia kekal berdaya tahan, dengan aliran modal positif dan

penyertaan pasaran asing dalam pasaran ekuiti dan bon. Pasaran modal domestik disokong oleh institusi dan pengantara pasaran modal yang teguh serta perlindungan kawal selia yang diperlukan, termasuk rangka kerja berhemat dan penyeliaan yang mantap.

Walaupun di tengah-tengah ketidakpastian utama dalam persekitaran pasaran global, kami terus berhati-hati terhadap apa-apa kemungkinan berlakunya pembetulan pasaran dan kesan limpahan yang mungkin memberi kesan buruk terhadap pasaran modal Malaysia.

Menilai kerentanan peserta pasaran dan produk

Dalam analisis berterusan kami terhadap kerentanan sektor, kami memantau prestasi kewangan PLC, terutamanya tahap leveraj dan keupayaan untuk memenuhi obligasi kewangan. Kami menjalankan penilaian ke atas prestasi PLC yang mungkin terkesan oleh keadaan ekonomi dan pasaran global dan tempatan. Walaupun impak kepada PLC pada umumnya boleh diurus, kami mendapati kerentanan dalam beberapa sektor seperti automobil, pengangkutan, minyak dan gas, serta harta tanah. Sektor-sektor ini masih berada di bawah pengawasan dan pemantauan kami.

Rajah 4
Jangkaan terhadap Pengantara



Dengan menggunakan model dalaman bon berisiko, kami menjalankan pemantauan kemungkiran berpotensi terhadap penerbit dengan kekuahan kredit yang merosot dan kerentanan mereka terhadap kelemahan dalam sektor tertentu. Berdasarkan penilaian kami ke atas seluruh sektor dan penarafan kredit yang berbeza-beza, kami mendapati bahawa risiko kemungkiran yang berpotensi dalam pasaran bon korporat domestik adalah agak sedikit.

Dalam industri pembrokeran, kami mendapati kecukupan modal dan kedudukan kecairan adalah memadai, dengan penampang mencukupi untuk menyerap kejutan pasaran yang teruk. Pada 2017, penilaian ke atas pengantara pasaran modal

memberi fokus kepada penumpuan pelanggan serta kualiti cagaran yang digunakan bagi pembiayaan margin. Walaupun pendedahan besar kepada pelanggan tertentu, risiko kekal rendah memandangkan kualiti cagaran yang disandarkan kepada broker.

Dalam industri pengurusan pelaburan, corak jualan dan penebusan dana telah dikaji semula untuk mengesan anomalai atau titik-titik tekanan dengan menilai dan memantau pergerakan peruntukan aset dengan tahap aset cair dan sumber dana. Corak penebusan kekal stabil tanpa tekanan yang ketara dalam kecairan di tengah-tengah pertumbuhan yang kukuh dalam aset bawah pengurusan dan peristiwa pasaran.

Keselamatan Siber

Teknologi telah mewujudkan banyak peluang perniagaan dalam pasaran modal di samping memberi pendedahan kepada ancaman dan kerentanan yang wujud dalam dunia yang saling berkait. Akibatnya, keselamatan siber perlu dipertimbangkan oleh pengantara apabila menyepakuk teknologi kewangan ke dalam operasi perniagaan mereka.

Pada 2017, kami menyaksikan beberapa serangan siber berprofil tinggi, termasuk WannaCry dan NotPetya, Armada Collective DDoS serta serangan terhadap agensi kerajaan. Khususnya pada Julai 2017, beberapa syarikat broker saham telah mengalami serangan penafian teragih perkhidmatan (DDoS), di mana pengantara mengalami kelewatan dalam sistem dagangan mereka ketika waktu pra-dagangan. Serangan yang bermula pada 5 hingga 7 Julai itu disertai dengan tuntutan tebusan yang perlu dibayar dalam Bitcoins. Sebagai langkah preemptif, SC telah mengeluarkan amaran berbentuk nasihat mengenai langkah berjaga-jaga yang perlu diambil kepada para peserta pasaran modal.

Ketika insiden DDoS, SC mengaktifkan Pasukan Respons Kecemasan Komputer (CERT) dalamannya untuk mengurus dan menyelaras dengan lebih baik usaha untuk menangani insiden siber yang menjelaskan industri. Berikutnya serangan DDoS, Kumpulan Kerja Risiko Siber Pasaran Modal (CMCRWG) juga ditubuhkan dengan anggotanya yang terdiri daripada Bursa Malaysia Securities, persatuan industri, syarikat broker saham dan pembekal teknologi.

CMCRWG akan menangani isu-isu berkaitan dengan risiko siber dan memudahkan kerjasama antara anggota apabila berlaku krisis. Objektif utama CMCRWG adalah untuk memperkuuh kesediaan industri dalam membanteras serangan siber melalui pengaturan strategi, perumusan dan pelaksanaan inisiatif pertahanan siber seluruh industri. CMCRWG juga akan menggalakkan perkongsian maklumat dan komunikasi strategik antara pemain industri utama untuk mengurangkan serangan siber dalam pasaran.

Memperkuuh

Integriti Pasaran

Memperkuuh dan Meningkatkan Kesinambungan Perniagaan Peserta Pasaran

Berikut Siri Kesediaan Krisis yang dianjurkan bersama dengan Toronto Centre pada 2015 dan 2016, kami terus mengukuhkan kesediaan SC dan peserta pasaran modal untuk mengurus situasi krisis dan memastikan kesinambungan perniagaan. Kami sedang membangunkan garis panduan berdasarkan prinsip berkenaan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) untuk industri. Pelaksanaan berperingkat garis panduan yang dicadangkan ini akan membolehkan para peserta pasaran secara berkadar mengamalkan garis panduan berdasarkan jenis, saiz dan kerumitan operasi perniagaan mereka. Ini akan memastikan kesinambungan fungsi kritikal dan memenuhi tanggungjawab para peserta pasaran sekiranya berlaku gangguan.

Di SC, kajian semula yang menyeluruh ke atas kesediaan dalam menguruskan insiden yang timbul daripada gangguan terhadap peserta pasaran modal atau infrastruktur telah dijalankan. Dalam kajian semula tersebut, prosedur pengurusan insiden ke atas pelbagai fungsi telah diukur terhadap elemen penting rangka kerja pengurusan insiden kami. Latihan ini memperincikan, antara lain, kajian semula aturan tadbir urus, ambang pencetus insiden, proses penyebaran dan komunikasi, dan penyelenggaraan dokumen berkenaan. Berdasarkan kajian semula ini, proses disediakan untuk mengurus dan bertindak balas terhadap insiden yang mungkin berlaku. Keperluan untuk terus meningkatkan kapasiti dan keupayaan organisasi dalam perkara ini telah dikenal pasti sebagai bidang untuk dipertingkatkan. Ini adalah penting bagi memastikan pengurusan dan pengurangan risiko yang boleh menjelaskan fungsi pasaran modal yang teratur dilaksanakan secara berkesan dan tepat pada masanya.

Mengukuhkan kebingkasan siber

SC menyedari keperluan kepada pengurusan keselamatan siber yang berkesan kerana risiko siber

menimbulkan ancaman yang semakin ketara terhadap integriti, kecekapan dan kekuahan pasaran kewangan di seluruh dunia. Menguruskan risiko siber merupakan keutamaan SC kerana serangan siber ke atas peserta pasaran berpotensi mengganggu fungsi pasaran modal secara teratur.

SC mengeluarkan *Guidelines on Management of Cyber Risk* pada Oktober 2016. Garis panduan ini antara lain, menetapkan peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam penyediaan daya tahan siber sebuah entiti pasaran modal dan juga telah memberi mandat kepada entiti itu untuk mengenal pasti individu yang bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko siber yang berkesan. Langkah-langkah ini bermatlamat untuk memastikan risiko siber diuruskan secara optimum memandangkan landskap pasaran yang berubah-ubah.

Penilaian kawal selia tematik Bursa Malaysia

Penilaian tematik ke atas pengurusan risiko siber Bursa Malaysia dijalankan untuk mengesahkan kecukupan dan keberkesanan rangka kerja risiko sibinya, program pematuhan dan amalan keselamatan siber. Penilaian ini diukur terhadap jangkaan kawal selia kami dalam garis panduan dengan mengambil kira kepentingan peranannya sebagai bursa, rumah penjelasan dan depositori pusat.

Atas faktor manfaat kos dan kecekapan, penggunaan penyedia perkhidmatan pihak ketiga dalam pelbagai aspek operasi pasaran kini menjadi amalan biasa. Sehubungan itu, penilaian tematik ke atas Bursa Malaysia juga memberi tumpuan kepada penyumberan luar pengurusan risiko, satu komponen yang berkaitan dengan pengurusan risiko siber. Penilaian ini mengambil kira potensi risiko pengaturan penyumberan luar, seperti kegagalan kewangan penyedia perkhidmatan, keselamatan siber, serta kecukupan dan ketepatan tempoh sokongan dan keupayaan kesinambungan perniagaan.

Penilaian tematik pengantara

Pada 2017, kami mempergiat pengawasan terhadap pengurusan risiko teknologi oleh pengantara pasaran modal. Kami menjalankan satu siri semakan tematik ke atas peserta pasaran modal terpilih yang termasuk pemeriksaan di tempat operasi mengenai daya tahan pengurusan risiko siber mereka. Semakan itu merangkumi tinjauan fakta, perbincangan dengan pembekal sistem dan menanda aras terhadap keperluan kawal selia dan amalan pasaran tempatan dan luar negara.

Semakan ini merupakan susulan kepada pematuhan terhadap *Guidelines on Management of Cyber Risk* yang dikeluarkan pada 2016. Garis panduan ini menghendaki lembaga pengarah dan pengurusan kanan menerajui usaha untuk membina daya tahan siber bersama pengantara dan mengenal pasti individu yang bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko siber yang berkesan.

Kerjasama antarabangsa

Di peringkat antarabangsa, SC bekerjasama rapat dengan IOSCO dalam menguruskan risiko siber. Pada Jun 2016, IOSCO mengeluarkan *Guidance on Cyber Resilience for Financial Market Infrastructure* untuk meningkatkan momentum kepada usaha berterusan industri dalam meningkatkan keupayaan infrastruktur pasaran kewangan untuk menjangka serangan siber dan mencapai objektif pemulihran sasaran yang lebih pantas dan selamat. SC juga terlibat dalam perbincangan di peringkat global menerusi peranan kami di IOSCO untuk merumus amalan terbaik kawal selia dan memudahcara lebih banyak perkongsian maklumat dalam kalangan pengawal selia. Ketika mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Pesat Membangun Global (GEM) IOSCO pada 2017, satu Bengkel Siber Kawal Selia telah dijalankan. Bengkel ini mengandungi latihan simulasi siber secara interaktif di mana para peserta meneliti kajian kes mengenai insiden siber sebenar.

Di peringkat negara, SC merupakan ahli Jawatankuasa Khas Jenayah Siber yang diketuai oleh Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan

(NACSA). NACSA ditubuhkan oleh kabinet pada Januari 2016 dan berada di bawah seliaan Majlis Keselamatan Negara.

Kerjasama dengan pihak berkepentingan

Mewujudkan kesedaran mengenai ancaman siber adalah penting kerana landskap keselamatan siber sentiasa berubah-ubah yang mana penjenayah mencari kaedah baharu untuk mengakses dan menyalah guna maklumat. SC menggalakkan budaya keselamatan siber dalam kalangan firma dengan menghendaki lembaga pengarah terlibat dalam proses utama yang berkaitan dengan pertahanan siber.

SC terus bekerjasama dengan peserta pasaran menerusi aktiviti pendidikan dan penilaian kebingkasan keselamatan siber dan mengeluarkan panduan tentang tatalaku keselamatan siber yang dijangka.

MEMPERKASA PELABUR

Kami memperakui pentingnya pendidikan pelabur untuk mencapai perlindungan pelabur yang berkesan dan mewujudkan pasaran yang mantap. Kami terus menumpukan usaha untuk memastikan para pelabur berupaya mengurus hal ehwal kewangan sambil memelihara kepentingan mereka. Seorang pelabur yang bermaklumat ialah pelabur yang dilindungi, yang diperkasa dan mengetahui hak dan tanggungjawabnya serta kemampuan untuk menilai risiko dan membuat keputusan pelaburan bermaklumat. Pada 2017, kempen pendidikan pelabur SC dirumus dengan mesej yang disasarkan, yang ditujukan pada segmen awam tertentu dan tertumpu kepada penipuan pelaburan.

Kempen Kesedaran Pencegahan Penipuan

Dalam tempoh 19 bulan hingga Ogos 2017, laporan media menyatakan bahawa lebih daripada 500,000 rakyat Malaysia telah menjadi mangsa penipuan. Pada 2017, SC mempergiat usaha untuk

Memperkuuh

Integriti Pasaran

meningkatkan kesedaran tentang penipuan dan skim pelaburan tidak sah melalui pelbagai saluran:

- Bekerjasama dengan Radio BFM 89.9 untuk menyiar 'edumercial' berjudul 'Bukan Free Money' untuk membantu pelabur mengenal pasti dan mengelakkan penipuan. Program ini disiarkan selama tiga minggu pada Mei 2017.
- Penyiaran mesej pesanan awam selama 30 saat berjudul T.I.P.U. (Tidak akan rugi, Indah khabar dari rupa, Peluang hanya sekali, Untung besar) di pawagam TGV di seluruh negara yang memaparkan modus operandi skim penipuan dan menasihati orang ramai agar mendapatkan maklumat atau bantuan, apabila ragu. Video tersebut disiarkan di 15 pawagam TGV di seluruh dari 28 September hingga 11 Oktober 2017.



- Pada Ogos 2017, SC melancarkan Pertandingan Video Pencegahan Penipuan di mana peserta perlu membuat dan mengemukakan penyertaan kreatif mereka yang menyampaikan mesej pencegahan penipuan. Ketiga-tiga pemenang hadiah telah diumumkan ketika acara Pesta BijakLabur® pada 15 Oktober 2017. Pertandingan ini membolehkan SC menilai tahap pemahaman awam terhadap skim penipuan.



- Pada 15 Oktober 2017, buat julung kalinya SC menganjurkan 'ScamBuster Run' di sekitar kawasan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) untuk menggalakkan dan mengukuhkan mesejnya mengenai pencegahan penipuan. Lebih 3,000 pelari berdaftar untuk larian santai amal tersebut.



- Memandangkan meningkatnya pelaburan yang berkaitan dengan penawaran syiling permulaan (ICO), SC juga mengeluarkan amaran kepada pelabur melalui siaran akhbar bertarikh 7 September 2017 mengenai risiko melabur dalam ICO.
- Siri BijakLabur® SC di Radio BFM 89.9 menampilkan episod selama tiga minit yang tertumpu kepada skim-skim penipuan. Episod tersebut, yang disiarkan pada 16 November 2017, bertujuan memberi amaran kepada orang awam mengenai skim penipuan.

Program Capaian BijakLabur®

Pada 2017, kira-kira 300,000 orang awam telah mengambil bahagian dalam acara kami. Kami mendekati orang ramai melalui acara pembabitan iaitu seminar pada Hari BijakLabur®, SC Bersama Komuniti, Pesta BijakLabur® dan acara-acara anjuran oleh agensi lain.

Laman sesawang BijakLabur® merupakan platform yang berkesan di mana pelabur memperoleh maklumat mengenai produk, instrumen dan kalkulator pasaran modal berhubung produk kewangan, serta rencana dan 'podcast' yang lebih berciri interaktif.

SC Menubuhkan Unit Analisis Tingkah Laku bagi Merangsang Perubahan Tingkah Laku Pelabur

Ekonomi tingkah laku ialah kajian psikologi yang berkaitan dengan proses membuat keputusan ekonomi oleh individu dan organisasi. Secara tradisional, dasar kawal selia dirangka berpandukan andaian tingkah laku manusia yang rasional. Namun, individu dan organisasi membuat banyak keputusan yang secara sistematik menyimpang dari apa yang dikatakan secara rasional. Dengan menggunakan pandangan yang diperolehi daripada ekonomi tingkah laku, psikologi dan sains sosial lain, pengawal selia kini boleh merangka dasar yang lebih baik yang memberikan hasil yang lebih berkesan.

Pada 2017, kami menubuhkan Unit Analisis Tingkah Laku khas di Pejabat Pengguna dan Pelabur. Unit ini secara aktif telah mengadakan pembabitan bersama orang ramai melalui pelbagai forum dan platform untuk mendapatkan gambaran tingkah laku, yang akan menentukan bentuk inisiatif pemerkasaan pelabur kami.

Penyelidikan dan tinjauan berkala telah dijalankan sepanjang tahun dan ini menyediakan poin data penting. Data ini akan membantu SC untuk merumus bentuk intervensi yang diperlukan sama ada melalui program pendidikan pelabur atau pelarasaran dasar untuk meningkatkan perlindungan pelabur.

SC turut memulakan tinjauan pelabur bebas yang tertumpu kepada tiga bidang utama, iaitu tahap kecanggihan dan celik pelaburan dalam kalangan pelabur bernilai tinggi, pergantungan pelabur runcit terhadap dokumen penzahiran seperti prospektus dan lembaran sorotan produk apabila membuat keputusan pelaburan dan langkah-langkah untuk memanfaatkan pengguna runcit yang belum melabur dalam pasaran modal. Hasil laporan itu dijangka akan dikeluarkan pada suku tahun pertama 2018.

Bagi mendekati generasi muda, SC memanfaatkan akaun Facebook (FB) dan Instagram BijakLabur® untuk menghantar mesej pantas mengenai acara BijakLabur® kami dan berita lain. Aplikasi mudah alih BijakLabur® telah membolehkan orang ramai memperoleh maklumat terkini di hujung jari mereka, terutamanya akses kepada Daftar Awam Pemegang Lesen SC dan senarai Amaran untuk Pelabur.

Pesta BijakLabur®

Pesta BijakLabur® merupakan acara tahunan utama SC untuk mendekati pelabur. Acara yang berlangsung dari 13 hingga 15 Oktober 2017, dirasmikan oleh Brig Jen Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan dihadiri oleh sejumlah 19,482 pengunjung.

Selaras dengan tema 'Melabur Untuk Masa Depan Anda', Pesta BijakLabur® 2017 mengumpulkan lebih 65 institusi pasaran modal, termasuk persatuan, pemain industri dan agensi kerajaan berkaitan di bawah satu bumbung untuk mempromosikan celik kewangan dan pelaburan. Untuk pertama kalinya, kaunter perkhidmatan kewangan, #FinPlan4U diketengahkan, di mana pengunjung diberi peluang untuk bertemu dengan perancang kewangan berlesen dan memperoleh penilaian awal percuma. Dalam acara tersebut turut diadakan ceramah dan seminar oleh pakar industri terkemuka, dengan tumpuan utama mengenai perancangan persaraan, pelaburan bijak bagi wanita dan topik yang diilhamkan oleh inisiatif Transformasi Nasional 50.

Bersempena dengan BijakLabur® Fest 2017, SC juga menganjurkan 'ScamBuster Run', acara larian santai

amal yang julung kali diadakan yang telah dirasmikan dan dihadiri oleh Yang Amat Mulia Tengku Datin Paduka Setia Zatashah binti Sultan Sharafuddin Idris Shah. Larian amal ini telah mengumpul dana sejumlah RM100,849 dan hasil kutipan tersebut disalurkan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia.



Siri BijakLabur® - Kerjasama dengan Radio BFM 89.9

Antara 17 Ogos dan 7 Disember 2017, kami bekerjasama dengan BFM Radio 89.9 untuk menghasilkan satu siri radio pendidikan dan kesedaran pelabur, "Siri BijakLabur®". Ditujukan khas kepada segmen warg bandar yang 'sedia untuk melabur', siri ini, dengan sejumlah 15 episod selama tiga minit, disiarkan setiap minggu bersama pakar berkaitan yang membicarakan produk pelaburan seperti unit amanah, saham, skim persaraan swasta, bon, dana dagangan bursa, waran dan opsyen, pendanaan ekuiti ramai dan peminjaman antara rakan setara.

SC Bersama Komuniti

'SC Bersama Komuniti' merupakan inisiatif kami untuk mendekati masyarakat awam melalui penglibatan secara langsung di seluruh Malaysia. Lebih 3,000 peserta telah menghadiri Hari BijakLabur® yang dianjurkan di bandar-bandar utama seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru dan Kuching.

Acara bersama agensi lain

Untuk memanfaatkan usaha pendidikan pengguna, SC telah mewujudkan perkongsian strategik dengan BNM, Permodalan Nasional Bhd (PNB), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC).

Rangkaian Pendidikan Kewangan

Di peringkat kebangsaan, SC dan BNM mempengaruhi Rangkaian Pendidikan Kewangan (FEN). FEN terdiri daripada enam anggota lain, iaitu Permodalan Nasional Bhd (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). FEN ditubuhkan untuk menyelaras usaha pendidikan kewangan dan membangunkan Strategi Kebangsaan untuk Kecelikan Kewangan Malaysia yang bermatlamat:

- i. untuk meningkatkan kecelikan kewangan rakyat Malaysia dan menggalakkan tingkah laku dan sikap berhemat untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia; dan
- ii. untuk mengembangkan kecelikan kewangan dengan memupuk nilai-nilai dalam kalangan anak-anak muda, menggalakkan tingkah laku positif orang dewasa dan mempersiap rakyat Malaysia untuk bersara dengan selesa.

Strategi Kebangsaan tersebut disasarkan untuk dilancarkan pada suku tahun pertama 2018.

Minggu Pelabur Sedunia

Bersempena Minggu Pelabur Sedunia (WIW) IOSCO dari 2 hingga 8 Oktober 2017, SC menganjurkan sembang Facebook secara langsung yang

memaparkan perbincangan panel mengenai perancangan kewangan.



Tema sembang Facebook secara langsung ialah 'FinPlan4U - Langkah Menuju Kemantapan dan Kesejahteraan Kewangan'. Sidang panel itu mengetengahkan pakar dari SC, Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM) serta perancang kewangan yang memenangi anugerah, mengenai manfaat berurusan dengan perancang kewangan. Sidang siaran langsung FB selama 30 minit tersebut berjaya menarik lebih 1,500 penonton.

Mempertingkat mekanisme tebus rugi

Bahagian penting mandat perlindungan pelabur kami adalah untuk memastikan bahawa pihak awam yang melabur mempunyai akses yang mencukupi kepada mekanisme tebus rugi.

Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC), sebuah badan bebas yang ditubuhkan oleh SC pada 2011, kini mempunyai 182 ahli yang terdiri daripada broker saham, broker derivatif, penyedia dan pengedar Skim Persaraan Swasta, syarikat pengurusan dana, syarikat pengurusan unit amanah, bank pelaburan, bank perdagangan, bank Islam dan institusi kewangan pembangunan (IKP) tertentu. SIDREC telah menerima 628 tuntutan dan pertanyaan pada 2017, berbanding 345 pada 2016. Keberkesanan proses penyelesaian pertikaianya terbukti melalui fakta bahawa lebih 90% yang diselesaikan pada 2017 adalah melalui pengurusan kes dan perantaraan.

SIDREC sebagai forum penyelesaian pertikaian juga merupakan faktor 'berkesan' ke arah menggalakkan tatalaku yang baik oleh pelabur dan ahli-ahlinya. Pengurusan yang berkesan berasaskan konsep perubahan tingkah laku, di mana melalui proses penyelesaian pertikaian, SIDREC memainkan peranannya. Peranan SIDREC sering diperlukan pada penghujung rantaian nilai transaksi yang timbul dari pertikaian atau kelemahan di pihak pelabur atau pengantara. Proses penyelesaian pertikaian kendalian SIDREC membolehkan kedua-dua pihak dengan bantuan pakar, meneliti sebab-sebab di sebalik pertikaian dan dengan itu, mengenal pasti langkah-langkah yang boleh diambil pada masa akan datang untuk mencegah atau mengurangkan kelemahan tersebut. Matlamatnya adalah untuk membantu kedua-dua pihak mencapai penyelesaian bersama, dan dalam jangka masa panjang, dapat menggalakkan tingkah laku atau pengawasan yang lebih baik oleh pihak pengantara dan tabiat pelaburan yang lebih baik dan bertanggungjawab oleh pihak pelabur.

Di samping itu, Peraturan SIDREC telah dipinda bagi memastikan perkhidmatan SIDREC diperkembangkan untuk menjadikan khidmatnya tersedia kepada pelabur awam yang lebih luas dan bersedia kepada Arahan Amalan dalam perantaraan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara pada 2016.

Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan arahan kepada mahkamah pada tahun 2016 menerusi Arahan Amalan No. 4 tahun 2016, untuk menggalakkan dan memudahkan cara penyelesaian kes sivil yang dipersetujui melalui perantaraan tanpa perbicaraan atau rayuan atau melalui kedua-duanya. Arahan Amalan tersebut memperakui manfaat perantaraan sebagai kaedah yang berkesan dalam penyelesaian pertikaian dengan cepat. Pelabur pasaran modal yang sudah terlibat dalam prosiding mahkamah diberi akses kepada perkhidmatan penyelesaian pertikaian SIDREC.

Perkembangan ini bertepatan dengan visi SIDREC sebagai badan pakar penyelesaian pertikaian bebas. Pindaan telah dibuat kepada Peraturan SIDREC bagi membolehkan penyediaan perkhidmatan ini dengan

memperluas skop tugasnya untuk memasukkan komponen sukarela, bagi tuntutan melebihi RM250,000 bagi perantaraan dan adjudikasi. Pada masa ini, skop SIDREC di bawah komponen mandatorinya terhad kepada tuntutan di bawah RM250,000. Komponen sukarela ini dirangka untuk menguruskan kes-kes yang timbul dari perantaraan yang dirujuk oleh mahkamah, seperti yang ditetapkan oleh Arahan Amalan dan juga membenarkan tuntutan yang lebih tinggi, di mana kedua-dua pihak ingin mendapatkan bantuan SIDREC. Di bawah komponen ini, peguam bagi kedua-dua pihak dibenarkan hadir semasa proses penyelesaian pertikaian untuk menyokong pelanggan mereka.

Hasil semakan kehakiman terhadap keputusan SIDREC

Pada 2017, permohonan semakan kehakiman (JR) terhadap dua keputusan SIDREC telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.

Dalam memfailkan semakan kehakiman, pengantara itu mendakwa bahawa ia tidak bertanggungjawab terhadap kerugian yang disebabkan oleh perlakuan wakilnya. Ia juga mencabar proses wajar SIDREC. Oleh kerana cabaran tersebut adalah mengenai hubungan ‘prinsipal-ejen’ yang memberi kesan kepada rangka kerja pasaran modal dan perlindungan pelabur, SC memohon kepada Mahkamah Tinggi pada 2014 untuk campur tangan dalam prosiding semakan kehakiman tersebut.

Mahkamah memutuskan bahawa SIDREC telah melaksanakan proses yang sewajarnya dalam perantaraan dan adjudikasi perkara tersebut, dan juga telah menggunakan pakai hubungan prinsipal-ejen dengan betul dalam dua kes tersebut. Syarikat broker saham telah dipertanggungjawabkan atas kerugian yang disebabkan oleh salah laku ejennya. Keputusan Mahkamah Persekutuan ini mengesahkan kedudukan SC dan SIDREC bahawa pengantara bertanggungjawab ke atas tindakan dan peninggalan perlakuan agen atau wakil mereka yang bertindak dalam kuasa pengantara yang sebenar atau tersirat. Hasil semakan semula kehakiman juga menunjukkan keberkesanan khidmat penyelesaian

Penghakiman tersebut menekankan bahawa “hubungan agensi ini adalah penting kepada peranan SC sebagai pengawal selia dalam pasaran modal dan industri perkhidmatan dengan matlamat utama untuk melindungi pelabur awam atas kerugian yang timbul daripada kesalahan dagangan oleh remisier. Jika tidak, pelanggan syarikat pembrokeran saham tidak akan diberi jaminan mendapatkan pampasan bagi kerugian yang dialami akibat kesalahan dagangan oleh remisier.”

pertikaian SIDREC yang bukan hanya menyediakan akses kepada pemberian pampasan, tetapi juga menyumbang kepada usaha mendisiplin pasaran.

Capital Market Compensation Fund Corporation

Capital Market Compensation Fund Corporation (CMC) juga merupakan komponen penting dalam rangka kerja pampasan pelabur kerana ia menyediakan sumber dana untuk tujuan tebus rugi kepada pelanggan pengantara berlesen sekiranya berlaku kemungkiran oleh mana-mana pengantara tersebut.

Pada tahun ini, cadangan pindaan kepada *Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Dana Pampasan Pasaran Modal) (Caruman) 2012* telah dibuat untuk menghendaki pengurus pelaburan digital untuk menyumbang kepada dana pampasan tersebut.

Pencapaian Penting Penguatkuasaan Terhadap Dagangan Orang Dalam

Pada 2017, SC beroleh pencapaian penting penguatkuasaan penting dalam dua kes dagangan orang dalam di mahkamah jenayah dan sivil. Ini merupakan kali pertama SC memperoleh kemenangan di mahkamah bagi kes dagangan orang dalam selepas perbicaraan penuh hukuman penjara telah dikenakan.

Dalam kes jenayah tersebut, Dato' Seri Stanley Thai Kim Sim (Thai KS), bekas Ketua Pegawai Eksekutif APL Industries Bhd (APL) dan bekas remisier Tiong Kiong Choon (Tiong KC), didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen atas kesalahan dagangan orang dalam. Pada 24 November 2017, Thai KS dihukum penjara 5 tahun dan denda RM5 juta manakala Tiong KC dihukum penjara 5 tahun dan denda RM10 juta.

Thai KS telah disabitkan kesalahan kerana menyampaikan maklumat material bukan awam antara 26 Oktober 2007 dan 29 Oktober 2007 kepada Tiong KC. Tiong KC pula telah disabitkan dengan dua kesalahan kerana menjual sejumlah 6,208,500 saham APLI ketika memiliki maklumat material bukan awam yang sama melalui akaun milik ibu dan ibu mentuanya.

Maklumat material bukan awam tersebut berkaitan dengan pelarasan audit yang dicadangkan oleh juruaudit APLI yang menyebabkan APLI melaporkan kerugian yang lebih tinggi bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2007, berbanding keputusan kewangan suku tahun keempat yang belum diaudit sebelumnya bagi tahun kewangan yang sama, dan APLI akan diklasifikasikan sebagai syarikat PN 17. APLI telah membuat pengumuman kepada Bursa Malaysia Securities Bhd mengenai pelarasan audit dan pengklasifikasiannya sebagai syarikat PN 17 pada 31 Oktober 2007.

Hakim Mahkamah Sesyen Tuan Zulqarnain Hassan mendapati pihak defendan gagal menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan dan menyabitkan kesalahan Thai KS dan Tiong KC di bawah peruntukan CMSA berkenaan dagangan orang dalam. Ketika menjatuhi hukuman jenayah, Hakim Mahkamah Sesyen Tuan Zulqarnain Hassan memutuskan bahawa hukuman pencegahan patut dikenakan kerana kesalahan dagangan orang dalam dianggap lebih serius daripada jenayah konvensional, memandangkan kesan kesan negatifnya terhadap keyakinan pelabur dan orang ramai secara keseluruhannya dan menyatakan, "Dagangan orang dalam merupakan jenayah ekonomi kolar putih moden. Ia adalah serius dan berada dalam kategori atau kelasnya yang tersendiri".

Sementara itu, pada 28 September 2017, di Mahkamah Tinggi sivil, Hakim mendapati bahawa SC telah berjaya membuktikan kes dagangan orang dalam terhadap Lim Chiew (Lim), bekas pengarah bebas Magnum Corporation Bhd.

Saman sivil terhadap Lim adalah berkaitan dengan aktiviti dagangan orang dalam apabila dia memperoleh 590,000 saham Bolton Bhd (Bolton) ketika memiliki maklumat material bukan awam. Maklumat material tersebut adalah berkaitan dengan cadangan pengambilalihan oleh Bolton terhadap 30.3% kepentingan dalam Magnum Corporation daripada Multi-Purpose Holdings Bhd.

Berdasarkan bukti Hakim Datin Hajah Azizah Haji Nawawi mendapatibahawa Lim mengetahui maklumat dalaman tersebut apabila dia memberi arahan kepada remisiernya untuk membeli saham Bolton. Mahkamah Tinggi memerintahkan Lim membayar sejumlah RM1,242,061.08, yang merupakan tiga kali jumlah keuntungan yang diperolehnya daripada dagangan orang dalam. Di samping itu, Mahkamah juga memerintahkan Lim membayar SC penalti sivil sebanyak RM50,000 serta kos sebanyak RM75,000.

Dua kes ini merupakan kejayaan utama bagi kerja-kerja penguatkuasaan SC ke arah pencapaian hasil penguatkuasaan yang berkesan.

MENCAPAI PENCEGAHAN ANDAL MELALUI PENGUATKUASAAN

Pada 2017, usaha penguatkuasaan kami tertumpu kepada usaha untuk menegakkan integriti pasaran dan mengukuhkan standard tadbir urus peserta pasaran dengan menjangkakan tatalaku pada tahap tinggi daripada mereka yang diberi tugas fidusiari seperti pengarah, pegawai dan para profesional PLC. Dengan berbuat demikian, tindakan yang boleh kami ambil adalah meluas bagi menyokong matlamat utama kami untuk mencapai pencegahan yang andal. Kami telah pun dan akan terus menggunakan kuasa tindakan jenayah, sivil dan pentadbiran untuk mencapai matlamat penguatkuasaan yang diinginkan. Beberapa pencapaian penting telah dicatatkan pada 2017 ketika kami terus menangan kelemahan serius dalam tadbir urus yang menjelaskan integriti pasaran modal seperti penyalahgunaan maklumat sensitif harga sulit serta penzahiran maklumat palsu dan mengelirukan kepada pelabur awam.

Pengiktirafan kehakiman terhadap tahap keseriusan dagangan orang dalam

Pada 2017, SC mencapai kejayaan penting dalam usaha membanteras dagangan orang dalam dengan memperoleh sabitan jenayah terhadap pengarah PLC. Dato' Seri Stanley Thai Kim Sin (Thai KS), bekas Ketua Pegawai Eksekutif APL Industries Bhd (APLI) disabitkan kesalahan kerana menyampaikan maklumat material bukan awam kepada Tiong Kiong Choon (Tiong KC), bekas remisier. Maklumat material berkenaan adalah berkaitan dengan pelarasan audit APLI dan pengklasifikasiannya sebagai syarikat PN 17. Thai KS dihukum penjara selama lima tahun dan didenda sebanyak RM5 juta, manakala Tiong KC dihukum penjara lima tahun dan didenda RM10 juta.

Ini merupakan kali pertama mahkamah menjatuh hukuman penjara ke atas kesalahan dagangan orang dalam selepas perbicaraan penuh di mana saksi-saksi pihak pendakwaan dan defendant dipanggil. Sehubungan ini, SC akan terus mendapatkan hukuman pencegahan yang andal bagi kesalahan melanggar undang-undang sekuriti.

Dalam satu lagi keputusan penting, penghakiman sivil daripada Mahkamah Tinggi telah diperolehi terhadap Lim Chiew (Lim), bekas pengarah bebas Magnum Corporation Bhd (Magnum), kerana aktiviti dagangan orang dalam yang membabitkan pembelian 590,000 saham Bolton Bhd (Bolton) pada 12 Julai 1999 ketika dia memiliki maklumat material bukan awam. Dalam keputusannya, Mahkamah bersetuju dengan SC bahawa Lim mempunyai maklumat berhubung cadangan pengambilalihan oleh Bolton sebanyak 30.3% kepentingan dalam Magnum daripada Multi-Purpose Holdings Bhd ketika beliau membuat pembelian saham tersebut. Susulan penghakiman Mahkamah Tinggi ini, Lim diarahkan membayar sejumlah RM1.24 juta iaitu tiga kali jumlah keuntungan tidak sah yang diperolehnya, di samping kos dan penalti sivil sebanyak RM125,000.

Mendakwa kesalahan dagangan orang dalam oleh profesional dan pengarah

Dalam usaha kami untuk menghalang dagangan orang dalam, kami terus menyiasat dan mendakwa para profesional yang melanggar peruntukan dagangan orang dalam dengan sepenuhnya menurut undang-undang.

Pada Mac 2017, kami telah mengenakan pertuduhan ke atas seorang pengurus kanan Jabatan Kewangan Korporat CIMB Investment Bank Bhd, Ewe Lay Peng (Ewe LP), atas satu kesalahan menyampaikan maklumat bukan awam kepada Lim Bun Hwa (Lim BH), seorang lagi pengurus kanan CIMB.

Maklumat material bukan awam dalam kes ini berkaitan dengan maklumat yang terkandung dalam pengumuman PacificMas Bhd (PacificMas) mengenai cadangan tawaran pengambilalihan bersyarat oleh OSPL Holdings Sdn Bhd (OHSB) untuk memperoleh semua saham mengundi di PacificMas yang belum dimiliki oleh OHSB.

Berkaitan dengan kes ini, lima pertuduhan juga dikenakan terhadap Lim Boon Cheng (Lim BC) kerana memperoleh 145,000 unit saham PacMas ketika memiliki maklumat material bukan awam. Lim BH juga dituduh bersubahat dengan Lim BC dalam melakukan kesalahan itu.

Dalam satu kes yang berasingan, tindakan jenayah juga diambil terhadap Goh Keng Huat (Goh KH), yang ketika itu merupakan Ketua Pasaran Ekuiti, Aseambankers Malaysia Bhd (kini dikenali sebagai Maybank Investment Bank Bhd), yang dikenakan 10 pertuduhan dagangan orang dalam apabila dia memperoleh 851,600 unit saham Road Builder Holdings (M) Bhd (Road Builder) melalui akaun isterinya, Wee Siew Ling (Wee SL). Maklumat dalaman tersebut berkaitan dengan cadangan pengambilalihan semua aset dan liabiliti Road Builder oleh IJM Corporation Bhd sebanyak hampir RM1.56 bilion. Wee SL juga dikenakan pertuduhan kerana bersubahat dengan Goh KH dalam melakukan kesalahan itu.

Dalam kes lain, kami juga telah memulakan pertuduhan jenayah terhadap Dato' Vincent Leong Jee Wai, bekas Pengarah Urusan Maxbiz Corporation Bhd (Maxbiz), kerana menyampaikan maklumat dalaman kepada Datuk Leong Wye Keong (Leong WK), pemegang saham utama syarikat itu. Maklumat material adalah berkaitan dengan pengklasifikasian Maxbiz sebagai penerbit tersenarai yang terjejas di bawah Nota Amalan 17. Datuk Leong WK juga dikenakan empat pertuduhan dagangan orang dalam yang mana dia didakwa telah menjual sejumlah 10,231,400 saham Maxbiz dalam akaun sendiri dan akaun anaknya serta individu lain ketika memiliki maklumat dalaman tersebut.

Mengembalikan hasil tidak sah

Pada 2017, SC telah memfailkan tindakan sivil terhadap pengarah, pegawai PLC dan individu yang berkaitan dengan tujuan untuk menghalang mereka daripada hasil tidak sah yang diperoleh daripada aktiviti dagangan orang dalam.

Kami menyaman tiga individu, Koh Tee Jin (Koh TJ), Koh Thiam Seong (Koh TS) dan Koh Hui Sim (Koh HS) kerana melanggar peruntukan dagangan orang dalam. Koh TJ, pengarah Axis Incorporation Bhd (Axis), didakwa telah menyampaikan maklumat material bukan awam kepada Koh TS dan Koh HS, yang kemudiannya menjual saham Axis sebelum pengumuman syarikat yang mengandungi maklumat material tersebut. Maklumat material tersebut adalah berkenaan isu-isu yang tidak dapat diselesaikan berkaitan dengan penyata kewangan Axis bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

Tuntutan yang dikemukakan terhadap ketiga-tiga defendan termasuk penalti sivil sebanyak RM1 juta setiap seorang, pengembalian wang sebanyak tiga kali kerugian yang dielakkan berikutan aktiviti dagangan orang dalam berjumlah RM7,092,954 dan defendan dihalang daripada menjadi pengarah PLC bagi tempoh selama lima tahun. Pada November 2017, SC berjaya mendapatkan penghakiman daripada Mahkamah Tinggi yang memihak kepadanya.

Dalam kes lain, kami mengenakan saman terhadap Lim Kok Boon (Lim KB) dan Cheah Mean Har (Cheah MH) kerana menjalankan dagangan dalam saham GW Plastics Holding Bhd (GW Plastics) berpandukan maklumat dalaman mengenai cadangan Perjanjian Jualan Saham antara GW Plastics dan Scientex Packaging Film Sdn Bhd dan cadangan pengagihan hasil kutipan tunai daripada Perjanjian Jualan Saham kepada pemegang saham GW Plastics. Lim Kok Boon (Lim KB) ialah Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Bukan Bebas GW Plastics pada ketika itu. Kami menuntut pengembalian wang berjumlah RM142,500 dan penalti sivil sebanyak RM1 juta daripada setiap defendant.

Penzahiran maklumat palsu dan mengelirukan

Pada 2017, SC telah mencapai hasil penguatkuasaan pencegahan terhadap para pengarah yang telah menggugat integriti pasaran dengan mendedahkan maklumat kewangan yang palsu dan mengelirukan. Hasil penguatkuasaan ini adalah penting kerana ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang disediakan oleh PLC merupakan elemen penting bagi orang ramai untuk membuat keputusan pelaburan bermaklumat.

Pada Mei 2017, selepas perbicaraan penuh di Mahkamah Sesyen, kami memperoleh sabitan jenayah dan hukuman penjara selama 18 bulan dikenakan terhadap Dato' Dr Haji Mohd Adam Che Harun, bekas Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Megan Media Holdings Bhd (MMHB). Dato' Adam didapati bersalah kerana mengemukakan maklumat palsu kepada Bursa Malaysia berhubung hasil dalam Laporan Suku Tahunan MMHB mengenai Keputusan Yang Digabungkan bagi Tempoh Kewangan berakhir pada 31 Januari 2007. Dato' Adam juga didenda sebanyak RM300,000 (atau setahun penjara) dan sedang merayu ke atas sabitan dan hukuman ke atasnya.

Pengiktirafan kehakiman diberikan lagi di mahkamah rayuan atas keseriusan kesalahan berdasarkan penzahiran. Pada 2017, Mahkamah Rayuan mengekalkan sabitan jenayah dan hukuman terhadap bekas pengarah bebas Transmile Group Bhd, Shukri Sheikh Abdul Tawab dan Jimmy Chin Keem Feung. Kedua-dua individu tersebut merupakan ahli Jawatankuasa Audit syarikat dan didapati bersalah kerana dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan yang mengelirukan kepada Bursa Malaysia dalam laporan suku tahunan Transmile Group Bhd mengenai keputusan digabungkan yang belum diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006. Keputusan Mahkamah Rayuan ini merupakan kes rayuan penting di mana hukuman penjara dikekalkan ke atas ahli Jawatankuasa Audit yang melanggar undang-undang sekuriti. Kedua-dua

individu di atas dijatuhi hukuman penjara setahun dan denda RM300,000 (atau enam bulan penjara).

Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan mahkamah yang lebih rendah dalam kes jenayah SC terhadap Ang Sun Beng (Ang SB) dan Ang Soon An (Ang SA), bekas Pengarah Eksekutif Welli Multi Corporation Bhd. Kedua-dua individu yang sebelum ini didakwa dan disabitkan kesalahan kerana mengemukakan angka hasil pendapatan yang mengelirukan dalam laporan tahunan syarikat. Mereka telah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen dan masing-masing dihukum penjara satu hari dan didenda RM400,000 yang kemudiannya dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi. SC telah berjaya dalam rayuan kepada Mahkamah Rayuan untuk mendapatkan hukuman penjara yang lebih lama iaitu enam bulan penjara bagi kedua-dua individu di samping hukuman denda.

Keseriusan dan beratnya kesan kesalahan penzahiran terus disokong oleh hukuman penjara yang dikenakan ke atas Lee Han Boon (Lee HB) dan Saipuddin Lim, bekas Pengarah Eksekutif Axis Incorporation Bhd (Axis). Kedua-dua individu mengaku bersalah kerana mengemukakan kenyataan palsu kepada Bursa Malaysia Securities Bhd dalam laporan suku tahunan Axis bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008. Kenyataan palsu itu berkaitan dengan penambahan kepada hasil pendapatan Axis berjumlah RM51.5 juta. Lee HB dihukum penjara selama tujuh bulan dan denda RM200,000 manakala Saipuddin dihukum penjara 12 bulan.

SC juga telah menggunakan kuasa pentadbirannya untuk mencapai hasil penguatkuasaan pantas berhubung pelanggaran berkaitan penzahiran. Pada Julai 2017, SC mengenakan celaan terhadap Telent Outdoor (Hong Kong) Technology Co Ltd (Telent) kerana mengemukakan maklumat palsu kepada SC berhubung cadangan penyenaraian Telent di Bursa Malaysia. Moratorium tetap dikenakan ke atas kedua pengarah syarikat tersebut yang menghalang mereka selama-lamanya daripada menjadi penganjur dan terlibat dalam sebarang pengemukaan cadangan korporat kepada SC.

Lima pengarah Trive Property Group Bhd (Trive) juga telah dikenakan celaan dan didenda sejumlah RM2.55 juta kerana dengan sengaja mengemukakan kenyataan palsu atau mengelirukan kepada SC dan Bursa Malaysia berhubung dengan perbelanjaan pembangunan syarikat yang berjumlah RM21.1 juta. Sanksi SC tersebut adalah hasil daripada penemuannya bahawa Trive telah gagal melakukan penilaian kemerosotan dalam perbelanjaan pembangunan tersebut pada 31 Julai 2014 menurut piawaian perakaunan yang diluluskan, dan dengan yang demikian menjadikan laporan kewangan syarikat yang diaudit pada 2014 palsu atau mengelirukan. SC juga mengenakan celaan terhadap Trive dan menganjurkan syarikat melantik seorang juruaudit luaran untuk menilai kecukupan fungsi pelaporan kewangannya.

Pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti lain

Manipulasi pasaran

Susulan perbicaraan penuh di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, kami telah berjaya memperoleh pengisytiharan yang memihak kepada kami terhadap Richard Benjamin Cohen, bekas penganalisis penyelidikan di Aeneas Capital Management LP, kerana peranannya dalam manipulasi saham Iris Corporation Bhd pada 2006. Cohen juga diperintahkan untuk membayar kos kepada SC berjumlah RM50,000. Perisytiharan lanjut telah diperolehi terhadap enam defandan asing. Aeneas Capital Management L.P, Priam Holdings Limited, Aeneas Portfolio Company L.P, Acadian Worldwide Inc, Thomas R. Grossman dan John Suglia telah diisyiharkan bersubahat dalam manipulasi tersebut dan kini dihalang selama-lamanya daripada menjalankan dagangan di mana-mana kaunter di Bursa Malaysia.

SC juga memohon perintah mahkamah untuk pengembalian wang dan penalti sivil sehingga RM1 juta setiap seorang terhadap Ng Wai Hong, wakil peniaga di Hwang-DBS Securities Bhd, dan enam

lagi kerana manipulasi saham APL Industries Bhd. Di samping itu, kami juga juga berusaha untuk menghalang defandan daripada mengambil bahagian dalam pasaran modal.

Pelanggaran peraturan pelesenan

Sistem pelesenan SC bermatlamat untuk memastikan aktiviti yang dikawal selia hanya boleh dijalankan oleh mereka yang berlesen atau berdaftar bagi memastikan pelabur dilindungi. Di samping itu, sistem ini melindungi pelabur dengan memastikan kelayakan dan kesesuaian pemegang lesen dan wakil mereka yang berkhidmat kepada pelabur awam. Oleh itu, kami menghendaki semua pemegang lesen agar bertanggungjawab terhadap standard tatalaku yang tinggi dan mewajibkan mereka melayan pelabur secara adil dan sentiasa bertindak dengan cara yang menggalakkan pasaran yang adil dan teratur.

Pada tahun ini, kami telah memulakan tindakan penguatkuasaan jenayah terhadap Su Eng Koi dan Yap Choong Seong kerana berurus niaga dalam derivatif melalui Jalatama Management Sdn Bhd tanpa memiliki lesen yang sah.

Dalam kes lain, Mohd Faizal Jamaluddin, individu yang tidak berlesen, didapati menjalankan aktiviti pengurusan dana, di mana dana yang diperolehi daripada pelabur digunakan olehnya untuk berdagang dalam ekuiti dan produk niaga hadapan bagi pihak pelabur tersebut. Satu arahan telah dikeluarkan kepada Mohd Faizal untuk mengembalikan semula kepada pelabur wang yang telah didepositkan dengannya.

SC juga telah mengambil tindakan pentadbiran terhadap sembilan wakil berlesen kerana gagal untuk kekal layak dan sesuai. Lapan lesen wakil peniaga telah dibatalkan kerana terlibat dalam salah laku seperti bersubahat dalam dagangan orang dalam, manipulasi dan kerana diisyiharkan bankrap. Seorang lagi wakil peniaga telah dikenakan celaan kerana salah laku.

Penalti sebanyak RM70,000 juga dikenakan terhadap Kenanga Investors Bhd (KIB) kerana kegalalannya mengawasi perniagaannya bagi memastikan urus niaga yang adil dan jujur, di mana dua perunding unit amanahnya (UTC) telah membenarkan identiti mereka digunakan oleh UTC dari syarikat lain untuk memperoleh pembelian produk unit amanah KIB dan menjadikan pembelian tersebut atas nama mereka sendiri.

Kegagalan untuk patuh kepada notis yang dikeluarkan

Di bawah undang-undang sekuriti, Pegawai Penyiasat (IO) SC dibenarkan dengan notis bertulis menghendaki mana-mana individu untuk hadir bertemu IO tersebut untuk memberi bantuan yang munasabah dan memberi keterangan berkaitan dengan suatu penyiasatan. Pada Oktober 2017, kami telah mengenakan pertuduhan terhadap Chok Chew Lan, pengarah di Tsunami Capital Sdn Bhd, kerana gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh IO untuk menghadiri sesi rakaman kenyataan di SC; satu kesalahan yang boleh dihukum penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM1 juta, atau kedua-duanya.

Guidelines on Prevention of Money Laundering and Terrorism Financing for Capital Market Intermediaries SC menghendaki institusi pelapor untuk bekerjasama sepenuhnya dengan agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. Ini termasuk mengambil langkah yang sesuai bagi memastikan penzahiran maklumat yang tepat pada masanya oleh institusi pelapor kepada BNM dan agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan (LEA). Denda sebanyak RM180,000 telah dikenakan ke atas TA Investment Management Bhd (TAIM) kerana gagal untuk memberi respons dengan segera kepada perintah rasmi oleh LEA untuk menyediakan maklumat di bawah seksyen 48(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA). TAIM telah mengemukakan maklumat yang diperlukan kepada LEA hanya selepas pemeriksaan SC terhadap TAIM pada Oktober 2016.

Penyerahan lewat di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan

Kami telah mendenda OCBC Bank (Malaysia) Bhd apabila ia gagal untuk memastikan laporan pasca penerbitan bulanan bagi dua produk berstrukturnya dikemukakan tepat pada masanya, seperti yang dikehendaki oleh *Guidelines on Unlisted Capital Market Products Under the Lodge and Launch Framework SC*.

Denda juga dikenakan ke atas Affin Hwang Asset Management Bhd dan Fortress Capital Asset Management (M) Sdn Bhd kerana kelewatan mengemukakan hasil pulangan statistik bulanan bagi dana borong masing-masing.

Mahkamah Tertinggi mengesahkan undang-undang SC sebagai sah dan berperlembagaan

Pada Mac 2017, Mahkamah Persekutuan mengesahkan kesahihan seksyen 122(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (SIA). Hakim Tan Sri Jeffrey Tan Kok Wha, dalam menyampaikan keputusan mahkamah tertinggi tersebut berpendapat bahawa peruntukan tersebut tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen 122 (1) SIA menganggap seorang pengarah syarikat, ketua pegawai eksekutif, pegawai atau wakil syarikat, telah melakukan suatu kesalahan syarikat itu, melainkan jika dia dapat membuktikan kekurangan persetujuan atau pembiaran di pihaknya dan pelaksanaan ketekunan untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Kes keperlembagaan peruntukan tersebut timbul daripada kes jenayah yang sedang berjalan terhadap Gan Boon Aun (Gan BA), bekas ketua pegawai eksekutif Transmile Group Bhd (Transmile), yang dikenakan pertuduhan oleh SC pada 2007 kerana bersubhat dengan Transmile dalam menyediakan pernyataan yang mengelirukan dalam butiran material yang berkaitan dengan hasil

pendapatan Transmile dalam laporan suku tahunannya untuk keputusan digabungkan yang tidak diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006. Gan BA juga dikenakan pertuduhan alternatif kerana mengemukakan pernyataan yang mengelirukan kepada Bursa Malaysia Securities Bhd dalam penyata kewangan yang sama.

Pada Jun 2011, Gan BA membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk merujuk persoalan perlombagaan mengenai kesahihan seksyen 122(1) tersebut dengan mempertikaikan bahawa peruntukan itu tidak selaras dengan Perkara 5(1) Perlombagaan Persekutuan. Pada 2016, Mahkamah Tinggi merujuk perkara tersebut kepada Mahkamah Persekutuan untuk ketetapan. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa peruntukan itu adalah sah dan berperlombagaan. Ketetapan ini mempunyai kesan yang meluas oleh kerana terdapat 32 peruntukan dalam Akta-akta lain yang serupa dengan peruntukan tersebut.

Memupuk tadbir urus yang baik melalui instrumen penguatkuasaan bukan statutori

Selain daripada tindakan pentadbiran di bawah kuasa statutorinya, SC juga menggunakan lain-lain bentuk instrumen penguatkuasaan bukan statutori ketika menjalankan fungsi pengawasannya. Notis Pelanggaran dikeluarkan jika pelanggaran undang-undang atau garis panduan sekuriti tidak memerlukan tindakan penguatkuasaan rasmi atau pengenaan sanksi pentadbiran. Secara amnya, ia menangani kebimbangan mengenai pelanggaran yang tidak disengajakan dan bertujuan menggalakkan tadbir urus atau tatalaku yang baik dengan memberi peluang kepada pihak yang melanggar undang-undang untuk meningkatkan rangka kerja pematuhan mereka atau membetulkan kesalahan tersebut. Pada tahun ini, kami mengeluarkan sejumlah 81 Notis Pelanggaran dan daripada jumlah tersebut, termasuk 16 Surat Seliaan Melibatkan Pelanggaran, 15 Surat Amaran dan 50 Surat Ketidakpatuhan.

Jadual 1

Memupuk tadbir urus yang baik melalui instrumen penguatkuasaan bukan statutori

Jenis Notis Pelanggaran	Bila Dikeluarkan
Surat Penyeliaan	Dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi penyeliaan atau pelaksanaan pemeriksaan ke atas mana-mana individu berlesen, berdaftar, diluluskan, diperakui atau diberi kuasa di bawah seksyen 126 SCMA. Ini termasuk, antara lain, pengantara berlesen, badan swaatur dan bursa saham.
Surat Amaran	Dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawalan SC seperti pengeluaran lesen, kelulusan cadangan korporat dan semakan prospectus. Surat amaran mungkin diberikan kepada individu berlesen, berdaftar atau profesional atau pakar lain.
Surat Ketidakpatuhan	Dikeluarkan menurut fungsi pengawalan SC untuk kes pelanggaran kecil.
Surat Pemberhentian dan Penamatan	Dikeluarkan untuk menghentikan atau menghalang pelanggaran undang-undang sekuriti. Surat Pemberhentian dan Penamatan mungkin dikeluarkan kepada seseorang individu yang melakukan atau akan melakukan tindakan pelanggaran. Kegagalan untuk mematuhi perintah pemberhentian dan penamatan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan SC.

Bahagian 3

Mengoptimalkan Prestasi dalam Organisasi yang Dinamik





Pengenalan

Dalam persekitaran yang mengalami perubahan pesat serta kemunculan produk-produk yang semakin sofistikated dan kebangkitan teknologi, organisasi perlu meningkatkan dan memupuk kemahiran baharu tenaga kerjanya untuk kekal relevan dan bersedia menghadapi masa hadapan. Ketika peranan SC semakin berkembang, sejajar dengan skala, kerumitan dan dinamik pasaran, kami menekankan keperluan untuk meningkatkan keupayaan organisasi kami. Bagi tujuan ini, Projek SC 2020 yang dilancarkan pada 2016, menggariskan usaha untuk mengukuhkan fungsi dan keupayaan teras kami. Kemampuan keberkesanan kami sebagai pengawal selia bergantung kepada keupayaan kami untuk menyesuaikan diri dan menambah nilai dalam persekitaran yang sentiasa berubah-ubah.

Sejak penubuhan SC 25 tahun yang lalu, kami telah mencapai kejayaan besar dalam membangunkan dan mengawal selia pasaran modal Malaysia. Ini merupakan bukti dedikasi warga SC. Kami percaya bahawa sesbuah organisasi merangkumi keseluruhan warganya, dan kejayaannya ialah hasil usaha dan pencapaian warga organisasi itu.

Kami berbangga dengan organisasi ini dan peranan kami dalam semua aspek pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal. Sehubungan ini, kami menekankan penambahaikan berterusan terhadap pembangunan dan kebijakan modal insan, tadbir urus institusi dan infrastruktur organisasi.

Warga kerja kami diberi peluang untuk belajar, membangunkan diri dan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran mereka di luar tempat kerja. Kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pengalaman keseluruhan mereka bagi mengekalkan budaya membangunkan warga kerja yang berdedikasi dan berprestasi cemerlang.

Kami juga terus mengukuhkan tadbir urus institusi kami, dan mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem dan kawalan dalaman kami. Usaha-usaha ini bertujuan memastikan warga kerja kami terus melaksanakan tanggungjawab mereka berdasarkan standard etika yang tinggi dan tatalaku yang baik. Kami percaya bahawa komitmen kami terhadap kecemerlangan dan profesionalisme warga kerja kami adalah asas kejayaan.

Di samping itu, kami sedang berusaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selesa dan kolaboratif, iaitu persekitaran kerja yang lebih kontemporari dan meningkatkan standard perkhidmatan kami. Antara lain, memperkenalkan penggunaan infrastruktur dan data digital secara berkesan.

Di samping semua usaha ini, kami terus berusaha untuk menjadi sebuah institusi yang menggalakkan rasa bertanggungjawab yang kuat, galakan kepada semua warga kami untuk menyumbang kepada masyarakat dan menjalankan peranan untuk memelihara alam sekitar.

Secara ringkas, ketika kami meraikan pencapaian masa lalu, kami terus melangkah ke hadapan, menggalakkan kemajuan dalam kalangan warga kerja kami dan pasaran yang kami kawal selia, memupuk hubungan yang baik sepanjang masa, dan bersedia untuk menghadapi 25 tahun yang akan datang dan seterusnya.

PEMBANGUNAN DAN KEBAJIKAN MODAL INSAN

SC yakin bahawa warga kerja kami merupakan tunggak utama dalam memenuhi mandat kami dengan berkesan. Strategi modal insan kami meliputi mengenal pasti, memupuk dan membimbing individu yang memahami mandat perkhidmatan awam kami.

Pembangunan bakat

Bakat muda

Kami komited untuk terus mengembangkan bekalan bakat muda dengan pemberian biasiswa kepada pelajar yang berpotensi dan layak untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam program sarjana muda di institusi pengajian tinggi, sama ada di dalam atau luar negara.

Tujuh biasiswa telah dianugerahkan tahun ini dan setelah menamatkan pengajian, pemegang biasiswa tersebut berpeluang untuk menjalani program Pengawal selia Model (MORE@SC) selama setahun. Di bawah program ini, graduan muda tersebut akan ditugaskan secara bergilir dalam fungsi-fungsi yang berbeza di SC. Setiap giliran akan adalah bagi tempoh sehingga tiga bulan. Ini membolehkan mereka memperoleh pengalaman praktikal dalam pelbagai aspek fungsi kawal selia dan pembangunan SC sebelum mereka ditempatkan secara kekal dalam fungsi yang sesuai dengan keupayaan mereka.

Sepanjang setahun program MORE@SC, bakat muda yang berpotensi juga akan dibimbing oleh mentor dalaman dan ditugaskan dengan projek yang mengandungi elemen tanggungjawab sosial korporat. Pembelajaran pengalaman berstruktur ini akan membolehkan graduan muda membangunkan kemahiran dan kecekapan yang diharapkan daripada pengawal selia progresif.

Perancangan penggantian

Memandangkan kami telah membentuk tenaga kerja yang mantap dalam kalangan pasukan pengurusan yang dibimbing dari peringkat awal, kami sedar akan pentingnya mempersiapkan calon-calon untuk jawatan kepimpinan. Kami telah menyediakan rangka kerja pengurusan penggantian, yang dirangka untuk menyediakan saluran pembelajaran dan mempercepat peluang pertumbuhan kepada kakitangan berbakat yang komited terhadap matlamat SC.

Kami juga memperkenalkan konsep pasukan kepimpinan yang diperluas. Individu-individu dari pihak pengurusan pertengahan yang menunjukkan kesediaan untuk mengambil tanggungjawab yang lebih besar, dikenal pasti dan diberi peluang untuk menyertai mesyuarat pasukan kepimpinan dan menerajui inisiatif strategik di SC.

Bagi memastikan kepimpinan yang mantap dalam pelbagai fungsi organisasi, kami mengarahkan kakitangan peringkat kanan menjalani latihan penggiliran secara berperingkat. Latihan ini telah membantu mereka mengembangkan kemahiran dan kecekapan serta memberikan mereka perspektif baharu mengenai peranan yang ditugaskan kepada mereka.

Pada tahun ini, kami juga mengalu-alukan 50 individu yang menyertai pasukan warga kerja kami, termasuk beberapa kakitangan peringkat kanan yang diambil untuk menyokong atau menerajui usaha SC dalam pembinaan keupayaan dan kecekapan operasi.

Pembangunan peribadi dan profesional

Kami bergantung kepada kemahiran dan kecekapan warga kerja kami dalam penyampaian khidmat kepada pihak berkepentingan kami. Oleh itu, perkembangan profesional dan peribadi kakitangan kami adalah penting dalam agenda modal insan kami. Inisiatif pembelajaran dan pembangunan kakitangan kami dirangka bagi memastikan mereka

dilengkapi dengan pengetahuan untuk menjalankan kerja-kerja pengawasan pasaran modal dengan berkesan, dan pada masa yang sama menyediakan mereka dalam membantu mengekalkan reputasi SC sebagai pengawal selia yang boleh dipercayai dan dihormati.

SC menyediakan biasiswa dan pinjaman kepada kakitangan berkelayakan yang ingin membangunkan kemahiran profesional dan khusus mereka dalam bidang yang berkaitan dengan fungsi SC. Sebilangan kakitangan telah meraih manfaat daripada skim bantuan kewangan ini, dan terus berkhidmat dengan SC apabila tamat pengajian mereka.

Di samping bantuan kewangan SC, kakitangan kami juga berpeluang mendapat pembiayaan untuk pengajian pascasiswazah yang ditawarkan oleh institusi-institusi terkemuka. Satu perkara yang membanggakan adalah sepanjang beberapa tahun ini, kakitangan SC telah terpilih sebagai penerima biasiswa berprestij Chevening anjuran kerajaan UK. Ini menunjukkan pengiktirafan terhadap kualiti warga kerja kami. Dua orang kakitangan kami berjaya menamatkan program tersebut mereka tahun ini.

Selain daripada pembelajaran formal, kami juga menawarkan peluang untuk menyertai program peminjaman dan sangkutan kakitangan kepada warga kerja kami. Pada tahun ini, tujuh orang kakitangan telah dipilih untuk menyertai program peminjaman kakitangan, masing-masing di Bank Dunia, Hab Asia Pasifik Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO), Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan MIMOS Bhd. Kakitangan yang terlibat dalam program ini kembali ke SC dengan pengalaman kerja dan pendedahan yang lebih luas.

Sebagai sebahagian daripada agenda kepimpinan pemikiran global SC, kami juga terus menerima program penempatan kakitangan rakan sejawat luar negara. Pada 2017, kami menerima lima pegawai dari Agensi Perkhidmatan Kewangan Jepun, Pejabat Suruhanjaya Sekuriti Lao serta Pihak Berkuasa

Memupuk Kakitangan Berinovatif

Inovasi bukan lagi satu pilihan tetapi satu perkara penting, bukan hanya untuk pasaran modal tetapi juga untuk SC, bagi membolehkan kami mempersiap diri sebagai pengawal selia yang bersedia menghadapi masa depan.



Justeru, Anugerah Inovasi Pengerusi, EUREKA telah diperkenalkan sebagai inisiatif dalaman untuk menggalakkan kakitangan kami mencari penyelesaian menggunakan inovasi teknologi dalam menyampaikan nilai transformasi dalam operasi kami melalui penjimatan kos, masa dan sumber.

Sejak diperkenalkan pada 2013, EUREKA telah menghasilkan inisiatif penting yang telah memberi sumbangan positif kepada operasi kami. EUREKA juga merupakan satu galakan kepada kakitangan kami dalam usaha pencapaian prestasi tinggi dan menjalin kerjasama untuk keberkesanan SC.

Pada 2017, Jabatan Pemantauan Pasaran telah menerima Anugerah EUREKA atas penghasilan COBWEB, instrumen pengawasan yang dibangunkan di peringkat dalaman. Pengurusan data, perlombongan dan analisis data merupakan asas kepada fungsi pengawasan dan COBWEB direka bentuk untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh pasukan pemantauan pasaran untuk mengendalikan pelbagai sumber data ketika melaksanakan fungsi mereka. Pemantauan pasaran merupakan fungsi kritikal bagi memastikan pasaran yang adil dan teratur. Melalui COBWEB, Jabatan Pemantauan Pasaran berupaya memperoleh data untuk menjelaskan pola tersembunyi dalam transaksi pasaran dan memberi kefahaman mendalam untuk membuat keputusan yang lebih cepat dan lebih baik.

Pasukan tersebut juga telah membangunkan instrumen ini agar ia lebih bersifat serba guna dan mesra pengguna, bagi membolehkan penggunaannya dalam fungsi lain di SC.

Pasaran Modal Arab Saudi. Pegawai-pegawai ini diletakkan dalam pelbagai fungsi di SC bagi tempoh sehingga satu tahun. Inisiatif ini memberi peluang kepada pegawai-pegawai tersebut dan kakitangan kami meningkatkan kerjasama kawal selia, menjalin hubungan kerja dan menggalakkan pemindahan pengetahuan yang saling memanfaatkan.

Menginstitusikan pengurusan pengetahuan secara berterusan

Memandangkan pengetahuan institusi merupakan asas dalam memastikan kemampunan operasi kami, inisiatif telah dilaksanakan untuk mengekalkan aset yang tidak ternilai ini. Proses pemetaan pengetahuan telah dilaksanakan pada 2016. Kebanyakan inisiatif pengurusan pengetahuan yang dilaksanakan tahun ini didorong oleh hasil daripada proses tersebut.

Menginstitusikan pengetahuan

Sepanjang beberapa tahun ini, kami telah memperluas kumpulan bakat dalaman. Mereka ialah warga kerja yang telah kami latih, dan mereka telah menimba banyak pengetahuan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka di SC, menyumbang kepada pertumbuhan dan pencapaian kami selama ini. Apabila ada di antara kakitangan yang memperoleh peluang kerja di tempat lain atau bersara, kami memastikan bahawa pengetahuan individu tersebut dapat dikekalkan, seperti pandangan dan pengalaman peribadi mereka.

Sesi 'In-Person' merupakan satu inisiatif yang dirangka untuk membolehkan pakar dalaman berkongsi pengetahuan berguna mereka dengan audiensi tertentu. Oleh kerana pengetahuan tersebut tidak mudah dipelajari secara kaedah tradisional, kami beralih kepada pendekatan lain, seperti

mengadakan sesi bual bicara, atau berkongsi pengalaman.

Ketika sesi 'In-Person', kakitangan kami meluangkan masa bersama pakar, yang akan menerangkan rasional bagi keputusan utama yang telah dibuat pada masa lalu ketika berkhidmat dalam pelbagai bidang di SC. Usaha ini merupakan langkah positif untuk mendokumenkan pengetahuan institusi dan pengalaman kakitangan SC. Untuk memelihara pengetahuan yang diperoleh daripada pakar-pakar ini dan membolehkannya diguna semula bagi pembelajaran pada masa hadapan, setiap Sesi 'In-Person' dirakam dan tersedia kepada kakitangan kami.

Sesi 'In-Person' menampilkan pakar-pakar dalam kami, manakala 'Conversations@SC' merupakan koleksi wawancara eksklusif bersama pakar-pakar industri dan pemimpin perniagaan. 'Conversation@SC' membincangkan pelbagai topik seperti ekonomi, politik dan perkembangan pasaran serta trend pengurusan dan kepimpinan. Seperti sesi 'In-Person', 'Conversations@SC' juga dirakam dan dikongsi bukan sahaja dengan kakitangan kami, malah juga dengan orang ramai melalui portal korporat kami.


Meningkatkan pengurusan pengetahuan khusus

Bagi meningkatkan tahap kecekapan, SC telah lama bergantung kepada penyelesaian digital untuk mengekalkan pengetahuan khusus. Sistem pengurusan rekod kami memudahkan carakan pemerolehan dan perkongsian maklumat dalam institusi serta mencapai kesinambungan urusan. Pada tahun ini, usaha telah dijalankan untuk meningkatkan proses pengurusan rekod serta menjajarkan dasar kami kepada keperluan Akta Arkib Negara 2003.

Kebajikan kakitangan

Di samping membantu warga kerja kami mencapai kepuasan bekerja, kami berusaha untuk memastikan persekitaran kerja yang lebih kondusif untuk sinergi kerja dan memudahkan carakan penglibatan kakitangan dalam aktiviti di luar masa kerja. Kami menggalakkan warga kerja kami untuk melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti yang bersesuaian dengan minat dan keinginan mereka.

Rajah 1
Statistik kakitangan (Kepelbagai)



Majikan Yang Penyayang

Sepanjang beberapa tahun ini, kami telah memperkenalkan pelbagai jadual anjal untuk memenuhi keperluan peribadi warga kerja kami. Ini termasuk melaksanakan konsep bekerja dari rumah bagi kakitangan peringkat kanan.

Kami juga menyedari pelbagai keperluan untuk cuti berkaitan ibu bapa. Oleh itu kami telah meningkatkan peruntukan cuti bersalin untuk merangkumi kakitangan yang mempunyai anak angkat. Ini mencerminkan komitmen kami untuk menyokong ibu bapa yang bekerja dalam kalangan kakitangan kami bagi membolehkan mereka mengimbangi keperluan pekerjaan dan kehidupan berkeluarga.

Kepelbagaian

Walaupun tanggapan tradisional mengenai kepelbagaian di tempat kerja biasanya merujuk kepada warga kepelbagaian kaum, jantina dan latar belakang agama, kini, konsep kepelbagaian di tempat kerja lebih menyeluruh. Selain daripada ciri-ciri tersebut, kepelbagaian juga meliputi umur, gaya berfikir, set kemahiran, pendidikan, latar belakang, dan lain-lain.

Sejak dahulu kami menyokong inisiatif untuk mewujudkan kepelbagaian di tempat kerja dan memperakui bahawa setiap kakitangan menyumbang sesuatu yang berbeza kepada organisasi. Kami berbangga kerana mempunyai warga kerja dengan latar belakang berbeza-beza dan kami memanfaatkan pengetahuan, bakat, kemahiran dan pengalaman mereka ini untuk meningkatkan produktiviti pasukan dan tindak balas kami terhadap keadaan yang berubah-ubah.

Kepelbagaian dari segi umur diperlakukan di seluruh SC. Memiliki tenaga kerja dari pelbagai generasi membolehkan kami memanfaatkan kumpulan bakat yang lebih luas. Baru-baru ini kami melanjutkan umur persaraan wajib kepada 60 tahun. Ini memberikan

kami lebih banyak masa untuk merapatkan jurang pengetahuan antara kakitangan muda dan rakan sekerja mereka yang berpengalaman.

Aktiviti di luar ruang dan masa kerja

Kami percaya bahawa produktiviti berkait rapat dengan gaya hidup positif. Sama ada meluangkan masa untuk mengeratkan hubungan dengan keluarga dan kawan-kawan, atau memantau kecergasan dan diet mereka, amalan hidup yang hebat di luar ruang dan masa kerja akan mewujudkan hasil yang positif dalam produktiviti warga kerja kami.

Kelab Sukan dan Rekreasi SC (KSRSS) memudahkan usaha ini dengan menganjurkan pelbagai aktiviti untuk kakitangan dan keluarga mereka. Usaha tersebut memudahkan warga kerja kami mencapai penyepaduan kerja dan kehidupan. Aktiviti utama yang dianjurkan termasuk Majlis Makan Malam Tahunan dan Hari Keluarga dan kedua-duanya sentiasa mendapat sambutan yang baik daripada kakitangan kami. Di samping pelbagai aktiviti yang dilaksanakan, KSRSS juga menganjurkan Treasure Hunt Kewangan 2017 yang melibatkan peserta daripada agensi-agensi di bawah Kementerian Kewangan. Aktiviti yang dianjurkan oleh KSRSS menyatukan kesemua kakitangan SC dan menambah baik semangat berpasukan. Untuk menggalakkan lagi interaksi dan meningkatkan keakraban antara kakitangan, SC turut memperkenalkan ‘Hari Pens-Down’, di mana kakitangan dibenarkan pulang awal untuk menyertai aktiviti kesukanan atau sosial pilihan bersama rakan sekerja.

Kakitangan kami turut menjaga kecergasan dan kesejahteraan mereka dengan menyertai Kem Sihat SC (SC Warriors Fit Camp). Latihan tersebut merupakan sesi kecergasan fizikal mingguan yang mencabar di bawah bimbingan jurulatih bertauliah selama tiga bulan. Ia merupakan program tambahan kepada kelas-kelas kecergasan berkumpulan sedia ada yang dikelolakan di premis SC.

TADBIR URUS INSTITUSI

SC berusaha untuk menyediakan persekitaran yang menggalakkan integriti, kebertanggungjawaban dan profesionalisme yang kukuh dalam kalangan warga kerja kami.

Mendukung integriti institusi

Sepanjang tahun ini, kami melaksanakan inisiatif untuk mengukuhkan standard tadbir urus dalam kami. Pelaksanaan *Garis Panduan Pengurangan Kehilangan Data* pada awal tahun ini disasarkan kepada peningkatan kawalan dalaman untuk menguruskan kerahsiaan maklumat. Kawalan yang dikenal pasti dalam Garis Panduan tersebut telah dimasukkan ke dalam sistem Pengurusan Risiko Organisasi dan diterapkan dalam penilaian suku tahunan dan keperluan pelaporan semua jabatan di SC.

Kami juga menyemak *Kod Tatalaku*. Dasar mengenai kerahsiaan maklumat dan konflik kepentingan telah diperkuatkannya. Kami turut meningkatkan proses berkaitan dengan, antaranya, perisytiharan tahunan kakitangan, transaksi pelaburan kakitangan dan penzahiran penerimaan hadiah dan hospitaliti.

Satu siri program pendidikan yang membicarakan topik kerahsiaan maklumat dan konflik kepentingan telah dilaksanakan sepanjang tahun bagi membolehkan kakitangan kami memahami dengan lebih mendalam bagaimana isu-isu ini diuruskan dengan berkesan. Satu sesi perkongsian bersama pakar tadbir urus dari Bank Dunia, yang membincangkan amalan terbaik di peringkat global untuk mengurus konflik kepentingan merupakan sebahagian daripada program pendidikan tersebut.

Sebagai satu kaedah untuk mengukur keberkesanannya, program integriti kami dan mengenal pasti campur tangan yang akan datang, kami menjalankan tinjauan kesedaran etika organisasi. Tinjauan tersebut membolehkan kami mengukur sejauh mana kakitangan kami memberi perhatian terhadap amalan tadbir urus dalaman, serta kekuatan dan kelemahan amalan tadbir urus dalaman; dan

merumus satu pelan tindakan untuk memastikan kakitangan kami sentiasa mengamalkan standard tatalaku beretika yang tinggi ketika menjalankan tugas mereka.

INFRASTRUKTUR ORGANISASI

Tempat kerja

Kami menyedari persekitaran pejabat yang menggalakkan set minda dan sikap yang positif adalah satu elemen penting. Usaha untuk mengoptimumkan ruang pejabat kami sedang berjalan, dan tahun ini kami berjaya mewujudkan ruang untuk menampung kakitangan yang sebelum ini ditempatkan di luar premis SC. Kafeteria kami turut diberi wajah baru di mana kakitangan kami boleh berkunjung untuk makan, berehat dan melegakan tekanan, di samping berinteraksi, menjalin hubungan dan menghasilkan idea.

Menetapkan kepesatan digital

Pendigitan organisasi

Agenda utama dalam strategi pendigitan organisasi SC adalah untuk mentransformasi tempat kerja dan warga kerja kami kepada organisasi yang dipacu wawasan dan bertumpu maklumat, yang akan membolehkan kami menambah baik urusan kami bersama pihak berkepentingan. Sejajar dengan strategi tersebut, inisiatif untuk memanfaatkan teknologi digital telah dilaksanakan bagi membolehkan kami mencapai matlamat ini dengan lebih cepat.

Antara inisiatif awal adalah untuk memperakui kepentingan awan sebagai pemboleh penting untuk mempercepat transformasi digital organisasi. Dasar Awan Organisasi telah dirangka untuk mentadbir penggunaan awan di SC. Kami telah memulakan pendekatan berperingkat untuk melaksanakan pengkomputeran awan. Dasar Awan dan pendekatan pelaksanaannya dirangka setelah mempertimbangkan pengklasifikasiannya

dan ketercapaian maklumat dalam SC. Kami telah meletakkan kawalan yang sewajarnya bersama dengan prosedur baharu dan dikemas kini untuk mengawal pentadbirannya. Kami juga belajar dari pengalaman pelaksanaan dasar pengkomputeran awam di seluruh dunia agar kami bersiap sedia untuk bertindak balas dan menyelesaikan isu-isu yang timbul daripada pelaksanaan dan pentadbiran pengkomputeran awan.

Kebingkasan siber

Satu lagi elemen penting dalam strategi digital adalah mewujudkan dan mengekalkan tahap keselamatan siber yang diperlukan dalam semua pelaksanaan. Kami terus meningkatkan keselamatan siber dalaman terhadap ancaman yang berisiko kepada aset dan operasi korporat kami. Kami juga sentiasa menilai risiko siber dan melengkapkan semula serta meningkatkan keupayaan keselamatan kami di mana perlu, selari dengan cabaran siber hari ini.

Selain daripada usaha untuk meningkatkan kedudukan keselamatan siber keseluruhan SC, kami juga memperkuatkkan kawalan perimeter perlindungan kami terhadap ancaman yang mungkin timbul. Ia dilaksanakan melalui pematuhan berterusan kami terhadap piawaian keselamatan maklumat global, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO 27001:2013. Pematuhan kami terhadap piawaian tersebut telah diperakui sejak tahun 2005. Pada 2017, kami telah berjaya mendapat perakuan semula selepas audit tahunan dan proses pengesahan semula secara besar-besaran dilakukan.

Sebagai peneraju sektor bagi pasaran modal, SC juga bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan untuk melaksanakan Dasar Keselamatan Siber Kebangsaan (NCSP) untuk semua entiti Infrastruktur Maklumat Kritis Kebangsaan (CNII). Pada awal tahun ini, SC bersama-sama dengan CNII dalam pasaran modal yang telah dikenal pasti mengambil bahagian dalam Latihan Siber Kebangsaan, X-Maya 6. Latihan ini dirangka untuk menilai tahap

persediaan dan ketersediaan kecemasan CNII terhadap serangan siber. Hasil latihan tersebut telah digunakan untuk menambah baik pelan operasi keseluruhan di peringkat NCSP dan sektor.

Di samping itu, kami mengukuhkan kerjasama dalam kalangan peserta pasaran modal untuk meningkatkan kecekapan pengendalian masalah siber dan perkongsian maklumat mengenai ancaman siber. Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan respon dan penyelesaian dengan menyediakan platform ketahanan siber bersepada untuk pelaporan, serta memudahcarakan perkongsian maklumat di seluruh industri.

Mengukuhkan pengalaman pengguna industri

Meningkatkan sistem sedia ada untuk menyokong pasaran modal dengan lebih baik adalah satu proses berterusan yang kami tangani secara serius. Pada 2017, Sistem Serah dan Simpan Dalam Talian (LOLA OSS) yang dibangunkan untuk menyelaras proses pengemukaan oleh pihak industri telah dipertingkatkan lagi, dengan mengambil kira maklum balas industri yang telah kami kumpul secara berterusan sejak sistem tersebut dibangunkan. Penambahbaikan kepada LOLA OSS bertujuan untuk menambah baik pengalaman pengguna apabila berurus dengan SC, dan meliputi proses pengemukaan yang lebih fleksibel serta aliran proses yang dipertingkatkan. Di samping itu, fungsi-fungsi baharu untuk menyokong *Guidelines on Unlisted Capital Market Products under the Lodge and Launch Framework* (Garis Panduan) dan *Kit Serahan*, yang berkuat kuasa pada awal tahun ini, juga telah diwujudkan.

Sistem Permohonan Pelesenan Elektronik (ELA) telah dipertingkatkan untuk menggabungkan proses permohonan lesen Peserta Penjelasan (CP) kendiri. Penambahbaikan ini memudahcarakan Peserta Penjelasan kendiri dalam pasaran. Pindaan lain kepada sistem termasuk memperkenalkan Pengurus Pelaburan Digital (DIM) sebagai Jenis Entiti baharu di bawah Pengurusan Dana berkaitan

dengan pengurusan portfolio. Ini adalah tindak balas kepada rangka kerja Pengurusan Pelaburan Digital yang baru dilancarkan pada bulan Mei tahun 2017.

TANGGUNGJAWAB KAMI SEBAGAI WARGA KORPORAT

Menyumbang kepada masyarakat

Komitmen SC untuk menyumbang kepada masyarakat adalah amat memberangsangkan pada tahun 2017 apabila sebanyak RM100,849 (kira-kira RM25,000 daripada jumlah tersebut disumbangkan oleh kakitangan kami serta keluarga dan rakan mereka) telah disalurkan kepada Yayasan Buah Pinggang Negara Malaysia (NKF). Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada ‘Larian ScamBuster’ yang kami anjurkan pada 15 Oktober 2017 – acara larian sejauh 5-km yang diadakan bersempena acara tahunan BijakLabur® Fest 2017. YAM Tengku Datin Paduka Setia Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah telah merasmikan larian santai amal tersebut dan disertai oleh lebih 3,000 pelari yang terdiri daripada warga SC dan orang awam, di sekitar pusat bandaraya Kuala Lumpur.

Di samping bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai skim pelaburan haram, larian tersebut juga membolehkan SC menyumbang kepada kerja-kerja amal NKF.

Kelestarian

Membentuk budaya

Komitmen SC untuk mengekalkan budaya prestasi tinggi bukan setakat memenuhi mandat kami. Kami juga mengambil berat terhadap impak alam sekitar, dan telah menganjurkan pelbagai amalan mesra alam dalam kalangan warga kerja kami dalam usaha untuk mengurangkan jejak karbon.

Untuk memupuk tabiat mengurangkan pembaziran, kami menjemput aktivis sisa sifar untuk menyampaikan ceramah kepada kakitangan kami dengan harapan dapat memberi inspirasi kepada mereka untuk mengamalkan gaya hidup sifar sisa. Selaras dengan ini, kami telah menggalakkan usaha kitar semula dengan menambah bilangan tong kitar semula di seluruh bangunan. SC juga terus mengambil bahagian dalam ‘Program Ganjaran Go Green’ HP untuk mengembalikan dan mengitar semula kartrij toner pencetak yang telah digunakan.



SC Weekly Earth Hour

**Switch off
your lights
every Friday
12.30pm to
2.30pm**



#SCWeeklyEarthHour
Kakitangan dikehendaki
menutup suis elektrik
pada waktu makan
tengahari setiap hari
Jumaat

Say NO to PLASTIC



**Bring your own
containers for
take away food
and beverage**

REDUCE WASTE | REUSE | RECYCLE

#SayNoToPlastic*
Kakitangan dikehendaki
membawa bekas
makanan sendiri untuk
membungkus makanan
di kafeteria

Penggunaan dan kecekapan tenaga

Bangunan SC telah menjadi bangunan cekap tenaga dengan penggunaan tenaga purata kami secara konsisten berada pada had bagi bangunan tenaga rendah sebagaimana yang dinyatakan dalam *Kod Amalan bagi Kecekapan Tenaga dan Penggunaan Tenaga Mampan bagi Bangunan Bukan Kediaman* (Piawaian Malaysia MS 1525: 2001).

Namun, kami masih memantau penggunaan tenaga dan mengoptimalkan masa operasi bagi peralatan elektrik yang menggunakan tenaga yang banyak, yang digunakan dalam bangunan. Amalan ini telah mengurangkan lagi penggunaan tenaga sebanyak 7.7% berbanding tahun sebelumnya.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, kami sentiasa mempertimbangkan amalan penggunaan yang mampan yang membolehkan kami menjalankan aktiviti kami secara mesra alam sekitar.

Bahagian 4

Tinjauan dan Prospek Pasaran Modal



Pengenalan

Pasaran modal secara global menyaksikan kenaikan menyeluruh harga aset pada 2017, didorong oleh pertumbuhan sekata di peringkat global, dasar monetari yang akomodatif dan ketiadaan risiko geopolitik utama. Aset risiko berprestasi baik di tengah-tengah volatiliti yang sebelum ini pada tahap yang rendah. Ekuiti merupakan kelas aset terbaik, manakala persekitaran berisiko turut menyaksikan bon hasil yang tinggi di peringkat global mengakhiri tahun secara positif.

Pasaran pesat membangun mengatasi pasaran maju, berdasarkan laporan perbezaan pertumbuhan ekonomi yang lebih menggalakkan, pemulihan perolehan korporat yang kukuh dan kemajuan pembaharuan yang ketara dalam ekonomi pesat membangun utama. Kenaikan harga saham di pasaran pesat membangun didorong terutamanya oleh pertumbuhan perolehan dan bukannya pelaburan berasaskan nilai, terutamanya dalam sektor teknologi dan budi bicara pengguna.

Berlatarbelakangkan persekitaran global yang positif, pasaran modal Malaysia terus berkembang dan memainkan peranan penting dalam pembiayaan ekonomi domestik. Pasaran modal Malaysia menyaksikan pengumpulan dana luar biasa tahun ini yang berjumlah kira-kira RM146.6 bilion. Permodalan pasaran saham meningkat sebanyak 14.4% kepada RM1.9 trilion, manakala pasaran bon berkembang 10.1% dan ditutup sebanyak RM1.3 trilion pada akhir bulan Disember. Industri pengurusan dana juga mengekalkan trajektori pertumbuhan meningkat, berkembang sebanyak 11.5% kepada RM776.2 bilion.

Pasaran modal menarik minat kukuh pelabur asing dengan aliran masuk dagangan bersih keseluruhan berjumlah RM17.6 bilion.

Sementara itu, kecairan domestik yang mencukupi membolehkan pelarasan pasaran dan harga yang teratur pada tahun ini.

PERSEKITARAN PASARAN PADA 2017


Keadaan pasaran modal global pada 2017 sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pemulihan serentak dalam pertumbuhan ekonomi maju dan pesat membangun, dengan pengetatan dasar monetari sederhana oleh beberapa bank pusat. Di samping itu, risiko politik menurun yang menyelubungi suku tahun pertama tidak berlaku, sementara pembaharuan cukai menyeluruh telah dilaksanakan di AS pada penghujung tahun. Persekitaran ekonomi dan politik yang positif telah merangsang prestasi bulis dalam pasaran modal di seluruh dunia di tengah-tengah penambahbaikan dalam keadaan pasaran modal (Carta 1).

Pada tahun ini, ekonomi global menyaksikan kadar pertumbuhan paling pesat dalam tempoh enam tahun, didorong oleh pemulihan kitaran di AS dan zon Euro. Secara ketara, IMF mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi mempercepat di sekitar 75% negara-negara di seluruh dunia, kadar tertinggi sejak 2010, justeru, meningkatkan

permintaan global. Pertumbuhan dalam ekonomi maju telah termangkin dengan penambahbaikan pasaran buruh dan keadaan kewangan yang umumnya akomodatif yang menyokong pelaburan modal. Ekonomi UK adalah terkecuali disebabkan oleh ketidaktentuan yang berkaitan dengan Brexit, yang mana firma yang berpangkalan di UK menangguhkan rancangan pelaburan dan pengguna teragak-agak dalam perbelanjaan utama. Dalam ekonomi pesat membangun, pertumbuhan ekonomi disokong oleh penambahbaikan dalam dagangan global dan harga komoditi serta pengurangan risiko menurun dari China.

Dasar kewangan pasaran maju terus diperketatkan sepanjang 2017, tetapi kebanyakannya masih kekal akomodatif. Rizab Persekutuan AS (Fed AS) meningkatkan kadar faedah penanda aras sebanyak tiga kali pada tahun ini dan mula mengurangkan kunci kira-kira AS\$4.5 trillion pada Oktober. Bank of Canada dan Bank of England (BoE) juga telah menaikkan kadar, buat kali pertama masing-masing dalam tempoh tujuh tahun dan 10 tahun.

Carta 1
Keadaan pasaran modal (min=0, mak=100)



Nota: Keadaan pasaran modal (bagi pasaran pesat membangun) diukur dengan purata beta sektor kewangan, volatiliti indeks saham, pulangan indeks saham negatif dan spread hasil bon antarabangsa berbanding Perbendaharaan AS; dan (bagi pasaran maju) dengan beta sektor kewangan, spread TED, kecerunan keluk hasil tanda aras, spread bon korporat AAA berbanding kadar bebas risiko, pulangan indeks saham (negatif) dan volatiliti indeks saham. Indeks yang lebih tinggi menandakan tekanan dalam pasaran modal.

Sementara itu, Bank Pusat Eropah (ECB) mengekalkan program pelonggaran kuantitatifnya, tetapi mengurangkan pembelian asetnya pada tahun ini. Bank of Japan mengekalkan dasar pelonggaran kuantitatif (QE) dan kawalan lenguk hasil, tetapi mengurangkan pembelian bulanannya.

Perkembangan geopolitik mendapat perhatian yang ketara, tetapi mempunyai kesan yang agak terhad ke atas pasaran kewangan dengan keimbangan yang berkurangan sepanjang tahun ini. Di zon Euro, keputusan pilihan raya umum mengurangkan ketidakpastian politik sebelum ini. Oleh itu, firma dan isi rumah di zon Euro telah meningkatkan perbelanjaan yang seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pendapatan korporat. Pasaran global juga mengalami tempoh berjeda berisiko dan tidak berisiko berikutan ketegangan di semenanjung Korea, serta perkembangan di Timur Tengah. Pelabur bagaimanapun tidak mengambil kira kebarangkalian berlakunya ekoran peristiwa ekstrim.



Peningkatan aktiviti ekonomi global serta pengurangan pengeluaran menyebabkan kenaikan harga komoditi pada 2017. Harga komoditi tenaga,

iaitu minyak mentah, gas asli dan arang batu menokok 12.4%. Harga minyak mentah, khususnya naik 17.7% disebabkan oleh permintaan kukuh, pematuhan yang bertambah baik oleh pengeluar minyak OPEC dan bukan OPEC terhadap perjanjian pengurangan pengeluaran serta penyusutan inventori pada separuh tahun kedua. Harga logam juga meningkat dengan ketara sebanyak 27.0% disebabkan oleh permintaan yang kukuh, terutamanya dari sektor harta tanah, infrastruktur dan pembuatan di China.

Sentimen Pasaran Modal Global

2017 menyaksikan kebanyakan pasaran dalam modal berisiko, dengan tempoh pelaburan tanpa risiko yang pendek. Berlatarbelakangkan pertumbuhan positif, keadaan monetari yang akomodatif dan harga komoditi yang lebih tinggi, volatiliti dalam pasaran modal menurun dengan volatiliti indeks VIX dan VSTOXX mencatatkan paras terendah sepanjang 10 tahun (Carta 2). Tempoh kenaikan mendadak yang pendek dalam ketaktentuan, berterusan pada 2017 tetapi tidak seperti pada

Carta 2
Pengelakan risiko pelabur



Sumber: SC menggunakan Thomson Reuters Datastream

Nota: AS: Indeks volatiliti VIX, Eropah: Indeks volatiliti VSTOXX, Pasaran Pesat Membangun: Indeks volatiliti CBOE EM. Eropah merangkumi negara-negara yang lebih besar seperti Belgium, Finland, Perancis, Jerman, Itali, Belanda dan Sepanyol.

tahun-tahun terdahulu kerana situasi makro global bertambah baik dengan ketara dalam ekonomi maju dan pesat membangun.


Di tengah-tengah sentimen keseluruhan, aset-aset yang dianggap lebih berisiko mencatatkan keuntungan yang melebihi kadar purata sebelum ini, manakala turun naik harga berada di bawah kadar purata.

PASARAN SAHAM GLOBAL

Pasaran saham di seluruh dunia mengakhiri tahun 2017 dengan keadaan bulis, setelah mencecah rekod tertinggi sepanjang tahun, disokong oleh pemulihan sekata dalam pertumbuhan ekonomi. Kedua-dua pasaran yang maju dan pesat membangun menyaksikan perolehan kukuh pada 2017. Pasaran pesat membangun mengatasi prestasi pasaran maju, di mana indeks Pasaran Pesat Membangun MSCI dan MSCI World mengakhiri tahun dengan masing-masing 34.4% dan 20.1% lebih tinggi (Carta 3).

Carta 3

Indeks MSCI (1 Jan 2017 = 100)



Sumber: SC menggunakan Thomson Reuters Datastream

Pasaran maju menyaksikan permulaan yang kukuh bagi tahun ini kerana data ekonomi menunjukkan bahawa ekonomi maju berkembang dengan lebih baik daripada yang dijangkakan. Di AS, sentimen bulis dari 2016 berterusan ke separuh pertama 2017, disokong oleh data PMI yang kukuh dan jangkaan dasar fiskal mengembang. Pasaran ekuiti AS terus mencatatkan trend menaik di samping dua kadar kenaikan yang diumumkan oleh Fed AS pada separuh pertama tahun ini, kerana keadaan monetari dilihat masih akomodatif dan perolehan korporat terbukti lebih kukuh daripada yang dijangkakan. Ekuiti zon Euro juga mencatatkan keuntungan yang teguh apabila pertumbuhan ekonomi terbukti lebih positif berbanding tahun-tahun sebelumnya dan pilihanraya umum menyaksikan keputusan yang memuaskan bagi masa depan blok ekonomi tersebut. Separuh kedua tahun ini menyaksikan pasaran maju terus meningkat, didorong oleh perolehan korporat yang kukuh. Pasaran ekuiti AS khususnya adalah bulis, diterajui oleh saham-saham teknologi dan bermodal kecil yang ingin meraih manfaat daripada pelan pembaharuan cukai kerajaan AS. Di zon Euro, para pelabur telah menjangkakan rancangan ECB untuk mengurangkan program pelonggaran kuantitatifnya pada 2018, tetapi kekal optimis ke atas prospek blok ekonomi tersebut berikutan penilaian ekonomi positif oleh ECB dan organisasi supranasional yang lain.

Pasaran pesat membangun juga menunjukkan prestasi kukuh pada separuh pertama 2017, dengan pemulihan perolehan yang bermula pada 2016 diteruskan pada 2017. Pertumbuhan global yang bertambah baik, dagangan yang mantap dan kestabilan harga komoditi terus menyokong minat pelabur terhadap pasaran saham pesat membangun di peringkat global. Pengecualian yang ketara ialah pasaran ekuiti Rusia yang menurun disebabkan oleh harga minyak mentah yang lebih rendah pada Julai serta kurangnya keyakinan terhadap hubungan yang lebih baik dengan NATO. Pasaran pesat membangun terus mengatasi pasaran maju pada separuh tahun pertama dengan pasaran ekuiti Argentina mencatatkan keuntungan yang paling mengagumkan di tengah-tengah kemajuan pembaharuan ekonomi.

Sepanjang tahun semasa, saham pertumbuhan dilihat mengatasi saham nilai. Ini adalah bersandarkan pertumbuhan dan perdagangan global yang kukuh, yang mendorong pelabur memilih syarikat yang mempunyai potensi perolehan yang mantap. Ini seterusnya membawa kepada minat meluas terhadap saham teknologi, yang merupakan sektor terbesar dalam indeks Pasaran Pesat Membangun MSCI dan sektor kedua terbesar dalam indeks MSCI World. Minat terhadap pelaburan pertumbuhan berbanding pelaburan berlaku di seluruh dunia pada 2017, terutamanya di Amerika Syarikat di mana Indeks Growth S&P 500 meningkat sebanyak 25.4% manakala indeks Value S&P 500 meningkat 12.6%.

Di tengah-tengah trend prestasi-prestasi, Indeks HSI Hong Kong merupakan yang terbaik pada 2017 dalam kalangan pasaran maju, meningkat sebanyak 36.0% berikutan perolehan kukuh oleh firma dalam sektor teknologi dan budi bicara pengguna. Sementara itu, S&P 500 meningkat sebanyak 19.4% apabila minat pelabur disokong oleh perolehan korporat


yang tinggi yang diterajui oleh saham perbankan dan teknologi. Perolehan korporat yang lebih baik daripada yang dijangkakan dan risiko politik yang semakin berkurangan juga meningkatkan pasaran ekuiti Eropah apabila DAX menokok 12.5% dan CAC naik 9.3% manakala FTSE 100 naik 7.6% walaupun wujud ketidakpastian mengenai Brexit. Sementara itu, TSX Kanada menyaksikan kenaikan terendah, iaitu hanya sebanyak 6.0%.

Dalam kalangan indeks pasaran pesat membangun, indeks Merval Argentina dan BSE100 India mencatatkan prestasi terbaik, masing-masing ditutup 77.7% dan 31.5% lebih tinggi. Sebaliknya, Indeks A-Shares Shanghai China kurang berprestasi berbanding indeks pasaran pesat membangun lain tetapi kekal lebih tinggi pada tahun ini sebanyak 6.6%. Indeks MICEX Rusia pula jatuh sebanyak 5.5%.

Bagi tempoh jangka panjang, pasaran ekuiti utama berprestasi lebih baik berbanding purata 10 tahun mereka pada 2017, kecuali pasaran ekuiti Rusia (Carta 4).

Carta 4

Prestasi pasaran saham pada 2017 (31 Dis 2016 = 100)




Sumber: Bloomberg

PASARAN BON GLOBAL

Bon global menyaksikan perbezaan yang ketara antara pergerakan pasaran maju dan pesat membangun pada 2017 (Carta 5). Bon pasaran maju umumnya didagangkan dalam skop yang terhad disebabkan oleh inflasi yang rendah di kebanyakan ekonomi maju walaupun keadaan pasaran buruh bertambah baik. Ini terjejas dengan pembelian selamat berkala berikutan pilihan raya di Eropah dan ketegangan geopolitik di rantau Asia Pasifik.

Carta 5
Hasil bon kerajaan (poin atas)




Sumber: Thomson Reuters Datastream

Sebaliknya, hasil bon pasaran pesat membangun menunjukkan penurunan yang didorong oleh peningkatan dalam asas-asas, pertumbuhan ekonomi dan pemulihan mata wang. Ini disokong lagi oleh hasil global yang rendah dan pelabur yang agak jelas mengenai pembangunan dasar monetari di Amerika Syarikat dan Eropah. Keseluruhananya, terdapat peningkatan dalam aliran masuk modal asing ke dalam hutang pasaran pesat membangun.

Kelok hasil Fed AS jatuh pada 2017 apabila hasil jangka pendek meningkat lebih daripada hasil jangka panjang. Hasil bon berjangka pendek meningkat sebagai tindak balas kepada tiga kali kenaikan kadar faedah oleh Fed AS. Hasil bon berjangka lebih panjang sebaliknya jatuh apabila inflasi kekal rendah di AS, justeru mengurangkan jangkaan inflasi jangka panjang.

Petunjuk ke hadapan Fed AS ketika mesyuarat terakhirnya pada Disember juga agak tidak bersifat agresif berbanding jangkaan pasaran, menyebabkan lebih kejatuhan dalam keluk hasil (Carta 6). Keluk hasil Jepun juga terus kekal tidak berubah pada 2017, apabila BOJ melaksanakan dasar kawalan keluk hasil untuk mengurangkan kadar faedah jangka panjang dalam ekonomi dan merangsang pelaburan. Keluk hasil Jerman sementara itu, dilihat sebagai pengecualian, bertambah sejak permulaan tahun apabila pelabur menjangka kenaikan kadar faedah oleh ECB pada pertengahan 2019.

Carta 6
Keluk hasil Perbendaharaan AS (peratus)



Sumber: Perbendaharaan AS

Sementara itu, pasaran bon hasil tinggi menyaksikan ketaktentuan yang berkurangan pada 2017, menghasilkan pulangan stabil bagi pelabur di sepanjang tahun dengan beberapa pembetulan berlaku kerana minat belian. Kadar mungkir yang lebih rendah, pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dan harga komoditi yang stabil merupakan pemacu utama prestasi pasaran bon hasil tinggi di sepanjang tahun. Terutamanya indeks Citigroup High Yield Bond telah meningkat 7.0% pada 2017, menunjukkan pencarian berterusan terhadap hasil oleh pelabur (Carta 7).


Carta 7
Indeks Citigroup High Yield Bond



PASARAN MODAL MALAYSIA


Berlatar belakang perkembangan global yang positif, pasaran modal Malaysia terus berkembang dan memainkan peranan penting dalam pembiayaan ekonomi domestik. Pasaran modal keseluruhan meningkat sebanyak 12.6% dan berkembang kepada RM3.2 trilion pada penghujung 2017 (Carta 8).

Carta 8
Pasaran modal Malaysia (RM trilion)



Sumber: SC, BNM

Carta 9
Jumlah dana yang dikumpulkan melalui pasaran modal (RM bilion)



Sumber: SC, Bursa Malaysia, BNM

Pengembangan aktiviti ekonomi domestik dimudahcarakan oleh pasaran modal yang bingkas, dengan pengumpulan dana yang kukuh berjumlah RM146.6 bilion (Carta 9). Terbitan pasaran utama adalah berjumlah RM132.1 bilion¹. Sejumlah RM124.9 bilion telah dikumpulkan melalui pasaran bon dan sukuk korporat. Momentum menaik yang kukuh dalam pelaburan swasta ditunjukkan dalam terbitan bon korporat dan sukuk Malaysia pada 2017, yang melepas paras RM100 bilion buat kali pertama sejak 2012. Terbitan yang lebih tinggi dicatatkan pada suku tahun keempat 2017, apabila syarikat korporat mengambil kesempatan persekitaran kadar faedah yang masih baik di tengah-tengah jangkaan kenaikan kadar pada 2018 susulan nada agresif dalam pengumuman Bank Negara Malaysia menjelang penghujung tahun. Sementara itu, sebanyak RM7.2 bilion telah dikumpulkan melalui penyenaraian ekuiti baharu melalui 12 IPO.


Empat syarikat yang disenaraikan di Pasaran Utama, enam syarikat di pasaran ACE dengan selebihnya di pasaran LEAP. Tiga IPO terbesar ialah Lotte Chemical Titan Holding bhd (RM3.77 bilion), Eco World International Bhd (RM2.58 bilion) dan Serba Dinamik Holdings Bhd (RM0.6 bilion). Sejumlah RM14.5 bilion dana ekuiti juga dikumpulkan oleh pasaran sekunder melalui terbitan hak dan penempatan tertutup.

¹ Ini tidak termasuk terbitan utama REIT berjumlah RM234.2 juta.

Tinjauan dan Prospek Pasar Modal

Carta 10

Aset bawah pengurusan setakat 31 Dis 2017 (RM bilion)



Sumber: SC

Industri pengurusan dana mengekalkan kadar pertumbuhan menaik pada tahun ini. Jumlah aset bawah pengurusan (AUM) meningkat sebanyak 11.5% daripada RM696.30 bilion pada Disember 2016 kepada RM776.2 bilion pada akhir Disember 2017 (Carta 10). Pertumbuhan dalam industri pengurusan dana disokong oleh, antara lain, pengembangan industri unit amanah. Industri unit amanah juga menyaksikan jualan bersih sebanyak RM45.2 billion menunjukkan keyakinan berterusan pelabur terhadap pasaran modal.

Industri unit amanah juga menyaksikan jualan bersih sebanyak 45.2 billion, menunjukkan keyakinan pelabur yang berterusan dalam pasaran modal. Prestasi pasaran modal tempatan pada 2017 dipacu oleh sentimen pelabur yang bertambah baik, dipengaruhi oleh pelbagai faktor tempatan dan luaran. Trend arah aliran dan prestasi positif dilihat dalam hampir semua segmen pasaran.

PASARAN SAHAM MALAYSIA

Permodalan pasaran saham meningkat sebanyak 14.4% daripada RM1.67 trillion pada 2016 kepada RM1.91 trillion pada 2017.

Carta 11

Prestasi Indeks FBMKLCI, Permodalan Kecil dan Pasaran ACE (31 Dis 2016 = 100)




Sumber: SC

Saham-saham Malaysia mempamerkan prestasi yang positif di semua pasaran. Saham cip biru, permodalan kecil dan pasaran ACE mencatatkan laba yang kukuh pada setengah tahun pertama sebelum menyaksikan penggabungan pada setengah tahun kedua. Secara keseluruhan, indeks FBMKLCI, FBMAcE dan FBM Small Cap masing-masing meningkat sebanyak 9.5%, 38.1% dan 15.9% (Carta 11).

Pada tahun ini, FBMKLCI bermula dalam keadaan bulis apabila penilaian pada penghujung 2016 dan tanggapan bahawa ringgit adalah lemah memberikan peluang pembelian kepada para pelabur. Berlatarbelakangkan pertumbuhan kukuh di peringkat global dan domestik, indeks penanda aras tersebut meningkat pada sebahagian besar setengah tahun pertama 2017. Pemulihan berterusan perolehan korporat dan permintaan dari pelabur asing juga merangsang keuntungan FBMKLCI (Carta 12). Saham-saham mewah kemudiannya mengukuh antara Julai dan September sebelum menyusut pada Oktober dan November. Indeks tanda aras tersebut ditutup dalam keadaan bulis sebanyak 1,796.81, meningkat 4.6% pada bulan Disember sahaja.

Carta 12
FBMKLCI dan FBMKLCI Mencecah Perolehan Sesaham (EPS) 12M



Sumber: Thomson Reuters Datastream


Pada tahun berkenaan, saham Permodalan Kecil dan pasaran ACE mencatat keuntungan tertinggi dengan setiap indeks masing-masing mencatatkan pertumbuhan susulan permintaan yang kukuh sejak permulaan tahun. Sektor teratas dalam pasaran Permodalan Kecil dan pasaran ACE adalah sektor

sekuriti berkait IT dan pengguna. Saham dalam sektor IT dilihat menurut permintaan yang lebih tinggi terhadap semikonduktor manakala saham dalam sektor sekuriti berkait pengguna memperoleh manfaat daripada penggunaan isi rumah yang kukuh pada 2017.


Pasaran ekuiti di Malaysia secara keseluruhan adalah positif pada 2017, dengan pemulihan dari segi volum dan nilai dagangan (Carta 13). Purata volum dagangan harian adalah sebanyak 2.6 bilion unit dan purata nilai dagangan harian adalah sebanyak RM2.5 bilion bagi tahun ini, melebihi purata 5 tahun masing-masing sebanyak 2.0 bilion unit dan RM2.2 bilion. Purata harga sesaham yang didagangkan, bagaimanapun lebih rendah, disebabkan oleh minat yang lebih terhadap saham bernilai rendah yang berpotensi untuk berkembang.

Pasaran ekuiti Malaysia menyaksikan permintaan asing yang paling tinggi berbanding pasaran lain di rantau ini (Carta 14). Secara keseluruhan, pelabur asing merupakan pembeli bersih dengan pasaran mencatatkan aliran masuk bersih kumulatif berjumlah AS\$2.4 bilion atau RM10.8 bilion pada penghujung 2017.

Carta 13
Jumlah dan nilai dagangan ekuiti harian (juta)




Sumber: Bursa Malaysia



Tinjauan dan Prospek Pasar Modal

Carta 14

Aliran dana kepada ekuiti serantau (AS\$ juta)



Sumber: MIDF

PASARAN BON MALAYSIA


Pasaran bon Malaysia mencatat pertumbuhan 10.1% daripada RM1.17 trillion pada 2016 kepada RM1.29 trillion pada penghujung Disember. Malaysia terus mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran bon matawang tempatan ketiga terbesar sebagai peratusan GDP di Asia, selepas Jepun dan Korea Selatan.

Pada suku pertama tahun ini, kedudukan melega dalam pasaran hadapan ringgit tidak dapat diserah menyebabkan penjualan dalam bon Malaysia. Walau bagaimanapun, hasil bon mengekalkan arah aliran menurun secara umum pada 2017 apabila minat pelabur dalam pasaran bon tempatan disokong oleh data ekonomi positif serta ringgit yang semakin kukuh di sepanjang tahun (Carta 15). Walaupun hasil meningkat sedikit saja pada bulan Oktober dengan jangkaan pelan normalisasi ECB, sentimen pulih berikutan berita pelanjutan program pelonggaran kuantitatif ECB sehingga September 2018.

Keluk hasil yang mendatar telah dicatatkan, disokong oleh ringgit yang lebih kukuh dan data KDNK yang teguh. Pelabur juga dilihat telah mempertimbangkan jangkaan untuk kadar yang

Carta 15


Hasil tanda aras MGS (peratus)



Sumber: Thomson Reuters Datastream

Carta 16

Keluk hasil tanda aras MGS (peratus)




Sumber: Thomson Reuters Datastream

lebih tinggi pada tahun 2018, tetapi sentimen perniagaan yang bertambah baik telah menyederhanakan hasil yang meningkat. (Carta 16).

Carta 17

Pegangan asing dalam bon ringgit (RM bilion)




Sumber: BNM

Pegangan asing dalam bon domestik merosot pada suku pertama tahun ini, dengan jualan mendadak pada bulan Mac. Walau bagaimanapun, aliran keluar asing diseimbangkan dengan agak baik oleh kecairan pasaran domestik yang kukuh. Pelabur asing secara beransur-ansur kembali ke pasaran bon mulai suku tahun kedua berikutan prospek pertumbuhan yang lebih baik dan mata wang yang lebih kukuh sepanjang tahun. Oleh itu, jumlah pemilikan asing bon domestik meningkat daripada RM178.2 bilion pada Mac kepada RM206.7 bilion pada akhir Disember (Carta 17), menyumbang sebanyak 16.0% daripada jumlah bon belum tebus. Pegangan asing dalam MGS pulih sepanjang tahun, mewakili 45.1% daripada jumlah MGS belum tebus pada akhir bulan Disember, mencerminkan prospek positif jangka panjang pelabur terhadap ekonomi Malaysia.

Sejajar dengan keseluruhan pasaran bon, pegangan asing dalam bon korporat juga meningkat sepanjang sebahagian besar 2017. Pemilikan asing bon korporat kekal tertumpu kepada kertas AAA dari tempoh angka sederhana ke tempoh jangka panjang.

Carta 18

Terbitan PDS mengikut kematangan (RM bilion)



Sumber: SC

Profil kematangan terbitan bon korporat tempatan dipanjangkan bagi tahun ini, mencerminkan jangkaan terhadap kenaikan kos pinjaman. (Carta 18).

PROSPEK 2018

Pertumbuhan ekonomi global yang berterusan berkemungkinan besar mempengaruhi keadaan pasaran modal dunia pada 2018. Masa dan kepesatan normalisasi kadar faedah Fed AS dan rapi oleh pasaran. Sementara itu, harga komoditi dijangka terus meningkat. Risiko menurun daripada perkembangan geopolitik dan perlindungan perdagangan boleh memberi beberapa rintangan, tetapi sentimen pelabur umumnya dijangka kekal optimistik pada tahun ini.

Pemulihan yang sedang berlaku di ekonomi maju dijangka berterusan pada 2018 selepas mencatatkan pertumbuhan positif pada 2017. Pasaran buruh di kebanyakan ekonomi maju menghampiri guna tenaga penuh manakala produktiviti buruh juga telah meningkat, menunjukkan prestasi bekalan ekonomi global semakin bertambah baik. Walau bagaimanapun, IMF menganggarkan bahawa output ekonomi di pasaran maju masih di bawah potensi, justeru memberi ruang kepada hasil ekonomi yang positif pada 2018. Bagi permintaan, kadar faedah kekal akomodatif untuk firma melabur dan membina kapasiti sementara pertumbuhan upah dalam pasaran buruh dapat menyokong perbelanjaan isi rumah.

Penganalisis menjangkakan ekonomi pesat membangun yang diterajui oleh China dan India, akan terus memacu pertumbuhan global pada 2018. Pertumbuhan ekonomi China kebanyakannya dijangka dihasilkan oleh aktiviti ekonomi dalam negeri, tetapi masih disokong oleh perdagangan luar. Langkah-langkah yang diambil untuk menguruskan tahap leveraj di China bagaimanapun boleh memperlahangkan pertumbuhan kredit, membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan bagi negara tersebut dalam jangka sederhana. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi di India akan disokong oleh pembaharuan struktur yang berterusan, termasuk permodalan semula bank yang dapat menambah baik situasi kredit. Perdagangan intra pasaran pesat membangun juga

turut bertambah penting, dan mengukuhkan lagi prospek ekonomi pesat membangun.

Prospek pelaksanaan dasar perdagangan yang bersifat melindung masih menjadi kebimbangan, terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan rundingan semula Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara. Pendirian tegas Amerika boleh menyebabkan pergeseran perdagangan dengan implikasi jangka pendek ke atas pasaran. Pertikaian perdagangan dan akses pasaran juga berpotensi menggugat hubungan daya saing AS dan China yang semakin meningkat.

Nominalisasi dasar monetari dijangka berterusan pada tahun 2018 melalui kadar faedah yang lebih tinggi dan pembelian aset yang diperlahangkan oleh bank-bank pusat utama. Fed AS meneruskan dasar kenaikan kadar faedahnya manakala BoE juga menunjukkan kemungkinan kenaikan kadar faedah pada tahun ini untuk menangkis tekanan inflasi dalam ekonomi British. Sementara itu, ECB komited untuk memperluas program pembelian aset sekurang-kurangnya sehingga September 2018, tetapi akan mengurangkan jumlah pembelian bulanan. Kekuahan ekonomi yang berterusan dalam blok EU mungkin menyaksikan ECB menghentikan program pembelian asetnya menjelang Oktober 2018 dan bersedia untuk kenaikan kadar pada 2019. Keseluruhan inflasi global dijangka meningkat secara sederhana pada tahun ini.

Walaupun pasaran dilihat telah mengambil kira kesan langkah-langkah dasar monetari ini, di mana rancangan pelaksanaannya telah diumumkan oleh bank pusat masing-masing, kebimbangan utamanya adalah kepantasan pelaksanaan langkah-langkah tersebut. Hal ini membimbangkan terutamanya kerana persekitaran kadar faedah yang rendah pada tahun-tahun sebelum ini telah meningkatkan tahap leveraj kewangan di peringkat global. Ekonomi pesat membangun yang menanggung hutang luar negara yang besar masih terdedah kepada risiko yang timbul daripada pemulihan dasar monetari oleh bank pusat utama yang lebih cepat dari jangkaan.

Pemulihan harga komoditi yang bermula pada 2016 dijangka akan berterusan hingga 2018. Baki yang mendasari bekalan dan permintaan adalah positif untuk tenaga dan logam serta komoditi pertanian terpilih. Bagi pasaran tenaga, risiko utama lebih cenderung meningkat apabila permintaan terhadap minyak mentah dan gas asli dijangka kekal kukuh pada 2018 manakala pengeluaran terus menurun susulan perjanjian antara OPEC dan negara-negara bukan OPEC. Harga logam asas seperti tembaga, nikel dan zink dijangka terus meningkat pada 2018 memandangkan bekalan komoditi ini masih berkurangan pada 2018. Sementara itu, harga minyak sawit mentah dijangka terus meningkat sehingga 2018 susulan dari pemulihan pengeluaran yang lebih lemah berbanding jangkaan dan tahap inventori yang menyusut. Desakan Indonesia untuk memperoleh mandat biodiesel B20 juga dijangka meningkatkan permintaan global terhadap minyak sawit mentah.

Berlatarbelakangkan pertumbuhan global dan inflasi sederhana, pasaran pesat membangun dijangka menyaksikan aliran portfolio yang positif pada 2018. Penilaian aset pasaran pesat membangun dianggap menarik dengan potensi pertumbuhan ekonomi yang semakin baik dan trend perolehan. Khususnya, Indeks Pasaran Pesat Membangun MSCI dijangka akan didagangkan pada harga rendah berbanding Indeks Dunia MSCI. Walau bagaimanapun, perkembangan politik, termasuk meningkatnya ketegangan di semenanjung Korea dan di Timur Tengah, mungkin mencetuskan ketidaktentuan sekali-sekala kepada aliran portfolio ke pasaran pesat membangun. Pilihanraya umum dalam beberapa ekonomi pesat membangun turut akan menyaksikan pelabur di negara-negara tersebut lebih berhati-hati dalam membuat pelaburan. Secara umum, sentimen terhadap pasaran pesat membangun dijangka positif, didorong oleh persekitaran pertumbuhan ekonomi yang kukuh.

Ekonomi Malaysia dijangka kekal dengan pertumbuhan stabil berdasarkan ramalan KDNK Kerajaan antara 5.0% dan 5.5% pada 2018, hampir

menyamai kadar pertumbuhan pada 2017 (2017e: 5.2% dan 5.7%). Pertumbuhan kebanyakannya akan dipacu oleh permintaan domestik yang bingkas dan sektor luaran yang menyokong. Perbelanjaan isi rumah akan terus menjadi sumber utama pertumbuhan di tengah-tengah situasi pekerjaan yang stabil manakala sektor luaran akan mendapat manfaat dari permintaan global yang kukuh untuk makanan dan perkhidmatan, yang seterusnya dijangka akan meluaskan lebihan akaun semasa. Di samping lebihan akaun semasa yang mengukuh, usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 2.8% dari KDNK pada 2018 memberi petanda baik untuk asas ekonomi negara dan merangsang sentimen pelabur untuk jangka panjang.

Pasaran modal Malaysia dijangka memperoleh manfaat daripada asas ekonomi negara yang kukuh. Tambahan pula, minat yang berterusan terhadap pasaran pesat membangun secara keseluruhannya dijangka akan menguntungkan pasaran modal Malaysia.

Pasaran modal domestik akan terus memainkan peranan utama dalam menyokong pertumbuhan ekonomi melalui pembiayaan pengembangan perniagaan dan pembangunan infrastruktur. Berdasarkan anggaran semasa kami, jumlah pengumpulan modal melalui pasaran utama dan sekunder dijangka kekal berdaya tahan sejumlah kira-kira RM120 bilion pada 2018. Pengumpulan dana domestik dijangka akan didorong terutamanya oleh pengumpulan modal dalam pasaran bon korporat dan sukuk bagiberju pembiayaan infrastruktur dan juga pembiayaan semula bon dan sukuk. Pengumpulan dana menerusi bon korporat dan pasaran sukuk dijangka berjumlah kira-kira RM100 bilion. Pengumpulan dana ekuiti dijangka berjumlah kira-kira RM20 bilion, dengan RM8 bilion akan dikumpul melalui IPO dan baki RM12 bilion melalui pasaran sekunder.

Prospek keseluruhan bagi pasaran modal Malaysia adalah positif, dengan tahap pertumbuhan dijangkakan lebih tinggi dalam semua segmen

utama pasaran. Pilihanraya umum ke-14 (PRU14) yang bakal diadakan dijangka akan menentukan sentimen pelabur pada awal 2018. Bagaimanapun, pasca PRU14, perhatian dijangka akan kembali kepada asas-asas pasaran modal, yang sedia kukuh dan dijangka akan terus bertambah baik. Syarikat awam tersenarai (PLC) Malaysia dijangka menyaksikan pemulihan pendapatan sejak 2016 dan berterusan ke tahun 2018. Pemacu pertumbuhan pendapatan khusus termasuk peningkatan perdagangan dan eksport, kenaikan harga komoditi yang menyokong sektor perladangan dan minyak dan gas, perbelanjaan isi rumah domestik yang stabil yang menyokong sektor yang berkaitan dengan pengguna dan kemungkinan kadar yang lebih tinggi yang menyokong sektor kewangan.

Sementara itu, ringgit dijangka akan semakin mengukuh pada 2018 disokong oleh asas makro dan kedudukan fiskal yang semakin bertambah baik. Paras semasa ringgit yang dinilai rendah, memberi peluang pembelian dalam pasaran modal Malaysia.

Dengan asas makro yang bertambah baik serta ekonomi dan dasar sosial yang mesra pelabur, sentimen pelabur dijangka akan terus memihak kepada Malaysia. Diiringi dengan rangka kerja kawal selia domestik yang kukuh, penunjuk memberi arah positif kepada perkembangan pasaran modal Malaysia pada tahun 2018.

Bahagian 5

Penyata, Statistik dan Aktiviti



- Ahli-ahli Lembaga
- Pasukan Eksekutif
- Struktur Organisasi
- Pernyataan Tadbir Urus
- Laporan Jawatankuasa Audit
- Penyata Kewangan
- Cadangan Korporat
- Pengurusan Pelaburan
- Pasaran Modal Islam
- Modal Teroka dan Ekuiti Swasta
- Pendanaan Ekuiti Ramai dan Pembiayaan Antara Rakan Setara
- Pemberian Kebenaran dan Pelesenan
- Penguatkuasaan
- Inisiatif Pendidikan Pelabur
- Aduan dan Pertanyaan
- Penerbitan
- 2017 Sekilas Pandang
- Akronim dan Singkatan

Ahli-ahli Lembaga





Kiri ke kanan:

Barisan atas:

Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah
Datuk Fazlur Rahman Ebrahim
Datuk Francis Tan Leh Kiah

Barisan tengah:

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Dato' Sri Dr Mohd Isa Hussain
Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Barisan hadapan:

Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh
Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin



Ahli-ahli Lembaga



**Tan Sri Dato' Seri
Ranjit Ajit Singh**

Dilantik 1 April 2012

Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh ialah Pengerusi Eksekutif SC. Beliau sebelum ini merupakan Pengarah Urusan SC dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kewangan dan pengawalseliaan pasaran sekuriti dan telah menerajui pelbagai inisiatif utama dalam pembangunan dan pembaharuan pasaran modal Malaysia.

Tan Sri Dato' Seri Ranjit dilantik Naib Pengerusi Lembaga Pengelola Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO), badan global pengawal selia pasaran modal dunia dan telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertumbuhan dan Pasaran Pesat Membangun (GEM) IOSCO, Jawatankuasa yang terbesar dalam IOSCO, mewakili hampir 80 peratus daripada keahlian IOSCO. Tan Sri Dato' Seri Ranjit juga merupakan Pengerusi Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF), sebuah badan yang ditugaskan untuk menerajui usaha penyepadan pasaran di rantau ini dan terdiri daripada pihak berkuasa pasaran modal ASEAN.

Tan Sri Dato' Seri Ranjit mempengerusikan Securities Industry Development Corporation (SIDC), Majlis Pembangunan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia (MVCDC) dan Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDF). Beliau juga merupakan Naib Pengerusi Institut Kewangan Asia dan ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Yayasan Pelaporan Kewangan, serta ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM).

Tan Sri Dato' Seri Ranjit dilatih sebagai ahli ekonomi kewangan dan akauntan. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dan ijazah Sarjana Ekonomi dalam Kewangan daripada Monash University, Melbourne. Beliau juga dianugerahi ijazah Doktor Falsafah Undang-undang *honoris causa* oleh Monash University, Melbourne. Beliau merupakan felo CPA Australia dan telah berkhidmat dalam bidang akademik, perundingan dan perakaunan di Australia dan Malaysia.



**Dato' Ahmad Fairuz
Zainol Abidin**
Dilantik 1 April 2016

Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin memulakan kerjayanya di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia sebagai Timbalan Pendakwa Raya. Pada 2008, beliau meletakkan jawatan dalam perkhidmatan awam dan menyertai sektor minyak dan gas sebagai Penasihat Undang-undang ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc (ExxonMobil). Setelah selesai penjualan perniagaan hiliran di Malaysia oleh ExxonMobil Corporation kepada Petron Corporation Filipina, Dato' Ahmad Fairuz kemudian menyertai Petron Malaysia. Pada Oktober 2012, beliau menyertai SC sebagai Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan.

Beliau memegang kelayakan pascasiswazah, iaitu ijazah Sarjana Keadilan Jenayah daripada Universiti Malaya serta ijazah Sarjana Pendakwaan dari University of Wollongong, Australia. Di bawah naungan Kerajaan UK, beliau juga merupakan Felo Chevening setelah menjalani latihan felo di University of Birmingham, UK. Dato' Ahmad Fairuz juga merupakan Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya.

Setelah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian daripada Universiti of Wales College, Cardiff, UK, Dato' Ahmad Fairuz memperolehi kelayakan sebagai Barrister-at-law daripada Lincoln's Inn, London, UK.



**Datuk Francis
Tan Leh Kiah**
Dilantik 18 Mei 1999

Datuk Francis Tan Leh Kiah ialah Jururunding di Azman, Davidson & Co Advocates and Solicitors. Beliau merupakan Rakan Urusan dari 1986 hingga 2008. Selain menjadi peguambela dan peguamcara, beliau juga merupakan ahli Institut

Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA) dan Institut Cukai Berkanun Malaysia. Beliau juga seorang peguamcara di Mahkamah Agung England and Wales.



**Datuk Fazlur
Rahman Ebrahim**
Dilantik 1 Mei 2006

Datuk Fazlur Rahman Ebrahim kini merupakan Penasihat Korporat Perbadanan Johor dan menganggotai Lembaga Pengarah Pelaburan Hartanah Bhd, Bank Simpanan Nasional, Permodalan Felcra Sdn Bhd, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Johawaki Holdings Sdn Bhd, DEMC Management Sdn Bhd, dan Dana Amal Jariah.

Beliau juga merupakan ahli Majlis Syariah BNP Paribas Malaysia Bhd, Majlis Penasihat Perniagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jawatankuasa Audit

Razak School of Government, Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Jawatankuasa Pelaburan Majlis Amanah Rakyat dan Majlis Penasihat Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Datuk Fazlur memegang ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Ohio University, AS dan ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.



**Tan Sri Dato' Seri
Mohamed Jawhar Hassan**
Dilantik 15 Mei 2010

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan pernah menyandang jawatan sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif New Straits Times Press (Malaysia) hingga Ogos 2016. Sebelum ini beliau juga merupakan Pengerusi dan Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia.

Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam Malaysia dalam pelbagai jawatan kanan seperti Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara; Setiausaha Kedua, Kementerian Dalam Negeri; Pengarah (Analisis) Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri; dan Ketua Penolong

Setiausaha, Majlis Keselamatan Negara. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Kaunselor di Kedutaan Malaysia di Indonesia dan Thailand dan pernah menjadi ahli Lembaga Penasihat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Beliau juga merupakan Pengerusi Bersama Network of East Asia Thinktanks (NEAT) 2005–2006 dan Majlis Kerjasama Sekuriti Asia Pasifik (CSCAP) 2007–2009.

Beliau merupakan Wakil Malaysia sebagai Pakar dan Tokoh dalam Forum Serantau ASEAN (ARF).



**Tan Sri Dato' Hasmah
Abdullah**
Dilantik 10 Mac 2011

Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah merupakan mantan Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan telah berkhidmat dengan agensi tersebut selama hampir 38 tahun. Selepas bersara, beliau menyertai PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd sebagai Penasihat Cukai dari 1 Julai 2011 hingga 30 September 2013. Beliau kini merupakan Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif UMW Holdings Bhd sejak 1 September 2013 dan

Panasonic Manufacturing Malaysia Bhd sejak 1 Oktober 2013.

Tan Sri Hasmah juga merupakan ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Penyelidikan Percukaian Malaysia, Dana Amal Jariah dan Yayasan Allammiyyah, dan ahli Majlis Eksekutif Persatuan Orang Kurang Upaya Akal Selangor dan Wilayah Persekutuan (SAMH). Tan Sri Hasmah menamatkan pengajiannya pada 1973 dengan ijazah sarjana muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti



**Dato' Sri Dr Mohd
Isa Hussain**
Dilantik 19 Ogos 2015

Dato' Sri Dr Mohd Isa Hussain kini berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan), Kementerian Kewangan. Beliau merupakan bekas Ketua Interim Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Dato' Sri Dr Mohd Isa memulakan kerjayanya pada 1983, di Jabatan Perdana Menteri sebagai Penolong Pengarah dan dilantik sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi Negeri Pahang pada 1985. Di Kementerian Kewangan, beliau memegang pelbagai jawatan termasuk Penolong Setiausaha di Bahagian Pemerolehan Kerajaan dan sebagai Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Belanjawan. Pada 2004, beliau mengambil alih jawatan sebagai Timbalan Setiausaha Kedua Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan (Diperbadankan) dan Bahagian Penswastaan. Dato' Sri Dr Mohd Isa dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Pengangkutan pada 2008.

Dato' Sri Dr Mohd Isa menganggotai lembaga pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDF) dan Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia (MVCDC). Beliau juga menganggotai lembaga pengarah PLC, iaitu Malaysian Airports Holdings Bhd (MAHB), Telekom Malaysia, Pos Malaysia dan Destini Bhd serta beberapa syarikat awam tidak tersenarai dan syarikat tujuan khas.

Dato' Sri Dr Mohd Isa berkelulusan ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan dari Universiti Putra Malaysia, ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Kewangan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) (Statistik Gunaan) daripada Universiti Malaya dan Diploma Pascasiswazah dalam Pengurusan Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara.



**Profesor Emeritus Dato'
Dr Hassan Said**
Dilantik 1 September 2016

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said merupakan Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau juga ialah Pengurus Kolej Universiti Islam Perlis dan merupakan ahli Lembaga Pengarah Asia e University (AeU) dan Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDF).

Beliau pernah berkhidmat dalam pelbagai jawatan dalam bidang akademik dan pendidikan.

Sebelum ini, beliau pernah menyandang jawatan Naib Canselor dan Presiden Taylor's University. Selepas pelantikannya sebagai Pengarah di Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, jawatan yang disandangnya sejak Mei 1998, beliau kemudian dilantik sebagai Ketua Pengarah dari Januari 2005 hingga April 2008.

Pada 1984, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Sains Matematik,

Universiti Sains Malaysia; dan kemudian dilantik sebagai Dekan. Seterusnya, pada 1995, beliau dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik), sebelum dipinjamkan ke Kementerian Pendidikan sebagai Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi.

Dato' Dr Hassan pernah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah pelbagai universiti awam dan swasta, dan ahli majlis pelbagai badan tempatan dan antarabangsa.

Dato' Dr Hassan merupakan felo Persatuan Matematik Malaysia, felo Institute of Mathematical and Its Applications (FIMA), UK dan felo Akademi Sains Malaysia (FASc). Beliau memperolehi ijazah Sarjana Muda dalam Matematik daripada University of Manchester, UK, serta ijazah Sarjana Sains dan Doktor Falsafah dari Brunel University, UK, dengan pengkhususan dalam Reka Bentuk Geometri Bantuan Komputer.



Pasukan Eksekutif


Kiri ke kanan

Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin
Chin Wei Min
Salmah Bee Mohd Mydin
Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin
Kamarudin Hashim




Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh
Tengku Zarina Tengku Chik
Foo Lee Mei
Eugene Wong Weng Soon

Struktur Organisasi



Timbalan Ketua Eksekutif



Pernyataan Tadbir Urus

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 (SCMA) untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia. Misi SC adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivatif yang adil, cekap dan telus dan memudahcarakan pembangunan teratur bagi pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing. Ia komited untuk memastikan pelabur dilindungi, pasaran yang adil dan teratur, serta memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang muncul daripada pasaran modal. Tanggungjawab, kuasa dan bidang kuasa SC ditakrif dengan jelas dan digariskan dalam undang-undang sekuriti, iaitu SCMA, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA) dan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (SICDA).

Mengenai Suruhanjaya

Ahli-ahli Lembaga

Lembaga bertanggungjawab atas keseluruhan tadbir urus Suruhanjaya. Menteri Kewangan melantik ahli-ahli Lembaga. Ahli-ahli Lembaga terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Ketua Eksekutif dan 7 ahli lain termasuk individu-individu yang mewakili kerajaan dan sektor swasta. Pengerusi diamanahkan pentadbiran harian SC sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 4B(1) dalam SCMA.

Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh telah memegang jawatan Pengerusi sejak 1 April 2012. Satu profil ahli-ahli Lembaga dipaparkan dari muka surat 106 hingga 113 dan pembabitan mereka dalam pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga dinyatakan di muka surat 116.

Pengerusi dilantik untuk tempoh 3 tahun dan layak untuk pelantikan semula apabila tamat tempoh perkhidmatannya. Ahli Lembaga lain pula dilantik untuk tempoh 2 tahun dan layak untuk pelantikan

semula apabila tamat tempoh perkhidmatannya. Individu yang memegang jawatan sepenuh masa dalam mana-mana syarikat awam tersenarai, Dewan Rakyat atau/dan Dewan Negara atau menjadi pegawai atau pengarah kepada sesuatu entiti yang dikawal selia oleh Suruhanjaya, tidak layak memegang jawatan sebagai ahli Lembaga. Seorang ahli Lembaga juga tidak layak memegang jawatan sekiranya beliau:

- disabitkan sesuatu kesalahan di bawah undang-undang termasuk penipuan, ketakjujuran, rasuah atau keganasan;
- diisythihar muflis;
- tidak berupaya menjalankan tugasnya;
- gagal menghadiri 3 mesyuarat Lembaga secara berturut-turut tanpa sebab;
- berkelakuan dengan cara yang boleh mencemarkan reputasi Suruhanjaya;
- gagal mendedahkan kepentingannya; atau
- terlibat dalam aktiviti yang boleh mengganggu kebebasannya dalam melaksanakan tugas.

SCMA menghendaki seseorang ahli Lembaga menguruskan konflik kepentingan dengan mendedahkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga atau mana-mana jawatankuasa. Apabila penzahiran telah dibuat, beliau:

- tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasanya; dan
- tidak boleh diambil kira dalam pembentukan korum Lembaga atau jawatankuasa, berkaitan dengan perkara tersebut.

Fungsi Suruhanjaya

Fungsi Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- Menasihati Menteri tentang semua perkara berkaitan dengan pasaran modal;
- Mengawal selia semua perkara berkaitan dengan pasaran modal;

- Memastikan peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi;
 - Mengawal selia pengambilalihan dan percantuman syarikat;
 - Menggalakkan dan mengawal selia semua perkara dengan pengurusan dana, termasuk skim unit amanah dan skim persaraan swasta;
 - Bertanggungjawab atas penyeliaan dan pemantauan aktiviti mana-mana syarikat pemegangan bursa, bursa saham, rumah penjelasan bursa derivatif, dan depositori pusat;
 - Mengambil semua langkah munasabah untuk mengekalkan keyakinan pelabur dalam pasaran modal dengan memastikan perlindungan yang cukup untuk pelabur;
 - Meningkatkan dan menggalakkan tatalaku yang betul dalam kalangan organisasi yang mengambil bahagian, peserta, rakan gabungan, peserta depositori serta semua individu yang berlesen atau berdaftar di bursa, rumah penjelasan dan depositori pusat, yang mana berkenaan;
 - Membasmi amalan tidak sah, tidak bermaruah dan tidak wajar dalam pasaran modal, dan pemberian nasihat pelaburan atau perkhidmatan lain berkaitan dengan pasaran modal;
 - Mempertimbangkan dan membuat saranan bagi pembaharuan undang-undang sekuriti;
 - Meningkatkan dan menggalakkan pembangunan pasaran modal di Malaysia termasuk penyelidikan dan latihan yang berkaitan;
 - Menggalakkan dan meningkatkan swakawalseliaan oleh persatuan profesional atau institusi pasaran dalam pasaran modal;
 - Mengeluarkan lesen, mendaftar, membenarkan, meluluskan dan menyelia semua individu yang terbabit dalam aktiviti yang dikawal selia atau menyediakan perkhidmatan pasaran modal sebagaimana yang termaktub di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;
 - Menggalakkan dan mengekalkan integriti semua individu berlesen, individu berdaftar, individu yang diluluskan dan peserta dalam pasaran modal;
 - Mendaftarkan atau mengiktiraf semua juruaudit entiti kepentingan awam atau dana berjadual dan menjalankan pengawasan ke atas mana-mana individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan entiti kepentingan awam atau dana berjadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal;
 - Meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit di Malaysia, dan menggalakkan dan membangunkan rangka kerja pengawasan audit yang kukuh di Malaysia;
 - Mengambil semua langkah munasabah untuk memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang timbul daripada pasaran modal;
 - Menggalakkan dan mengawal selia tadbir urus korporat dan piawaian perakaunan yang diluluskan bagi syarikat-syarikat tersenarai; dan
 - Menetapkan dan meluluskan standard kelayakan profesional bagi pasaran modal.
- Suruhanjaya juga mempunyai fungsi dan kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah undang-undang sekuriti.

Mesyuarat Lembaga

Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 10 kali pada 2017. Korum yang diperlukan adalah 5. Rekod kehadiran mesyuarat dinyatakan dalam Jadual 1.

Kerja-kerja Lembaga dalam mentadbir urus SC dimudahcarakan oleh pelbagai jawatankuasa lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 dalam SCMA, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2.

Majlis Penasihat Syariah (SAC) diberikan mandat untuk memastikan pelaksanaan pasaran modal Islam (ICM) mematuhi prinsip Syariah. Ia menasihati Suruhanjaya bagi hal ehwal berhubung dengan perkembangan ICM dan berfungsi sebagai pusat rujukan bagi semua isu ICM.

Penyata, Statistik dan Aktiviti

Jadual 1

Kehadiran dalam Mesyuarat

Ahli Lembaga	Bilangan mesyuarat yang di hadiri
Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh	10/10
Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin	10/10
Datuk Francis Tan Leh Kiah	10/10
Datuk Fazlur Rahman Ebrahim	9/10
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	9/10
Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah	8/10
Tan Sri Dr Madinah Mohammad ¹	1/2
Dato' Sri Dr Mohd Isa Hussain	5/10
Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said	8/10

Nota:

¹ Meletak jawatan pada 3 Mac 2017 berikutan pelantikan Tan Sri Madinah sebagai Ketua Juruaudit Negara.

Jadual 2

Jawatankuasa Lembaga

Jawatankuasa	Tanggungjawab utama	Ahli
1. Jawatankuasa Audit	Menyemak keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman SC dan menyemak penyata kewangan tahunan.	<ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah (Pengerusi) • Datuk Francis Tan Leh Kiah • Datuk Fazlur Rahman Ebrahim • Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
2. Jawatankuasa Terbitan	Menilai mana-mana cadangan penerbitan dan penyenaraian sekuriti sesebuah syarikat di pasaran utama; cadangan korporat yang membabitkan pemerolehan aset yang menyebabkan perubahan ketara dalam hala tuju perniagaan atau dasar sesebuah syarikat tersenarai atau yang akan disenaraikan di pasaran utama; cadangan korporat yang membabitkan penerbitan sekuriti bagi penggabungan dua atau lebih syarikat tersenarai di pasaran utama; dan pendaftaran prospektus penyenaraian.	<ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh (Pengerusi) • Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin • Datuk Francis Tan Leh Kiah • Datuk Fazlur Rahman Ebrahim • Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
3. Jawatankuasa Pengambilalihan dan Percantuman	Menyemak permohonan pengambilalihan dan percantuman berjenis khusus dan/atau kompleks dan perkara yang berkaitan dengan dasar negara.	<ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh (Pengerusi) • Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin • Datuk Francis Tan Leh Kiah • Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah • Dato' Dr Mohd Isa Hussain

Ahli-ahli SAC dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kesemua sembilan ahli SAC akan berkhidmat untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 1 Julai 2017, seperti dinyatakan dalam Jadual 3.

Lembaga Pemantauan Audit (AOB) telah ditubuhkan di bawah Bahagian IIIA SCMA dan mandatnya adalah untuk membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsi pengawalseliaannya berkaitan dengan pembangunan rangka kerja pemantauan audit yang berkesan, menggalakkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit dan mengawal selia juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual.

Di samping itu, AOB juga melaksanakan pemantauan terhadap mana-mana individu yang menyediakan laporan berkaitan dengan maklumat kewangan PIE dan kumpulan wang jadual, yang berkaitan dengan aktiviti pasaran modal. Ahli-ahli AOB dilantik oleh Lembaga, seperti dinyatakan dalam Jadual 4.

Jadual 2

Jawatankuasa Lembaga (sambungan)

Jawatankuasa	Tanggungjawab utama	Ahli
4. Jawatankuasa Skim Pelaburan Terurus	Meluluskan penubuhan skim tersenarai.	<ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh (Pengerusi) • Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin • Datuk Fazlur Rahman Ebrahim • Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan • Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah
5. Jawatankuasa Pelesenan	Menilai dan meluluskan (atau menolak) permohonan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) yang baharu, wakil peniaga berlesen yang baharu, pengarah, pengurusan utama atau pegawai pematuhan yang dikemukakan bersama dengan permohonan CMSL baharu, permohonan yang berkaitan dengan penyedia skim persaraan swasta dan menimbangkan apa-apa cadangan yang berkaitan dengan isu-isu pelesenan.	<ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh (Pengerusi) • Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin • Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan • Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah • Tan Sri Dr Madinah Mohammad¹
6. Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran	Menilai dan merumus ganjaran bagi Pengerusi dan Timbalan Ketua Eksekutif (DCE) dan membuat cadangan yang sesuai kepada Menteri Kewangan.	<ul style="list-style-type: none"> • Datuk Fazlur Rahman Ebrahim (Pengerusi) • Datuk Francis Tan Leh Kiah • Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan • Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Nota:

¹ Meletakkan jawatan pada 3 Mac 2017 berikutan perlantikan Tan Sri Madinah sebagai Ketua Juruaudit Negara.

Jadual 3

Ahli-ahli Majlis Penasihat Syariah

Ahli-ahli SAC
1. Datuk Dr Mohd Daud Bakar
2. Dato' Ahmad Tajudin Haji Abdul Rahman
3. Profesor Dr Ashraf Md Hashim
4. Profesor Dr Engku Rabiah Adawiah Engku Ali
5. Profesor Dr Asmadi Mohamed Naim
6. Profesor Madya Dr Aznan Hasan
7. Profesor Madya Dr Syed Musa Syed Jaafar Alhabshi
8. Profesor Madya Dr Mohamed Fairooz Abdul Khir
9. Dr Shamsiah Mohamad

Jadual 4

Ahli Lembaga Pemantauan Audit

Ahli-ahli AOB
1. Dato' Gumuri Hussain (Pengerusi Bukan Eksekutif) ¹
2. Alex Ooi Thiam Poh (Pegawai Eksekutif) ²
3. Eugene Wong Weng Soon
4. Marzunisham Omar ³
5. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner
6. Wong Chong Wah
7. Dato' Darawati Hussain
8. Che Zakiah Che Din ⁴

Nota:

¹ Dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada 24 November 2017

² Dilantik sebagai Pegawai Eksekutif pada 24 November 2017

³ Dilantik pada 8 Jun 2017

⁴ Bersara pada 30 April 2017

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Pengerusi yang dibantu oleh Pasukan Eksekutif bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko dan kawalan dalaman SC. Jawatankuasa Audit menyemak keberkesanan dan integriti pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman bagi pihak Lembaga. Jawatankuasa Pengawasan Risiko Sistemik (SROC), yang dianggotai oleh semua ahli Pasukan Eksekutif, bertanggungjawab memberikan hala tuju strategik berhubung pengurusan risiko di seluruh organisasi. Terdapat tiga tunjang di mana risiko dilaporkan kepada SROC; risiko berkaitan-pasaran, risiko operasi dan risiko keselamatan siber.

Di samping itu, unsur utama untuk memastikan persekitaran kawalan yang munasabah bagi operasi SC termasuk:

- Sistem pemantauan risiko, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap ke atas semua fungsi operasi, termasuk risiko yang berkaitan, dalam kalangan selera risiko yang diluluskan oleh pengurusan;
- Pengurusan Kesinambungan Urusan (BCM) sebagai alat pengurusan utama untuk melindungi warga kerja SC, operasinya dan untuk terus memenuhi tanggungjawab kawal selia dan pengawasan kepada pihak berkepentingan ketika berlaku krisis. Pelan tindak balas krisis dan pelan pemulihan urusan diwujudkan untuk memudahkan cara pengurusan sebarang peristiwa yang berpotensi untuk memudaratkan warga kerja kami, merosakkan premis kami atau mengganggu urusan kami. Pasukan Eksekutif bertanggungjawab untuk mengawasi program BCM organisasi, dan ia disokong oleh Pasukan BCM. Pada 2017, SC menjalankan semakan menyeluruh dan mengukuhkan pengaturan kesinambungan urusannya, termasuk langkah-langkah keselamatan siber, untuk membolehkan SC lebih bersedia menghadapi sebarang peristiwa sama ada disebabkan oleh bencana alam atau ancaman buatan manusia;

- Satu struktur organisasi yang mentakrif dengan jelas tanggungjawab dan pengagihan tanggungjawab kepada pelbagai jawatankuasa untuk membantu Pengerusi dalam melaksanakan fungsi pengawal seliaan utama, yang juga dinyatakan dalam laporan tahunan ini;
- Pelan Urusan tahunan yang mengandungi matlamat perniagaan, strategi, projek-projek utama, keperluan sumber dan belanjawan SC, yang diluluskan oleh Lembaga;
- *Kod Etika dan Kod Tatalaku* (termasuk *Kod Amalan tentang Halangan dan Penghapusan Gangguan Seksual*) yang menyatakan jangkaan yang dikehendaki daripada kakitangan berhubung dengan tatalaku beretika dan standard tingkah laku;
- *Pernyataan Prinsip dan Standard SC* diwujudkan untuk memudahkan cara pembabitan yang cekap dan beretika antara SC dengan pihak berkepentingan luarannya, yang merangkumi pembekal, kontraktor, penjual dan jururunding. Sehubungan ini, SC juga menjangka pihak berkepentingan urusannya dan semua peserta pasaran yang terbabit dengan SC agar mengamalkan prinsip beretika yang sama. Pernyataan Prinsip dan Standard SC termasuk standard tadbir urus yang dijangkakan berhubung dengan etika dan integriti, konflik kepentingan, hadiah dan manfaat, ketelusan dan penzahiran, pematuhan piagam pelanggan, pemeliharaan kerahsiaan, penyediaan persekitaran dan tempat kerja yang selamat, komitmen terhadap persekitaran dan tanggungjawab sosial serta jangkaan terhadap mereka yang berurusan dengan SC;
- Saluran maklum balas untuk pihak berkepentingan menyalurkan kegusaran mengenai tatalaku kakitangan. Ini termasuk Prosedur Pemberian Maklumat Dalaman yang diwujudkan sebagai saluran komunikasi yang selamat bagi individu untuk mendedahkan atau melaporkan salah laku dalaman atau pelanggaran undang-undang dalam

organisasi; Satu lagi saluran maklum balas ialah Rangka Kerja untuk Menangani Aduan Luaran Terhadap Kakitangan SC yang menetapkan proses untuk menangani aduan yang dikemukakan oleh pihak luar terhadap mana-mana kakitangan SC berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;

- *Pengisyiharan Konflik Kepentingan* yang perlu dilakukan oleh ahli-ahli Lembaga dan kakitangan apabila menghadapi situasi konflik;
- *Garis Panduan Pengurusan Pematuhan*, yang menyediakan pendekatan berstruktur dalam memastikan pematuhan undang-undang, peraturan dan piawaian tadbir urus dalaman yang memberikan impak kepada operasi harian SC; Penubuhan Jabatan Pematuhan Dalaman untuk memacu usaha SC bagi memupuk budaya pematuhan dan etika yang teguh, serta menggalakkan integriti institusi;
- *Garis Panduan Pengurangan Kehilangan Data*; bertindak sebagai panduan dan pusat rujukan kepada kakitangan apabila mengendalikan rekod fizikal dan elektronik yang mengandungi maklumat sensitif. Garis Panduan ini memastikan maklumat sensitif dilindungi secara wajar daripada penzahiran yang tidak dibenarkan dan dilindungi daripada pindaan, kerosakan, hilang atau salah guna; mencegah kerosakan reputasi dan kesan buruk kepada pihak berkepentingan kami. Kawalan utama yang dinyatakan dalam Garis Panduan tersebut, termasuk mengklasifikasikan dokumen SC berdasarkan Tahap Kerahsiaan Dokumen SC, telah dimasukkan ke dalam sistem ERM kami dan digabungkan ke dalam penilaian sukuan dan keperluan pelaporan semua jabatan dalam SC;
- *Dasar dan Garis Panduan Tentang Pemerolehan* menekankan kebertanggungjawaban, ketekunan wajar, penilaian adil dan pembuatan keputusan yang telus di sepanjang proses pemerolehan. Pelaksanaan Perjanjian Integriti telah

dimasukkan ke dalam dasar dan semua pembekal dikehendaki mempamerkan semangat dan komitmen terhadap integriti sebagai langkah kawalan pencegahan bagi mempamerkan dan memastikan urus niaga tulus. Pengisyiharan berhubung dengan konflik kepentingan, perjanjian bukan penzahiran dan *Kod Tatalaku Pembekal* telah diperkenalkan bagi memastikan kebertanggungjawaban dan integriti dalam proses pemerolehan. Di samping itu, dasar pemerolehan menggalakkan pembabitan bersama pembekal yang bertanggungjawab dari segi persekitaran dan sosial;

- *Dasar dan Garis Panduan Pengurusan Aset* yang menetapkan tatalaku bagi pengendalian aset di SC. Matlamat utama Dasar ini ialah untuk memastikan aset tetap SC dilindungi dan dimasuk kira dengan betul, diselenggara dengan baik dan berada dalam keadaan boleh digunakan; memastikan kewujudan, penilaian, pemilikan dan keadaan aset yang baik dan memastikan semua aset tetap yang tidak lagi digunakan, dilupuskan atau dihapus kira menurut prosedur dan garis panduan;
- *Dasar Pengguna IT dan Dasar IT* diwujudkan bagi memastikan perlindungan yang berkesan dan penggunaan sistem komputer SC yang wajar. Dasar-dasar tersebut merupakan panduan bagi pengurusan jabatan Teknologi yang cekap dan berdisiplin dan memberikan rujukan yang jelas dan tepat untuk kakitangan jabatan Teknologi menjalankan tugas mereka; manakala *Dasar Pengguna IT* digunakan sebagai rujukan pengguna dalam menggunakan sistem komputer. *Dasar Awan* yang baru diwujudkan akan dimasukkan ke dalam dasar sedia ada untuk meliputi tadbir urus penerimaan dan penggunaan awan yang merupakan langkah penting dalam mempercepatkan transformasi pendigitalan SC;
- *Dasar Pengurusan Rekod* diwujudkan untuk memberikan panduan yang jelas berhubung dengan standard dan prosedur yang perlu ada bagi memastikan rekod-rekod sesuai

untuk digunakan oleh SC sebagai bukti dan/ atau sebagai maklumat, dalam melaksanakan urusan operasi atau obligasi perundangan;

- Aliran Proses Urusan yang boleh didapati di laman intranet SC yang bertindak sebagai panduan kepada semua kakitangan, khususnya kakitangan baharu, untuk memahami operasi SC.

PIHAK BERKEPENTINGAN LUAR DAN KOMUNIKASI AWAM

Komunikasi yang tekal dan berterusan dengan peserta pasaran modal adalah perlu untuk memudahcarakan pelunasan tanggungjawab SC secara berkesan. Mesyuarat dan perbincangan tetap bersama pihak berkepentingan utama kami membolehkan kami menyediakan dasar yang bersifat fasilitatif, rangka kerja pengawalseliaan yang mantap dan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan berterusan pasaran modal. Semua siaran media, bahan terbitan, garis panduan, laporan tahunan serta kertas rundingan dan maklum balas dipaparkan dalam laman sesawang rasmi kami, www.sc.com.my.

Pejabat Pengguna dan Pelabur SC bertindak sebagai salah satu saluran utama dalam pembabitan bersama pelabur dan orang awam. Pejabat ini menerima dan mengendalikan aduan dan pertanyaan orang ramai berkaitan dengan pasaran modal. Di samping itu, ia bertanggungjawab ke atas strategi memperkasa pelabur SC, di bawah jenama BijakLabur® yang disasarkan kepada orang ramai dan pelabur dari pelbagai peringkat kehidupan. Melalui BijakLabur® SC melaksanakan pelbagai inisiatif melalui modal berbeza seperti pameran, seminar, jerayawara, media digital dan sosial, berdasarkan pembuatan keputusan pelaburan yang bijaksana.

Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) merupakan badan yang diluluskan oleh SC untuk mengendalikan pertikaian berkenaan pasaran modal yang melibatkan tuntutan kewangan oleh pelabur terhadap ahli-ahlinya. Ahli-ahli SIDREC terdiri daripada bank, broker saham, broker niaga hadapan, pengurus dana, syarikat pengurusan unit amanah, penyedia dan pengedaran skim persaraan swasta (PRS), antara lain, yang dilesenkan di bawah CMSA untuk menjalankan aktiviti yang dikawal selia di Malaysia. Skop SIDREC telah diperluas dengan ketara melalui peningkatan had tuntutan maksimumnya daripada RM100,000 kepada RM250,000. Kini, ia juga boleh menerima tuntutan melebihi RM250,000 untuk pengantaraan yang mana oleh kedua-dua pihak bersetuju untuk menggunakan perkhidmatan SIDREC. Di samping itu, berikutan pindaan ke atas *Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penyelesaian Pertikaian)* 2010 pada September 2010, sebanyak 43 bank komersial dan bank Islam serta 2 Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) kini merupakan ahli SIDREC.

Ini merupakan peningkatan ketara dalam skop SIDREC dan memberikannya bidang kuasa ke atas pertikaian yang melibatkan perkhidmatan pasaran modal dan produk antara DFI, bank komersial dan bank Islam serta klien pelabur mereka. Selain pembabitan antara ahli SIDREC dan pelabur yang membuat tuntutan, SIDREC juga mengadakan sesi pembabitan bersama orang awam yang melabur melalui inisiatif kesedarannya. Ia juga berkongsi dan memberikan penerangan menyeluruh bersama SC, SRO dan badan-badan industri tentang pemerhatian positif serta apa-apa kebimbangan yang timbul daripada proses penyelesaian pertikaianya. SIDREC mempunyai obligasi untuk melapor kepada Suruhanjaya tentang isu-isu sistemik yang mungkin timbul daripada pertikaian yang diterima.

Laporan Jawatankuasa Audit

SC dengan sukacitanya mengemukakan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

AHLI DAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli bukan eksekutif SC seperti yang berikut:

- Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah (Pengerusi)
- Datuk Francis Tan Leh Kiah;
- Datuk Fazlur Rahman Ebrahim; dan
- Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said.

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak 6 kali, yang dihadiri oleh majoriti ahlinya dalam tahun kewangan ini. Seorang ahli pengurusan kanan diundang untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit.

TERMA RUJUKAN

Jawatankuasa Audit ialah sebuah jawatankuasa Suruhanjaya. Ahli-ahli Lembaga menentukan keanggotaan dan melantik ahli Jawatankuasa Audit dan Pengerusi Jawatankuasa.

Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau sekerap yang diperlukan dan memerlukan korum seramai 2 orang. Sekiranya perlu, Jawatankuasa akan menjemput ahli pengurusan, juruaudit atau pihak lain untuk menghadiri mesyuarat dan membekalkan maklumat penting. Prosiding mesyuarat Jawatankuasa dicatat dan minit mesyuarat dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga. Tujuan, kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Piagam Jawatankuasa Audit. Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit ialah:

- i. membantu Lembaga menyemak kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko

- ii. dan kawalan dalaman SC; mempertimbangkan dan mencadangkan pelantikan juruaudit luaran, ganjaran mereka dan sebarang isu berhubung dengan prestasi mereka;
- iii. menyemak skop dan pelan audit juruaudit luaran termasuk penyelarasan usaha pengauditan dengan audit dalaman;
- iv. menyemak dasar dan amalan perakaunan yang diterima pakai oleh SC dalam penyediaan penyata kewangannya dan integriti proses pelaporan kewangan;
- v. menyemak penyata kewangan tahunan dan membuat cadangan yang sewajarnya kepada Lembaga tentang penerimaan penyata kewangan tahunan SC dan tahap penzahiran yang dibuat dengan tumpuan khusus kepada:
 - pematuhan kepada piawaian perakaunan yang berkaitan;
 - perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan utama;
 - pelarasaran penting yang timbul daripada pengauditan; dan
 - peristiwa luar biasa yang penting.
- vi. meluluskan Piagam Audit Dalaman dan menyokong serta menyediakan hala tuju untuk Jabatan Audit Dalaman untuk memastikan keberkesanannya;
- vii. mempertimbangkan dan menyemak pemerhatian yang berbangkit daripada laporan audit dalaman atau siasatan dalaman lain serta maklum balas daripada pihak pengurusan, dan juga menentukan tindakan pembaikan yang perlu diambil oleh pihak pengurusan;
- viii. menyemak pelaksanaan pelan tindakan untuk menangani pemerhatian utama audit yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Dalaman; dan
- ix. menyemak keberkesanan proses dan prosedur untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan kontrak.

AKTIVITI JAWATANKUASA

Dalam tahun kewangan ini, aktiviti utama Jawatankuasa Audit termasuk:

Pelaporan Kewangan

- Menyemak penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 sebelum dibentangkan kepada Lembaga.

Audit Luaran

- Menyemak penemuan audit, laporan juruaudit dan surat pengurusan dan maklum balas pengurusan yang berbangkit daripada pengauditan berkanun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.
- Menyemak dan meluluskan pelan audit luaran bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Pelbagai isu pengauditan dan perakaunan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit.
- Mengemukakan saranan kepada Lembaga untuk melantik semula juruaudit luaran sedia ada bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Audit Dalaman

- Menyemak laporan audit dalaman dan pelan tindakan pengurusan untuk menangani isu-isu audit. Jawatankuasa Audit turut memantau pelaksanaan tindakan yang dipersetujui dan cadangan pemberian yang berbangkit daripada pengauditan yang dilaksanakan.
- Menyemak pencapaian bagi pelan audit dalaman 2017 yang merupakan satu petunjuk menyeluruh ke atas prestasi fungsi audit dalaman bagi tahun tersebut.
- Mempertimbangkan kecukupan skop dan liputan menyeluruh bagi aktiviti audit dalaman, dan meluluskan pelan audit dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.
- Menyemak inisiatif jaminan kualiti dan penambahbaikan Jabatan Audit Dalaman termasuk semakan jaminan kualiti luaran yang dilaksanakan oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia.

- Menyemak penyataan yang dibuat tentang pengurusan risiko dan kawalan dalaman dalam Pernyataan Tadbir Urus bagi Laporan Tahunan 2017.

AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman membantu Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Fungsi audit dalaman melapor terus kepada Jawatankuasa Audit yang menentukan kecukupan skop dan fungsi jabatan. Fungsi audit dalaman mencapai objektifnya dengan menggunakan pendekatan sistematik dan pendekatan disiplin untuk menilai dan menambah baik keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus organisasi. Jabatan Audit Dalaman melunaskan tanggungjawabnya dengan melakukan semakan berdasarkan pelan audit dalaman yang telah diluluskan, yang dibangunkan menggunakan metodologi berasaskan risiko. Aktiviti utama fungsi audit dalaman bagi tahun 2017 termasuk pelaksanaan audit yang kebanyakannya berasaskan risiko ke atas bidang-bidang yang dikenal pasti dalam pelan audit dalaman. Keputusan daripada pengauditan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh fungsi audit dalaman dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk semakan. Sekiranya perlu, audit dalaman menjalankan pengauditan susulan untuk memastikan tindakan pemuliharaan pihak pengurusan dilaksanakan dengan sewajarnya dan memaklumkan status tindakan utama kepada Jawatankuasa Audit. Jabatan Audit Dalaman tertakluk kepada semakan kualiti luaran pada tahun ini di mana swapenilaian dilaksanakan dengan pengesahan bebas dijalankan oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia. Jabatan Audit Dalaman secara keseluruhan telah dinilai sebagai ‘Patuh Secara Umum’ kepada Piawaian Antarabangsa bagi Amalan Profesional Audit Dalaman, Institut Juruaudit Dalaman. Di samping itu, Jabatan Audit Dalaman juga telah memainkan peranan sebagai penasihat dalam melaksanakan aktiviti pengauditannya.

Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
Aset bukan semasa			
Harta, kelengkapan dan peralatan	3	167,414	173,044
Penghutang lain	4	8,234	9,517
Pelaburan lain	5	511,570	293,407
		687,218	475,968
Aset semasa			
Pelaburan lain	5	213,741	436,386
Penghutang dan pelbagai penghutang	6	32,098	31,632
Tunai dan setara tunai	7	62,101	30,433
		307,940	498,451
Jumlah aset		995,158	974,419
Rizab			
Lebihan terkumpul		759,209	773,826
Rizab dana pampasan	8	100,000	100,000
		859,209	873,826
Liabiliti bukan semasa			
Manfaat persaraan	9	70,758	54,713
Pendapatan tertunda	10	5,609	–
		76,367	54,713
Liabiliti semasa			
Pendapatan tertunda	10	210	–
Pembiutang lain dan akruan	11	59,372	45,880
		59,582	45,880
Jumlah liabiliti		135,949	100,593
Jumlah rizab dan liabiliti		995,158	974,419

Nota pada muka surat 131 hingga 151 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**Penyata keuntungan atau
kerugian dan pendapatan
komprehensif lain bagi tahun
berakhir 31 Disember 2017**

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
Pendapatan			
Levi		147,691	116,164
Yuran dan caj		16,144	14,939
Pendapatan kewangan		30,102	31,216
Yuran pelesenan		3,187	3,327
Yuran pendaftaran		1,875	1,900
Pendapatan lain		5,315	5,004
		204,314	172,550
Tolak: Perbelanjaan			
Kos kakitangan	12	145,580	142,211
Perbelanjaan pentadbiran		34,904	32,852
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	3	11,176	12,276
Perbelanjaan sewa		2,542	2,596
		194,202	189,935
Lebihan/(Defisit) operasi bersih		10,112	(17,385)
Tolak: Geran		(8,000)	(5,500)
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai	13	2,112	(22,885)
Perbelanjaan cukai	17	–	–
Lebihan/(Defisit) selepas cukai		2,112	(22,885)
Perbelanjaan komprehensif lain, cukai bersih			
Item yang tidak akan dikelaskan semula selepas keuntungan atau kerugian			
Pengukuran semula liabiliti manfaat wajib	9	(16,729)	–
Defisit dan jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun		(14,617)	(22,885)

Nota pada muka surat 131 hingga 151 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**Penyata perubahan dalam
ekuiti bagi tahun berakhir
31 Disember 2017**

	Rizab dana pampasan RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2016	100,000	796,711	896,711
Defisit dan jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun	–	(22,885)	(22,885)
Pada 31 Disember 2016/1 Januari 2017	100,000	773,826	873,826
Pengukuran semula liabiliti manfaat wajib	–	(16,729)	(16,729)
Jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun	–	(16,729)	(16,729)
Lebihan bagi tahun	–	2,112	2,112
Pada 31 Disember 2017	100,000	759,209	859,209

Nota 8

Nota pada muka surat 131 hingga 151 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**Penyata aliran tunai bagi tahun
berakhir 31 Disember 2017**

Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi		
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai	2,112	(22,885)
<i>Pelarasan untuk:</i>		
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	3	11,176
Pendapatan kewangan		(30,102)
(Keuntungan)/Kerugian daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan		(10)
		54
Defisit operasi sebelum perubahan modal kerja	(16,824)	(41,771)
Perubahan dalam modal kerja:		
Pendapatan tertunda	5,819	–
Manfaat persaraan	(684)	4,055
Penghutang dan pelbagai penghutang	(2,530)	2,143
Pembiutang lain dan akruan	13,492	(4,597)
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti operasi	(727)	(40,170)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Kematangan/(Perolehan) pelaburan dalam Sekuriti		
Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan	1,402	(14,673)
Peningkatan dalam deposit terhad	(9,587)	(3,569)
Peningkatan dalam pelaburan dalam deposit di bank berlesen	3,080	25,389
Pendapatan kewangan diterima	33,449	29,097
Hasil daripada pelupusan harta, kelengkapan dan Peralatan	156	164
Pembelian harta, kelengkapan dan peralatan	(5,692)	(4,522)
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	22,808	31,886
Penurunan bersih dalam tunai dan setara tunai	22,081	(8,284)
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari	8,552	16,836
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember	30,633	8,552
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:		
Tunai dan baki di bank	7	20,128
Deposit di bank berlesen	7	41,973
Tolak: Deposit terhad		62,101
		(31,468)
	30,633	30,433
		(21,881)
	30,633	8,552

Nota pada muka surat 131 hingga 151 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Nota bagi penyata kewangan

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) adalah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 untuk pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal. SC mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan institusi pasaran termasuk bursa dan rumah penjelasan, dan mengawal selia setiap individu yang berlesen di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Alamat SC adalah seperti yang berikut:

3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

Penyata kewangan ini diluluskan oleh Ahli Lembaga pada 30 Januari 2018.

1. Asas penyediaan

(a) Penyata pematuan

Penyata kewangan SC telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Berikut merupakan piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran rangka kerja yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) belum diguna pakai oleh SC:

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan* (2014)
- MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*
- Penjelasan kepada MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*
- Tafsiran IC 22, *Transaksi Matawang Asing dan Pertimbangan Pendahuluan*
- Pindaan ke atas MFRS 1, *Pelaksanaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2014-2016)*
- Pindaan ke atas MFRS 2, *Bayaran berdasarkan Saham – Klasifikasi dan Pengukuran Transaksi Bayaran Berdasarkan Saham*
- Pindaan ke atas MFRS 4, *Kontrak Insurans – Pelaksanaan MFRS 9 Instrumen Kewangan dengan MFRS 4 Kontrak Insurans*
- Pindaan ke atas MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Sekutu dan Usaha Sama (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2014-2016)*
- Pindaan ke atas MFRS 140, *Harta Pelaburan – Pindahan Harta Pelaburan*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

- MFRS 16, *Pajakan*
- Tafsiran IC 23, *Ketidakpastian mengenai Rujukan Cukai Pendapatan*
- Pindaan ke atas MFRS 3, *Kombinasi Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019 (sambungan)

- Pindaan ke atas MFRS 9, *Instrumen Kewangan – Ciri-ciri Prabayaran dengan Pampasan Negatif*
- Pindaan ke atas MFRS 11, *Pengaturan Bersama (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 112, *Cukai Pendapatan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 123, *Kos Peminjaman (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama – Kepentingan Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas satu tarikh yang belum ditentukan

- Pindaan ke atas MFRS 10, *Penyata Kewangan Gabungan: Entiti Pelaburan dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama – Jualan atau Sumbangan Aset Antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha sama*

SC merancang untuk mengadaptasikan piawaian, pindaan dan tafsiran yang telah boleh diguna pakai dan efektif dari tempoh tahunan masingmasing bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 dan 1 Januari 2019.

Gunapakai permulaan piawaian, pindaan dan tafsiran lain dijangka tidak memberi sebarang kesan kewangan yang penting ke atas penyata kewangan tempoh semasa dan sebelum SC kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

MFRS 16, Pajakan

MFRS 16 menggantikan panduan dalam MFRS 117, *Pajakan*, Tafsiran IC 4, *Menentukan sama ada Perjanjian mengandungi Tafsiran Pajakan*, Tafsiran IC 115, *Pajakan Operasi - Insentif* dan Tafsiran IC 127, *Penilaian Kandungan Urusniaga Melibatkan Bentuk Undang-Undang Pajakan*.

SC sedang menilai kesan kewangan yang mungkin timbul daripada penggunaan MFRS 16.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan SC disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang dinyatakan dalam Nota 2.

(c) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi SC. Semua maklumat kewangan dinyatakan dalam RM dan dibundarkan kepada nilai ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan dalam pematuhan dengan MFRS memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang menjelaskan pemakaian dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan anggaran perakaunan dikira dalam tempoh yang anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tidak terdapat perkara ketidakpastian ketara pada anggaran dan pertimbangan kritis dalam menggunakan dasar perakaunan yang mempunyai kesan ke atas amaun yang dikira dalam penyata kewangan kecuali seperti yang berikut:

Manfaat persaraan

Peruntukan ini ditentukan dengan penilaian aktuari yang disediakan oleh aktuari bebas. Penilaian aktuari melibatkan andaian mengenai kadar diskau, kadar inflasi perubatan dan umur persaraan. Oleh itu, jumlah peruntukan anggaran ini tertakluk kepada ketidakpastian yang ketara. Andaian yang digunakan untuk menganggarkan peruntukan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 9.

2. Dasar-dasar perakaunan utama

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna secara konsisten dalam tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna secara konsisten oleh SC, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Instrumen kewangan

(i) Pengiraan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan dikira dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, SC menjadi satu pihak dalam peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan dikira awalnya, pada nilai saksamanya campur, dalam kes kewangan yang bukan pada nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian, kos transaksi yang secara langsung menyebabkan pengambilan atau pengeluaran instrumen kewangan.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

SC mengkategorikan instrumen kewangannya seperti yang berikut:

Aset kewangan

(a) Pelaburan dipegang hingga matang

Kategori pelaburan dipegang hingga matang terdiri daripada instrumen hutang yang disenaraikan dalam pasaran aktif dan SC mempunyai hasrat positif dan kebolehan untuk memegangnya hingga matang.

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pelaburan dipegang hingga matang kemudiannya diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(b) Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan penghutang kemudiannya diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Semua aset kewangan tertakluk kepada semakan semula bagi rosot nilai (lihat Nota 2(d)(i)).

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan kemudiannya diukur pada kos pelunasan.

(iii) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) dan sebarang keuntungan atau kerugian terhimpun yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(b) Harta, kelengkapan dan peralatan

(i) Pengiraan dan pengukuran

Item harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos tolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa rosot nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung menyebabkan pemerolehan aset dan apa-apa kos lain yang secara langsung membawa aset kepada keadaan bekerja bagi kegunaan yang dirancang, dan kos merungkai dan menanggalkan item tersebut dan memulihkan tapak tempat ia diletakkan. Perisian yang dibeli yang penting kepada kefungsian kelengkapan yang berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Apabila bahagian ketara, jika ada, bagi satu-satu item harta, kelengkapan dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berbeza, ia dikira sebagai item berasingan (komponen utama) bagi harta, kelengkapan dan peralatan.

Keuntungan dan kerugian bagi jualan item harta, kelengkapan dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada jualan dengan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan dan dikira bersih dalam "pendapatan lain" dan "perbelanjaan lain", masing-masing dalam keuntungan dan kerugian.

(ii) Kos berikut

Kos mengantikan sebahagian daripada unit harta, kelengkapan dan peralatan dikira dalam amaun bawaan bagi unit tersebut jika ada manfaat ekonomi akan datang yang berkemungkinan terangkum dalam komponen tersebut, akan mengalir kepada SC dan kosnya dapat diukur dengan pasti. Amaun bawaan bagi komponen yang diganti tidak diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Kos penyelenggaraan harian harta, kelengkapan dan peralatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian semasa ia berlaku.

(iii) Susut nilai

Susut nilai dikira berdasarkan kos aset tolak nilai bakinya. Komponen ketara aset individu dinilai, dan jika suatu komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset, maka komponen tersebut disusut nilai berasingan.

Susut nilai dikira dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan kaedah lurus bagi anggaran hayat berguna bagi setiap komponen unit harta, kelengkapan dan peralatan dari tarikh ia tersedia untuk digunakan. Aset pajakan disusut nilai dalam tempoh pajakan yang lebih pendek dan hayat bergunanya melainkan, secara munasabah, dapat ditentukan bahawa SC akan mendapat pemilikan pada penghujung tempoh pajakan. Loji dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusutnilai sehingga aset tersebut sedia digunakan.

Anggaran hayat berguna bagi tahun semasa dan tahun bandingan adalah seperti yang berikut:

Tanah pajakan	Tempoh pajakan selama 99 tahun berakhir pada 2094
Bangunan	50 tahun
Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan	5 – 10 tahun
Komputer dan sistem aplikasi	3 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun

Kaedah susut nilai, tempoh hayat berguna dan nilai baki disemak pada penghujung tempoh pelaporan dan dilaraskan menurut kesesuaian.

(c) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai saksama dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh SC dalam pengurusan komitmen jangka pendeknya. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan selepas ditolak deposit terhad.

(d) Rosot nilai

(i) Aset kewangan

Semua aset kewangan adalah dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada wujud sebarang bukti objektif rosot nilai akibat daripada berlakunya satu atau lebih kejadian kewangan yang memberi kesan kepada anggaran nilai masa depan aliran tunainya. Kerugian yang dijangkakan daripada kejadian masa depan, tidak kira semana boleh, tidak diiktiraf.

Kerugian rosot nilai berkait dengan pinjaman dan belum terima diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa aset dengan nilai kini anggaran nilai masa depan aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset tersebut. Nilai dibawa aset dikurangkan dengan menggunakan sebuah elauan.

Jika dalam tempoh kewangan berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan ini boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa kewangan yang berlaku setelah kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, maka kerugian rosot nilai ini dibalikkan, pada suatu peringkat nilai aset dibawa tidak melebihi apa yang nilai dibawa akan rosot nilai yang tidak diiktiraf pada tarikh rosot nilai ini dibalikkan. Nilai pembalikan ini diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

(ii) Aset lain

Nilai bawaan aset lain disemak pada penghujung setiap tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa tanda-tanda rosot nilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, maka nilai boleh pulih aset dianggarkan.

Untuk menguji rosot nilai, aset dikelompokkan ke dalam kelompok kecil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya tidak bergantung pada aliran masuk tunai aset lain atau unit penjanaan tunai. Nilai boleh pulih satu-satu aset atau unit penjanaan tunai adalah nilainya yang lebih besar dalam penggunaan dan nilai saksamanya tolak kos pelupusan. Semasa menaksir nilai dalam penggunaan, aliran tunai akan datang yang dianggarkan diturunkan kepada nilai semasanya dengan menggunakan kadar penurunan sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset atau unit penjanaan tunai.

Kerugian rosot nilai diiktiraf jika nilai bawaan aset atau unit penjanaan tunainya yang berkaitan melebihi jangkaan nilai boleh pulihnya. Rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Kerugian rosot nilai yang dikira dalam tempoh terdahulu ditaksir pada penghujung setiap tempoh pelaporan bagi melihat apa-apa tanda yang menunjukkan kerugian tersebut telah berkurang atau tidak lagi wujud. Kerugian rosot nilai ditarik balik jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan nilai boleh pulih sejak kerugian rosot nilai yang lalu dikira. Kerugian rosot nilai ditarik balik hanya setakat nilai yang nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan yang mungkin telah ditentukan, tolak susut nilai atau pelunasan, jika kerugian rosot nilai tidak dikira. Penarikbalikan kerugian rosot nilai dikreditkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan penarikbalikan tersebut dikira.

(e) Pendapatan

(i) Levi dan yuran lesen

Pendapatan levi dan yuran diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

(ii) Yuran dan caj

Pendapatan yuran dan caj diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

(iii) Pendapatan kewangan

Pendapatan kewangan yang diterima daripada deposit tetap dan pelaburan lain diiktiraf semasa ia terakru dengan menggunakan kaedah faedah efektif dalam keuntungan atau kerugian.

(f) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur secara tidak terdiskaun dan dikira sebagai perbelanjaan bagi perkhidmatan berkaitan yang diberikan.

Liabiliti diiktiraf bagi amaun yang jangka akan dibayar jika SC mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif semasa untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

(ii) Pelan negara

Caruman SC ke dalam dana persaraan berkanun dicajkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan yang berkaitan dengannya. Caruman prabayar dikira sebagai aset setakat pembayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa mendatang, jika ada.

(iii) Pelan manfaat wajib

Manfaat persaraan

SC memperuntukkan manfaat perubatan persaraan kepada kakitangan yang layak, yang diambil bekerja sebelum 1 Januari 2003.

Obligasi SC dalam pelan manfaat wajib ini dikira dengan menganggar amaun manfaat akan datang yang berhak diterima oleh kakitangan dalam tempoh semasa dan sebelumnya dan mendiskaun amaun tersebut.

Pengiraan obligasi manfaat wajib dilaksanakan oleh aktuari bertauliah bebas dengan menggunakan kaedah unjuran kredit unit. Apabila pengiraan terima menunjukkan potensi aset bagi SC, aset yang dikira dihadkan kepada nilai semasa manfaat ekonomi yang ada dalam bentuk apa-apa pulangan masa depan daripada pelan atau pengurangan dalam sumbangan masa depan kepada pelan tersebut. Untuk mengira nilai semasa manfaat ekonomi, perhatian diberikan kepada mana-mana keperluan pendanaan minimum yang terpakai.

Pengukuran semula liabiliti manfaat wajib bersih, yang terdiri daripada laba dan kerugian aktuari, dikira terus dalam pendapatan komprehensif lain. SC menentukan perbelanjaan atau pendapatan faedah bersih bagi liabiliti wajib bersih atau aset bagi tempoh tersebut dengan menggunakan kadar penurunan yang digunakan untuk mengukur obligasi manfaat wajib pada permulaan tempoh tahunan bagi liabiliti manfaat wajib atau aset bersih, dengan mengambil kira apa-apa perubahan dalam liabiliti manfaat wajib atau aset bersih dalam tempoh tersebut sebagai bayaran caruman dan manfaat.

Kos dan perbelanjaan berhubung dengan pelan manfaat wajib dikira dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila manfaat satu-satu pelan diubah atau apabila satu-satu pelan dipendekkan, perubahan dalam manfaat yang berkait dengan perkhidmatan lampau atau laba atau kerugian daripada pemendekan tersebut dikira terus dalam keuntungan atau kerugian. SC mengira laba dan keuntungan dalam penyelesaian pelan manfaat wajib apabila penyelesaian berlaku.

(g) Geran

SC memperuntukkan geran kepada entiti yang layak untuk menceburi aktiviti pasaran modal. Geran diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pembayaran telah dibuat.

(h) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual sesuatu aset atau harga yang dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi secara tertib antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut menganggap bahawa transaksi untuk menjual aset tersebut atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau jika ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran paling berfaedah.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya atau menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, setakat yang mungkin, SC menggunakan data pasaran boleh cerap. Nilai saksama dikategorikan ke dalam peringkat berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti yang berikut:

Tahap 1: harga sebutan (tak terlaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa yang boleh diakses oleh SC pada tarikh pengukuran.

Tahap 2: input selain harga sebutan terangkum dalam Tahap 1 yang boleh dicerap bagi aset atau liabiliti tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3: input tak boleh cerap bagi aset atau liabiliti.

SC mengiktiraf pemindahan antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

3. Harta, kelengkapan dan peralatan

Kos	Tanah pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan RM'000	Komputer dan sistem aplikasi RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
<hr/>							
Pada 1 Januari 2016	9,154	232,162	107,954	65,293	3,012	3,699	421,274
Penambahan	-	-	794	1,373	325	2,030	4,522
Pelupusan	-	-	-	-	(409)	-	(409)
Pemindahan daripada /(kepada)	-	-	633	4,490	-	(5,123)	-
Pada 31 Disember 2016/	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
1 Januari 2017	9,154	232,162	109,381	71,156	2,928	606	425,387
Penambahan	-	-	482	1,790	339	3,081	5,692
Pelupusan	-	-	(516)	(702)	(632)	(129)	(1,979)
Pemindahan daripada /(kepada)	-	-	-	233	-	(233)	-
Pada 31 Disember 2017	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	9,154	232,162	109,347	72,477	2,635	3,325	429,100

3. Harta, kelengkapan dan peralatan (sambungan)

	Tanah pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan RM'000	Komputer dan sistem aplikasi RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
--	----------------------------	--------------------	---	--	---------------------------------	---	------------------

Susut nilai dan rosot nilai

Pada 1 Januari 2016

Susut nilai terkumpul	1,942	76,711	100,006	59,794	1,696	-	240,149
Rosot nilai terkumpul	-	109	-	-	-	-	109

1,942	76,820	100,006	59,794	1,696	-	240,258	
Susut nilai bagi tahun	93	4,643	3,121	3,979	440	-	12,276
Pelupusan	-	-	-	-	(191)	-	(191)

Pada 31 Disember 2016

/1 Januari 2017	2,035	81,354	103,127	63,773	1,945	-	252,234
Susut nilai terkumpul	-	109	-	-	-	-	109

2,035	81,463	103,127	63,773	1,945	-	252,343	
Susut nilai bagi tahun	92	4,643	2,062	3,935	444	-	11,176
Pelupusan	-	-	(506)	(695)	(632)	-	(1,833)

Pada 31 Disember 2017

Susut nilai terkumpul	2,127	85,997	104,683	67,013	1,757	-	261,577
Rosot nilai terkumpul	-	109	-	-	-	-	109

2,127 86,106 104,683 67,013 1,757 - 261,686

Amaun bawaan

Pada 1 Januari 2016

7,212 155,342 7,948 5,499 1,316 3,699 181,016

Pada 31 Disember 2016/

1 Januari 2017

7,119 150,699 6,254 7,383 983 606 173,044

Pada 31 Disember 2017

7,027 146,056 4,664 5,464 878 3,325 167,414

4. Penghutang lain

	2017 RM'000	2016 RM'000
Pembentangan kepada kakitangan	10,108	11,757
Tolak: Keuntungan belum diperoleh		
– Pembentangan cara Islam untuk rumah dan kereta	(538)	(601)
	<hr/>	<hr/>
	9,570	11,156
Tolak: Amaun dijangka dalam tempoh 12 bulan (Nota 6)	(1,336)	(1,639)
	<hr/>	<hr/>
Amaun dijangka selepas 12 bulan	8,234	9,517
	<hr/>	<hr/>

Pembentangan kepada kakitangan merangkumi pembentangan perumahan secara Islam dan konvensional, pembentangan kenderaan bermotor secara Islam dan konvensional, pinjaman komputer dan pinjaman pendidikan. Pembentangan perumahan dan kenderaan bermotor masing-masing dijamin oleh harta dan kenderaan bermotor peminjam. Pembentangan tersebut masing-masing mempunyai tempoh bayaran balik maksimum selama 25 tahun, 7 tahun, 5 tahun dan 4 tahun. Kadar yang dikenakan ke atas pembentangan ini adalah di antara 2% hingga 4% setahun (2016: 2% hingga 4% setahun).

Struktur kematangan bagi pembentangan kepada kakitangan pada penghujung tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2017 RM'000	2016 RM'000
Dalam masa 1 tahun	1,336	1,639
Lebih daripada 1 tahun dan sehingga 5 tahun	4,345	4,693
Lebih daripada 5 tahun	3,889	4,824
	<hr/>	<hr/>
	9,570	11,156
	<hr/>	<hr/>

5. Pelaburan lain

	Bukan semasa		Semasa		Jumlah	
	2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000

Pelaburan dipegang hingga matang:

– Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan	244,017	275,407	29,988	-	274,005	275,407
---	---------	---------	--------	---	---------	---------

Pinjaman dan penghutang:

– Deposit di bank berlesen	267,553	18,000	183,753	436,386	451,306	454,386
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	511,570	293,407	213,741	436,386	725,311	729,793

Termasuk dalam deposit di bank berlesen adalah jumlah terhad untuk pembangunan industri broker saham berjumlah RM12.6 juta (2016: RM10.0 juta) dan sejumlah terhad untuk merancang dan melaksanakan program pembinaan kapasiti berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan kira-kira RM0.2 juta (2016: RM0.1juta).

6. Penghutang dan pelbagai penghutang

	2017 RM'000	2016 RM'000
Levi	14,608	11,822
Penghutang pendapatan	8,202	11,549
Penghutang lain	2,787	2,761
Deposit	905	917
Prabayarhan	4,260	2,944
Pembentangan jangka pendek kepada kakitangan (Nota 4)	1,336	1,639
	32,098	31,632
	32,098	31,632

7. Tunai dan setara tunai

	2017 RM'000	2016 RM'000
Tunai dan baki di bank	20,128	8,552
Deposit di bank berlesen	41,973	21,881
	62,101	30,433
	62,101	30,433

Deposit di bank berlesen memperoleh pendapatan pada kadar daripada 2.45% hingga 4.20% setahun (2016: 2.70% hingga 4.50% setahun).

Termasuk dalam deposit di bank berlesen adalah amaun terhad untuk deposit sekuriti broker kira-kira RM1.2 juta (2016: RM1.2 juta), pembangunan industri pembrokeran stok kira-kira RM3.1 juta (2016: RM3.0 juta) dan pelbagai deposit lain kira-kira RM27.2 juta (2016: RM17.7 juta).

Tunai dan setara tunai tersebut disimpan di bank berlesen.

8. Rizab dana pampasan

Ini mewakili amaun yang diperuntukkan daripada lebihan terkumpul bagi Dana Pampasan Pasaran Modal.

9. Manfaat persaraan

	2017 RM'000	2016 RM'000
Liabiliti manfaat wajib bersih	54,713	50,658
Perbelanjaan dikira dalam keuntungan atau kerugian	657	5,110
Perbelanjaan dikira dalam pendapatan komprehensif lain	16,729	-
Manfaat dibayar	(1,341)	(1,055)
	70,758	54,713
	70,758	54,713

Pelan manfaat wajib adalah pelan perubatan persaraan tak berdana yang memberikan manfaat perubatan kepada peserta dan tanggungan mereka yang layak selepas umur persaraan sehingga peserta atau pasangannya meninggal dunia, atau bagi anak tanggungannya sehingga umur 18 atau 24 tahun, sekiranya mereka masih lagi menuntut.

Dengan demikian, kos mutlak pelan tersebut bergantung pada hayat pesara dan tanggungan mereka yang layak, insidens dan kos peristiwa yang mengakibatkan tuntutan di bawah pelan tersebut, dan inflasi bagi kos tersebut pada masa hadapan.

Pendanaan

Pelan ini tak berdana. Caruman majikan kepada pelan tersebut adalah amaun tuntutan perubatan yang dibayar terus oleh SC. SC menjangka akan membayar RM912,000 bagi caruman kepada pelan manfaat wajibnya dalam 2018.

Pergerakan dalam liabiliti manfaat wajib bersih

	2017 RM'000	2016 RM'000
Liabiliti manfaat wajib bersih 1 Januari	54,713	50,658
Terangkum dalam keuntungan atau kerugian		
Kos perkhidmatan semasa	2,295	1,932
Kos perkhidmatan masa lalu	(5,444)	-
Kos faedah	3,806	3,178
	657	5,110
Terangkum dalam pendapatan komprehensif lain		
(Keuntungan)/Kerugian aktuari daripada:		
– Andaian kewangan	13,390	-
– Pelarasan pengalaman	3,339	-
	16,729	-
Lain		
Manfaat dibayar	(1,341)	(1,055)
Liabiliti manfaat wajib bersih pada 31 Disember	70,758	54,713

Obligasi manfaat wajib Andaian aktuari

Andaian aktuari utama pada penghujung tempoh pelaporan (dinyatakan sebagai purata wajaran):

	2017	2016
Kadar diskau	5.8%	6.3%
Inflasi kos perubatan	10%, mengurang 5% dalam 5 tahun	5.0%
Umur persaraan biasa	60 tahun	56 tahun

Andaian berhubung mortaliti pada masa hadapan adalah berpandukan statistik dan jadual mortaliti yang diterbitkan. Purata jangka hayat seseorang individu yang bersara ketika berusia 60 adalah 25 (2016: 56 adalah 29) bagi lelaki dan perempuan pada penghujung tarikh pelaporan.

Pada 31 Disember 2017, tempoh purata wajaran bagi obligasi manfaat wajib adalah 20.6 tahun (2016: 21.5 tahun).

Perubahan dalam anggaran

Pada tahun ini, SC telah melantik Willis Tower Watson (TW) untuk melaksanakan laporan penilaian aktuari. Sehubungan dengan perubahan dalam andaian yang digunakan dalam penilaian, terdapat penurunan dalam kos perkhidmatan yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pada 2017 sebanyak RM4.8 juta.

Analisis sensitiviti

Perubahan mungkin yang munasabah pada tarikh pelaporan kepada satu daripada andaian aktuari berkaitan, dengan mengekalkan andaian lain, mungkin boleh menjelaskan obligasi manfaat wajib menurut amaun yang ditunjukkan di bawah.

	Obligasi manfaat wajib	
	Peningkatan RM'000	Pengurangan RM'000
2017		
Kadar diskau (1% pergerakan)	(12,052)	15,473
Kadar inflasi kos perubatan (1% pergerakan)	14,937	(11,888)
	<hr/>	<hr/>
2016		
Kadar diskau (1% pergerakan)	(9,520)	12,311
Kadar inflasi kos perubatan (1% pergerakan)	11,927	(9,410)
	<hr/>	<hr/>

10. Pendapatan tertunda

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
Pada 1 Januari 2017		-	-
Perolehan sepanjang tahun	10.1	8,449	-
Tolak: diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tahun		(2,630)	-
Pendapatan tertunda		5,819	-
		<hr/>	<hr/>
Liabiliti semasa		210	-
Liabiliti bukan semasa		5,609	-
		<hr/>	<hr/>
		5,819	-
		<hr/>	<hr/>

10.1 Sepanjang tahun ini SC telah menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk menggunakan jumlah baki yang diperoleh dari individu atas pelanggaran perdagangan orang dalam dan peruntukan manipulasi pasaran di bawah undang-undang sekuriti, berjumlah RM8.4 juta. Jumlah ini adalah untuk membiayai kos mengawal selia pasaran di Malaysia.

11. Pelbagai pembiayaan dan akruan

	2017 RM'000	2016 RM'000
Pelbagai pembiayaan	52,731	40,349
Akruan	5,454	4,300
Deposit sekuriti broker	1,187	1,231
	<hr/>	<hr/>
	59,372	45,880
	<hr/>	<hr/>

12. Kos kakitangan

	2017 RM'000	2016 RM'000
Ganjaran, bonus, perubatan kakitangan, latihan kakitangan dan kerja lebih masa	125,232	118,266
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan PERKESO	18,420	17,835
Skim Persaraan Swasta	1,271	1,000
Manfaat persaraan	657	5,110
	<hr/>	<hr/>
	145,580	142,211
	<hr/>	<hr/>

13. Lebihan/(Defisit) sebelum cukai

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai dicapai selepas mengenakan caj:			
Ganjaran juruaudit		100	100
Emolumen ahli eksekutif		4,901	4,307
Elaun ahli bukan eksekutif		993	1,074
Perbelanjaan sewa:			
Harta		2,260	2,298
Kelengkapan dan peralatan		282	298
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	3	11,176	12,276
Kerugian daripada pelupusan kelengkapan dan peralatan		-	54
dan selepas kredit:			
Perolehan daripada pelupusan kelengkapan dan peralatan		10	-
		<hr/>	<hr/>

14. Pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak dianggap berkaitan dengan SC sekiranya SC mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana SC dan pihaknya tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak yang berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti SC sama ada secara langsung atau tidak langsung.

SC mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan Securities Industry Development Corporation (SIDC), di mana Pengerusi SC juga adalah Pengerusi SIDC.

Transaksi pihak berkaitan yang utama

Transaksi pihak berkaitan utama SC ditunjukkan di bawah. Baki yang berkaitan dengan transaksi di bawah ditunjukkan dalam Nota 6 dan Nota 11.

	2017 RM'000	2016 RM'000
Pihak berkaitan		
Yuran pengurusan	502	502
Pengeluaran geran	(2,500)	(2,500)
<hr/>		

15. Komitmen modal

	2017 RM'000	2016 RM'000
Komitmen perbelanjaan modal		
Kelengkapan dan peralatan		
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan bagi:		
Dalam masa satu tahun	13,110	23,030
	<hr/>	<hr/>

16. Instrumen kewangan

16.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan seperti yang berikut:

- (a) Pinjaman dan penghutang (L&R);
- (b) Pelaburan dipegang hingga matang (HTM); dan
- (c) Liabiliti kewangan lain diukur pada kos terlunas (FL).

	Amaun bawaan RM'000	L&R/ (FL) RM'000	HTM RM'000
2017			
Aset kewangan			
Penghutang jangka panjang	8,234	8,234	-
Pelaburan lain	725,311	451,306	274,005
Penghutang dan pelbagai penghutang*	27,838	27,838	-
Tunai dan setara tunai	62,101	62,101	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	823,484	549,479	274,005
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pembiutang dan akruan	(59,372)	(59,372)	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
2016			
Aset kewangan			
Penghutang jangka panjang	9,517	9,517	-
Pelaburan lain	729,793	454,386	275,407
Penghutang dan pelbagai penghutang*	28,688	28,688	-
Tunai dan setara tunai	30,433	30,433	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	798,431	523,024	275,407
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pembiutang dan akruan	(45,880)	(45,880)	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

* Tidak termasuk aset bukan kewangan

16.2 Laba diperoleh daripada instrumen kewangan

	2017 RM'000	2016 RM'000
Laba daripada:		
Pelaburan dipegang hingga matang	10,964	10,559
Pinjaman dan penghutang	19,138	20,657
	30,102	31,216

16.3 Pengurusan risiko kewangan

SC mempunyai dasar dan garis panduan berkenaan strategi pelaburan menyeluruh dan toleransi ke arah risiko. Pelaburan diurus dengan cara berhemah untuk memastikan dana dikekalkan dan terpelihara. SC mempunyai pendedahan kepada risiko yang berikut daripada penggunaan instrumen kewangannya.

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran

16.4 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kepada SC jika pihak berlawanan kepada instrumen kewangan gagal mematuhi obligasi kontraknya. SC mempunyai dasar kredit rasmi dan pendedahan kepada risiko kredit dipantau secara terus-menerus. Deposit tetap disimpan di bank berlesen dan di institusi terjadual. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan dengan amaun bawaan bagi setiap aset kewangan.

SC mengekalkan analisis pengusiaan hanya mengenai perdagangan dan penghutang lain (tidak termasuk deposit). Pengusiaan penghutang pada penghujung tahun pelaporan adalah:

	Kasar RM'000	Rosot nilai Individu RM'000	Bersih RM'000
2017			
Belum melepassi tarikh luput	34,760	-	34,760
Melepassi tarikh luput 1 - 30 hari	-	-	-
Melepassi tarikh luput 31 - 90 hari	-	-	-
Melepassi tarikh luput 91 - 180 hari	67	-	67
Melepassi tarikh luput lebih daripada 180 hari	340	-	340
	35,167	-	35,167
2016			
Belum melepassi tarikh luput	36,993	-	36,993
Melepassi tarikh luput 1 - 30 hari	-	-	-
Melepassi tarikh luput 31 - 90 hari	-	-	-
Melepassi tarikh luput 91 - 180 hari	-	-	-
Melepassi tarikh luput lebih daripada 180 hari	295	-	295
	37,288	-	37,288

Penghutang bersih yang melepas tarikh luput adalah RM407,000, tidak dirosot nilai kerana penghutang ini dijamin atas harta kediaman dengan nilai saksama melebihi hutang belum jelasnya.

Nilai saksama bagi harta bercagaran ini ditentukan dengan menggunakan kaedah perbandingan berdasarkan penilaian profesional.

Pelaburan dan aset kewangan lain

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses bagi menguruskan risiko

Pelaburan dibenarkan hanya dalam sekuriti cair dan hanya dengan pihak berlawanan yang mempunyai kadar kredit yang berdaulat atau hampir dengan kadar berdaulat.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan cagaran

Pada penghujung tempoh pelaporan, SC hanya melabur dalam sekuriti kerajaan Malaysia dan bon jaminan kerajaan. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan oleh amaun bawaan dalam pernyataan kedudukan kewangan.

16.5 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang SC tidak akan dapat memenuhi kewangannya apabila tiba tarikh luputnya. SC memantau dan mengekalkan aras tunai dan setara tunai yang difikirkan cukup oleh SC untuk membayai operasinya dan untuk mengurangkan kesan turun naik dalam aliran tunai.

Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan SC pada penghujung tempoh pelaporan. Tiada kadar faedah berkontrak bagi lain dan akruan.

	Amaun bawaan RM'000	Aliran tunai berkontrak RM'000	Bawah 1 tahun RM'000
2017			
Liabiliti kewangan			
Pembiayaan lain dan akruan	59,372	59,372	59,372
2016			
Liabiliti kewangan			
Pembiayaan lain dan akruan	45,880	45,880	45,880

16.6 Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko yang mengubah harga pasaran, seperti kadar faedah yang akan menjaskan kedudukan kewangan atau aliran tunai SC.

16.6.1 Risiko kadar faedah

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara SC, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

Instrumen kadar tetap	2017 RM'000	2016 RM'000
Aset kewangan	493,279	476,267

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap

SC tidak mempunyai apa-apa aset kewangan kadaran tetap pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan mempengaruhi keuntungan atau kerugian.

16.7 Maklumat nilai saksama

Berhubung dengan tunai dan setara tunai, penghutang dan pelbagai penghutang dan pembiutang dan akruan, amaun bawaan menganggarkan nilai saksama yang disebabkan oleh sifat instrumen kewangan ini yang, secara relatifnya, berjangka pendek.

Amaun bawaan deposit tetap diandaikan untuk menganggar secara munasabah nilai saksamanya.

Jadual di bawah menganalisis instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksama didedahkan, bersama-sama dengan amaun bawaannya yang ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan.

Nilai saksama instrumen kewangan tidak dibawa pada nilai saksama				
2017	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah nilai saksama RM'000
				Amaun bawaan RM'000
Aset kewangan				
Bukan semasa				
Penghutang jangka panjang	-	-	8,234	8,234
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan				
Bon Jaminan Kerajaan	-	245,831	-	245,831
	-	245,831	8,234	254,065
				252,251

2016				
Aset kewangan				
Bukan semasa				
Penghutang jangka panjang	-	-	9,517	9,517
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan				
Bon Jaminan Kerajaan	-	275,990	-	275,990
	-	275,990	9,517	285,507
				284,924

Nilai saksama Tahap 1

Nilai saksama Tahap 1 diperoleh daripada sebut harga tak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset kewangan serupa yang entiti tersebut boleh diakses pada tarikh pengukuran.

Nilai saksama Tahap 2

Nilai saksama Tahap 2 dianggar dengan menggunakan input selain sebut harga yang terangkum dalam Tahap 1 yang boleh dicerap bagi aset kewangan, sama ada secara langsung atau tak langsung.

Pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dengan Tahap 2

Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dengan Tahap 2 semasa tahun kewangan. (2016: tiada pindahan dalam mana-mana arah)

Nilai saksama Tahap 3

Nilai saksama Tahap 3 dianggar dengan menggunakan input tak boleh cerap bagi aset kewangan tersebut.

Jenis	Diskripsi huraiian teknik penilaian dan input yang digunakan
Penghutang jangka panjang	Aliran tunai terdiskaun menggunakan kaedah berdasarkan kadar peminjaman pasaran semasa.

17. Perbelanjaan cukai

SC telah diberikan kelulusan oleh Menteri Kewangan agar dikecualikan daripada cukai berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2007 dan seterusnya.

18. Pengurusan rizab

Objektif pengurusan kewangan SC adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan SC melaksanakan kewajipan dan fungsinya secara bebas dan berkesan. Pihak pengurusan memantau komitmen modal jangka panjang untuk memastikan dana yang mencukupi tersedia untuk memenuhi obligasi. Pelaburan SC diurus secara berhemah untuk memastikan dana terpelihara.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Kenyataan Ahli Lembaga

Pada pendapat para ahli, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 127 hingga 151 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia setakat 31 Disember 2017 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Lembaga:



Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh
Pengerusi



Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah
Ahli

Kuala Lumpur

Tarikh: 30 Januari 2018

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Perakuan Berkanun

Saya, **Vignaswaran A/L Kandiah**, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 127 hingga 151 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan *Akta Perakuan Berkanun, 1960*.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang ternama di atas Vignaswaran A/L Kandiah, No. K.P 561128-10-6171, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 30 Januari 2018.



Vignaswaran A/L Kandiah
Pegawai

Di hadapan saya:



Unit 50-10-1, Tingkat 10
Wisma UOA Damansara
No. 50, Jalan Dungun
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADА AHLI-AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

Laporan mengenai Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017, dan penyata keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 127 hingga 151.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan SC pada 31 Disember 2017, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam bahagian *Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan* di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas daripada SC menurut Undang-Undang Kecil (Mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil), dan Kod Etika bagi Akauntan Profesional (Kod IESBA) Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga SC Terhadap Penyata Kewangan

Ahli-ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan SC yang memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Ahli-ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalam sebagaimana yang ditetapkan sebagai perlu oleh Ahli-ahli Lembaga bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan SC yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan SC, Ahli-ahli Lembaga adalah bertanggungjawab untuk menilai kesinambungan keupayaan SC sebagai suatu usaha berterusan, mendedahkan sekiranya berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan kecuali sekiranya Ahli-ahli Lembaga berhasrat untuk membubarkan SC atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai pilihan realistik kecuali berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan SC secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah merupakan tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, dijangkakan dengan munasabah akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skeptisisme profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan SC, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengenepian secara sengaja, gambaran yang salah, atau ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang wajar mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman SC.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Ahli-ahli Lembaga.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian asas perakaunan usaha berterusan yang digunakan oleh Ahli-ahli Lembaga dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ketara ke atas keupayaan SC untuk terus beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk mengenangkan pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan SC di dalam laporan juruaudit, atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk membuat perubahan terhadap pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan tamatnya kesinambungan SC sebagai suatu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan SC, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi-transaksi dan peristiwa sebenar dengan cara yang membolehkan penyata kewangan tersebut memberi suatu pandangan yang benar dan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli-ahli Lembaga, antara lain, mengenai skop yang dirancang dan tempoh pengauditan dan pemerhatian audit yang ketara, termasuk apa-apa kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti ketika audit kami.

Penyata,
Statistik dan Aktiviti

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Ahli-ahli Lembaga, sebagai satu badan, dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain berhubung dengan kandungan laporan ini.



KPMG PLT
(LLP0010081-LCA & AF 0758)
Akauntan Berkanun



Loh Kam Hian
Nombor Kelulusan: 02941/09/2018 J
Akauntan Berkanun

Petaling Jaya, Malaysia

Tarikh: 30 Januari 2018

Cadangan Korporat

EKUITI

SC menerima 8 permohonan ekuiti pada 2017 (berbanding 14 pada 2016), yang mana 4 daripadanya adalah untuk tawaran awam awal (IPO) (berbanding 5 pada 2016). Sejumlah 6 permohonan ekuiti telah dipertimbangkan pada 2017, berbanding 13 dalam tahun sebelumnya (Jadual 1).

Pada 2017, SC meluluskan 3 IPO untuk Pasaran Utama (berbanding 6 pada 2016) dengan jangkaan jumlah dana yang akan dikumpul sebanyak RM3.77 bilion dan jangkaan agregat permodalan pasaran sebanyak RM63.22 bilion (Jadual 2).

Jadual 1

Status permohonan ekuiti

Permohonan	2017	2016
Dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	3	6
Diterima pada tahun semasa	8	14
Jumlah permohonan untuk dipertimbangkan	11	20
Ditolak pada tahun semasa	(6)	(11)
Dikembalikan pada tahun semasa	–	–
Dikembalikan pada tahun semasa	–	(2)
Jumlah dipertimbangkan pada tahun semasa	(6)	(13)
Ditarik balik pada tahun semasa	(2)	(4)
Dibawa ke tahun hadapan	3	3

¹ Tidak termasuk penyenaraian REIT.

² Termasuk Sime Darby Plantation Bhd dan Sime Darby Property Bhd.

Terdapat 12¹ penyenaraian baharu pada 2017, sama seperti tahun sebelumnya. Daripada 12 penyenaraian tersebut, 6² adalah untuk Pasaran Utama dan selebihnya adalah untuk Pasaran ACE. Jumlah dana yang dikumpulkan daripada penyenaraian baharu pada 2017 adalah kira-kira RM7.17 bilion (berbanding RM1.03 bilion pada 2016).

Antara penyenaraian baharu yang penting pada 2017 adalah Lotte Chemical Titan Holding Bhd, pengeluar petrokimia bersepada yang mengumpul RM3.77 bilion dan ECO World International Bhd, pemaju harta tanah antarabangsa yang mengumpul RM2.58 bilion.

SC mendaftarkan 42 prospektus ekuiti pada tahun 2017, yang terdiri daripada 10 prospektus untuk IPO, 1 untuk syarikat tidak tersenarai dan 31 prospektus ringkas (Jadual 3).

**Penyata,
Statistik dan Aktiviti**

Jadual 2

Permohonan ekuiti yang diluluskan mengikut jenis cadangan

Jenis Cadangan	2017		2016	
	Bilangan cadangan yang diluluskan	Amaun yang akan dikumpulkan (RM juta)	Bilangan cadangan yang diluluskan	Amaun yang akan dikumpulkan (RM juta)
IPO di Pasaran Utama:				
– Syarikat tempatan	3	3,770.00	6	3,378.61
– Syarikat asing	–	–	–	–
Jumlah kecil	3	3,770.00	6	3,378.61
Penstrukturian semula/Percantuman dan pemerolehan	1	–	4	–
Pemindahan daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama	2	–	–	–
Penyenaraian sekunder	–	–	1	–
Jumlah	6	3,770.00	11	3,378.61

Jadual 3

Pendaftaran prospektus ekuiti

	2017	2016
Prospektus	11	14
Prospektus ringkas	31	29
Jumlah	42	43

BON KORPORAT DAN SUKUK

Pasaran bon korporat dan sukuk Malaysia mencatatkan penerbitan tertinggi berjumlah RM124.88 bilion pada 2017, peningkatan sebanyak 45.80% daripada RM85.65 bilion yang diterbitkan pada 2016.

Pada 2017, SC menerima 79 serahan di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan (LOLA) dan 3 permohonan bagi penerbitan bon korporat dan sukuk, berbanding 57 serahan dan 2 permohonan

yang diterima pada tahun sebelumnya (Jadual 4). Terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit terus membentuk majoriti daripada cadangan yang diserahkan/diluluskan oleh SC dengan jumlah nilai nominal sebanyak RM187.91 bilion, yang mana 50.11% adalah sukuk (Jadual 5).

Profil kematangan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan oleh SC memperkenalkan trend menaik dengan peningkatan sebanyak 84.62% dalam jumlah terbitan yang mempunyai tempoh di antara 8 hingga 15 tahun, dan peningkatan sebanyak 31.25% dalam bon korporat dan sukuk denominasi

Jadual 4

Bilangan serahan dan permohonan bon korporat dan sukuk

(i) Serahan ¹	2017	2016
Diterima dalam tahun semasa	79	57
(ii) Permohonan	2017	2016
Dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	1	1
Diterima dalam tahun semasa	3	2
Jumlah yang dipertimbangkan	4	3
Diluluskan dalam tahun semasa	(3)	(2)
Ditolak dalam tahun semasa	—	—
Dikembalikan dalam tahun semasa	—	—
Jumlah dipertimbangkan dalam tahun semasa	(3)	(2)
Ditarik balik dalam tahun semasa	—	—
Dibawa ke tahun hadapan	1	1

Nota:

¹ Menurut Rangka Kerja Serah dan Simpan

Jadual 5

Terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan

Jenis terbitan	2017		2016	
	Bilangan terbitan	Amaun nominal (RM juta)	Bilangan terbitan	Amaun nominal (RM juta)
Bon korporat				
– Kertas dagangan/nota jangka sederhana	27	91,004.00	20	76,557.00
– Bon	3	2,080.00	2	250.00
– Stok Pinjaman	3	674.92	2	453.00
Jumlah kecil	33	93,758.92	24	77,260.00
Sukuk				
– Kertas dagangan Islam/nota jangka sederhana Islam	45	93,004.00	25	45,750.00
– Bon Islam	2	1,150.00	6	16,989.00
– Stok pinjaman Islam	–	–	1	990.00
Jumlah kecil	47	94,154.00	32	63,729.00
Gabungan bon korporat dan sukuk				
– Kertas dagangan/Nota jangka sederhana	–	–	–	–
Jumlah	80	187,912.92	56	140,989.00

Penyata, Statistik dan Aktiviti


ringgit dengan tempoh di antara 1 hingga 7 tahun. Terdapat juga peningkatan sebanyak 29.63% dalam jumlah bon korporat dan sukuk denominasi ringgit dengan tempoh lebih daripada 15 tahun yang meliputi 12 terbitan dengan kematangan kekal (Carta 1).

Sebanyak 54 penarafan (berdasarkan penarafan awal) telah diberikan oleh agensi penarafan kredit kepada bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan oleh SC. Berikutnya pemansuhan keperluan mandatori bagi penarafan bon korporat dan sukuk yang berkuatkuasa pada Januari 2017, bilangan terbitan yang tidak diberi penarafan meningkat sebanyak 125% (Carta 2).

Terdapat 4 bon korporat dan sukuk denominasi mata wang asing yang diserahkan kepada SC, yang terdiri daripada 1 bon korporat oleh penerbit Malaysia, serta 2 sukuk dan 1 bon korporat oleh penerbit asing.

Carta 1

Tempoh terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan dan diluluskan




Nota:

Tempoh kemudahan, bukan nota atau kertas yang diterbitkan di bawah kemudahan tersebut.


Carta 2

Ringkasan penarafan terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan

Penarafan jangka panjang



Penarafan jangka pendek



Nota:

Sesuatu terbitan bon korporat atau sukuk mungkin diberikan lebih daripada 1 penarafan kredit (contoh bagi program kertas dagangan/nota jangka sederhana, kedua-dua penarafan jangka pendek yang diberikan kepada kertas dagangan dan penarafan jangka panjang yang diberikan kepada nota jangka sederhana diambil kira)

PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

SC telah mempertimbangkan sebanyak 94 permohonan pada 2017 di bawah Peraturan Pengambilalihan, Percantuman dan Pemerolehan Wajib dengan peningkatan sebanyak 15 permohonan berbanding 79 permohonan pada 2016.

Sebanyak 25 dokumen¹ telah diluluskan oleh SC pada 2017, yang berkaitan dengan 24 tawaran pengambilalihan (termasuk melalui skim) dan melibatkan jumlah nilai tawaran sebanyak RM3.48 bilion atau purata RM145.17 juta bagi setiap satu tawaran. Walaupun bilangan dokumen tawaran yang telah diluluskan sedikit tinggi berbanding 22 dokumen tawaran yang diluluskan pada 2016, terdapat penurunan dalam jumlah nilai tawaran sebanyak RM0.85 bilion pada 2017 berbanding RM4.33 bilion atau purata RM196.98 juta bagi setiap tawaran pada 2016.

Tawaran terbesar bagi tahun ini adalah berkaitan dengan IGB Corporation Bhd, yang membentuk nilai tawaran sebanyak RM1,137.08 juta atau 33% daripada jumlah nilai tawaran untuk 2017, dan dilaksanakan melalui skim. Tawaran penting lain dari segi nilai adalah tawaran untuk Wing Tai Malaysia Bhd, Shell Refining Company (Federation of Malaya) Bhd, Hwang Capital (Malaysia) Bhd, Hovid Bhd dan GHL Systems Bhd dengan jumlah nilai tawaran sebanyak RM2.46 bilion. Dalam agregat, 6 tawaran tersebut mewakili 71% daripada jumlah nilai tawaran pada 2017.

Jadual 6

Permohonan yang dipertimbangkan berkaitan dengan pengambilalihan, penggabungan dan pengambilalihan wajib

Jenis permohonan/dokumen yang diluluskan	2017	2016
Kelulusan dokumen tawaran/skim	25	22
Kelulusan surat pekeliling nasihat bebas	33	29
Permohonan untuk pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori	18	10
Permohonan lain	18	18
Jumlah	94	79

¹ Salah satu tawaran pengambilalihan pada 2017 melibatkan kelulusan dua dokumen oleh SC bagi syarikat tersenarai yang sama

Sektor yang menyaksikan nilai tawaran tertinggi ialah sektor harta tanah dengan 3 syarikat mewakili 42% daripada jumlah nilai tawaran pada 2017, yang telah disumbang oleh terutamanya melalui skim yang berkaitan dengan IGB Corporation Bhd. Sebaliknya, sektor produk industri merupakan sektor yang paling aktif dari segi bilangan tawaran, dengan 9 syarikat mewakili 38% agregat jumlah keseluruhan tawaran.

Lebih banyak tawaran pengambilalihan dilaksanakan melalui skim pada 2017, dengan 7 skim mewakili 29% daripada jumlah bilangan tawaran (2016: 3 skim atau 14%). Sementara itu, cadangan penswastaan syarikat tersenarai yang dilaksanakan melalui tawaran pengambilalihan berkurangan, dengan hanya 7 tawaran mewakili 29% daripada jumlah bilangan tawaran pada 2017 (2016: 14 atau 64%).

SC juga meluluskan 33 surat pekeliling nasihat bebas, di mana 25 surat pekeliling adalah berkaitan dengan tawaran pengambilalihan dan baki 8 surat pekeliling pula adalah berkaitan dengan prosedur penyelamat bagi pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori. Di samping itu, SC turut meluluskan 18 permohonan untuk pengecualian daripada melaksanakan tawaran pengambilalihan mandatori dan 18 permohonan bagi pelbagai perkara termasuk pengecualian atau peraturan lain (Jadual 6).


Pengurusan Pelaburan

PENGURUSAN DANA

Jumlah aset bawah pengurusan (AUM) syarikat pengurusan dana (FMC) berlesen di Malaysia meningkat sebanyak 11.48% kepada RM776.23 bilion berbanding RM696.27 bilion pada 2016. Pada 2017, 5 FMC terbesar telah menyumbang kepada 57.27% daripada jumlah AUM berbanding 58.65% pada 2016 (Carta 1).

Sebahagian besar sumber dana bawah pengurusan adalah daripada dana unit amanah, badan korporat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan dana borong (Jadual 1). Dana-dana tersebut telah diperuntukkan dalam pelbagai kelas aset dan lokasi, yang mana pelaburan dalam Malaysia oleh FMC adalah berjumlah RM613.33 bilion, mewakili 79.01% daripada jumlah AUM pada penghujung 2017 (Carta 2). Sebahagian besar pelaburan diperuntukkan dalam ekuiti, dengan 51.03% pada

Carta 1
Aset yang diurus oleh FMC




penghujung 2017 berbanding 48.33% pada 2016 (Carta 3). Trend yang serupa juga diperhatikan dalam peruntukan aset di dalam dan luar Malaysia (Carta 4).


Jadual 1
Sumber dana bawah pengurusan pelanggan

Sumber dana	2017 (RM bilion)	2016 (RM bilion)
Dana unit amanah	426.98	358.47
Badan korporat	118.50	107.75
Dana borong	84.68	90.84
Badan korporat	84.30	79.53
Badan berkanun dan agensi kerajaan	26.79	29.69
Lain-lain	19.93	17.20
Individu	9.66	8.36
Dana penceran swasta	5.39	4.43
Jumlah	776.23	696.27


Carta 2
Aset yang dilabur di dalam dan luar Malaysia



Carta 3
Peruntukan aset



Carta 4
Peruntukan aset di dalam dan luar Malaysia pada 31 Disember 2017



SKIM PELABURAN KOLEKTIF, SKIM PERSARAAN SWASTA DAN CIS LAYAK ASING

Pada 2017, dana unit amanah di Malaysia terus merupakan komponen terbesar industri skim pelaburan kolektif (CIS) Malaysia dengan nilai aset bersih (NAV) berjumlah RM426.98 bilion dicatatkan pada 31 Disember 2017, peningkatan sebanyak 19.11% daripada RM358.47 bilion pada penghujung 2016. Peratus jumlah NAV industri dana unit amanah berbanding permodalan pasaran Bursa Malaysia adalah sebanyak 22.39% pada 31 Disember 2017 berbanding 21.50% pada 31 Disember 2016 (Jadual 2). Dana-dana ini dikendalikan dan ditadbir oleh 36 syarikat pengurusan dana unit amanah dalam negara.

Sepanjang tahun disemak, sebanyak 40 dana unit amanah baharu dilancarkan sementara 9 dana ditamatkan dan 14 dana telah matang, menjadikan jumlah bilangan dana unit amanah tersedia untuk pelabur sebanyak 644 pada 31 Disember 2017. Daripada jumlah ini, 431 dana mewakili dana unit amanah konvensional sementara 213 ialah dana unit amanah patuh Syariah.

Penyata, Statistik dan Aktiviti

Industri dana unit amanah mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM200.23 bilion. Syarikat pengurusan unit amanah merupakan pengedaran utama dana unit amanah dengan jualan berjumlah RM81.95 bilion (Jadual 3).

Dalam segmen dana borong, 49 dana baharu dilancarkan di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan (LOLA) untuk pelabur sofistikated manakala 67 dana ditamatkan atau matang pada 2017, yang membawa jumlah bilangan dana borong yang beroperasi kepada 295 pada 31 Disember 2017. Daripada jumlah ini, 218 dana mewakili dana borong konvensional manakala 77 ialah dana borong patuh Syariah. Jumlah NAV dana borong pada 31 Disember 2017 adalah RM84.68 bilion berbanding RM90.84 bilion pada 31 Disember 2016.

Dengan penyenaraian KIP Real Estate Investment Trust di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 6 Februari 2017, jumlah amanah pelaburan harta tanah (REIT) tersenarai adalah 18 pada 31 Disember 2017 dengan jumlah permodalan pasaran (termasuk kumpulan terikat) sebanyak RM46.48 bilion, peningkatan sebanyak 5.18% daripada RM44.19

bilion yang dicatatkan pada 31 Disember 2016. Jumlah saiz aset turut meningkat daripada RM48.76 bilion kepada RM51.21 bilion bagi tempoh yang sama. Dalam tempoh tersebut, sebuah REIT tidak tersenarai yang hanya ditawarkan kepada pelabur sofistikated iaitu Alpha Real Estate Investment Trust telah dilancarkan pada 30 Jun 2017.

Penyenaraian baharu dana dagangan bursa (ETF) Islam, iaitu TradePlus Shariah Gold Tracker, pada 6 Disember 2017 membawa jumlah ETF yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 31 Disember 2017 kepada 9 dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak RM1.94 bilion berbanding jumlah permodalan pasaran sebanyak RM1.90 bilion pada 31 Disember 2016.

Pada 31 Disember 2017, hanya 1 dana tertutup (CEF) masih disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM397.60 juta (RM347.20 juta pada 31 Disember 2016).

Bagi industri skim persaraan swasta (PRS), terdapat 12 skim dengan 56 dana pada 31 Disember 2017. Jumlah NAV industri sebanyak RM2.23 bilion pada

Jadual 2

Status keseluruhan industri dana unit amanah

	31 Disember 2017	31 Disember 2016
Bilangan dana yang dilancarkan	644	627
– Konvensional	431	429
– Patuh Syariah	213	198
Unit dalam edaran (unit bilion)	562.39	496.85
Bilangan akaun (juta)*	20.08	19.34
Jumlah NAV (RM bilion)	426.98	358.47
– Konvensional (RM bilion)	349.20	297.56
– Patuh Syariah (RM bilion)	77.78	60.91
% NAV kepada permodalan pasaran Bursa Malaysia^	22.39	21.50

Nota:

* Termasuk akaun pemegang unit dengan institusi penasihat unit amanah (IUTA) yang mengendalikan sistem akaun penama.

^ Perbandingan dibuat antara jumlah NAV industri dana unit amanah dan permodalan pasaran Bursa Malaysia bukanlah amanah sebenar yang dilaburkan dalam Bursa Malaysia oleh dana unit amanah.

Jadual 3
Saluran pengagihan

	31 Disember 2017 RM bilion	31 Disember 2016 RM bilion
Syarikat pengurusan unit amanah	81.95	54.10
Institusi penasihat unit amanah	64.96	55.55
Perunding unit amanah	50.45	28.85
Penasihat unit amanah korporat	0.36	0.41
Lain-lain	2.51	2.97
Jumlah	200.23	141.88

31 Disember 2017 mewakili peningkatan sebanyak 46.71% berbanding dengan jumlah NAV sebanyak RM1.52 bilion pada 31 Disember 2016.

Bagi tahun disemak, SC mempertimbangkan sejumlah 445 permohonan berkaitan dengan CIS dan PRS, yang terdiri daripada permohonan untuk menubuhkan dana baharu, pendaftaran prospektus, pendaftaran surat ikatan dan tambahan sampingan yang lain (Jadual 4).

PRODUK PELABURAN

Waran berstruktur

Terdapat 7 penerbit waran berstruktur yang layak pada 2017. SC menerima dan mendaftarkan 5 prospektus asas dan 12 prospektus tambahan daripada penerbit tersebut pada 2017 (Jadual 5).

Sejumlah 925 kertas terma berkaitan dengan penawaran waran berstruktur didaftarkan pada 2017, mewakili peningkatan sebanyak 26.37% berbanding 732 kertas terma yang didaftarkan

pada 2016. Peningkatan ini disebabkan oleh terbitan aktif oleh penerbit dalam memenuhi minat pelabur sepanjang tahun. Tahun ini turut menyaksikan peningkatan dalam terbitan waran berstruktur berdasarkan saham daripada 537 pada 2016 kepada 788 pada tahun 2017. Di samping itu, terbitan waran berstruktur berdasarkan dana dagangan bursa (ETF) meningkat kepada 17 pada 2017 berbanding 2 pada tahun sebelumnya.

Kertas terma yang didaftarkan pada 2017 membolehkan penerbit waran berstruktur menawarkan sehingga 48.25 bilion waran berstruktur.

Produk berstruktur

Pada 2017, 9 penerbit menyerahkan 20 program produk berstruktur baharu kepada SC di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan (LOLA) bagi produk pasaran modal tidak tersenarai. Program-program ini terdiri daripada pelbagai jenis rujukan pendasar dan mempunyai saiz agregat sebanyak RM100.0 bilion dengan setiap program mempunyai had saiz sehingga RM5.0 bilion (Jadual 6).

**Penyata,
Statistik dan Aktiviti**

Jadual 4

Bilangan permohonan dan penyerahan berhubung dengan skim pelaburan kolektif, skim persaraan swasta dan pengiktirafan CIS asing yang layak

	(i) Penyerahan	Diserahkan		Dilancarkan	
		2017	2016	2017	2016
Dana borong		48	49	48	48
	Dipertimbangkan		Diluluskan		Menunggu Pertimbangan
(ii) Permohonan		2017	2016	2017	Pada 31 Dis 2017
				Pada 31 Dis 2017	Pada 31 Dis 2016
Penubuhan skim pelaburan kolektif	51	35	51	35	5
– Dana unit amanah	47	34	47	34	5
– Amanah pelaburan hartanah	2	1	2	1	–
– Dana dagangan bursa	2	–	2	–	–
Penubuhan dana persaraan	–	6	–	6	–
Pengiktirafan CIS asing yang layak	–	–	–	–	–
Peningkatan dalam saiz had dana	6	6	6	6	–
– Dana unit amanah	4	3	4	3	–
– Amanah pelaburan hartanah	2	2	2	2	–
– Dana dagangan bursa	–	1	–	1	–
Pengecualian/kelainan daripada garis panduan	34	37	33	37	1
Pendaftaran prospektus	207	182	207	182	9
Pendaftaran surat ikatan	110	78	110	78	9
Permohonan lain	37	48	37	48	3
Jumlah	445	392	444	392	27
					48

Jadual 5

Waran berstruktur yang dipertimbangkan

		2017	2016
Bilangan penerbit yang layak		7	7
Prospektus asas yang didaftarkan		5*	6**
Prospektus tambahan yang didaftarkan		12	5
Kertas terma yang didaftarkan		925	732
Saiz terbitan (bilion waran)		48.25	43.51

Nota:

* 2 penerbit tidak membaharui prospektus asas mereka yang telah tamat pada 2017.

** 1 penerbit tidak membaharui prospektus asas yang telah tamat pada 2016.

Jadual 6

Program produk berstruktur yang dipertimbangkan

	2017	2016		
Bilangan penerbit yang mendaftarkan program baharu	9	12		
Program baharu yang diserahkan	Bilangan program	Saiz (RM bilion)	Bilangan program	Saiz (RM bilion)
Prinsip				
– Konvensional	20	100	17	82
– Islam	–	–	1	5
Jumlah	20	100	18	87

Pasaran Modal Islam

Pasaran modal Islam (ICM) merangkumi 59.19% daripada pasaran modal Malaysia. Saiz pasaran ini berjumlah RM1,893.47 bilion pada 2017 berbanding RM1,691.64 bilion pada 2016. Ini termasuk jumlah permodalan pasaran ekuiti patuh Syariah sebanyak RM1,133.83 bilion dan jumlah sukuk belum tebus sebanyak RM759.64 bilion (Carta 1 dan Jadual 1).

Sekuriti patuh syariah

SC mengeluarkan senarai sekuriti patuh Syariah terkini yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) pada Mei dan November 2017. Senarai kemas kini pada 24 November 2017 memaparkan sejumlah 686 sekuriti patuh Syariah.


Senarai ini merangkumi 33 sekuriti patuh Syariah yang baru diklasifikasikan dan mengeluarkan 22 sekuriti daripada senarai terdahulu yang diterbitkan pada Mei 2017.

Pada penghujung Disember, bilangan sekuriti ini meningkat kepada 688 sekuriti patuh Syariah, yang merangkumi 76.19% daripada 903 sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia tidak termasuk sekuriti pasaran LEAP. Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah berjumlah RM1,133.83 bilion atau 59.46% daripada jumlah permodalan pasaran, kenaikan sebanyak 10.02% berbanding pada penghujung 2016 (Carta 2 dan Jadual 2).


Sukuk

Pada 2017, sebanyak 79 bon dan sukuk korporat telah diluluskan, dibenarkan dan diserahkan oleh SC dengan jumlah RM187.92 bilion, di mana 47 daripadanya merupakan sukuk yang bernilai sebanyak RM94.15 bilion (Carta 3).

Carta 1
Saiz pasaran modal Islam




Carta 2
Peratus bilangan dan permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah



Carta 3

Sukuk korporat yang diterima dan diserahkan kepada SC



Nilai sukuk ini mewakili 50.11% daripada jumlah bon dan sukuk korporat baharu yang diluluskan dan diserahkan.


Pasaran juga menyaksikan penyerahan sukuk SRI hijau pertama di dunia pada bulan Jun berjumlah RM250 juta. Menjelang penghujung tahun 2017, terdapat 4 serahan sukuk SRI hijau berjumlah RM3.50 bilion untuk membiayai projek solar dan bangunan hijau.

Dari segi penerbitan, sukuk korporat mewakili 70.19% (2016: 75.68%) daripada jumlah penerbitan bon dan sukuk korporat, manakala sukuk belum tebus adalah sebanyak 75.14% (2016: 73.85%) daripada jumlah bon dan sukuk korporat belum tebus (Jadual 3), termasuk 3 sukuk SRI hijau.

Secara keseluruhannya, penerbitan sukuk oleh Kerajaan dan organisasi korporat pada 2017 mewakili 53.05% (2016: 53.81%) daripada jumlah

Carta 4

AUM bagi pengurusan dana Islam



penerbitan bon, manakala jumlah sukuk belum tebus mewakili 58.80% (2016: 56.36%) daripada jumlah keseluruhan bon belum tebus (Jadual 4).

Pengurusan dana Islam

Aset bawah pengurusan (AUM) Islam (CIS dan mandat swasta) berjumlah RM172.16 bilion yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 15.05% daripada RM149.64 bilion pada penghujung 2016 (Carta 4). Bilangan skim pelaburan kolektif (CIS) Islam menyaksikan penurunan dari 328 pada 2016 kepada 324 pada penghujung 2017. Meskipun begitu, ia masih yang terbesar di dunia dari segi bilangan dana. Pada penghujung 2017, terdapat 55 syarikat pengurusan dana yang menguruskan dana Islam, 20 syarikat pengurusan dana Islam dengan perkhidmatan penuh dan 35 syarikat pengurusan dana yang menawarkan produk dan perkhidmatan berdasarkan prinsip Islam.

STATISTIK UTAMA

Jadual 1
Saiz ICM

Pasaran modal Islam	2017 RM bilion	2016 RM bilion
Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah	1,133.83	1,030.56
Saiz sukuk belum tebus	759.64	661.08
Jumlah saiz ICM	1,893.47	1,691.64
% ICM berbanding pasaran modal	59.19%	59.56%

Jadual 2
Sekuriti patuh Syariah

	2017	2016
Bilangan sekuriti:		
Sekuriti patuh Syariah	688	671
Jumlah sekuriti tersenarai	903*	904
% sekuriti patuh Syariah berbanding jumlah sekuriti tersenarai	76.19%	74.23%
Permodalan pasaran (RM bilion):		
Sekuriti patuh Syariah	1,133.83	1,030.56
Jumlah permodalan pasaran	1,906.84	1,667.37
% sekuriti patuh Syariah berbanding jumlah keseluruhan permodalan pasaran	59.46%	61.81%

* Tidak termasuk sekuriti pasaran LEAP

Jadual 3

Sukuk korporat

Sukuk diluluskan/diserahkan	2017	2016
Bilangan sukuk	47	32
Saiz sukuk (RM bilion)	94.15	63.73
Saiz jumlah keseluruhan bon dan sukuk korporat (RM bilion)	187.91	140.99
% sukuk berbanding jumlah bon dan sukuk korporat yang diluluskan/diserahkan	50.11%	45.20%
Jumlah penerbitan (RM bilion)	2017	2016
Penerbitan sukuk	87.65	64.82
Jumlah penerbitan bon dan sukuk korporat	124.88	85.65
% penerbitan sukuk berbanding bon dan sukuk korporat	70.19%	75.68%
Jumlah sukuk belum tebus (RM bilion)	2017	2016
Sukuk belum tebus	454.49	393.45
Jumlah bon dan sukuk korporat belum tebus	604.88	532.76
% sukuk berbanding bon dan sukuk korporat belum tebus	75.14%	73.85%

Jadual 4

Sukuk kerajaan dan korporat

Jumlah penerbitan (RM bilion)	2017	2016
Penerbitan sukuk	168.68	129.45
Jumlah penerbitan bon	317.94	240.56
% sukuk berbanding jumlah keseluruhan penerbitan bon	53.05%	53.81%
Jumlah sukuk belum tebus (RM bilion)	2017	2016
Sukuk belum tebus	759.64	661.08
Jumlah bon belum tebus	1,291.91	1,172.91
% sukuk berbanding jumlah keseluruhan bon belum tebus	58.80%	56.36%

Jadual 5

Aset Islam bawah pengurusan (AUM)

	2017	2016
AUM Islam (RM bilion)	172.16	149.64
Jumlah industri pengurusan dana (RM bilion)	776.23	696.27
% AUM Islam berbanding jumlah keseluruhan industri pengurusan dana	22.18%	21.49%

Jadual 6

Dana unit amanah Islam (UTF)

	2017	2016
UTF Islam	213	198
Jumlah keseluruhan industri	644	627
NAV UTF Islam (RM bilion)	77.78	60.91
NAV jumlah keseluruhan industri (RM bilion)	426.98	358.47
% NAV UTF Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	18.22%	16.99%

Jadual 7

Dana borong Islam (WF)

	2017	2016
WF Islam	77	97
Jumlah keseluruhan industri	295	313
NAV WF Islam (RM bilion)	37.72	35.71
NAV jumlah keseluruhan industri (RM bilion)	84.68	90.84
% NAV WF Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	44.54%	39.31%

Jadual 8

Dana skim persaraan swasta (PRS) Islam

	2017	2016
PRS Islam	25	25
Jumlah keseluruhan industri	56	56
NAV PRS Islam (RM bilion)	0.72	0.51
NAV jumlah keseluruhan industri (RM bilion)	2.23	1.52
% NAV PRS Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	32.29%	33.55%

Jadual 9

Dana dagangan bursa Islam (ETF)

	2017	2016
ETF Islam	5	4
Jumlah keseluruhan industri	9	8
Permodalan pasaran ETF Islam (RM bilion)	0.47	0.42
Permodalan pasaran keseluruhan industri (RM bilion)	1.94	1.90
% Permodalan pasaran ETF Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	24.20%	21.11%

Jadual 10

Amanah pelaburan harta tanah Islam (REIT)

	2017	2016
REIT Islam	4	4
Jumlah keseluruhan industri	18	17
Permodalan pasaran REIT Islam (RM bilion)	19.07	18.53
Permodalan pasaran keseluruhan industri (RM bilion)	46.48	44.31
% Permodalan pasaran REIT Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	41.02%	41.82%

Modal Teroka dan Ekuiti Swasta

Jumlah syarikat yang berdaftar pada 31 Disember 2017 adalah 110 (Jadual 1). Segmen modal teroka melibatkan 101 syarikat berdaftar (VMC dan VCC), manakala segmen ekuiti swasta terdiri daripada 9 syarikat berdaftar (PEMC dan PEC).

Tahun ini menyaksikan penurunan dari segi bilangan syarikat penerima pelaburan daripada 376 pada 2016 kepada 381 pada 2017. Pada akhir tahun 2017, bilangan profesional VC dan PE yang bekerja dalam industri tersebut dan memiliki sekurang-kurangnya empat tahun pengalaman adalah 182 orang.

Jumlah dana komited dalam industri pada penghujung tahun 2017 adalah RM7 bilion (Jadual 2). Pada penghujung tahun semakan,

Jadual 1

Statistik peserta industri

	31 Disember 2017	31 Disember 2016
Bilangan syarikat yang berdaftar	110	109
Bilangan VCMCs & VCCs yang berdaftar	101	103
Bilangan PEMCs & PECs yang berdaftar	9	6
Bilangan syarikat penerima pelaburan	381	376
Bilangan profesional VC & PE ¹	182	194

¹ Profesional dengan lebih daripada 4 tahun pengalaman

Jadual 2

Statistik industri utama (RM juta)

	31 Disember 2017	31 Disember 2016
	RM juta	RM juta
Jumlah dana komited bawah pengurusan [1]	7,003.02	6,509.51
Jumlah modal dikeluarkan [2]	3,651.62	3,280.43
Anggaran modal tersedia untuk pelaburan [3]=[1]-[2]	3,351.40	3,229.08
Jumlah pelaburan pada penghujung tempoh	2,454.37	2,922.62
	Sepanjang 2017	Sepanjang 2016
Pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan	417.83	569.45
Penyahlaburan	375.20	532.44

jumlah kumulatif pelaburan adalah RM2.5 bilion pada penghujung tahun 2017. Pelaburan yang dilakukan sepanjang 2017 berjumlah RM417.8 juta berbanding RM569.5 juta pada 2016.

Bagi penyahlaburan, terdapat pengurangan daripada RM532.4 juta pada 2016 kepada RM375.2 juta pada 2017. Sehubungan ini, penyahlaburan sama ada sebahagian atau penuh, melibatkan 59 syarikat penerima pelaburan. Penyahlaburan yang dicatat sepanjang tahun kebanyakannya melalui IPO atau jualan di pasaran awam dan penebusan saham syarikat penerima pelaburan.

Dana awam masih kekal sebagai sumber modal terbesar bagi industri bersama dengan dana kekayaan negara dan syarikat pelaburan kerajaan membentuk 29.5% manakala agensi kerajaan menyumbang 29.9%. Sumbangan sektor swasta kepada industri didahului dengan pelabur korporat (26.7%) diikuti dengan dana kepada pengurus dana dan aset lain (7.3%) Institusi Kewangan (2.4%).

Tiga syarikat berdaftar teratas dari segi amaan komitmen pelabur pada penghujung tahun 2017 adalah Xeraya Capital, Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) dan Malaysian Life Sciences Capital Fund.


Syarikat penerima pelaburan pada peringkat awal dan pertumbuhan menerima sebahagian besar dari pembiayaan pada 2017 di mana sejumlah 62 syarikat penerima pelaburan menerima dana berjumlah RM280.6 juta, mewakili 67.2% daripada jumlah pelaburan yang dibuat pada tahun ini (Jadual 3).

Pelaburan dalam peringkat semai dan permulaan secara kolektif menyumbang 0.89% daripada jumlah pelaburan yang dibuat pada tahun ini, di mana pelaburan tersebut telah disalurkan kepada 8 syarikat penerima pelaburan.

Kira-kira 52.7% dari pelaburan yang dibuat sepanjang tahun 2017 adalah dalam sektor sains hayat. Sektor pembuatan dan IT dan komunikasi menyaksikan peningkatan pelaburan iaitu masing-masing meningkat sebanyak 24.6% dan 14.0%.

Sektor-sektor lain mencatatkan bahagian pelaburan sebanyak 8.7%. Sektor-sektor ini termasuk

Carta 1
Sumber dana (2017: RM7 bilion)




Nota:

Agensi kerajaan: Kementerian dan agensi. Termasuk Kementerian Kewangan dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi

SWF dan syarikat pelaburan kerajaan: Termasuk agensi berkanun dan diperbadankan yang ditubuhkan bagi tujuan mengurus pelaburan.

Contoh: Khazanah Nasional, PNB

Carta 2
Pelaburan mengikut peringkat pembiayaan (2017: RM 417.83 juta)



perniagaan borong dan runcit, elektrik dan penjanaan kuasa, pendidikan, dan juga produksi media.

Penyahlaburan pada 2017 sebahagian besarnya adalah dalam syarikat penerima pelaburan pada peringkat awal hingga ke peringkat pertumbuhan. Pengeluaran pada peringkat tersebut berjumlah kira-kira RM281.9 juta, mewakili 75.1% daripada penyahlaburan sepanjang tahun ini (Jadual 4).

**Penyata,
Statistik dan Aktiviti**


Jadual 3

Pelaburan sepanjang tahun 2017

Peringkat perniagaan	Pelaburan baharu (RM '000)	% daripada jumlah	Bilangan syarikat	Purata saiz urus niaga (RM '000)
Semai	—	—	—	—
Permulaan	3,728.68	0.89	8	466.09
Peringkat awal	139,205.25	33.32	25	5,568.21
Pertumbuhan	141,360.82	33.83	37	3,820.56
Pengantara/Mezanin/Pra-IPO	—	—	—	—
Pemulihan/Penstrukturran semula	74,175.65	17.75	3	24,725.22
Lain-lain	59,361.97	14.21	4	14,840.49
Jumlah	417,832.36	100.00	77	5,426.39

Carta 3

Pelaburan sepanjang tahun, peratusan mengikut sektor



Jadual 4
Penyahlaburan sepanjang 2017

Peringkat perniagaan	Penyahlaburan (RM'000)	% daripada jumlah	Bilangan syarikat
Semai	—	—	—
Permulaan	2,266.63	0.60	7
Peringkat awal	211,060.10	56.25	10
Pertumbuhan	70,839.43	18.88	26
Perantara/Mezanin/Pra-IPO	38,986.62	10.39	6
Pemulihian/penyusunan semula	—	—	—
Lain-lain	52,043.06	13.87	10
Jumlah	375,195.84	100.00	59

Pendanaan Ekuiti Ramai dan Pembiayaan Antara Rakan Setara

SC telah memperkenalkan rangka kerja pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan antara rakan setara (P2P) di pasaran modal untuk membolehkan saluran alternatif pembiayaan berasaskan pasaran bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk mengumpul dana. Walaupun ECF disasarkan kepada PMKS yang ingin mendapatkan pembiayaan peringkat awal, pembiayaan P2P disasarkan untuk membantu PMKS mengumpul modal kerja atau modal untuk pertumbuhan. SC telah mendaftarkan 6 pengendali platform ECF pada 2015 dan 6 pengendali platform pembiayaan P2P pada 2016 sebagai Pengendali Pasaran Diiktiraf. Secara kumulatif, sejumlah RM69.89 juta telah dikumpulkan oleh 157 penerbit melalui kedua-dua saluran pembiayaan berasaskan pasaran.

PENDANAAN EKUITI RAMAI


Sejak ia dimulakan, 37 penerbit telah berjaya mengumpul sejumlah RM32.74 juta melalui ECF dengan kadar kejayaan kempen sebanyak 86%. Pada 2017 sahaja, sebanyak RM22.34 juta telah dikumpulkan oleh 23 penerbit berbanding RM10.4 juta yang dikumpulkan oleh 14 penerbit pada 2016 (Carta 1 dan Carta 2). Ini merupakan peningkatan sebanyak 115% dana yang dikumpulkan dan peningkatan sebanyak 64% bilangan penerbit pada 2017 berbanding 2016. Pertumbuhan secara eksponen dalam dana yang dikumpulkan dalam pasaran ECF menunjukkan permintaan yang kukuh dan semakin meningkat terhadap ECF sebagai saluran pembiayaan alternatif bagi PMKS dan sejajar dengan agenda digital SC untuk menambah akses kepada pembiayaan dalam pasaran modal.

Jumlah modal tertinggi yang dikumpulkan pada penghujung 2017 oleh kempen pengumpulan dana tunggal melalui platform ECF adalah berjumlah

Carta 1
ECF: Modal yang dikumpulkan




Carta 2
ECF: Bilangan penerbit dengan kempen yang berjaya




RM3 juta. Dalam kalangan penerbit dengan kempen pengumpulan dana yang berjaya melalui platform ECF, 57% memohon pendanaan sebanyak RM500,000 dan ke bawah (Carta 3). Keupayaan penerbit untuk mengumpul modal kecil daripada orang ramai mencerminkan ciri inklusif ECF sebagai saluran alternatif pembiayaan berasaskan pasaran. Syarikat-syarikat berdasarkan teknologi merupakan syarikat yang menerima sebahagian besar pembiayaan ECF pada 2017, merangkumi 56% daripada penerbit dengan kempen yang berjaya (Carta 4).


Carta 3
ECF: Agihan mengikut amaun pengumpulan dana



Carta 4
ECF: Syarikat berdasarkan teknologi berbanding syarikat bukan teknologi




Rajah 1
ECF: Demografi umur pelabur



Berdasarkan demografi umur pelabur individu, sebanyak 40% pelabur ECF terdiri daripada mereka yang berumur di bawah 35 tahun, mencerminkan bahawa ECF semakin menarik penyertaan pelabur yang lebih muda (Rajah 1).

Pelabur tempatan merangkumi 92% daripada jumlah pelabur ECF, manakala pelabur asing terdiri daripada yang selebihnya, 8% (Carta 5).

Carta 5
ECF: Agihan pelabur mengikut kewarganegaraan



PEMBIAYAAN ANTARA RAKAN SETARA

Pada 2017 sahaja, terdapat 628 kempen yang berjaya dimuktamadkan dalam kalangan 120 penerbit, dengan sejumlah RM37.15 juta dikumpulkan. Secara ketara, penerbit mengumpul dana melalui platform pembiayaan P2P telah mencatatkan kadar kejayaan kempen sebanyak 99%.


Kempen pengumpulan dana terbesar yang berjaya dimuktamadkan melalui platform pembiayaan P2P adalah sebanyak RM3 juta. Antara kempen pengumpulan dana yang berjaya, sebanyak 69% memohon pembiayaan kurang daripada RM200,000. (Carta 6)

Kebanyakan penerbit dengan kempen pengumpulan dana yang berjaya merupakan dari sektor pemborongan, runcit dan produk pengguna, mencakupi 62% daripada jumlah penerbit, manakala selebihnya sebanyak 38% adalah dari industri lain. Sektor ini termasuk industri F&B, harta tanah dan hospitaliti (Carta 7).

Berasaskan demografi umur pelabur individu, kebanyakan pelabur pembiayaan P2P adalah berumur kurang daripada 35 tahun, merangkumi 56% daripada jumlah pelabur individu. (Gambar Rajah 2). Pelabur tempatan merupakan pelabur terbesar, mewakili 99% daripada jumlah pelabur dalam pembiayaan P2P.


Carta 6

Pembiayaan P2P: Agihan mengikut amaan pengumpulan dana




Carta 7

Pembiayaan P2P: Agihan mengikut amaan pengumpulan dana



Rajah 2

Pembiayaan P2P: Demografi umur pelabur



Pemberian Kebenaran dan Pelesenan

Bilangan perantara berlesen termasuk pemegang lesen individu adalah 236 berbanding 227 pada tahun 2016. Bilangan wakil peniaga berlesen merosot sedikit kepada 9,545 berbanding 9,632 pada tahun 2016. Pada tahun ini, sebanyak 792 Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) baharu dikeluarkan untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang dikawal selia. Segmen khidmat nasihat terus menarik kemasukan baharu, khususnya perancangan kewangan. Pada tahun ini, SC turut memperkenalkan pindaan kepada rangka kerja kawal selianya dengan memasukkan penjelasan sekuriti dan derivatif sebagai aktiviti dikawal selia yang baharu. Rangka kerja baharu itu diperkenalkan dalam fasa berperingkat, bermula dengan pasaran derivatif memandangkan kesediaan infrastruktur pasaran itu untuk memenuhi segmen perantara yang lebih luas. Pada penghujung 2017, 17 pengantara daripada segmen derivatif dilesenkan bagi menjalankan penjelasan derivatif.

Pada tahun ini, *Guidelines for Marketing Representatives* telah diperluaskan bagi wakil-wakil pemasaran untuk semua aktiviti yang dikawal selia. Pada penghujung 2017, seramai 320 wakil pemasaran telah didaftarkan. Bilangan Wakil Niaga Dagangan berdaftar menurun sedikit kepada 139 berbanding 153 pada tahun sebelumnya.

Sebanyak 12 lesen baharu dikeluarkan sepanjang tahun ini, 1 lesen diberikan kepada syarikat bagi urus niaga dalam sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai, 3 lesen dikeluarkan kepada syarikat untuk pengurusan dana, 4 lesen diberikan kepada syarikat untuk memberi nasihat kewangan korporat dan 4 lesen yang lain kepada syarikat untuk aktiviti perancangan kewangan. Berhubung dengan penamatan aktiviti, 3 Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) telah dibatalkan berikutan penyusunan semula perniagaan dan ketidakupayaan untuk meneruskan perniagaan.

Pada 31 Disember 2017, terdapat 236 pemegang CMSL menjalankan pelbagai aktiviti yang dikawal selia sebagaimana yang ditakrif di bawah Jadual 2 CMSA. Entiti yang terlibat adalah seperti berikut:

Jadual 1
Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal

Mengikut aktiviti teras	2017	2016
Urus niaga dalam sekuriti ¹	39	38
Urus niaga dalam derivatif	8	8
Pengurusan dana	93	90
Nasihat kewangan korporat	43	40
Nasihat pelaburan	16	17
Nasihat pelaburan (individu)	1	1
Perancangan kewangan	33	29
Perancangan kewangan (individu)	3	4
Jumlah	236	227

Nota:

¹ Termasuk 6 CMSL bagi urus niaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah dan 1 CMSL bagi urus niaga dalam sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai.

Jadual 1

Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (sambungan)

Mengikut aktiviti dikawal selia	2017	2016
Urus niaga dalam sekuriti		
Bank pelaburan	10	10
Broker universal	1	1
Syarikat broker saham 1+1	12	12
Syarikat broker saham asing skim khas	7	7
Rumah terbitan	2	2
	32	32
Urus niaga dalam derivatif		
Bank pelaburan	5	5
Syarikat broker saham 1+1	3	3
Syarikat broker saham asing skim khas	2	2
Lain-lain	8	8
	18	18
Penjelasan		
Bank pelaburan	5	—
Syarikat broker saham 1+1	3	—
Syarikat broker saham asing skim khas	2	—
Lain-lain	7	—
	17	—
Pengurusan dana		
<i>Pengurusan portfolio</i>		
Bank pelaburan	1	1
Syarikat pengurusan unit amanah	24	24
Pengurus dana asing skim khas	5	5
Pengurus dana Islam	20	20
Pengurus dana khidmat khusus	2	1
Lain-lain	24	23

Jadual 1

Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (sambungan)

	2017	2016
Pengurusan dana		
Pengurusan aset	18	17
Amanah pelaburan harta tanah	94	91
Nasihat kewangan korporat		
Bank pelaburan	10	10
Syarikat broker saham 1+1	6	5
Syarikat broker saham asing skim khas	6	6
Syarikat kewangan korporat kendiri/khidmat khusus/lain-lain	44	41
	66	62
Nasihat pelaburan		
Bank pelaburan	8	8
Syarikat broker saham 1+1	8	9
Syarikat broker saham asing skim khas	7	7
Syarikat pengurusan unit amanah	2	2
Syarikat kewangan korporat kendiri/khidmat khusus/lain-lain	22	22
	47	48
Perancangan kewangan		
Syarikat pengurusan unit amanah	4	3
Penasihat unit amanah korporat	15	10
Syarikat perancangan kewangan kendiri/khidmat khusus/lain-lain	21	23
	40	36
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah		
Syarikat pengurusan unit amanah	30	30
Pengurus dana Islam	7	6
Penasihat unit amanah korporat	15	10
Lain-lain	1	1
	53	47

**Penyata,
Statistik dan Aktiviti**

Jadual 1

Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (sambungan)

Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai	2017	2016
Lain-lain	1	–
1		
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada bon OTC		
Lain-lain	1	–
	1	–
Urus niaga dalam skim persaraan swasta		
Bank pelaburan	1	1
Syarikat pengurusan unit amanah	9	9
Penasihat skim persaraan swasta korporat	12	10
Lain-lain	2	2
	24	22
Jumlah besar	393	356

Jadual 2

Pemegang Lesen Wakil Peniaga Perkhidmatan Pasaran Modal

Mengikut aktiviti teras	2017	2016
Urus niaga dalam sekuriti	6,431	6,606
Urus niaga dalam derivatif	521	545
Pengurusan dana	817	811
Nasihat kewangan korporat	772	769
Nasihat pelaburan	293	275
Perancangan kewangan	711	626
Jumlah besar	9,545	9,632

Jadual 3

Permohonan lesen syarikat baru

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016
Dikeluarkan	1*	–	–	–	3	1	4	–	–	–	4	1

Nota:

* Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai.

Jadual 4

Permohonan lesen wakil peniaga baharu

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporate		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016
Dikeluarkan	261	339	68	51	107	93	150	124	68	67	138	110
Ditarik balik*	40	36	14	11	53	26	43	7	13	9	114	95
Dipulangkan*	138	244	44	48	92	86	64	60	33	52	94	146

Nota:

* Mengikut aktiviti yang dikawal selia

Jadual 5

Penamatan lesen syarikat/individu

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan		Perancangan kewangan (Individu)	
	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	
Ditamatkan	—	—	—	1	1	1	1	4	—	1	—	—	1	2
Dibatalkan	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Digantung	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—

Jadual 6

Penamatan lesen wakil peniaga

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016
Ditamatkan*	529	542	131	162	105	97	144	107	46	51	50	45
Dibatalkan	8	7	—	—	—	—	—	—	1	—	—	1
Digantung	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—

Nota:

* Mengikut aktiviti yang dikawal selia

Penguatkuasaan


Pada 2017, SC menerima sebanyak 20 rujukan bagi kemungkinan pelanggaran undang-undang sekuriti yang timbul terutamanya daripada pemantauan aktif SC terhadap aktiviti pasaran dan korporat, dan juga daripada maklumat yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan dan asing. Hampir separuh daripada rujukan tersebut berkaitan dengan kemungkinan salah laku pasaran yang melibatkan dagangan orang dalam dan manipulasi pasaran (Carta 1). Ini diikuti oleh kemungkinan penipuan sekuriti dan pelanggaran tadbir urus korporat berkaitan dengan tatalaku pengarah dan pegawai PLC yang menyebabkan kerugian secara salah kepada PLC. Baki rujukan adalah berhubung dengan kesalahan seperti menjalankan aktiviti dikawal selia tanpa lesen dari SC, dagangan dalam sekuriti menggunakan akaun penama dan pengubahan rekod yang perlu dikekalkan di bawah undang-undang sekuriti.

Jumlah penyiasatan aktif pada 31 Disember 2017 adalah 52. Pada tahun ini, sebahagian besar sumber digunakan untuk menyiasat kemungkinan pelanggaran dagangan orang dalam, dengan


29 siasatan kes dagangan orang dalam masih dijalankan (Carta 2).

Mengumpul bukti dokumentari dan lisan merupakan bahagian penting sesuatu proses penyiasatan. Kuasa penyiasatan yang diberikan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA) memudah cara pengumpulan bukti dokumentari daripada saksi, termasuk syarikat

Carta 2
Penyiasatan aktif mengikut jenis kesalahan



Carta 1
Rujukan diterima pada 2017 mengikut jenis kesalahan



awam tersenarai dan institusi kewangan. Sekiranya perlu, carian juga dijalankan di premis yang berkaitan dengan kemungkinan kesalahan tadbir urus korporat. Selain daripada dokumen, komputer dan peranti digital lain turut dirampas bagi tujuan penyiasatan.

Bagi tujuan mengumpulkan bukti secara lisan, Pegawai Penyiasat SC merekod keterangan rasmi saksi daripada 386 individu pada 2017 (Carta 3). Hampir dua pertiga daripada saksi tersebut adalah golongan profesional, seperti penasihat korporat, warga bank, peguam, juruaudit dan setiausaha syarikat, serta pengarah dan pengurusan kanan PLC, individu yang dilesenkan oleh SC dan pemegang akaun sekuriti.

Tahun ini SC masih mendapatkan bantuan daripada pihak berkuasa penyelia asing di bawah Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala IOSCO mengenai Perundingan dan Kerjasama dan Pertukaran Maklumat. Kami membuat 13 permintaan kepada 9 pihak berkuasa penyelia asing, kebanyakannya untuk mendapatkan bukti dokumentari seperti dokumen perbankan, dokumen

berkaitan dengan urus niaga sekuriti dan maklumat pemilikan benefisial syarikat bagi kemungkinan kesalahan dagangan orang dalam (Jadual 1). SC turut memberi bantuan penyiasatan kepada 10 pihak berkuasa penyelia asing dari 3 bidang kuasa.


Jadual 1

Bantuan asing yang dipohon oleh SC pada 2017 mengikut bidang kuasa

Bidang kuasa	Bilangan permintaan
Australia	1
China	1
Hong Kong	1
Singapura	5
Thailand	1
UK	1
US	1
Brunei	1
India	1
Jumlah	13

Carta 3

Kenyataan saksi yang direkod pada 2017 mengikut jenis saksi



Hal ini termasuk mendapatkan dokumen berkaitan transaksi sekuriti, dokumen perbankan dan rekod telefon. Di samping itu SC turut mendapatkan bantuan daripada Polis Diraja Malaysia dan Pasukan Polis Singapura dalam penahanan 3 individu di Singapura pada tahun ini.

Tindakan pentadbiran

Pada 2017, sejumlah 32 tindakan pentadbiran telah dilaksanakan oleh SC ke atas pelbagai salah laku dan pelanggaran undang-undang sekuriti seperti membuat kenyataan palsu atau mengelirukan kepada SC, melanggar syarat pelesenan dan serahan lewat dokumen di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan (LOLA).

Tindakan yang dikenakan ke atas pihak yang melanggar undang-undang termasuk celaan, pembatalan lesen, dan pengenaan penalti, arahan dan moratorium (Lihat Jadual 2).

Sepanjang tahun ini, sejumlah RM2.806 juta penalti telah dikenakan terhadap pihak-pihak berikut:

- Seorang pengantara berlesen di atas kegalannya untuk mengawasi perniagaannya, mengakibatkannya melanggar syarat-syarat pelesennya;
- Seorang pengantara berlesen kerana melanggar peruntukan dalam *Guidelines on Prevention of Money Laundering and Terrorism Financing for Capital Market Intermediaries*;
- Dua pengantara berlesen kerana lewat mengemukakan laporan statistik bulanan bagi dana borong di bawah Rangka Kerja LOLA;
- Seorang individu berdaftar kerana lewat mengemukakan laporan pasca penerbitan bulanan untuk produk berstruktur di bawah Rangka Kerja LOLA; dan

Jadual 2

Tindakan pentadbiran yang diambil pada 2017 mengikut jenis tindakan dan pihak yang melanggar undang-undang

Pihak yang melanggar undang-undang	Jenis tindakan				
	Arahan	Moratorium	Celaan	Penalti	Pembatalan lesen
Individu berlesen	–	–	1	4	8
Syarikat awam tersenarai (PLC)	1	–	1	–	–
Pengarah PLC	–	–	5	5	–
Individu berdaftar	–	–	–	1	–
Syarikat yang memohon penyenaraian	–	–	1	–	–
Penaja syarikat yang memohon penyenaraian	–	2	2	–	–
Individu-individu lain ¹	1	–	–	–	–
Jumlah	2	2	10	10	8

Nota:

¹ Seorang individu yang menjalankan aktiviti dikawal selia tanpa memiliki lesen.

- Lima pengarah individu sebuah PLC di atas kesalahan masing-masing untuk mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan dalam menyediakan penyata kewangan teraudit PLC tersebut, dan dengan itu mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan berkaitan dengan penyata kewangan teraudit PLC kepada SC dan Bursa Malaysia Securities Bhd.

Notis pelanggaran

Selain daripada tindakan pentadbiran di bawah kuasa berkanunnya, SC juga menggunakan kaedah penguatkuasaan bukan berkanun yang lain dalam melaksanakan fungsi pemantauan, pengawalan dan penyeliaannya.

Notis pelanggaran dikeluarkan apabila pelanggaran undang-undang sekuriti atau garis panduan yang dikesan tidak memerlukan tindakan penguatkuasaan formal atau pengenaan tindakan pentadbiran.

Notis pelanggaran yang dikeluarkan oleh SC termasuk yang berikut:

- Surat Penyeliaan melibatkan Pelanggaran – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi penyeliaan atau pelaksanaan pemeriksaan di bawah seksyen 126 SCMA.
- Surat Amaran – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawalan SC seperti pengeluaran lesen, kelulusan cadangan korporat dan semakan prospektus. Surat amaran mungkin diberikan kepada individu berlesen, berdaftar atau profesional atau pakar lain.
- Surat Ketidakpatuhan – dikeluarkan menurut fungsi pengawalan SC untuk kes pelanggaran kecil.

Pada 2017, 81 notis pelanggaran telah dikeluarkan oleh SC seperti dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Jenis Notis Pelanggaran

Jenis	Jumlah
Surat penyeliaan melibatkan pelanggaran	16
Surat amaran	15
Surat ketidakpatuhan	50
Jumlah	81

Jadual 4

Kes-kes yang masih berjalan di mahkamah


Mahkamah	Bilangan kes
Mahkamah Sesyen	31
Mahkamah Tinggi (Jenayah)	12
Mahkamah Tinggi (Sivil)	13
Mahkamah Rayuan	5
Mahkamah Persekutuan	2
Jumlah	63

Kes mahkamah yang masih berjalan pada 2017

Pada 2017, SC mempunyai sejumlah 63 kes yang masih dibicarakan di Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan (Jadual 4). Daripada kes-kes tersebut, 43% adalah berkaitan dengan dagangan orang dalam manakala 25% berkaitan pelanggaran tadbir urus korporat seperti salah lapor kewangan dan kesalahan penzahiran. Daripada keseluruhan kes yang masih dibicarakan, 10% melibatkan persoalan undang-undang dan permohonan interlokutori di mahkamah atasan. Kes yang melibatkan aktiviti tidak berlesen, manipulasi pasaran, penipuan

Carta 4

**Kes-kes mahkamah yang masih berjalan pada 2017
mengikut jenis kes**



Jadual 5

Butir pendakwaan jenayah pada 2017

sekuriti dan kegagalan untuk menghadirkan diri di SC bagi membantu penyiasatan membentuk 22% dari baki keseluruhan kes (Carta 4).

Butir pendakwaan jenayah pada 2017

Pada 2017, SC mendakwa 10 individu di Mahkamah Sesyen. Daripada jumlah ini, 7 individu didakwa atas kesalahan dagangan orang dalam, 2 individu didakwa menjalankan aktiviti dikawal selia tanpa lesen dan 1 orang individu didakwa tidak membantu siasatan SC.

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta pertuduhan	Tarikh tuduhan
1.	Dagangan orang dalam	Ewe Lay Peng (Ewe LP)	Ewe LP dikenakan 1 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(3) (b) CMSA kerana memaklumkan kepada Lim Bun Hwa, di antara 1 Disember 2007 dan 31 Disember 2007, maklumat dalaman berkaitan dengan cadangan tawaran pengambilalihan bersyarat oleh OSPL Holdings Sdn Bhd (OHSB) untuk memperoleh kesemua saham mengundi dalam PacificMas Bhd (PacificMas) yang belum dimiliki oleh OHSB.	29 Mac 2017
2.	Dagangan orang dalam	Lim Boon Cheng (Lim BC)	Lim BC dikenakan 5 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2) (a) CMSA. Beliau didakwa telah memperoleh 145,000 unit saham PacificMas Bhd di antara 18 Disember 2007 dan 31 Disember 2007 ketika memiliki maklumat dalaman berkaitan dengan cadangan tawaran pengambilalihan bersyarat oleh OHSB untuk memperoleh kesemua saham mengundi dalam PacificMas yang belum dimiliki oleh OHSB.	29 Mac 2017
3.	Dagangan orang dalam	Lim Bun Hwa (Lim BH)	Lim BH dikenakan 1 pertuduhan bersubahat dengan Lim BC untuk memperoleh 145,000 unit saham PacificMas Bhd di antara 18 Disember 2007 dan 31 Disember 2007 ketika memiliki maklumat dalaman berkaitan dengan cadangan tawaran pengambilalihan bersyarat oleh OHSB untuk memperoleh kesemua saham mengundi dalam PacificMas yang belum dimiliki oleh OHSB.	29 Mac 2017

Jadual 5
Butir pendakwaan jenayah pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta pertuduhan	Tarikh tuduhan
4.	Dagangan orang dalam	Dato' Vincent Leong Jee Wai (Dato' Vincent)	Dato' Vincent telah dikenakan 2 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(3) (a) CMSA kerana memaklumkan kepada Datuk Leong Wye Keong di antara 26 November 2010 dan 18 Januari 2011 maklumat dalaman berkaitan dengan pengurangan ekuiti pemegang saham Maxbiz Corporation Bhd (Maxbiz), di mana Maxbiz hampir diklasifikasikan sebagai bermasalah kewangan dan pengklasifikasi Maxbiz sebagai penerbit tersenarai yang terjejas di bawah Nota Amalan 17, kriteria 2.1(a) Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Bhd.	22 Mei 2017
5.	Dagangan orang dalam	Datuk Leong Wye Keong	Datuk Leong WK dikenakan 4 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2) (a) CMSA. Beliau dituduh telah menjual 2,131,400 unit saham Maxbiz dalam akaun Leong Khai Shaun pada 30 Disember 2010 dan 8,100,000 unit saham Maxbiz dalam akaunnya sendiri di antara 30 Disember 2010 dan 18 Januari 2011 ketika memiliki maklumat dalaman berkaitan dengan pengurangan ekuiti pemegang saham Maxbiz, di mana Maxbiz hampir diklasifikasikan sebagai bermasalah kewangan dan pengklasifikasi Maxbiz sebagai penerbit tersenarai yang terjejas di bawah Nota Amalan 17, kriteria 2.1(a) Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Bhd.	29 Mei 2017
6.	Menjalankan perniagaan dalam aktiviti dikawal selia tanpa Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL).	Su Eng Koi (Su EK)	Su EK, seorang pegawai Jalatama Management Sdn Bhd (JMSB) telah dikenakan 1 pertuduhan menjalankan urus niaga dalam derivatif tanpa memiliki lesen CMSL, melalui JMSB di antara 1 Julai 2011 dan 1 September 2013 bawah seksyen 58(1) dibaca bersama dengan seksyen 367(1) CMSA.	5 Julai 2017
7.	Menjalankan perniagaan dalam aktiviti dikawal selia tanpa CMSL.	Yap Choong Seong (Yap CS)	Yap CS, seorang pegawai Jalatama Management Sdn Bhd (JMSB) telah dikenakan 1 pertuduhan menjalankan urus niaga dalam derivatif tanpa memiliki lesen CMSL, melalui JMSB di antara 1 Julai 2011 dan 1 September 2013 bawah seksyen 58(1) dibaca bersama dengan seksyen 367(1) CMSA.	5 Julai 2017

**Penyata,
Statistik dan Aktiviti**

Jadual 5

Butir pendakwaan jenayah pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta pertuduhan	Tarikh tuduhan
8.	Dagangan orang dalam	Goh Keng Huat (Goh KH)	Goh KH dikenakan 10 pertuduhan dagangan orang dalam bawah seksyen 89E(2)(a) SIA. Beliau didakwa telah memperoleh 851,600 unit saham Road Builder Holdings (M) Bhd (RBH) melalui akaun Wee Siew Ling di antara 4 September 2006 dan 16 Oktober 2006 ketika memiliki maklumat dalaman berkaitan dengan cadangan pengambilalihan semua aset dan liabiliti RBH oleh IJM Corporation Bhd (IJM) pada jumlah petunjuk pertimbangan pembelian sebanyak hampir RM1.56 bilion.	10 Oktober 2017
9.	Dagangan orang dalam	Wee Siew Ling (Wee SL)	Wee SL telah dikenakan 10 pertuduhan kerana bersubahat dengan Goh KH untuk memperoleh 851,600 unit saham RBH melalui akaun Wee SL di antara 4 September 2006 and 16 Oktober 2006 ketika memiliki maklumat dalaman berkaitan dengan cadangan pengambilalihan semua aset dan liabiliti RBH oleh IJM Corporation Bhd (IJM) pada jumlah petunjuk pertimbangan pembelian sebanyak hampir RM1.56 bilion.	10 Oktober 2017
10.	Kegagalan untuk menghadirkan diri di SC berhubung dengan satu penyiasatan	Chok Chew Lan (Chok CL)	Chok CL telah dikenakan 2 pertuduhan kerana gagal hadir untuk sesi rakaman kenyataan oleh Pegawai Penyiasat SC pada 5 September 2017 dan 19 September 2017 bawah seksyen 134(5) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.	24 Oktober 2017

Jadual 6
Keputusan kes jenayah dan rayuan pada 2017

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Huraian kes
1.	Dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan mengelirukan kepada Bursa Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Chin Keem Feung (Chin KF) • Shukri Sheikh Abdul Tawab 	<p>Pada 14 November 2011, Chin KF dan Shukri, bekas pengarah bebas bukan eksekutif Transmile Group Bhd (TGB) dan juga merupakan bekas ahli Jawatankuasa Audit TGB, setiap seorang dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 122B(b)(bb) SIA kerana dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan mengelirukan kepada Bursa Malaysia.</p> <p>Kenyataan mengelirukan tersebut adalah berkaitan dengan angka hasil yang belum diaudit yang dilaporkan ke Bursa Malaysia bagi sukuan ke-empat 2006 dan tempoh kumulatif 2006.</p> <p>Pada 28 Oktober 2011, Mahkamah Sesyen mendapati Chin KF dan Shukri bersalah di bawah seksyen 122B(b)(bb) <i>Akta Perindustrian Sekuriti 1983</i> (SIA) dan kedua-dua mereka dijatuhi hukuman penjara setahun dan denda RM300,000.00 (atau 6 bulan penjara).</p> <p>Pada 17 September 2015, Mahkamah Tinggi mengesahkan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen.</p> <p>Pada 19 Januari 2017 Mahkamah Rayuan sebulat suara menolak rayuan Chin KF dan Shukri dan mengesahkan sabitan dan hukuman mereka.</p>
2.	<ul style="list-style-type: none"> • Bertindak sebagai wakil peniaga bagi aktiviti dikawal selia tanpa lesen yang sah • Menjalankan perniagaan dalam aktiviti dikawal selia tanpa lesen yang sah 	Zamani Hamdan	<p>Pada 28 Oktober 2011, Zamani, pengarah Rantau Simponi Sdn Bhd (Rantau Simponi), telah dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 59(1) CMSA kerana bertindak sebagai wakil peniaga bagi pemegang CMSL untuk berdagang dalam kontrak niaga hadapan tanpa memiliki CMSRL.</p> <p>Zamani juga dikenakan pertuduhan alternatif kerana menjalankan dagangan dalam kontrak niaga hadapan tanpa memiliki CMSL yang sah, melalui Rantau Simponi. Ini ialah satu kesalahan di bawah seksyen 58(1) yang dibaca bersama dengan seksyen 367(1) CMSA.</p> <p>Pada 30 April 2013, Mahkamah Sesyen mensabitkan kesalahan Zamani di atas pertuduhan alternatif dan menjatuhkan hukuman denda RM1 juta (atau 1 tahun penjara).</p> <p>Zamani telah memfailkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman di Mahkamah Tinggi manakala pihak pendakwa telah memfailkan rayuan terhadap hukuman yang dijatuhi ke atas Zamani.</p> <p>Mahkamah Tinggi, pada 19 Januari 2017, menolak rayuan Zamani terhadap sabitan kesalahannya.</p> <p>Mahkamah Tinggi juga menambah hukuman dua bulan penjara dan mengurangkan denda kepada RM215,000.00 (atau penjara empat bulan).</p> <p>SC telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi.</p>

Jadual 6

Keputusan kes jenayah dan rayuan pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Huraian kes
3.	Pengemukaan maklumat mengelirukan kepada SC	Dato' Lim Kim Ming (Dato' Lim KM)	<p>Pada 22 Mei 2007, Dato' Lim KM, bekas ketua pegawai eksekutif dan pengarah eksekutif GP Ocean Food Bhd (GP Ocean), telah dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 32B(1)(a)(aa) yang dibaca bersama dengan seksyen 138(2) SCA kerana mengemukakan maklumat mengelirukan kepada SC berkaitan dengan cadangan penyenaraian GP Ocean di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Bhd. Maklumat mengelirukan tersebut terkandung dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Teraudit 31 Januari 2006 Gropoint Fisheries Sdn Bhd; dan • Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Teraudit 31 Januari 2006 Gropoint Seafood Industries Sdn Bhd <p>Gropoint Fisheries Sdn Bhd dan Gropoint Seafood Industries Sdn Bhd pada waktu material tersebut adalah subsidiari kepada GP Ocean.</p> <p>Pada 6 Januari 2011, Mahkamah Sesyen membebaskan dan melepaskan Lim KM.</p> <p>Pada 14 Februari 2017, Mahkamah Tinggi membatalkan pembebasan tersebut dan mengarahkan Lim KM membela diri di atas pertuduhan terhadapnya.</p>
4.	Pengemukaan maklumat mengelirukan kepada SC	Lim Kim Hai (Lim KH)	<p>Pada 22 Mei 2007, Lim KH, bekas pengarah eksekutif dan pengarah kewangan GP Ocean, telah dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 32B(1)(a)(aa) yang dibaca bersama dengan seksyen 138(2) SCA kerana mengemukakan maklumat mengelirukan kepada SC berkaitan dengan cadangan penyenaraian GP Ocean di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Bhd. Maklumat mengelirukan tersebut terkandung dalam Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan GP Ocean bagi tahun berakhir 31 Januari 2006.</p> <p>Pada 6 Januari 2011, Mahkamah Sesyen membebaskan dan melepaskan Lim KH.</p> <p>Pada 14 Februari 2017, Mahkamah Tinggi membatalkan pembebasan tersebut dan mengarahkan Lim KH membela diri di atas pertuduhan terhadapnya.</p>
5.	Pengemukaan maklumat mengelirukan kepada SC	Lee Sin Teck (Lee ST)	<p>Pada 18 April 2007, Lee ST, pengasas bersama, pengarah urusan dan naib pengurus eksekutif GP Ocean telah dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 32B (1)(a)(aa) yang dibaca bersama dengan seksyen 138(2) SCA kerana mengemukakan maklumat mengelirukan kepada SC berkaitan dengan cadangan penyenaraian GP Ocean di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Bhd. Maklumat mengelirukan tersebut terkandung dalam Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan GP Ocean bagi tahun berakhir 31 Januari 2006.</p> <p>Pada 6 Januari 2011, Mahkamah Sesyen membebaskan dan melepaskan Lee ST.</p> <p>Pada 14 Februari 2017, Mahkamah Tinggi membatalkan pembebasan tersebut dan mengarahkan Lee ST membela diri di atas pertuduhan terhadapnya.</p>

Jadual 6

Keputusan kes jenayah dan rayuan pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Huraian kes
6.	Pengemukaan maklumat mengelirukan kepada SC	Tan Siok Wan (Tan SW)	<p>Pada 18 April 2007, Tan SW, pengasas bersama, pengarah eksekutif dan ketua pegawai operasi GP Ocean telah dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 32B (1)(a)(aa) yang dibaca bersama dengan seksyen 138(2) SCA kerana mengemukakan maklumat mengelirukan kepada SC berkaitan dengan cadangan penyenaraian GP Ocean di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Bhd. Maklumat mengelirukan tersebut terkandung dalam satu senarai bertajuk "GP Ocean Food Bhd Group Top Ten Customer".</p> <p>Pada 6 Januari 2011, Mahkamah Sesyen membebaskan dan melepaskan Tan SW.</p> <p>Pada 14 Februari 2017, Mahkamah Tinggi membatalkan pembebasan tersebut dan mengarahkan Tan SW membela diri di atas pertuduhan terhadapnya.</p>
7.	<ul style="list-style-type: none"> • Penipuan sekuriti • Pecah amanah 	<ul style="list-style-type: none"> • Chung Wai Meng (Chung WM) • Yip Yee Foo (Yip YF) 	<p>Pada 24 September 2004, Chung WM, bekas pengarah Cold Storage (Malaysia) Bhd (CSM), telah dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 87A SIA kerana menipu CSM dengan memindahkan RM185 juta dana CSM untuk membayar pembelian saham CSM oleh Fulham Finance and Trade Ltd dan Excoplex Sdn Bhd.</p> <p>Chung WM juga dikenakan pertuduhan alternatif atas kesalahan pecah amanah di bawah seksyen 409 <i>Kanun Jenayah</i> melibatkan wang sebanyak RM185 juta.</p> <p>Yip YF dituduh bersubahat dengan Chung WM dalam kedua-dua kesalahan tersebut.</p> <p>Pada 11 Mac 2011 Mahkamah Sesyen memerintahkan Chung WM dan Yip YF untuk membela diri bagi pertuduhan alternatif kesalahan pecah amanah, dan membebaskan mereka dari pertuduhan di bawah seksyen 87A SIA.</p> <p>Pada 20 Jun 2011, Mahkamah Sesyen membebaskan mereka dari pertuduhan alternatif.</p> <p>Pada 14 Mac 2017 Mahkamah Tinggi menolak rayuan pendakwaan terhadap keputusan pembebasan yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen.</p> <p>Pendakwaan telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi.</p>

**Penyata,
Statistik dan Aktiviti**

Jadual 6

Keputusan kes jenayah dan rayuan pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Huraian kes
8.	Dagangan orang dalam	Chew Lian Foon (Chew LF)	<p>Pada 25 Oktober 2016, Chew LF, bekas peniaga OSK Investment Bank Bhd, telah dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 370(c) dibaca bersama dengan seksyen 188(2)(a) CMSA dengan 7 pertuduhan bersubahat dengan Fang Siew Yee, pengarah eksekutif Three-A Resources Bhd (3A) dalam memperoleh 2,620,000 unit saham 3A di antara 27 Ogos 2009 dan 2 Oktober 2009 ketika memiliki maklumat dalaman berkaitan dengan cadangan urus niaga kolektif di antara syarikat 3A dan Wilmar dan maklumat berkaitan dengan cadangan penempatan tertutup sebanyak sehingga 20% saham modal terbitan dan berbayar 3A kepada Wilmar.</p> <p>Pada 21 April 2017, Mahkamah Sesyen memerintahkan Chew LF dilepaskan tanpa dibebaskan atas permintaan pihak Pendakwaan.</p>
9.	Dagangan orang dalam	Ong Kok Aun (Ong KA)	<p>Pada 25 Oktober 2016, Ong KA, bekas peniaga OSK Investment Bank Bhd dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 370(c) yang dibaca bersama seksyen 188(2)(a) CMSA dengan 1 kesalahan bersubahat dengan Fang Siew Yee, pengarah eksekutif Three-A Resources Bhd (3A) dalam memperoleh 100,000 unit saham 3A shares pada 5 Oktober 2009 ketika memiliki maklumat dalaman berkaitan dengan cadangan penempatan tertutup sebanyak sehingga 20% saham modal terbitan dan berbayar 3A kepada Wilmar.</p> <p>Pada 21 April 2017, Mahkamah Sesyen memerintahkan Ong KA dilepaskan tanpa dibebaskan atas permintaan pihak Pendakwaan.</p>
10.	<ul style="list-style-type: none"> • Mengeluarkan kenyataan mengelirukan mengenai butiran material berkemungkinan untuk menyebabkan pembelian sekuriti oleh orang lain • Mengemukakan kenyataan mengelirukan kepada Bursa Malaysia Securities Bhd 	Gan Boon Aun (Gan BA)	<p>Pada 12 Julai 2007, Gan BA, bekas ketua pegawai eksekutif Transmile Group Bhd (Transmile), telah dikenakan pertuduhan bersubahat dengan Transmile dalam mengeluarkan pernyataan yang mengelirukan mengenai butiran material berkaitan dengan hasil Transmile dalam laporan suku tahunan keputusan digabungkan yang tidak beraudit syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006. Kenyataan tersebut berkemungkinan untuk menyebabkan pembelian saham Transmile oleh orang lain, satu kesalahan di bawah seksyen 86(b) yang dibaca bersama dengan seksyen 122C(c) SIA.</p> <p>Pada 26 Mei 2008, Gan BA juga dikenakan pertuduhan alternatif mengemukakan pernyataan mengelirukan kepada Bursa Malaysia Securities Bhd dalam pernyataan kewangan yang sama, satu kesalahan di bawah seksyen 122B(a)(bb) yang dibaca bersama dengan seksyen 122(1) SIA.</p> <p>Pada 16 Mac 2011, Mahkamah Sesyen menetapkan bahawa pendakwaan telah membuktikan wujud kes <i>prima facie</i> dan memerintahkan Gan BA untuk membela dirinya terhadap pertuduhan alternatif.</p> <p>Pada 21 Jun 2011, Gan BA mengemukakan permohonan untuk merujuk persoalan perlombagaan kepada Mahkamah Tinggi untuk mencabar kesahihan seksyen 122 (1) SIA dengan alasan bahawa peruntukan itu tidak selaras dengan Perkara 5 (1) <i>Perlombagaan Persekutuan</i>.</p>

Jadual 6

Keputusan kes jenayah dan rayuan pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Huraian kes
			<p>Pada 14 November 2011, Mahkamah Tinggi mengisyiharkan seksyen 122 (1) SIA tidak menurut perlembagaan dan membenarkan penangguhan keputusan Mahkamah Sesyen.</p> <p>SC membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan dan pada 28 September 2015, Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi dan mengesahkan kesahihan seksyen 122 (1) SIA.</p> <p>Gan BA kemudian memfailkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan.</p> <p>Pada 10 Mac 2016, Mahkamah Persekutuan menolak rayuan Gan BA atas alasan rayuan itu tidak sempurna kerana kekurangan bidang kuasa dan mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Mahkamah Persekutuan selanjutnya memerintahkan supaya kes itu dihantar ke Mahkamah Tinggi untuk pemeriksaan rekod prosiding dan untuk mempertimbangkan sama ada terdapat persoalan mengenai peruntukan <i>Perlembagaan Persekutuan</i> yang perlu bagi penentuan oleh Mahkamah Persekutuan mengikut seksyen 30, 84 dan 85 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.</p> <p>Berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 9 Mei 2016, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa terdapat soalan yang perlu bagi penentuan oleh Mahkamah Persekutuan dan merujuk lima persoalan perlembagaan kepada Mahkamah Persekutuan.</p> <p>Pada 15 Mac 2017, Mahkamah Persekutuan sebulat suara mengekalkan kesahihan seksyen 122(1) SIA dan memerintahkan kes tersebut dihantar ke Mahkamah Sesyen untuk disambung perbicaraannya.</p> <p>Pada 27 April 2017, Gan BA memfailkan permohonan ke Mahkamah Persekutuan untuk menyemak dan mengetepikan keputusan Mahkamah Persekutuan yang diputuskan pada 15 Mac 2017.</p> <p>Pada 21 Jun 2017, Mahkamah Persekutuan menolak permohonan Gan BA.</p>
11.	<ul style="list-style-type: none"> • Penipuan ke atas PLC • Pecah amanah 	<ul style="list-style-type: none"> • Ngu Tieng Ung (Ng TU) • Wong Jit Kiang (Wong JK) 	<p>Pada 5 Mei 2005, Ngu TU, seorang pengarah Pancaran Ikrab Bhd (PIB), telah dikenakan 2 pertuduhan di bawah seksyen 87A(b) SIA kerana terlibat dalam perbuatan menipu PIB dengan menggunakan dana PIB sebanyak RM15.5 juta untuk membeli saham PIB.</p> <p>Ngu TU juga dikenakan 1 pertuduhan melakukan pecah amanah di bawah seksyen 409 <i>Kanun Jenayah</i> berkaitan dengan dana PIB sebanyak RM21.5 juta.</p> <p>Seterusnya, pertuduhan alternatif melakukan pecah amanah di bawah seksyen 409 <i>Kanun Jenayah</i> melibatkan dana PIB sebanyak RM37 juta turut dikenakan terhadap Ngu TU.</p>

Jadual 6

Keputusan kes jenayah dan rayuan pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Huraian kes
			<p>Wong JK telah dikenakan pertuduhan kerana bersubahat dengan Ngu TU dalam melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.</p>
			<p>Wong JK gagal menghadiri perbicaraan di mahkamah sejak 23 Mac 2009 dan pada 24 Mac 2010, Mahkamah Sesyen menetapkan Wong JK dilepaskan tapi tidak dibebaskan. Waran tangkap terhadapnya masih berkuat kuasa.</p>
			<p>Pada Oktober 2010, Ngu TU mengaku bersalah terhadap 2 pertuduhan utama di bawah SIA dan dijatuhi hukuman penjara 1 hari dan denda RM1 juta bagi setiap pertuduhan.</p>
			<p>Pada Ogos 2011, selepas rayuan pendakwaan terhadap hukuman tersebut, Mahkamah Tinggi membatalkan sabitan dan hukuman, dengan alasan pengakuannya boleh diterima dan merujuk kes ke Mahkamah Sesyen untuk perbicaraan semula.</p>
			<p>Perbicaraan semula terhadap Ngu TU bermula pada Januari 2012.</p>
			<p>Pada Ogos 2013, Mahkamah Sesyen memerintahkan Ngu TU untuk membela diri terhadap pertuduhan alternatif melakukan pecah amanah ke atas dana PIB sebanyak RM37 juta.</p>
			<p>Pada 11 September 2015, Mahkamah Sesyen mensabitkan Ngu TU atas kesalahan pecah amanah di bawah seksyen 409 <i>Kanun Jenayah</i>. Ngu TU dijatuhi hukuman penjara 6 tahun dan denda RM1 juta, atau penjara 2 tahun.</p>
			<p>Pada 5 Mei 2017, Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan Ngu TU dan mengenepikan sabitan dan hukuman dari Mahkamah Sesyen. Rayuan silang oleh pihak Pendakwaan juga telah ditolak.</p>
			<p>Pendakwaan telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap pembebasan Ngu TU.</p>
12.	Mengemukakan maklumat palsu kepada Bursa Malaysia Securities Bhd	Dato' Dr Haji Mohd. Adam Che Harun (Dato' Adam)	<p>Dato' Adam, pengurus eksekutif dan pengarah Megan Media Holdings Bhd (MMHB) telah dikenakan pertuduhan pada 10 Disember 2007 di bawah seksyen 122B (a)(bb) yang dibaca bersama dengan seksyen 122(1) SIA 1983 kerana mengemukakan maklumat palsu kepada Bursa Malaysia. Maklumat palsu tersebut adalah berkaitan dengan hasil yang dinyatakan dalam Laporan Sukuan Hasil yang Digabungkan MMHB bagi Tempoh Kewangan berakhir 31 Januari 2007.</p> <p>Pada 17 Mei 2017, Mahkamah Sesyen mendapati Dato' Adam bersalah dan menjatuhi hukuman penjara 18 bulan dan denda RM300,000.00 (atau penjara 1 tahun).</p>

Jadual 6

Keputusan kes jenayah dan rayuan pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Huraian kes
13.	Mengemukakan maklumat palsu kepada SC	<ul style="list-style-type: none"> • Tan Kam Sang (Tan KS) • Ravandaran Thangeveloo (Ravandaran) 	<p>Pada 13 Ogos 2004, Tan KS, seorang akauntan Kiara Emas Asia Industries Bhd (KEAIB) dan Ravandaran, rakan audit Messrs. Arthur Andersen & Co. yang bertanggung jawab ke atas audit KEAIB, setiap seorang telah dikenakan 4 pertuduhan mengemukakan maklumat palsu kepada SC di bawah seksyen 32B (1)(c) (aa) SCA.</p> <p>Maklumat palsu tersebut dikatakan terkandung dalam "Soal Selidik Susulan" KEAIB bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1997, 1998, 1999 dan 2000 mengenai status penggunaan kutipan dari terbitan hak oleh KEAIB sedangkan sebenarnya kutipan dari terbitan hak sebanyak RM16,937,739.20 telah digunakan secara menyalahi syarat-syarat yang terkandung dalam surat kelulusan SC bertarikh 14 November 1996.</p> <p>Pada 13 December 2012, Mahkamah Sesyen membebaskan Tan KS dan Ravandaran pada penghujung kes pihak Pendakwaan.</p> <p>Pendakwaan mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen dan pada 18 Mei 2017, Mahkamah Tinggi membatalkan pelepasan dan memerintahkan Tan KS dan Ravandaran untuk membela diri terhadap pertuduhan yang dikenakan ke atas mereka.</p>
14.	Mengemukakan kenyataan palsu kepada SC dan Bursa Malaysia Securities Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • Ang Sun Beng (Ang SB) • Ang Soon An (Ang SA) 	<p>Pada 15 April 2008, Ang SB dan Ang SA, bekas pengarah urusan dan pengarah eksekutif Welli Multi Corporation Bhd (WMCB) kedua-duanya dikenakan 4 pertuduhan di bawah sesyen 122B (a)(bb) SIA dibaca bersama dengan sesyen 122(1) SIA kerana mengemukakan kenyataan mengelirukan dalam laporan tahunan WMCB bagi tahun kewangan berakhir 2005 dan tiga laporan sukuan pertama bagi tahun kewangan berakhir 2006 masing-masing kepada SC dan Bursa Malaysia Securities Bhd.</p> <p>Pada 11 Oktober 2010, Ang SB dan Ang SA mengaku bersalah bagi pertuduhan pertama dan tiga pertuduhan lagi dipertimbangkan di bawah seksyen 171A <i>Kanun Prosedur Jenayah</i> untuk penghukuman. Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara 1 hari dan denda RM400,000 (atau penjara 1 tahun) kepada setiap seorang.</p> <p>Pendakwaan mengemukakan rayuan terhadap hukuman tersebut namun pada 2 Februari 2016, Mahkamah Tinggi menolak rayuan pihak Pendakwaan.</p> <p>Pada 15 Februari 2016, pihak Pendakwaan mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi.</p> <p>Pada 23 Mei 2017, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan Pendakwaan dan meningkatkan hukuman bagi Ang SB dan Ang SA kepada penjara 6 bulan sebagai tambahan kepada denda RM400,000.</p>

**Penyata,
Statistik dan Aktiviti**

Jadual 6

Keputusan kes jenayah dan rayuan pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Huraian kes
15.	Mengemukakan pernyataan palsu kepada Bursa Malaysia Securities Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • Lee Han Boon (Lee HB) • Saipuddin Lim Abdullah (Saipuddin Lim) 	<p>Pada 21 Mac 2013, Lee HB dan Saipuddin Lim, bekas pengarah eksekutif Axis Incorporation Bhd (Axis), kedua-duanya dikenakan dengan 5 pertuduhan mengemukakan pernyataan palsu kepada Bursa Malaysia di bawah seksyen 122B(b)(bb) SIA dan seksyen 369(b)(B) CMSA.</p> <p>Pernyataan palsu tersebut berkaitan dengan angka hasil Axis yang dilaporkan dalam empat laporan suku tahunannya bagi tahun kewangan 2007 dan bagi sukuhan berakhir 31 Mac 2008.</p> <p>Pada 10 Julai 2017, Lee HB dan Saipuddin Lim setiap soerang mengaku bersalah kepada satu pertuduhan mengemukakan pernyataan palsu kepada Bursa dalam laporan suku tahunan Axis bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008. Empat lagi pertuduhan lain telah dipertimbangkan oleh mahkamah di bawah seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah ketika hukuman dijatuhi.</p> <p>Lee HB dijatuhi hukuman penjara 7 bulan dan denda RM200,000.00 manakala Saipuddin Lim dijatuhi hukuman 12 bulan penjara.</p>
16.	Dagangan orang dalam	Yeoh Kheng Chew (Yeoh KC)	<p>Pada 29 Julai 2016, Yeoh KC, bekas pengarah eksekutif Kencana Petroleum Bhd (Kencana) dikenakan 1 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2) (a) CMSA. Beliau didakwa telah memperoleh 1,159,000 unit saham Kencana melalui akaun Paulene Chee Yuet Fang pada 8 Julai 2011 ketika memiliki maklumat dalam berkaitan dengan cadangan penggabungan Kencana SapuraCrest Petroleum Bhd.</p> <p>Pada 2 Mei 2017, empat pertuduhan tambahan telah dikenakan terhadap Yeoh KC di bawah seksyen 188(2)(a) CMSA kerana memperoleh 4,000,000 unit saham Kencana melalui akaun Asia Premium Corp pada 2 Jun, 17 Jun, 7 Julai dan 8 Julai 2011 ketika memiliki matlumat dalam yang sama</p> <p>Pada 20 Julai 2017, semua pertuduhan terhadap Yeow KC telah ditarik balik atas arahan Peguam Negara.</p>
17.	Dagangan orang dalam	Paulene Chee Yuet Fang (Pauline CY)	<p>Pada 29 Julai 2016, Paulene CY telah dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 370(c) yang dibaca bersama dengan seksyen 188(2) (a) CMSA kerana bersubahat dengan Yeow KC dalam memperoleh 1,159,000 unit saham Kencana Petroleum Bhd (Kencana) pada 8 Julai 2011 ketika Yeow KC memiliki maklumat dalam berkaitan dengan cadangan penggabungan Kencana SapuraCrest Petroleum Bhd.</p> <p>Pada 2 Mei 2017, empat pertuduhan tambahan telah dikenakan terhadap Paulene CY di bawah seksyen 370(c) yang dibaca bersama dengan seksyen 188(2)(a) CMSA kerana bersubahat dengan Yeow KC dalam memperoleh 4,000,000 unit saham Kencana pada 2 Jun, 17 Jun, 7 Julai dan 8 Julai 2011 ketika Yeow KC memiliki maklumat dalam yang sama.</p> <p>Pada 20 Julai 2017, semua pertuduhan terhadap Paulene CY telah ditarik balik atas arahan Peguam Negara.</p>

Jadual 6
Keputusan kes jenayah dan rayuan pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Huraian kes
18.	Dagangan orang dalam	Tan Yee Chee (TanYC)	<p>Pada 29 Julai 2016, Tan CY, seorang wakil peniaga, telah dikenakan 1 pertuduhan di bawah seksyen 370(c) dibaca bersama dengan seksyen 188(2) (a) CMSA kerana bersubahat dengan Yeow KC dalam memperoleh 1,159,000 unit saham Kencana Petroleum Bhd (Kencana) pada 8 Julai 2011 ketika Yeow KC memiliki maklumat dalaman berkaitan dengan cadangan penggabungan Kencana SapuraCrest Petroleum Bhd.</p> <p>Pada 20 Julai 2017, semua pertuduhan terhadap Tan CY telah ditarik balik atas arahan Peguam Negara.</p>
19.	Menawarkan sekuriti tanpa memiliki prospektus yang didaftarkan oleh SC	<ul style="list-style-type: none"> • Raja Samsul Bahri Raja (Raja Samsul) Muhammad • Abdul Malek Yusof (Abdul Malek) • Noor Aida Abdullah (Noor Aida) 	<p>Pada 1 Jun 2016, Raja Samsul, Abdul Malek dan Noor Aida dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 232(1) yang dibaca bersama seksyen 370(c) CMSA kerana menawarkan sekuriti tanpa propektus yang didaftarkan oleh SC.</p> <p>Raja Samsul, Abdul Malek dan Noor Aida masing-masing ialah bekas ketua pegawai eksekutif dan pengarah Astana Resources Bhd (dahulu dikenali sebagai JPG Holdings Bhd), ketika syarikat tersebut menawarkan 6.9 juta saham tanpa prospektus yang didaftarkan oleh SC di bawah seksyen 233 CMSA.</p> <p>Pada 16 Januari 2017, Mahkamah Sesyen memerintahkan ketiga-tiga mereka dilepaskan tapi tidak dibebaskan.</p> <p>Pendakwaan memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap perintah Mahkamah Sesyen.</p> <p>Pada 27 November 2017, Mahkamah Tinggi membatalkan perintah pelepasan oleh Mahkamah Sesyen dan memerintahkan pertuduhan terhadap Raja Samsul, Abdul Malek dan Noor Aida dibicarkan semula di Mahkamah Sesyen.</p>
20.	Dagangan orang dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Tiong Kiong Choon (Tiong KC) • Thai Kim Sim (Thai KS) 	<p>Tiong KC, seorang remisier, telah dikenakan pertuduhan pada 9 Disember 2014 dengan 2 kesalahan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2) (a) CMSA. Tiong KC telah menjual 6,208,500 unit saham APL Industries Bhd (APLI) pada 26 dan 29 Oktober 2007 ketika memiliki maklumat dalaman berkaitan dengan cadangan pelarasian audit oleh juruaudit APLI yang akan mengakibatkan APLI melaporkan kerugian yang lebih tinggi bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2007, berbanding dengan keputusan suku tahun keempat tidak beraudit bagi tahun kewangan yang sama yang telah dilaporkan sebelum itu dan APLI akan diklasifikasikan sebagai penerbit terjejas menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Bhd dan Nota Amalan 17/2005.</p> <p>Thai KS, bekas ketua pegawai eksekutif APL Industries Bhd (APLI), telah dikenakan pertuduhan pada 15 Disember 2014 dengan 1 kesalahan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(3) (a) CMSA kerana memaklumkan kepada Tiong KC, maklumat dalaman tersebut di antara 26 hingga 29 Oktober 2007.</p>

Jadual 6

Keputusan kes jenayah dan rayuan pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Huraian kes
			<p>Pada 24 November 2017, Mahkamah Sesyen mensabitkan kesalahan Tiong KC dan Thai KS atas semua pertuduhan.</p> <p>Tiong KC telah dijatuhi hukuman penjara 5 tahun dan denda RM10 juta (atau penjara 2 tahun) manakala Thai KS telah dijatuhi hukuman penjara 5 tahun dan denda RM5 juta (atau penjara 2 tahun).</p> <p>Tiong KC dan Thai KS telah diberi penangguhan hukuman penjara.</p> <p>Tiong KC dan Thai KS telah menfaillkan rayuan terhadap sabitan kesalahan mereka di Mahkamah Tinggi.</p>
21.	Mengemukakan pernyataan palsu kepada Bursa Malaysia Securities Bhd	Alan Rajendram Jeya Rajendram (Alan Rajendram)	<p>Alan Rajendram, bekas pengarah eksekutif Linear Corporation Bhd (Linear) telah dikenakan pertuduhan pada 9 Julai 2015 dengan satu kesalahan mengemukakan pernyataan palsu kepada Bursa Malaysia Securities Bhd di bawah seksyen 369(b) (B) CMSA. Pernyataan palsu tersebut didakwa telah dilakukan dalam satu pengumuman pada 29 Disember 2009 bahawa LCI Global Sdn Bhd, subsidiari milik penuh Linear telah menerima projek pembinaan bernilai RM1.6 bilion daripada Global Investment Group (GIG), sebuah syarikat yang diperbadankan di Seychelles, untuk reka bentuk dan pembinaan sebuah kilang penyejuk daerah dengan kapasiti 350,000 RT (refrigeration tonnes) di daerah Manjung, Perak, yang dinamakan sebagai 'King Dome Project'.</p> <p>Pada 28 Disember 2017, Mahkamah Sesyen telah membebaskan Alan Rajendram pada penghujung kes Pendakwaan.</p> <p>Pihak pendakwaan telah menfaillkan rayuan terhadap pembebasan tersebut di Mahkamah Tinggi.</p>

Tindakan penguatkuasaan sivil dan penyelesaian pengawalseliaan pada 2017

Pada 2017, SC melaksanakan tindakan penguatkuasaan sivil terhadap 20 individu kerana pelanggaran undang-undang sekuriti. Sejumlah RM8,002,486.08 telah diperolehi semula daripada

8 individu melalui penyelesaian setelah saman sivil difailkan manakala sejumlah RM891,633 telah diperolehi semula daripada 7 individu melalui penyelesaian kawal selia. Jumlah penalti sivil yang dibayar pada 2017 adalah RM3,050,000 oleh 4 individu bagi kesalahan dagangan orang dalam. Butiran lanjut dinyatakan dalam Jadual 7 dan 8.

Jadual 7
Tindakan penguatkuasaan sivil pada 2017

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
1.	Dagangan orang dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Koh Tee Jin (Koh TJ) • Koh Thiam Seong (Koh TS) • Koh Hui Sim (Koh HS) 	<p>Pada 13 Mac 2017, SC memfailkan saman sivil terhadap Koh TJ, Koh TS dan Koh HS. SC memohon, antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu pengisyiharan bahawa Koh TJ telah memaklumkan maklumat material bukan awam kepada Koh TS dan Koh HS, dan kedua-dua mereka selepas itu telah menjual saham Axis Incorporation Bhd (Axis) di antara 9 Julai 2008 and 30 Julai 2008; • Satu pengisyiharan bahawa Koh TS dan Koh HS telah terlibat dalam dagangan orang dalam berkaitan dengan saham Axis di antara 9 Julai 2008 and 30 Julai 2008; • Bayaran sebanyak RM3,546,477 daripada Koh TJ yang bersamaan dengan 3 kali jumlah RM1,182,159.00 yang merupakan perbezaan antara harga saham yang telah dijual oleh Koh TS dan Koh HS dan harga saham yang sepatutnya ketika penjualan saham itu, sekiranya maklumat material bukan awam tersebut boleh didapati secara umum; • Bayaran sebanyak RM739,389.00 dan RM2,807,088.00 masing-masing daripada Koh TS dan Koh HS yang bersamaan dengan 3 kali jumlah perbezaan antara harga saham yang telah dijual oleh Koh TS dan Koh HS dan harga saham yang sepatutnya ketika penjualan saham, sekiranya maklumat material bukan awam tersebut boleh didapati secara umum; • Penalti sivil sebanyak RM1,000,000 kerana melanggar seksyen 188(3) CMSA oleh Koh TJ; • Penalti sivil sebanyak RM1,000,000 kerana melanggar seksyen 188(2) CMSA oleh Koh TS dan Koh HS; • Ganti rugi umum dan/atau teruk dan/atau teladan • Faedah; dan • Kos.
2.	Dagangan orang dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Low Siew Moi (Low SM) • Tan Cheng Teik (Tan CT) • Hoi Main Seng (Hoi MS) • Liaw Huat Hin (Liaw HH) • Chua Keng Hong (Chua KH) 	<p>Pada 19 Mei 2017, SC memfailkan saman sivil terhadap Low SM, Tan CT, Hoi MS, Liaw HH dan Chua KH. SC memohon, antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu pengisyiharan bahawa Low SM telah melanggar seksyen 89E (3) (a) SIA; • Satu pengisyiharan bahawa Tan CT telah melanggar seksyen 89E (3) (a) dan 89E (2) (a) SIA; • Satu pengisyiharan bahawa Hoi MS, Liaw HH dan Chua KH telah melanggar seksyen 89E (2) (a) SIA; • Satu perintah bahawa Low SM membayar sejumlah RM 1,654,185.00 yang bersamaan dengan 3 kali jumlah perbezaan antara harga saham Worldwide Holdings Bhd (Worldwide) yang diperolehi oleh Tan CT, Hoi MS, Liaw HH dan Chua KH dan harga saham yang sepatutnya dia perolehi ketika pemerolehan saham itu, sekiranya maklumat material bukan awam tersebut boleh didapati secara umum;

Jadual 7

Tindakan penguatkuasaan sivil pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
			<ul style="list-style-type: none"> • Satu perintah bahawa Tan CT membayar sejumlah– <ul style="list-style-type: none"> (i) RM365,637 yang bersamaan dengan 3 kali jumlah perbezaan antara harga saham Worldwide yang diperolehi oleh Hoi MS dan Liaw HH dan harga saham yang sepautnya ketika pemerolehan saham, sekiranya maklumat material bukan awam tersebut boleh didapati secara umum; (ii) RM384,606 yang bersamaan dengan 3 kali jumlah perbezaan antara harga saham Worldwide yang diperolehi oleh Tan CT dan harga saham yang sepautnya ketika pemerolehan saham, sekiranya maklumat material bukan awam tersebut boleh didapati secara umum; • Satu perintah bahawa Hoi MS membayar sejumlah RM164,088.00 yang bersamaan dengan 3 kali jumlah perbezaan antara harga saham Worldwide yang diperolehi oleh Hoi MS dan harga yang sepautnya dia perolehi ketika pemerolehan saham, sekiranya maklumat material bukan awam tersebut boleh didapati secara umum; • Satu perintah bahawa Liaw HH membayar sejumlah RM 201,549.00 yang bersamaan dengan 3 kali jumlah perbezaan antara harga saham Worldwide yang diperolehi oleh Liaw HH dan harga saham yang sepautnya ketika pemerolehan saham, sekiranya maklumat material bukan awam tersebut boleh didapati secara umum; • Satu perintah bahawa Chua KH membayar sejumlah RM 903,942.00 yang bersamaan dengan 3 kali jumlah perbezaan antara harga saham Worldwide yang diperolehi oleh Chua KH dan harga saham yang sepautnya ketika pemerolehan saham, sekiranya maklumat material bukan awam tersebut boleh didapati secara umum; • Penalti sivil sebanyak RM1,000,000 masing-masing terhadap Low SM, Tan CT, Hoi MS, Liaw HH dan Chua KH; • Faedah; dan • Kos.
3.	Dagangan orang dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Yeow Kheng Chew (Yeow KC) • Paulene Chee Yuet Fang (Paulene CY) • Tan Yee Chee (Tan YC) 	<p>Pada 26 Julai 2017, SC memfailkan saman sivil terhadap Yeow KC, Paulene CY and Tan YC. SC memohon, antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu pengisyiharan bahawa Yeow KC telah melanggar seksyen 188(2)(a) CMSA apabila dia memperoleh 5,159,000 saham Kencana Petroleum Bhd (Kencana) di antara 2 Jun 2011 dan 8 Julai 2011 melalui akaun dagangan Paulene CY, Asia Premium Corp dan Angnew Resources Limited; • Satu pengisyiharan bahawa Paulene CY telah melanggar seksyen 188(2)(a) CMSA berkaitan dengan pemerolehan 5,159,000 saham Kencana di antara 2 Jun 2011 dan 8 Julai 2011 melalui akaun dagangannya sendiri serta akaun dagangan Asia Premium Corp dan Angnew Resources Limited;

Jadual 7
Tindakan penguatkuasaan sivil pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
			<ul style="list-style-type: none"> • Satu deklarasi bahawa Tan YC telah melanggar seksyen 188(2) (a) CMSA berkaitan dengan pemerolehan 1,159,000 saham Kencana pada 8 Julai 2011 melalui akaun dagangan Paulene CY; • Satu perintah bahawa Yeow KC dan Paulene CY setiap seorang membayar sejumlah RM2,326,980.00 yang bersamaan dengan 3 kali jumlah perbezaan antara harga saham Kencana yang diperolehi dan harga yang sepatutnya saham Kencana tersebut diperolehi ketika pemerolehan saham, sekiranya maklumat dalam berkaitan dengan cadangan penggabungan Kencana and SapuraCrest Petroleum Bhd (SapuraCrest) boleh didapati secara umum; • Satu perintah bahawa Tan YC membayar sejumlah RM452,280.00 yang bersamaan dengan 3 kali jumlah RM150,760.00 yang merupakan perbezaan antara harga saham Kencana yang diperolehi dan harga yang sepatutnya saham Kencana tersebut diperolehi ketika pemerolehan saham, sekiranya maklumat dalam berkaitan dengan cadangan penggabungan Kencana and SapuraCrest boleh didapati secara umum; • Satu perintah penalti sivil sebanyak RM1,000,000 terhadap Yeow KC, Paulene CY dan Tan YC secara berasingan; • Satu perintah bahawa Yeow KC, Paulene CY dan Tan YC dilarang daripada menjadi pengarah mana-mana syarikat awam tersenarai untuk tempoh 10 tahun; • Satu perintah bahawa Yeow KC, Paulene CY dan Tan YC dilarang terlibat dalam pengurusan mana-mana syarikat awam tersenarai untuk tempoh 10 tahun; • Faedah; dan • Kos.
4.	<ul style="list-style-type: none"> • Dagangan palsu dan transaksi penipuan pasaran • Manipulasi pasaran saham 	<ul style="list-style-type: none"> • Ng Wai Hong (Ng WH) • Lo Ga Lung (Lo GL) • Toh Pik Chai (Toh PC) • Ling Pik Ngieh (Ling PN) • Ng Soo Tian (Ng ST) • Chan Kok • Chai Shou Wei (Chai SW) 	<p>Pada 21 September 2017, SC memfailkan saman sivil terhadap 7 defendant. SC memohon, antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu pengisyiharan bahawa semua defendant telah terlibat dalam dagangan palsu dan transaksi penipuan pasaran berkaitan dengan saham APL Industries Bhd (APLI) dari 7 November 2006 hingga 9 November 2006; • Satu pengisyiharan bahawa semua defendant telah terlibat dalam manipulasi pasaran saham berkaitan dengan saham APLI dari 7 November 2006 hingga 9 November 2006; • Satu arahan bahawa semua aset dan hartaan setiap defendant dijejaki/diikuti dan seterusnya dibayar kepada SC; • Satu pengisyiharan bahawa semua keuntungan setiap defendant hasil dari dagangan palsu dan transaksi penipuan pasaran dan manipulasi pasaran saham saham APLI dipegang sebagai amanah konstruktif untuk manfaat pelabur yang terjejas; • Ganti rugi umum dan/atau teruk dan/atau teladan ke atas semua defendant; • Ganti rugi khas; • Penalti sivil sebanyak RM1,000,000 terhadap setiap defendant bagi pelanggaran seksyen 84 dan 85 SIA;

Jadual 7

Tindakan penguatkuasaan sivil pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
			<ul style="list-style-type: none">• Faedah;• Satu injunksi untuk menghalang setiap defendan sama ada secara sendiri, melalui ejen, pembantu atau dalam apa cara sekalipun, daripada berdagang di mana-mana kaunter Bursa Malaysia bagi tempoh 5 tahun;• Satu perintah bahawa setiap defendan dilarang daripada menjadi pengarah mana-mana syarikat awam tersenarai untuk tempoh 5 tahun; dan• Kos.
5.	Dagangan orang dalam	<ul style="list-style-type: none">• Lim Kok Boon (Lim KB)• Cheah Mean Har (Cheah MH)	<p>Pada 28 September 2017, SC memfailkan saman sivil terhadap Lim KB dan Cheah MH. SC memohon, antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none">• Satu pengisyiharan bahawa Lim KB telah melanggar seksyen 188 (3)(a) CMSA apabila dia memaklumkan maklumat material bukan awam kepada Cheah MH yang selepas itu telah memperoleh sejumlah 350,000 saham GW Plastics Holdings Bhd (GW Plastics) pada 25 September 2012 dan 27 September 2012;• Satu pengisyiharan bahawa Cheah MH telah melanggar seksyen 188 (2)(a) CMSA apabila dia memperoleh sejumlah 350,000 saham GW Plastics pada 25 September 2012 dan 27 September 2012;• Bayaran berjumlah RM142,500 daripada Lim KB dan Cheah MH masing-masing, yang bersamaan dengan 3 kali jumlah RM47,500.00 yang merupakan perbezaan antara harga saham diperolehi oleh Cheah MH dan harga yang sepatutnya saham tersebut diperolehi ketika pemerolehan saham, sekiranya maklumat material bukan awam tersebut boleh didapati secara umum;• Satu perintah bahawa Lim KB dilarang daripada menjadi pengarah mana-mana syarikat awam tersenarai untuk tempoh 5 tahun;• Penalti sivil sebanyak RM1,000,000 terhadap Lim KB dan Cheah MH;• Faedah; dan• Kos.

Jadual 8

Keputusan tindakan sivil yang telah diambil

Bil.	Jenis kesalahan	Defendant	Huraian	Keputusan
1.	Dagangan orang dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Yeow Kheng Chew (Yeow KC) • Paulene Chee Yuet Fang (Pauline CY) • Tan Yee Chee (Tan YC) 	<p>Pada 26 Julai 2017, SC memfailkan saman sivil terhadap Yeow KC, Paulene CY dan Tan YC.</p> <p><i>[Rujuk Jadual 7 di atas untuk butiran lanjut]</i></p>	<p>Pada 15 Ogos 2017, Mahkamah Tinggi merekodkan penghakiman persetujuan di antara SC dan tiga defendant tersebut membenarkan perintah yang dipohon oleh SC.</p> <p>Yeow KC dan Paulene CY diperintahkan untuk membayar kepada SC sejumlah RM2,326,980.00 setiap seorang manakala Tan YC diperintahkan untuk membayar RM452,280.</p> <p>Ketiga-tiga defendant juga diperintahkan untuk membayar penalti sivil RM1,000,000 setiap seorang.</p>
2.	<ul style="list-style-type: none"> • Nasihat pelaburan tidak berlesen • Penipuan pasaran • Manipulasi pasaran • Penggunaan skim penipuan dalam pembelian atau penjualan sekuriti 	<ul style="list-style-type: none"> 1. Aeneas Capital Management L.P 2. Thomas R. Grossman 3. Richard Cohen 4. John Suglia 5. Priam Holdings Ltd 6. Aeneas Evolution Portfolio Ltd 7. Aeneas Portfolio Company L.P 8. Acadian Worldwide Inc 9. Tan Mong Sing 10. Low Thiam Hock 	<p>Pada 9 April 2008, SC memfailkan saman sivil terhadap 8 defendant asing dan 2 individu rakyat Malaysia. SC memohon perintah berikut::</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu pengisyiharan bahawa semua defendant berkongspirasi untuk memanipulasi pasaran saham Iris Corporation Bhd (Iris) dan/atau harga saham Iris dan menipu pelabur; • Satu pengisyiharan bahawa semua keuntungan yang diperoleh oleh defendant dipegang sebagai amanah konstruktif untuk manfaat pelabur yang terjejas; • Perintah bahawa semua aset dan harga setiap defendant dijejaki dan diikuti dan kemudian dibayar kepada SC bagi tujuan pemberian pampasan kepada pelabur yang terjejas; • Injunksi kekal untuk menegah setiap defendant dari jual beli saham Iris; • Injunksi kekal untuk menegah setiap defendant dari berdagang dalam mana-mana kaunter Bursa Malaysia; • Ganti rugi umum dan teladan; • Faedah; dan • Kos. 	<p>Pada 16 Jun 2017 selepas perbicaraan penuh dijalankan, Mahkamah Tinggi memihak kepada SC dalam tuntutannya terhadap defendant ketiga, Richard Cohen, bekas penganalisis penyelidikan di Aeneas Capital Management L.P.</p> <p>Mahkamah Tinggi menolak tuntutan SC terhadap defendant kesembilan, Tan MS. Tuntutan balas Tan MS terhadap SC juga ditolak.</p> <p>Pada 29 Ogos 2017, Mahkamah Tinggi memihak kepada SC dalam tuntutannya terhadap defendant pertama, kedua, keempat, kelima, ketujuh dan kelapan di atas peranan mereka dalam kes manipulasi yang sama.</p> <p>Terdahulu SC telah menarik balik tuntutannya terhadap defendant keenam dan kesepuluh.</p>

Jadual 8

Keputusan tindakan sivil yang telah diambil (sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Defendant	Huraian	Keputusan
3.	Dagangan orang dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Koh Tee Jin (Koh TJ) • Koh Thiam Seong (Koh TS) • Koh Hui Sim (Koh HS) 	<p>Pada 13 Mac 2017, SC memfailkan saman sivil terhadap Koh TJ, Koh TS and Koh HS.</p> <p><i>[Rujuk Jadual 7 di atas untuk butiran lanjut]</i></p>	<p>Pada 6 Oktober 2017, SC mendapat penghakiman daripada Mahkamah Tinggi terhadap Koh TJ, Koh TS and Koh HS bagi kesalahan dagangan orang dalam untuk saham Axis.</p> <p>Berikutan dari penghakiman kerana keingaran untuk hadir, Koh TJ telah diperintahkan oleh mahkamah untuk membayar kepada SC sebanyak 3 kali kerugian yang dihindari oleh Koh TS and Koh HS berjumlah RM3,546,477.</p> <p>Koh TS dan Koh HS masing-masing diperintahkan untuk membayar kepada SC RM739,389.00 dan RM2,807,088.00, yang bersamaan dengan 3 kali jumlah kerugian yang setiap setiap seorang dari mereka hindari dari perbezaan harga saham Axis yang dijual berbanding harga yang sepatutnya sekiranya maklumat material bukan awam tersedia secara umum.</p> <p>Koh TJ, Koh TS and Koh HS juga diperintahkan untuk membayar kepada SC penalti sivil sebanyak RM1,000,000 setiap seorang, dengan kos dan faedah.</p> <p>Mereka juga dilarang daripada menjadi pengarah mana-mana syarikat awam tersenarai untuk tempoh lima tahun.</p>
4.	Dagangan orang dalam	Lim Chiew	<p>Pada 8 Disember 2005, SC memfailkan saman sivil terhadap Lim Chiew, bekas pengarah eksekutif bukan bebas Magnum Corporation Bhd bagi kesalahan dagangan orang dalam saham Bolton Bhd pada 12 Julai 1999.</p> <p>Antara lain, SC memohon:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran sejumlah RM1,242,061.08 yang bersamaan dengan 3 kali jumlah RM414,020.36, yang merupakan keuntungan yang dia peroleh hasil dari pelanggaran tersebut; • Penalti sivil berjumlah RM500,000; • Faedah; dan • Kos. 	<p>Pada 28 September 2017 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengisyitiharkan SC telah Berjaya membuktikan tuntutannya terhadap Lim Chiew. Mahkamah Tinggi memerintahkan Lim Chiew untuk membayar sejumlah RM1,242,061.08 yang dituntut oleh SC dan penalti sivil berjumlah RM50,000.</p> <p>Pada 10 Oktober 2017, Lim Chiew memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi.</p>

Jadual 8

Keputusan tindakan sivil yang telah diambil (sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Defendant	Huraian	Keputusan
5.	Dagangan orang dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Low Siew Moi (Low SM) • Tan Cheng Teik (Tan CT) • Hoi Main Seng (Hoi MS) • Liaw Huat Hin (Liaw HH) • Chua Keng Hong (Chua KH) 	<p>Pada 19 Mei 2017, SC memfailkan saman sivil terhadap Low SM, Tan CT, Hoi MS, Liaw HH and Chua KH.</p> <p><i>[Rujuk Jadual 7 di atas untuk butiran lanjut]</i></p>	<p>Lanjutan daripada pemfailan saman sivil tersebut, individu-individu berikut telah mencapai penyelesaian dengan SC apabila mereka bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti, untuk menyelesaikan tuntutan yang dibuat oleh SC terhadap mereka:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Liaw HH bagi sejumlah RM201,549.00 pada 22 Ogos 2017; • Chua KH bagi sejumlah RM903,942.00 pada 13 September 2017; • Hoi MS bagi sejumlah RM164,088.00 pada 13 September 2017; dan • Tan CT bagi sejumlah RM384,606.00 pada 10 Oktober 2017
6.	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan kaedah manipulasi dan penipuan • Menyebabkan kerugian yang salah kepada syarikat tersenarai 	Datin Chan Chui Mei (Datin Chang CM)	<p>Pada 26 September 2016, SC memfailkan saman sivil terhadap Datin Chan CM. SC memohon, antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu pengisyiharan bahawa Datin Chan CM telah melanggar seksyen 179 dan 317A CMSA; • Satu perintah bahawa Datin Chan CM mengembalikan wang kepada orang-orang yang terjejas dengan pelanggaran tersebut; • Satu perintah bahawa Datin Chan CM membayar kepada SC sejumlah RM11.54 juta, dipegang sebagai amanah untuk Stone Master Corporation Bhd; • Satu perintah bahawa Datin Chan CM dilarang daripada menjadi pengarah mana-mana syarikat awam tersenarai untuk tempoh lima tahun; • Penalty sivil berjumlah RM1 juta bagi pelanggaran tersebut; • Faedah; dan • Kos 	<p>Pada 27 Mac 2017, SC memperoleh perintah interim daripada Mahkamah Tinggi untuk menghalang Datin Chan CM daripada berurusan dengan wang di dalam akaun banknya pada jumlah sehingga RM11.54 juta sehingga saman diselesaikan.</p> <p>Mahkamah juga membenarkan penangguhan pelaksanaan sementara rayuan Datin Chan CM di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak permohonannya untuk membatalkan saman SC terhadapnya.</p> <p>Sementara perbicaraan didengar di Mahkamah Rayuan, Datin Chan CM memfailkan satu permohonan di Mahkamah Rayuan untuk mengekalkan perintah interim tersebut.</p> <p>Mahkamah Rayuan, 31 Oktober 2017 menolak permohonan beliau.</p>

**Penyata,
Statistik dan Aktiviti**

Jadual 9

Penyelesaian kawal selia pada 2017

Bil.	Jenis kesalahan	Pihak yang terlibat	Fakta ringkas kes
1.	Dagangan orang dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Yeoh Soo Ann (Yeoh SA) • Chua Choon Chai (Chua CC) 	<p>Pada 11 Mei 2017, Yeoh SA mencapai penyelesaian dengan SC bagi jumlah RM78,000.00 apabila beliau bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atasnya kerana memaklumkan maklumat dalaman yang bercanggah dengan seksyen 188(3) CMSA kepada Chua CC, yang telah berdagang dalam saham GW Plastics Holding Bhd (GW Plastics) di antara 25 September 2012 dan 28 September 2012.</p> <p>Maklumat dalaman tersebut adalah berkaitan dengan perjanjian penjualan saham di antara GW Plastics dan Scientex Packaging Film Sdn Bhd (Scientex Packaging), subsidiari milik penuh Scientex Bhd (Scientex) iaitu penjualan 100% kepentingan ekuiti GW Plastics dalam Great Wall Plastic Industries Bhd (GWPI), dan GW Packaging Sdn Bhd (GW Packaging) kepada Scientex Packaging bagi jumlah pertimbangan tunai sebanyak RM283.20 juta (Cadangan Penjualan) dan cadangan pengagihan terima tunai daripada Cadangan Penjualan tersebut kepada semua pemegang saham GW Plastics (Cadangan Pengagihan), yang telah diumumkan pada 3 Oktober 2012.</p> <p>Yeoh SA, pada waktu kejadian merupakan seorang pengarah bukan eksekutif bukan bebas GW Plastics.</p> <p>Pada 1 Jun 2017, Chua CC juga mencapai penyelesaian dengan SC bagi jumlah RM78,000.00 apabila beliau bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atasnya bagi kesalahan dagangan orang dalam saham GW Plastics, yang bercanggah dengan seksyen 188(2) CMSA.</p> <p>Penyelesaian tersebut dicapai berikutan dari surat tuntutan yang dihantar oleh SC menurut kuasa penguatkuasaan sivil di bawah undang-undang sekuriti, di mana jumlah yang perlu dikembalikan oleh Yeoh SA dan Chua CC adalah bersamaan dengan 3 kali perbezaan harga saham yang diperoleh oleh Chua CC dan harga saham yang sepatutnya ketika pemerolehan, sekiranya maklumat tersedia secara umum. Wang yang diperolehi semula akan digunakan menurut seksyen 201(7) CMSA.</p>
2.	Dagangan orang dalam	Lee Tian Wah @ Lim Siew Wah (Lee TW)	<p>Pada 30 Jun 2017, Lee TW mencapai penyelesaian dengan SC berjumlah RM215,890.00 apabila beliau bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atasnya kerana kesalahan dagangan orang dalam bagi saham APL Industries Bhd (APLI) pada 30 dan 31 Oktober 2007 melalui akaun miliknya dan milik isterinya, Lai Moi, yang bercanggah dengan seksyen 188(2) CMSA.</p> <p>Maklumat dalaman tersebut berkaitan dengan pelarasan audit yang dicadangkan oleh juruaudit APLI yang akan menyebabkan APLI melaporkan kerugian yang lebih tinggi bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2007 berbanding dengan keputusan sukuan keempat tidak beraudit bagi tahun kewangan yang sama yang telah dilaporkan sebelum itu dan APLI akan diklasifikasikan sebagai penerbit terjejas menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Bhd dan Nota Amalan 17/2005 yang telah diumumkan pada 31 Oktober 2007.</p>

Jadual 9

Penyelesaian kawal selia pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pihak yang terlibat	Fakta ringkas kes
3.	Dagangan orang dalam	Lim Lee Kuan (Lim LK)	<p>Pada 30 Jun 2017, Lim LK mencapai penyelesaian dengan SC berjumlah RM323,835.00 apabila beliau bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atasnya kerana memaklumkan maklumat dalaman yang bercanggah dengan seksyen 188(3) CMSA kepada bapanya, Lee TW yang kemudian berdagang dalam saham APL Industries Bhd (APL) pada 30 dan 31 Oktober 2007 melalui akaun miliknya dan milik isterinya, Lai Moi.</p> <p>Maklumat dalaman tersebut adalah berkaitan dengan pelarasan audit yang dicadangkan oleh juruaudit APLI yang akan menyebabkan APLI melaporkan kerugian yang lebih tinggi bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2007 berbanding dengan keputusan sukuan keempat tidak beraudit bagi tahun kewangan yang sama yang telah dilaporkan sebelum itu dan APLI akan diklasifikasikan sebagai penerbit terjejas menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Bhd dan Nota Amalan 17/2005 yang telah diumumkan pada 31.10.2007. Pada waktu kejadian, Lim LK merupakan setiausaha syarikat APLI.</p> <p>Penyelesaian tersebut dicapai berikutan dari surat tuntutan yang dihantar oleh SC menurut kuasa penguatkuasaan sivil di bawah undang-undang sekuriti, di mana jumlah yang perlu dikembalikan oleh Lim LK adalah bersamaan dengan 3 kali perbezaan harga saham yang dijual oleh Lee TW dan harga saham yang sepatutnya ketika penjualan, sekiranya maklumat tersedia secara umum. Wang yang diperolehi semula akan digunakan menurut seksyen 201(7) CMSA.</p>
4.	Dagangan orang dalam	Soon Leh Hong (Soon LH)	<p>Pada 21 Ogos 2017 2017, Soon LH mencapai penyelesaian dengan SC berjumlah RM41,744.00 apabila beliau bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atasnya kerana memaklumkan maklumat dalaman yang bercanggah dengan seksyen 188(3) CMSA kepada abangnya, Soon Koon Cheng.</p> <p>Maklumat dalaman tersebut adalah berkaitan dengan M3nergy Bhd's (M3nergy) menerima Notis Tawaran Pengambilalihan Sukarela Bersyarat daripada Melewar Equities (BVI) Ltd yang telah diumumkan kepada Bursa Malaysia pada 12 September 2008. Soon KC telah memperoleh 80,000 unit saham M3nergy dalam akaunnya sendiri pada tarikh yang sama sebelum pengumuman tersebut. Pada masa kejadian, Soon LH merupakan ketua pegawai kewangan kumpulan Melewar Industrial Group Bhd.</p> <p>Penyelesaian tersebut dicapai berikutan dari surat tuntutan yang dihantar oleh SC menurut kuasa penguatkuasaan sivil di bawah undang-undang sekuriti. Jumlah yang diperolehi semula daripada Soon LH adalah bersamaan dengan 2 kali perbezaan harga saham diperoleh oleh Soon KC dan harga saham yang sepatutnya ketika pemerolehan, sekiranya maklumat tersedia secara umum. Wang yang diperolehi semula akan digunakan menurut seksyen 201(7) CMSA.</p>

Jadual 9

Penyelesaian kawal selia pada 2017 (sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pihak yang terlibat	Fakta ringkas kes
5.	Dagangan orang dalam	Soon Koon Cheng (Soon KC)	<p>Pada 21 Ogos 2017 2017, Soon KC mencapai penyelesaian dengan SC berjumlah RM41,744.00 apabila beliau bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atasnya kerana memperoleh saham M3nergy Bhd (M3nergy) ketika memiliki maklumat dalaman yang bercanggah dengan seksyen 188(3) CMSA.</p> <p>Maklumat dalaman tersebut adalah berkaitan dengan M3nergy Bhd's (M3nergy) menerima Notis Tawaran Pengambilalihan Sukarela Bersyarat daripada Melewar Equities (BVI) Ltd yang telah diumumkan kepada Bursa Malaysia pada 12 September 2008. Soon KC telah memperoleh 80,000 unit saham M3nergy dalam akaunnya sendiri pada 12 September 2008 sebelum pengumuman tersebut.</p> <p>Penyelesaian tersebut dicapai berikutan dari surat tuntutan yang dihantar oleh SC menurut kuasa penguatkuasaan sivil di bawah undang-undang sekuriti. Jumlah yang diperolehi semula daripada Soon KC adalah bersamaan dengan 2 kali perbezaan harga saham diperoleh dan harga saham yang sepatutnya ketika pemerolehan, sekiranya maklumat tersedia secara umum. Wang yang diperolehi semula akan digunakan menurut seksyen 201(7) CMSA.</p>
6.	Dagangan orang dalam	Tan Shao Wei (Tan SW)	<p>Pada 19 Disember 2017, Tan SW mencapai penyelesaian dengan SC berjumlah RM112,420 apabila beliau bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atasnya kerana menyampaikan maklumat dalaman yang bercanggah dengan seksyen 188(3) CMSA kepada suami, Tom Tan Chee Kwong (Tom) dan abangnya, Tan Eng Kean (Tan), yang mana kedua-duanya kemudian memperoleh masing-masing sebanyak 4,000 dan 5,000 unit saham PacificMas Bhd (PacMas) pada 4 January 2008.</p> <p>Maklumat dalaman tersebut adalah berkaitan dengan tawaran pengambilalihan bersyarat yang dicadangkan oleh OSPL Holdings Sdn Bhd (OSPL) bagi memperoleh saham mengundi dalam PacMas yang belum dipunyai oleh OSPL yang diumumkan pada 4 Januari 2008. Ketika itu, Tan SW merupakan kakitangan CIMB Investment Bank Bhd.</p> <p>Penyelesaian tersebut dicapai susulan surat tuntutan yang dihantar oleh SC menurut kuasa penguatkuasaan sivil di bawah undang-undang sekuriti. Jumlah sebanyak RM112,420 adalah bersamaan dengan 3 kali ganda perbezaan harga saham diperoleh oleh Tom dan Tan dan harga saham yang sepatutnya ketika pembelian, sekiranya maklumat itu tersedia secara umum. Penalti sivil sebanyak RM100,000 dikenakan oleh SC. Wang yang diperolehi semula akan digunakan menurut seksyen 201(7) CMSA.</p>

Inisiatif Pendidikan Pelabur

Pesta BijakLabur 2017

BijakLabur®

13–15 Oktober 2017
Kuala Lumpur Pusat
Konvensyen, Kuala
Lumpur

19,482
Pelawat-pelawat
66
Gerai pameran

Huraian

Pada 2017, acara pelabur runcit tahunan SC, InvestSmart® Fest telah dianjurkan untuk kali keempat. Pempamer yang mengambil bahagian terdiri daripada pelbagai pengatara, persatuan, institusi dan agensi kerajaan, dengan satu tujuan iaitu untuk meningkatkan kesedaran mengenai pasaran modal, bagaimana melabur dengan bijak dan kepentingan melabur untuk masa depan. Seminar dan ceramah juga dianjurkan sepanjang acara 3 hari tersebut dan mendapat sambutan hangat dari pengunjung. Tahun ini kami menambah 2 acara sepanjang InvestSmart® Fest iaitu kaunter perkhidmatan finplan4u di mana peserta ditawarkan penilaian awal status kewangan mereka secara percuma dan Larian ScamBuster 2017 pada hari ketiga InvestSmart® Fest.



Hari BijakLabur®

Mei

13 Mei 2017
Pulau Pinang
569
Peserta

8
Pempamer

20 Mei 2017
Ipoh, Perak
530
Peserta

13
Pempamer



**Penyata,
Statistik dan Aktiviti**

Julai

8 Julai 2017 Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur	616 Peserta 15 Pempamer
15 Julai 2017 Kuching, Sarawak	655 Peserta 6 Pempamer
16 Julai 2017 Kuching, Sarawak	281 Peserta 7 Pempamer
22 Julai 2017 Johor Bahru, Johor	426 Peserta 9 Pempamer



Ogos

5 Ogos 2017 Kuala Lumpur	566 Peserta 10 Pempamer
11 Ogos 2017 Penang	170 Peserta 7 Pempamer
12 Ogos 2017 Penang	497 Peserta 11 Pempamer
18 Ogos 2017 Ipoh, Perak	200 Peserta 5 Pempamer
19 Ogos 2017 Ipoh, Perak	380 Peserta 7 Pempamer

Huraian

Lanjutan dari kejayaan acara tahunan utama kami, Investsmart® Fest 2017, SC mula menganjurkan Hari BijakLabur® di beberapa bandar utama di seluruh negara.

Pengunjung Hari BijakLabur® akan memperoleh manfaat dari ceramah yang dikendalikan oleh pakar serta mengunjungi gerai pameran mini yang dibuka oleh pengantara dan rakan sekutu SC, seperti Pentadbir Pencen Swasta (PPA).

Acara Usahasama

BijakLabur® @ Karnival Kewangan Kuala Lumpur

13-15 Januari 2017
PWTC, Kuala Lumpur

20,000
Peserta
1,052
Kaji selidik



Karnival Kewangan Sabah

4-6 Ogos 2017
Kota Kinabalu, Sabah

28,100
Peserta
475
Kaji selidik

Karnival Kewangan Sarawak

24-26 November 2017
Kuching, Sarawak

25,213
Peserta
277
Kaji selidik

Huraian

Karnival Kewangan yang dianjurkan oleh BNM selama 3 hari menghimpunkan institusi kewangan termasuk penyedia perkhidmatan insurans dan perbankan. Sasaran peserta acara ini adalah orang awam. SC mengambil bahagian sebagai pempamer di acara ini; untuk memberi kesedaran mengenai organisasi, jenama BijakLabur® dan pasaran modal Malaysia.

Pasukan BijakLabur® mendekati orang ramai dan mengedarkan kolateral, kit pemula dan beraneka risalah mengenai pasaran modal. Maklumbalas mengenai pengalaman pelaburan orang ramai juga dikumpul bagi tujuan analisis tingkah laku.

Hari Terbuka Kementerian Kewangan

30 Mac 2017
Putrajaya

2,000
Peserta
475
Kaji selidik

Huraian

Sebuah platform bagi orang ramai untuk mendapatkan pendedahan dan pemahaman mengenai kedudukan ekonomi negara. Pasukan BijakLabur® membuka gerai pameran untuk mendekati masyarakat dan menyediakan sesi perkongsian pengetahuan berkaitan pasaran modal.

Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM)

20-28 April 2017
Temerloh, Pahang

215,000
Peserta
524
Kaji selidik

Huraian

Merupakan acara tahunan utama Permodalan Nasional Berhad yang dianjurkan dengan objektif untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan pelaburannya; dan mendidik orang ramai mengenai kepentingan melakukan pelaburan.

Seperti tahun-tahun terdahulu, SC mengambil bahagian dengan membuka gerai untuk menyebarkan kesedaran mengenai pasaran modal Malaysia di samping meningkatkan kesedaran mengenai hak dan tanggungjawab pelabur. Kami juga mengambil bahagian dalam ceramah yang dianjurkan sepanjang satu minggu acara berlangsung.

Penyata, Statistik dan Aktiviti

BijakLabur® @ MITI

6 Mei 2017
Ipoh, Perak

1,000
Peserta

Huraian

Bersempena dengan Hari Kementerian Perdagangan & Industri Antarabangsa (MITI), pasukan BijakLabur® menganjurkan sesi perkongsian pengetahuan dan pertemuan dengan pengunjung SC, jenama BijakLabur® dan pasaran modal Malaysia.

Acara Majlis Perancangan Kewangan Malaysia

9 Mei 2017
Universiti Malaysia
Terengganu,
Terengganu

120
Peserta

Huraian

Pasukan BijakLabur® menjalankan pertemuan langsung, kaji selidik dan mengedarkan kolateral. Sesi perkongsian pengetahuan dengan pelajar universiti turut dijalankan pada Hari MFPC @ Universiti. Acara ini diperakui oleh BijakLabur® dan disokong oleh SC.



SC bersama masyarakat

9 Disember 2017
Bukit Damansara,
Kuala Lumpur

500
Peserta

BijakLabur® @ Dataran Merdeka untuk Ekspo Negaraku

10 Disember 2017
Dataran Merdeka,
Kuala Lumpur

500
Peserta

Huraian

Satu inisiatif untuk mendekati orang ramai melalui pertemuan langsung. Di kedua-dua lokasi yang dinyatakan di atas, Pasukan BijakLabur® kami mendekati orang ramai dan mengedarkan kolateral dan fribis. Pasukan BijakLabur® turut mengajukan soalan-soalan mudah untuk menguji kesedaran orang ramai terhadap SC, jenama BijakLabur® dan kerentanan mereka terhadap skim penipuan.



Kempen Kesedaran Anti Skim Penipuan

Video T.I.P.U

28 September –
11 Oktober 2017
Ditayangkan di bandar-bandar utama seluruh negara

15
panggung wayang TGV
135
dewan panggung wayang
9,880
tayangan video

Huraian

Hebahan khidmat awam sepanjang 30 saat ini telah disiarkan di panggung wayang untuk meningkatkan kesedaran tentang bagaimana penganjur skim penipuan menjalankan kegiatan mereka dan memaklumkan kepada orang ramai di mana mereka boleh mendapatkan maklumat lanjut atau bantuan apabila menghadapai keraguan.



Larian ScamBuster 2017

15 Oktober 2017
Kuala Lumpur City Centre

3,033
pendaftaran
RM100,849
berjaya dikumpul
untuk disumbangkan
kepada National
Kidney Foundation

Huraian

Bersempena dengan InvestSmart® Fest 2017, pasukan BijakLabur® menganjurkan Larian Amal sepanjang 5km buat julung kalinya. Larian tersebut dianjurkan untuk memberi kesedaran di kalangan rakyat Malaysia mengenai meningkatkan skim pelaburan haram dan seterusnya membentuk kerentenan terhadap skim penipuan di kalangan pelabur.

Sebanyak RM100,849 telah berjaya dikumpul dari larian amal tersebut dan disumbangkan kepada National Kidney Foundation untuk pembelian dua buah mesin dialisis.

Seminar

- Sebanyak 51 seminar telah dianjurkan, dihadiri oleh 7,214 peserta:
 - 1,555 peserta menghadiri 10 sesi Seminar Unit Amanah BijakLabur®, termasuk seminar mengenai PRS.
 - 28 Seminar Pasaran Saham BijakLabur® telah dihadiri oleh 3,555 peserta.
 - 5 Seminar B.M.W BijakLabur® telah dianjurkan untuk 516 peserta.
 - 3 sesi Seminar Cash@Campus BijakLabur® telah dimanfaati oleh 542 pelajar universiti.
 - 1 sesi Program Kids & Cash BijakLabur® telah dimanfaati oleh 56 murid sekolah rendah.
 - 4 sesi Program Teens & Cash BijakLabur® telah dimanfaati oleh 990 murid sekolah menengah.

Saluran Digital

- Laman sesawang BijakLabur®: Purata kadar kunjungan bulanan adalah 4.9 juta.
- Halaman Facebook BijakLabur® telah mengumpul 61,000 pengikut dan hampir 70,000 likes.
- Instagram BijakLabur®: Purata capaian 3.77 juta pengikut per paparan. Jumlah keseluruhan capaian adalah 11.3 juta.
- Penstriman langsung Facebook pada 5 Oktober 2017, jam 1 petang bagi satu sesi panel bertajuk “Finplan4U– A Step Towards Financial Health and Wellness” yang membincarakan mengenai kepentingan perancangan kewangan. Ahli panel terdiri daripada Malek Ali dari BFM 89.9 dan 3 ahli panel yang lain dari SC, wakil persatuan dan perancang kewangan.

Media dan Siaran

- Artikel Media: 23 rencana telah dipaparkan di laman sesawang BijakLabur®, 72 keratan media bagi liputan untuk InvestSmart® Fest 2017 dan 4 keratan media untuk Minggu Pelabur Dunia.
- Pada 2017, pendekatan bersepadu bagi pengiklanan dan hubungan media telah digunakan untuk InvestSmart® Fest 2017.
- BFM 89.9 – “Bukan Free Money” merupakan edumercial untuk membantu pelabur mengenalpasti dan menghindari skim penipuan. Program ini ke udara selama 3 minggu dalam bulan Mei 2017.
- BFM 89.9 – “Siri BijakLabur®” episod mingguan selama 3 minit telah disiarkan dari pertengahan Ogos hingga awal Disember 2017 mengenai pelbagai topik berkaitan pasaran modal. Pakar penceramah telah diundang bersiaran untuk berkongsi pandangan dan menggalakkan penyertaan orang ramai dalam pasaran modal serta memberi penjelasan mengenai produk pasaran modal.


Aduan dan Pertanyaan

Bagi tempoh berakhir 31 Disember 2017, SC telah menerima sebanyak 444 aduan dan 626 pertanyaan.


Jadual 1

	2017	2016	2015
Aduan	444	433	349
Pertanyaan	626	609	446
JUMLAH	1,070	1,042	795

Carta 1
Kategori aduan yang diterima



Carta 2
Kategori pertanyaan



Penerbitan

AKTA, GARIS PANDUAN DAN KOD

Guidelines on Unlisted Capital Market Products under the Lodge and Launch Framework
Disemak semula | 16 Januari 2017

Prospectus Guidelines
Disemak semula | 19 Januari 2017)

Asset Valuation Guidelines
Disemak semula | 19 Januari 2017

Equity Guidelines
Disemak semula | 19 Januari 2017

Guidelines on Financial Markets Infrastructures
Diterbitkan | 23 Mac 2017

Guidelines on Regulated Short-Selling of Corporate Bonds
Diterbitkan/Tarikh kuat kuasa | 13 April 2017

Guidelines on Unit Trust Funds
Disemak semula | 24 Mei 2017

Guidelines for the Offering, Marketing and Distribution of Foreign Funds
Disemak semula | 4 Mei 2017

Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies
Disemak semula | 9 Mei 2017

Licensing Handbook
Disemak semula | 23 Jun 2017

Guidelines on Marketing Representative
Disemak semula | 23 Jun 2017

Guidelines on Marketing and Distribution of Unit Trust Funds
Dikemas kini
Disemak semula | 13 Julai
Kuat kuasa: | 1Ogos

Penyata, Statistik dan Aktiviti

Guidelines on Online Transactions and Activities in relation to Unit Trusts

Disemak semula | 13 Julai
Kuat kuasa | 1 Ogos

Guidelines on Private Retirement Scheme
Disemak semula | 13 Julai
Kuat kuasa | 1 Ogos

Guidelines on Issuance of Corporate Bonds and Sukuk to Retail Investors
Disemak semula | 8 November 2017

Guidelines on Unlisted Capital Market Products under the Lodge and Launch Framework
Disemak semula | 8 November 2017

Prospectus Guidelines
Disemak semula | 30 November 2017

Rules on Take-Overs, Mergers and Compulsory Acquisitions
Disemak semula | 5 Disember 2017

Guidelines on Sustainable and Responsible Investment Funds
Diterbitkan | 19 Disember 2017

BUKU, LAPORAN DAN KERTAS PERUNDINGAN

Proceedings of the SC-OCIS Roundtable 2016
Diterbitkan | Mac 2017

Islamic Fund and Wealth Management Blueprint
Diterbitkan | 12 Januari 2017

Securities Commission Annual Report 2016/ Laporan Tahunan 2016 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Diterbitkan | 9 Mac 2017

Malaysian Code on Corporate Governance (Versi Bahasa Malaysia dan Mandarin pada Julai 2017)
Diterbitkan | 26 April 2017

ASEAN Green Bond Standards
Diterbitkan | 8 November 2017

Response Paper – Regulatory Framework for Cyber Security Resilience

Diterbitkan | 19 Januari 2017

Consultation Paper – Enhanced Framework for Principal Advisers

Diterbitkan | 6 Mac 2017

World Capital Markets Symposium 2015 – Markets and Technology: Driving Future Growth Through Innovation

Diterbitkan | September 2017

LAMAN-LAMAN SESAWANG

www.sc.com.my

www.investsmart.my

www.worldcapitalmarketsymposium.org

www.theroyalaward.com

BUKU KECIL, BULETIN DAN RISALAH

The Reporter

Diterbitkan | April – Oktober 2017
September 2016 – Mac 2017

Malaysian ICM

Diterbitkan | Mei dan September 2017

List of Shariah-Compliant Securities by the Shariah Advisory Council of the Securities Commission

Malaysia Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Diterbitkan | 26 Mei dan 24 November 2017

Resolutions of the Shariah Advisory Council of the Securities Commission Malaysia 2017 / Keputusan Majlis Penasihat Shariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2017

Diterbitkan | 29 Disember 2017

2017 Sekilas Pandang

Januari

- 12** Sesi dialog tertutup bersama pakar kanan industri antarabangsa dari institusi pengurusan dana dan pelaburan global dihoskan oleh SC
- 12** Rangka Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam dilancarkan
- 19** SC perkenal rangka kerja baharu bagi penyenaraian syarikat mineral, minyak dan gas



Februari

- 13** Lawatan dari Mandiri Manajemen Investasi Indonesia ke SC
- 14** Dialog SC bersama Pentadbir Pencen Swasta (PPA)
- 21** Bengkel Pemeriksaan AARG ke-5 & Perasmian Bengkel Kerjasama dengan Bank Dunia



Mac

- 6** SC cadang pindaan untuk pertingkat rangka kerja bagi penasihat utama
- 9** *Laporan Tahunan SC 2016* diterbitkan
- 13** Forum Pasaran Modal ASEAN bekerjasama dengan Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa Perkenal Piawaian Bon Hijau ASEAN
- 14** Perdana Menteri merasmikan Hab Asia Pasifik IOSCO pertama di Malaysia
- 15** Mahkamah Persekutuan sahkan undang-undang SC adalah menurut perlembagaan dalam keputusan kes penting
- 20** SC fail saman civil terhadap tiga individu atas kesalahan dagangan orang dalam
- 23-25** Perbincangan Meja Bulat SC-OCIS 2017 di UK



April	<p>6-7 SC menghoskan Sesi Pelaporan Bersepadu Institut Akauntan Malaysia bersama Pelabur dan PLC serta Sesi bersama Pihak Berkepentingan</p> <p>13 SC benarkan jualan singkat terkawal bagi bon korporat untuk tingkat kecairan pasaran bon</p>	<p>26 SC umum <i>Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia</i> baharu bagi mengukuhkan budaya korporat</p>
		
Mei	<p>8 SC dan Bank Dunia bincang peranan lebih besar kewangan infrastruktur Islam</p> <p>9 SC perkenal rangka kerja kawal selia untuk memudahkan cara perkhidmatan Pengurusan Pelaburan Digital</p> <p>17 Bekas Pengarah Eksekutif Megan Media dijatuhi hukuman penjara 18 bulan kerana kemuka maklumat palsu</p>	<p>25 Skim Penyelidikan MidS untuk rangsang kerancakan PLC bermodal kecil dan sederhana, tingkatkan minat pelabur</p> <p>25 SC saman tujuh individu kerana dagangan orang dalam</p>
		
Jun	<p>23 SC perkenal penjelasan sebagai aktiviti dikawal selia yang baharu</p> <p>27 SC dan ASIC tandatangi perjanjian kerjasama inovasi untuk tubuh Jalinan Fintech</p>	

Julai

- 5** SC kenakan pertuduhan terhadap dua individu kerana aktiviti tidak berlesen
- 10** Bekas Pengarah Eksekutif Axis dipenjara kerana kemuka kenyataan palsu
- 20** Rumah Terbuka Hari Raya SC bersama kakitangan dan industri
- 23** Sukuk hijau pertama Malaysia di bawah Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab SC

- 31** SC kenakan celaan ke atas syarikat berpengkalan di China, halang seumur hidup dua warga HK



Ogos

- 15-17** Dialog Industri SC 2016
- 22** Majlis Anugerah Biasiswa SC 2017 untuk 7 pelajar
- 29** Mahkamah memihak kepada SC dalam kes manipulasi Iris



September

- 7** Kenyataan media tentang tawaran syiling awal (ICO)
- 11** SC umum pelantikan pengurusan kana
- 27** SC saman tujuh individu kerana manipulasi pasaran, mohon pengembalian wang dan penalti sivil sebanyak RM7 juta

- 29** SC berjaya dalam kes dagangan orang dalam terhadap Bekas Pengarah Magnum Corporation Bhd



Oktober

- 3** SC dan ISRA terbit buku teks '*Sukuk: Principles and Practices*'
- 3** SC saman dua individu kerana dagangan orang dalam saham GW Plastics
- 19** Pesta Bijaklabur® 2017 dan perasmian Larian 'Scambuster' bagi meningkatkan kesedaran terhadap penipuan



November

- 2** AOB denda juruaudit RM75,000 kerana ketidakpatuhan terhadap piawaian pengauditan antarabangsa
- 6** Persidangan Kewangan Digital SCxSC 2017; Dana pelaburan bersama
- 8** Para pengawal selia pasaran modal lancar *Piawaian Bon Hijau ASEAN* bagi memacu pelaburan mampan
- 24** Bekas CEO APL Industries Bhd dan bekas remisier didenda dan dipenjara lima tahun kerana dagangan orang dalam
- 27** Mahkamah putusan untuk memihak kepada SC dalam kes dagangan orang dalam Axis
- 30** SC keluar *Prospectus Guidelines* yang dipertingkat



Disember

- 4** SC kenakan celaan dan denda lima pengarah Trive Property Group Bhd kerana kemuka kenyataan palsu
- 9** SC anjur 'Treasure Hunt' Kementerian Kewangan 2017
- 19** SC keluar garis panduan baharu mengenai dana SRI, *Guidelines on Sustainable and Responsible Investment Funds*
- 21** SC buka Makmal Inovasi aFINity bagi sistem dagangan alternatif



Akronim dan Singkatan

ACMF	Forum Pasaran Modal ASEAN
AICP	Panel Perundingan Industri ACMF
AML/CFT/PF	Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan/ Percambahan Pembiayaan
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
AUM	Aset bawah pengurusan
BCM	Pengurusan perniagaan berterusan
BIX	Pertukaran Maklumat Bon+Sukuk
BMSC	Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd
BMDC	Bursa Malaysia Derivatives Clearing Bhd
BNM	Bank Negara Malaysia
BoE	Bank of England
Bursa Malaysia	Bursa Malaysia Securities Bhd
CCP	Pihak lain berpusat
CEF	Dana tertutup
CERT	Pasukan Respons Kecemasan Komputer
CIS	Skim pelaburan kolektif
CMCF	Dana Pembangunan Pasaran Modal
CMM	Pasaran Modal Malaysia
CMSA	<i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007</i>
CMSL	Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
CMSRL	Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
CSRC	Suruhanjaya Pengawal Selia Sekuriti China
DDoS	Halangan perkhidmatan teragih
DIM	Pengurus Pelaburan Digital
ECB	Bank Pusat Eropah
ECF	Pendanaan ekuiti ramai
ESG	Alam sekitar, sosial dan tadbir urus
ETF	Dana dagangan bursa
FBMKLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
Fed AS	Rizab Persekutuan AS
FEN	Rangkaian Pendidikan Kewangan
FIMM	Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
FinTech	Teknologi Kewangan
FMC	Syarikat Pengurusan Dana
FMI	Infrastruktur Pasaran Kewangan
FPAM	Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia
FSB	Lembaga Kestabilan Kewangan
FSSG	Kumpulan Pemantauan Penyata Kewangan
GBP	<i>Prinsip Bon Hijau</i>
GBS	<i>Piawaian Bon Hijau</i>

GEM	Pasaran Pertumbuhan dan Pesat Membangun
GLIC	Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan
ICDM	Institut Pengarah Korporat Malaysia
ICM	Pasaran Modal Islam
ICMA	Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa
ICMGTS	Skim Latihan Graduan Pasaran Modal Islam
ICMR	Institut Penyelidikan Pasaran Modal
ICO	Tawaran syiling awal
IFWM	Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IOSCO	Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti
IPO	Tawaran awam awal
ISRA	International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LEAP	Platform Pemecut Usahawan Utama
LOLA Framework	Rangka Kerja Serah dan Simpan
MASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MAVCAP	Malaysia Venture Capital Management Bhd
MCCG	<i>Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia</i>
MFPC	Majlis Perancangan Kewangan Malaysia
MFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MoF	Kementerian Kewangan
MORE@SC	Program Pengawal Selia Model Eksekutif Pengurusan Siswazah
MRWG	Kumpulan Kerja Risiko Pasaran
MSCI	Morgan Stanley Capital International
MVCDC	Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia
NACSA	Agenzi Keselamatan Siber Negara
NAV	Nilai aset bersih
OCIS	Pusat Pengajian Islam Oxford
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OPEC	Organisasi Negara Pengekspor Petroleum
OTC	Di kaunter
P2P	Antara rakan setara
PE	Ekuiti Swasta
PIE	Entiti kepentingan awam
PMKS	Perusahaan mikro, kecil dan sederhana
PLC	Syarikat awam tersenarai
PNB	Permodalan Nasional Bhd
PPA	Pentadbir Pencen Swasta
PPP	Kerjasama Awam Swasta
PRS	Skim persaraan swasta
QE	Pelonggaran Kuantitatif
REIT	Amanah pelaburan harta tanah
SAC	Majlis Penasihat Syariah
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCMA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i>

SCxSC	Forum Sinergi dan Perdanaan Ramai SC
SIA	<i>Akta Perindustrian Sekuriti 1983</i>
SICDA	<i>Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991</i>
SID	Dialog Industri SC
SIDC	Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti
SIDREC	Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti
SIR	Program Sarjana Tamu
SRI	Pelaburan Bertanggungjawab dan Mampan
SRO	Organisasi swaatur
SROC	Jawatankuasa Pengawasan Risiko Sistemik
UK	United Kingdom
US Fed	Rizab Persekutuan US
UTF	Dana unit amanah
VC	Modal teroka

SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
T 603 6204 8000
F 603 6201 5078
E cau@seccom.com.my
www.sc.com.my
www.investsmartsc.my
Twitter @seccommy